

REKA BENTUK MODEL INTEGRITI AKADEMIK
BERASASKAN PENGHAYATAN ROHANI

RAMLAN BIN MUSTAPHA

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITY MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: RAMLAN BIN MUSTAPHA
No. Pendaftaran/Matrik: PHA140040
Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
REKA BENTUK MODEL INTEGRITI AKADEMIK BERASASKAN
PENGHAYATAN ROHANI

Bidang Penyelidikan: PENDIDIKAN ISLAM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

Abstrak

Kajian ini bertujuan membangunkan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam konteks mahasiswa Muslim di Malaysia. Metodologi yang digunakan adalah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research) yang diasaskan oleh Richey dan Klien (2007). Objektif kajian adalah untuk meninjau keperluan pembinaan model integriti akademik berteraskan aspek kerohanian, membangunkan model integriti akademik berdasarkan aspek penghayatan rohani dan menilai kebolehgunaan model yang dibangunkan. Pembinaan model ini berdasarkan Teori Tingkah laku Terancang oleh Ajzen (1991) serta digabungkan dengan Teori Tindakan Beralasan oleh Ajzen dan Fishbein (1975) dan Model Dual Proses oleh Sierra dan Hyman (2006), manakala aspek keagamaan pula berdasarkan teori nilai Al-Ghazali. Fasa satu kajian iaitu analisis keperluan melibatkan penggunaan soal selidik yang dijalankan ke atas 380 orang mahasiswa di universiti awam untuk mendapatkan maklumat tentang tahap ketidakjujuran akademik manakala temu bual terhadap lima orang pakar dijalankan untuk mendapat pandangan dan persetujuan pakar terhadap rasionalisasi pembinaan model. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) menggunakan IBM *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 21.0. Manakala analisis temu bual pakar dianalisis berdasarkan tema. Fasa kedua kajian merangkumi fasa pembangunan model kajian dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Fasa ini melibatkan pandangan 12 orang pakar pelbagai bidang terutamanya Pendidikan Islam. Fasa terakhir kajian iaitu fasa penilaian terhadap model. Instrumen Fasa ini melibatkan penggunaan soal selidik terhadap 480 orang mahasiswa universiti awam dan data dianalisis menggunakan PLS-SEM (*Partial Least Squares-Structural Equation Modeling*). Dapatan keseluruhan fasa pertama menunjukkan bahawa tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan

mahasiswa adalah tinggi iaitu 62% mahasiswa mengaku melakukan ketidak jujuran akademik. Hasil temu bual pakar pula menunjukkan kesemua pakar bersetuju dengan aspek kerohanian dan keperluan kepada pembinaan model. Dapatan Fasa kedua iaitu pembinaan model kajian menunjukkan kesemua panel pakar mencapai kesepakatan dan konsensus. Dapatan konsensus pakar menunjukkan kesemua konstruk model mencapai konsensus pakar iaitu melebihi 75% kesepakatan pakar, nilai “d” adalah kurang daripada < 0.2 dan *defuzzification* (A_{max}) melebihi > 0.5 seperti yang telah ditetapkan. Dapatan ini menunjukkan terdapat kesepakatan yang baik antara panel pakar dalam pembinaan item model kajian. Dapatan fasa ketiga kajian menunjukkan bahawa analisis faktor (CFA) konvergen dan diskriminan melepas nilai *threshold* yang ditetapkan iaitu AVE melebihi 0.5, Kebolehpercayaan komposit melebihi 0.7 dan nilai muatan individu melebihi 0.7. Akhir sekali, hasil pengujian hipotesis kajian menunjukkan konstruk model iaitu penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, tahu kawal kelakuan didapati signifikan dengan niat melakukan ketidakjujuran akademik manakala konstruk norma subjektif didapati tidak signifikan. Dapatan fasa kajian juga menunjukkan bahawa model yang dibangunkan dapat menjelaskan fenomena ketidak jujuran akademik dan pengaruh aspek penghayatan rohani dalam konteks mahasiswa Muslim dengan baik dengan mencatatkan nilai $R^2 = 0.673$ serta memenuhi kriteria keboleh ramalan dan kesahan. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa model integriti akademik berasarkan penghayatan rohani berupaya menggambarkan fenomena ketidakjujuran akademik dalam konteks mahasiswa Muslim di Malaysia.

DEVELOPMENT OF AN ACADEMIC INTEGRITY MODEL BASED ON ISLAMIC SPIRITUAL APPRECIATION

Abstract

This study aimed at developing a model of academic integrity based on spiritual appreciation in the context of Muslim students in Malaysia. This study employed the Design and Development Research approach (DDR) pioneered by Richey and Klein (2007) in model development study. The objectives of this study were to review the needs of the academic integrity model development, develop a model of academic integrity based on spiritual appreciation and evaluate usability of the developed model. Development of this model was based on the Theory of Planned Behavior by Ajzen (1991) combined with the Theory of Reasoned Action by Ajzen and Fishbein (1975) and the Dual Process Model by Sierra and Hyman (2006), while the religious aspect based on the Values Theory of Imam Al-Ghazali. The first phase of this study, including needs analysis phase which involves the use of a questionnaire conducted on 380 students at public universities to obtain information on academic dishonesty, while unstructured interviews with five experts were also conducted to gain insights and expert agreement to the rationalization of the model development. The data obtained were analyzed by descriptive statistics using IBM Statistical Packages For The Social Sciences (SPSS) version 21.0. While the analysis of expert interviews were analyzed based on predefined themes. The second phase of the study included the development phase using Fuzzy Delphi method. This phase involved the views of 12 experts in various fields, especially Islamic Education. The assessment based on responses to an expert questionnaire consisting of 7 linguistic Likert scale. The final phase of the study was the model evaluation phase. This phase involved administering a questionnaire (survey) to 480 students of public universities and analyzing the data using PLS-SEM (Partial Least Squares-Structural Equation Modeling). The overall

findings of the first phase indicated that the level of academic dishonesty is high with 62% of the students admitting having committed academic dishonesty. While the expert interviews also revealed that all experts agreed with the spiritual aspects and the need to build the model. The findings of the second phase of the model development showed all members of the expert panel reached agreement and consensus. The results showed that all model constructs reached expert consensus, which is over 75% agreement, with the value of "d" less than 0.2 and defuzzification (A_{max}) exceeding > 0.5 as specified. This finding shows there is good agreement among the expert panel in developing the model items. The findings of the third phase showed that the factor analysis (CFA), (convergent and discriminant) beyond the stipulated threshold value in which the AVE (average variance extracted) exceeded 0.5, composite reliability exceeded 0.7 and the individual loading exceeded 0.7. Finally, the results of hypothesis testing showed that religiosity, spiritual intelligence, attitude and perceived behavior control show significant relationship with intention to commit academic dishonesty, meanwhile subjective norms were found to have insignificant relationship with intention to commit academic dishonesty. The findings also showed that the phase of the developed model can explain the academic dishonesty phenomenon and appreciation of spirituality context influenced the Muslim students with a recorded value of $R^2 = 0.673$ and met the criteria of reliability and validity of the prediction. The implication of the study proposes that the academic integrity model is capable of describing the phenomenon of spiritual appreciation that affects academic integrity within the scope of higher education in Malaysia.

Penghargaan

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI

Segala puji bagi Allah Tuhan Yang maha pengasih lagi maha penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W., keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan, kecerdasan dan pertolongan yang baik dan masa yang cukup untuk menyiapkan tesis doktor falsafah ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan syukur kerana diberikan peluang untuk menyambung pengajian di peringkat PhD ini di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia

Jutaan terima kasih yang tidak mampu saya balas kepada penyelia saya Prof. Madya. Dr. Zaharah binti Hussin dan Profesor Dr. Saedah Siraj yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan dan teguran sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan pensyarah khususnya Dr Ghazali Darusalam, rakan sekerja Dr Abd Shattar dan Dr Khairuddin, mentor Prof Ramayah Thurasamy dan Dr Othman Talib serta pegawai sokongan dan rakan-rakan seperjuangan di Fakulti Pendidikan UM Khususnya rakan-rakan rapat seperti En Fahmi Zaidi, Ustaz Zainal, Muhammad Nizam, Mohd Muqsith, Nik Asilah dan Ridwan yang banyak membantu dan memberi sokongan seterusnya menguatkan semangat saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menyiapkan penyelidikan ini yang bertindak sebagai sampel kajian saya seperti Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dekan Fakulti Pendidikan UITM, pegawai-pegawai dan mahasiswa UM, UiTM Jengka, UiTM Puncak Alam, guru pelatih IPG kampus Kuala Lipis dan mahasiswa USIM yang

memberikan kerjasama kepada saya dalam melicinkan proses kutipan data. Seterusnya pakar-pakar kajian yang telah membantu memperkemaskan hasil kajian saya.

Akhir sekali, insan yang sentiasa bersama-sama mengharungi suka duka, sentiasa bersama ketika senang dan susah dan sentiasa memberikan kekuatan dan inspirasi ialah isteri tersayang dan dicintai Wan Masmariani binti Wan Roslan. Buat ibunda tercinta doa mu tidak terhingga. Buat anak-anak yang menjadi penyejuk hati seterusnya memberikan kegembiraan ketika hati dalam keresahan Nurul Fatihah, Muhammad Muhamimin dan Ain Madihah. Tidak lupa juga yang sentiasa memberikan sokongan dan memahami kesukaran saya melakukan penyelidikan ialah ayah dan emak serta keluarga mertua. Sesungguhnya doa kalian amat saya hargai dan hanya Allah yang mampu membalaunya. Amin Ya Rab al-'alamin

JAZAKALLAH KULLUKUM

Senarai Kandungan

Tajuk	i
Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Senarai Kandungan	ix
Senarai Rajah	xiv
Senarai Jadual	xv
Senarai Singkatan.....	xix
Senarai Lampiran	xx

Bab 1 Pengenalan

Pendahuluan	1
Latar Belakang Kajian	4
Penyataan Masalah	5
Tujuan dan Objektif Kajian	12
Tujuan kajian.	12
Objektif kajian.	12
Persoalan Kajian.....	13
Fasa Satu: Fasa analisis keperluan.....	13
Fasa dua: Reka bentuk dan pembangunan Model	13
Fasa Ketiga: Penilaian model	14
Rangka Teori	14
Teori Tingkah Laku Terancang	15
Teori Tindakan Beralasan	16
Model Dual Proses	17
Teori Nilai Al-Ghazali	17
Kerangka Teoretikal Kajian	19
Kerangka Konseptual Kajian.....	20
Rasional Kajian	22
Definisi Operasional.....	23

Penghayatan Rohani:	23
Ketidak jujuran akademik.....	24
Mahasiswa	25
Niat.....	25
Sikap.....	26
Norma subjektif	26
Tahu kawal kelakuan.	26
Integriti Akademik	26
Kepentingan Kajian	26
Sumbangan Kajian.	27
Sumbangan kepada teori dan pembinaan model.....	27
Sumbangan kepada institusi.....	27
Batasan Kajian.....	28
Rumusan dan Pengorganisasian Kajian	30

Bab 2 Sorotan Kajian

Pendahuluan	31
Integriti dan Ketidak Jujuran Akademik	31
Konsep Ketidak Jujuran Akademik.....	32
Pandangan Islam Terhadap Ketidak Jujuran Akademik.	34
Penghayatan Kerohanian dan Kaitannya dengan Kelakuan Manusia	40
Konsep Penghayatan Agama.....	42
Penghayatan agama dari sudut pandangan Islam.	43
Aspek kerohanian dalam konsep penghayatan agama.....	44
Asas pengukuran penghayatan agama dalam Islam.	45
Model penghayatan agama.	49
Dimensi penghayatan agama mengikut Perspektif masyarakat barat.....	51
Rumusan.	53
Konsep Kecerdasan Rohani.....	54
Kecerdasan Rohani dari perspektif Islam.	54
Kecerdasan rohani (Spiritual) dari perspektif Al Quran.....	54
Asas kecerdasan rohani (spiritual) Islam.	57
Kecerdasan rohani (spiritual) dari perspektif barat.....	59

Rumusan	60
Konsep Niat Dan Pengaruhnya Ke Atas Kelakuan Manusia	61
Rumusan	63
Teori-teori berkaitan	64
Teori Tingkah laku Terancang (Theory of Planned Behaviour (TPB)).....	64
Teori Tindakan beralasan (Theory of Reason Action).	66
Dual Process Model.....	66
Teori nilai Al-Ghazali (1058-1111/H).....	67
Tinjauan Kajian Berkaitan Ketidak Jujuran Akademik Luar Negara	70
Tinjauan Kajian Ketidak Jujuran Akademik di Malaysia.	75
Jurang Kajian (Gap)	78
Pemboleh Ubah Kajian dan Rasionalisasi Pemilihan Pemboleh Ubah.....	86
Pemboleh ubah bersandar.....	86
Pemboleh ubah baru/bebas penghayatan agama (religiositi).....	90
Pemboleh ubah kecerdasan Rohani (spiritual).....	94
Rasional pemilihan pemboleh ubah kajian ke dalam TPB.	95
Rasional pemilihan teori.	97
Pembentukan Hipotesis	100
Pemboleh ubah Penghayatan agama (Religiositi).	100
Pemboleh ubah Kecerdasan rohani.....	103
Pemboleh ubah Sikap.....	105
Pemboleh ubah Norma subjektif.....	107
Pemboleh ubah tahu kawal kelakuan.....	108
Rumusan	109

Bab 3 Metodologi Kajian

Pendahuluan	111
Reka Bentuk Kajian.....	111
Fasa analisis keperluan.....	116
Fasa reka bentuk dan pembangunan	130
Fasa penilaian	145
Ringkasan Matrik kajian	158
Rumusan	159

Bab 4 Dapatan Kajian

Pendahuluan	160
Fasa 1: Dapatan fasa analisis keperluan	160
Reliabiliti alat kajian peringkat pertama fasa analisis keperluan.....	161
Latar belakang responden kajian	162
Analisis tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa.	163
Rumusan.	166
Analisis temu bual pakar.....	169
Analisis demografi responden.	170
Kesimpulan.	174
Fasa 2: Dapatan fasa Reka bentuk dan Pembangunan	175
Tatacara pembangunan elemen model.	176
Dapatan Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan	178
Maklumat latar belakang pakar.....	178
Dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani: Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	179
Konsensus pakar terhadap elemen model.....	180
Dapatan komponen <i>penghayatan agama</i> (Kepercayaan)	181
Dapatan komponen <i>penghayatan agama</i> (Amalan)	185
Dapatan komponen <i>kecerdasan rohani</i> (Pembinaan Spiritual)	189
Dapatan Komponen <i>Kecerdasan Rohani</i> (Pengertian Hidup).....	193
Dapatan Komponen <i>Kecerdasan Rohani</i> (Nilai diri)	197
Dapatan Komponen <i>Sikap</i>	201
Dapatan Komponen <i>Norma Subjektif</i>	205
Dapatan Komponen <i>Tahu Kawal Kelakuan</i>	209
Dapatan Komponen <i>Niat</i>	213
Rumusan kesepakatan keseluruhan pakar terhadap setiap komponen model... ..	217
Analisis pandangan kolektif pakar terhadap item model mengikut keutamaan ...	221
Senarai item akhir mengikut keutamaan pakar.....	221
Rumusan Dapatan Fasa Dua.....	231
Rumusan	233
Fasa 3: Dapatan Fasa Penilaian Model.....	233
Instrumentasi.....	234

Kajian rintis instrumen kajian.....	236
Penapisan Data	242
Analisis kehilangan data (missing data).	242
Analisis data terpencil.....	243
Ujian andaian Multivariate.	245
Ujian normaliti data.	245
Ujian Multikolineariti.	247
Ujian homoskedastisiti.....	248
Statistik Deskriptif.....	251
Statistik Inferensi.....	254
Model pengukuran.....	255
Model structural.....	262
Pengujian Hipotesis	265
Rumusan Model Kajian.....	268
Rumusan fasa	272

Bab 5 Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan

Pendahuluan	275
Ringkasan Kajian	275
Perbincangan Dapatan Kajian	278
Perbincangan dapatan fasa analisis keperluan	278
Perbincangan dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan.....	282
Perbincangan fasa penilaian model.....	287
Dapatan Utama Kajian	296
Implikasi Kajian	302
Implikasi teoretikal.	302
Implikasi kepada perkembangan ilmu.	305
Implikasi kepada Amalan.	306
Cadangan Kajian Lanjutan	308
Kesimpulan.....	310
Rujukan	312
Lampiran	338

Senarai Rajah

Rajah 1.1 Kerangka teoretikal kajian	19
Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian.....	20
Rajah 1.3 Kerangka koseptual dalam bentuk carta alir.....	21
Rajah 2.1 Model prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim.....	47
Rajah 2.2 Model perkembangan penghayatan agama (religiositi) individu	49
Rajah 2.3 Penghayatan agama daripada persektif Islam.....	50
Rajah 2.4 Dimensi penghayatan agama.	52
Rajah 2.5 Dimensi Penghayatan agama	52
Rajah 2.6 Teori tingkah laku terancang	65
Rajah 2.7 Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reason Action).....	66
Rajah 2.8 Dual Process Model (sumber: Sierra dan Hyman, 2006).	67
Rajah 2.9 Ringkasan hipotesis kajian.....	110
Rajah 3.1 Model kajian Reka bentuk dan Pembangunan Richey & Klein.	114
Rajah 3.2 Taburan responden dan kaedah pensampelan kajian fasa analisis keperluan.....	120
Rajah 3.3 Proses kaedah analisis keperluan	130
Rajah 3.4 Triangular Fuzzy Number.....	141
Rajah 3.5 Proses reka bentuk dan pembangunan model	144
Rajah 3.6 Proses Penilaian Model.....	157

Senarai Jadual

Jadual 2.1 Ringkasan literatur (critical analysis)	78
Jadual 3.1 Ringkasan kaedah pengumpulan data setiap fasa DDR.....	112
Jadual 3.2 Kerangka asas kaedah dan metodologi dalam kajian reka bentuk dan Pembangunan	113
Jadual 3.3 Responden kajian fasa satu (analisis keperluan).....	119
Jadual 3.4 Pengkodan Transkripsi Tamu bual pakar	121
Jadual 3.5 Jadual skor menilai I-CVI.....	123
Jadual 3.6 Skor bagi setiap item bagi menilai I-CVI	124
Jadual 3.7 Konstruk/ item alat ukur bagi kajian analisis keperluan.....	126
Jadual 3.8 Keputusan Ujian Rintis Fasa analisis Keperluan	129
Jadual 3.9 Responden fasa Pembangunan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi Method	135
Jadual 3.10 Ringkasan Instrumen Kajian.....	137
Jadual 3.11 Contoh skala pemboleh ubah linguistik	141
Jadual 3.12 Bilangan mahasiswa Fakulti Pendidikan UiTM Puncak Alam dan UIAM	146
Jadual 3.13 Ringkasan Instrumen Kajian.....	148
Jadual 3.14 Rule of Thumb PLS –SEM	157
Jadual 3.15 Matrik kajian.....	158
Jadual 4.1 Interpretasi nilai pekali Cronbach's Alpha	161
Jadual 4.2 Jantina responden kajian	162
Jadual 4.3 CGPA responden kajian.....	162
Jadual 4.4 Kelulusan responden kajian	162
Jadual 4.5 Analisis ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa	164
Jadual 4.6 Skala interpretasi nilai min.	166
Jadual 4.7 Rumusan Keputusan keseluruhan persepsi mahasiswa terhadap tingkah laku ketidak jujuran akademik	168
Jadual 4.8 Demografi responden	170
Jadual 4.9 Maklumat demografi pakar	178
Jadual 4.10 Dapatan akhir komponen utama bagi Penghayatan agama (kepercayaan) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	181

Jadual 4.11 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen penghayatan agama (kepercayaan).....	182
Jadual 4.12 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen penghayatan Agama (kepercayaan)	184
Jadual 4.13 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Penghayatan agama (amalan) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	185
Jadual 4.14 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen penghayatan agama (amalan).	186
Jadual 4.15 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen penghayatan Agama (amalan).....	188
Jadual 4.16 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (Pembinaan spiritual) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	189
Jadual 4.17 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen Kecerdasan rohani (pembinaan spiritual).....	190
Jadual 4.18 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Pembinaan spiritual)	192
Jadual 4.19 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (pengertian hidup) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	193
Jadual 4.20 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}) dan nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$).	194
Jadual 4.21 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Pengertian hidup).....	196
Jadual 4.22 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (nilai diri) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	197
Jadual 4.23 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai Threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen kecerdasan rohani (Nilai diri).	198
Jadual 4.24 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Nilai diri).....	200
Jadual 4.25 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Sikap yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	201
Jadual 4.26 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen sikap	202

Jadual 4.27 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen sikap	204
Jadual 4.28 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Norma Subjektif yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	205
Jadual 4.29 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen Norma subjektif.....	206
Jadual 4.30 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen norma subjektif	208
Jadual 4.31 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Tahu Kawal Kelakuan yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	209
Jadual 4.32 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$)	210
Jadual 4.33 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen tahu kawal kelakuan	212
Jadual 4.34 Dapatan akhir bagi komponen utama bagi niat yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.	213
Jadual 4.35 Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$)	214
Jadual 4.36 Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen niat	216
Jadual 4.37 Rumusan kesepakatan pakar setiap konstruk/komponen model.....	217
Jadual 4.38 Item-item model bagi konstruk penghayatan agama (kepercayaan) Mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan Teknik Fuzzy Delphi.....	221
Jadual 4.39 Item-item model bagi konstruk penghayatan agama (amalan) Mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan Teknik Fuzzy Delphi. ..	223
Jadual 4.40 Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	224
Jadual 4.41 Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (pengertian hidup) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	225
Jadual 4.42 Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (Nilai diri) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. ..	226
Jadual 4.43 Item-item model bagi konstruk sikap mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	227
Jadual 4.44 Item-item model bagi konstruk Norma Subjektif mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	228

Jadual 4.45 Item-item model bagi konstruk tahu kawal kelakuan mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi ..	229
Jadual 4.46 Item-item model bagi konstruk niat mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	230
Jadual 4.47 Item-item soal selidik.....	235
Jadual 4.48 Keboleh percayaan konstruk.....	237
Jadual 4.49 <i>Kesahan menumpu kajian rintis</i>	239
Jadual 4.50 Kesahan diskriminan kajian rintis (Fornell & Larker Criterion)	241
Jadual 4.51 Nilai R ² sebelum proses pembuangan data terpencil	244
Jadual 4.52 Nilai R ² selepas pembuangan data terpencil	244
Jadual 4.53 Keputusan ujian skewness dan kurtosis	246
Jadual 4.54 Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	247
Jadual 4.55 Analisis multikolineariti	248
Jadual 4.56 Harman Single factor Test	250
Jadual 4.57 Maklumat demografi responden	252
Jadual 4.58 Jadual intepretasi min	253
Jadual 4.59 Analisis nilai purata min dan sisihan piawai setiap konstruk	253
Jadual 4.60 Keboleh percayaan Alpha Cronbachs dan Komposit.	256
Jadual 4.61 Kesahan menumpu (convergent) penghayatan agama.....	258
Jadual 4.62 Kesahan diskriminan (Fornel & Larker criterion)	259
Jadual 4.63 Kesahan diskriminan muatan silang (cross loading)	260
Jadual 4.64 Predictive Power (Chin, 1988).....	262
Jadual 4.65 Effect Size (f ²) (Chin, 1988; Cohen, 1988).....	264
Jadual 4.66 Jadual keputusan pengujian hipotesis	266
Jadual 5.1 Ringkasan cadangan dan persetujuan pakar fasa analisis keperluan.	280
Jadual 5.2 Hipotesis kajian.....	288
Jadual 5.3 Rumusan Dapatan Analisis Model Struktur fasa penilaian model	296

Senarai Singkatan

TPB	Theory of Planned Behavior
FDM	Fuzzy Delphi Method
SEM	Structural Equation Modelling
PLS	Partial Least Square
TRA	Theory of Reason Action
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UM	Universiti Malaya
CFA	Confirmatory Factor Analysis
KMO	Kaiser Meyer Olkin
AVE	Average Variance Extracted
SPSS	Statistical Package for Social Science
VIF	Variance Inflation Factor
CGPA	Cumulative Grade Point Average
Q²	Ketepatan Peramalan
F²	Kesan saiz
R²	Sumbangan pemboleh ubah
D²	Mahalanobis Distance

Senarai Lampiran

Lampiran A – Soalan Analisis Keperluan.....	339
Lampiran B – Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian.....	369
Lampiran C – Senarai Pakar	378
Lampiran D – Reliabiliti Kajian Rintis	381
Lampiran E – Dapatan Analisis Terpencil	386
Lampiran F - Lampiran Ujian Normaliti (Spss).....	388
Lampiran G - Lampiran Ujian Multikolineariti	389
Lampiran H – Persetujuan/Pengesahan Panel Pakar.....	405

Bab 1 Pengenalan

Pendahuluan

Pendidikan ataupun *Tarbiyyah* merupakan suatu aspek yang sangat dititik beratkan dalam Islam. Kepentingan pendidikan tergambar dengan jelas dalam ayat pertama al-Quran yang diturunkan:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya: Bacalah dengan menyebut Nama (tuhan mu) yang menciptakan.

(Al-Alaq: 1)

Al Quran menggambarkan bahawa pendidikan merupakan wadah terpenting dalam membentuk nilai kehidupan, moral, kelakuan dan jati diri seseorang individu. Oleh yang demikian, pendidikan atau *tarbiyyah* adalah elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhhlak mulia (Ismail dan Yusuf, 2012).

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad saw melalui perantaraan Jibril A.S. untuk dijadikan panduan bagi umat manusia. Al-Quran juga diturunkan untuk mendidik manusia, khususnya masyarakat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia dengan sebaik mungkin kerana mereka yakin adanya hari pembalasan kelak (Zakaria, Nurainizah dan Abdul Fatah, 2012). Al-Quran juga mengajak manusia supaya sentiasa memerhati serta merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah yang ada di langit dan di bumi. Alam ini merupakan bahan untuk berfikir, sebagai lembaran buku pengetahuan di samping menjadi bukti bagi kesatuan pentadbiran dan peraturan (Muhammad Shadid 1994).

Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah SWT menciptakan Nabi Adam as seperti firman-Nya:

وَعَلِمَ إِدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلِكَةِ فَقَالَ أَنِّي وَنِي بِاسْمَاءٍ
هُوَ لَا إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِي ۚ ۲۱

“Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman “Terangkan lah kepada Ku nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.”

(Al Baqarah: 21)

Sistem pendidikan berperanan untuk menyediakan generasi muda dan pelapis masyarakat yang akan mewarisi negara pada masa akan datang, dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Dalam konteks menyediakan pendidikan yang ideal, mantap dan berdaya saing hala tuju dan dasar pendidikan negara adalah jelas sekali. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyusun, memperkuuh dan mempertingkat mutu pendidikan negara selari dengan perubahan sosialisasi masyarakat pada masa kini.

Dalam memacu negara ke arah pendidikan tinggi yang lebih sistematik, berintegriti dan berdaya saing berbanding dengan negara serantau mahupun negara maju, isu-isu yang melibatkan integriti dalam akademik menjadi polemik dan isu yang harus diambil berat oleh semua pihak. Isu seperti plagiarisme, ketidak jujuran akademik dan sebagainya perlu diberi perhatian dan diambil berat agar tidak menjelaskan integriti dalam akademik seterusnya merencatkan suasana pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia.

Ketidak jujuran akademik menjadi isu global dan setiap tahun peningkatannya dilihat semakin serius (Sevari, Ebarhimi, 2011; Kalhori, 2014). Kebanyakan institusi pengajian tinggi, mahupun institusi pendidikan mengambil berat tentang isu ketidak jujuran akademik yang semakin berleluasa (Mc Cabe dan Trevino, 2007; Park, 2003; Rajesh dan Jacqualine, 2008). Banyak dapatan kajian yang telah dijalankan menggambarkan peningkatan yang agak serius berkaitan isu ini, begitu juga dalam kalangan pelajar-pelajar di Asia (Hadijah, Norashikin, Nusrah, Fauziah dan Normala, 2013).

Kebanyakan pengkaji menyatakan persetujuan mereka bahawa isu ketidak jujuran akademik semakin menjadi isu yang kritikal dalam dunia akademik. Dewasa ini, semakin ramai pelajar ataupun mahasiswa melakukan pelbagai bentuk ketidak jujuran akademik sama ada dalam ujian kelas, tugas dan sebagainya (Bolin, 2004). Isu ketidak jujuran akademik, kurang nilai integriti dalam pendidikan dan penipuan dalam akademik tidak terbatas di institusi pengajian awam sahaja malahan di pusat pengajian swasta juga menghadapi masalah yang sama (Anitsal, Anitsal dan Elmore, 2009).

Secara jelasnya, ketidak jujuran akademik yang semakin meningkat dalam dunia akademik kini, memberi gambaran langsung bahawa golongan mahasiswa semakin terancam integritinya. Ketidak jujuran akademik memberi gambaran bahawa mahasiswa kini semakin tidak kompeten dan berdaya saing (Harding et al., 2004; Imran dan Nordin 2013). Perkara ini secara tidak langsung akan membawa bencana dan gambaran yang buruk kepada dunia akademik dan institusi pendidikan (Imran et al., 2013).

Latar Belakang Kajian

Isu ketidak jujuran akademik seperti plagiat, meniru mencetak bahan tanpa memberi penghargaan kepada pengkaji asal semakin menjadi trend dalam dunia akademik kini (Kevin, Christopher, Carlson dan Mary Anne, 2013). Kini, menjadi kebiasaan terdapat pelajar meniru, plagiat dan sebagainya di institusi pengajian tinggi (Latisha dan Surina, 2012). Dalam bidang penulisan akademik pula, aktiviti plagiarisme dalam kalangan para pelajar semakin berleluasa. Sebahagian besar pelajar pada masa kini begitu mudah mencuri dan menciplak karya penulis lain untuk dijadikan sebagai tugas mereka untuk dihantar kepada pensyarah (Auer dan Kruper, 2001; Laird, 2001). Kajian Tamara dan Eric (2006) merekodkan bahawa 80% hingga 90% pelajar membuat pengakuan pernah meniru, menipu dan melakukan ketidak jujuran akademik.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia isu berkaitan dengan ketidak jujuran akademik tidak dapat disanggah. Ianya juga menjadi isu yang semakin banyak dibincangkan dalam kalangan penyelidik. Kajian (Mahmoud, Javed dan Yusof, 2013) ke atas pelajar di UiTM menggambarkan isu ini semakin wujud di institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Dapatan ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh (Norsihah dan Nurliyana, 2013) ke atas guru pelatih bahasa (TESL) di UiTM yang mendapati hampir 82% responden pernah meniru, plagiat dalam erti kata melakukan ketidak jujuran akademik.

Persoalan yang mungkin timbul, kenapa kita perlu mengambil berat tentang isu ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa terutamanya guru pelatih?. Nursihah et al.,(2013) menyatakan guru merupakan tulang belakang di sebalik tingkah laku murid dan juga etika dan moral masyarakat amnya. Jika guru melakukan tindakan menyalahi etika dan norma seorang guru, ianya memberi kesan berganda terhadap

tingkah laku murid. Perkara yang lebih penting ialah pendidik mahupun bakal pendidik melakukan ketidak jujuran akademik akan meningkatkan lagi kebarangkalian anak didiknya untuk meniru (Husu dan Tirri, 2003).

Ketidak jujuran akademik dalam kalangan guru pelatih mungkin membawa kepada implikasi lain pada masa akan datang. Kajian Asmawati dan Holmes (2004) mendapati ketidak jujuran akademik dalam ruang lingkup pendidikan memberi kesan yang besar terhadap perilaku tidak beretika (*unethical*) guru itu sendiri pada masa akan datang. Dengan berleluasanya gejala ini seolah-olah seorang guru yang pernah melakukan ketidak jujuran akademik mungkin akan melakukan perilaku yang sama terhadap pengetahuan, autonomi latihan dan keadilan dalam konteks bilik darjah nanti.

Penyataan Masalah

Sistem penganugerahan ijazah, diploma dan sebagainya di institusi pengajian tinggi di dunia dinilai dengan pelbagai cara dan kaedah. Antara kaedah yang digunakan untuk penganugerahan kepada mahasiswa adalah melalui peperiksaan, kuiz, tugas, ujian, peperiksaan akhir dan sebagainya. Namun ada kalanya mahasiswa menggunakan jalan pintas untuk mencapai tujuan dan kejayaan tertentu dengan melakukan ketidak jujuran akademik “*academic dishonesty*” seperti meniru, mencetak, plagiat dan sebagainya dalam memenuhi impian tersebut.

Ketidak jujuran akademik menjadi kebimbangan sejagat dan setiap tahun banyak penyelidikan telah dijalankan sama ada di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta (Saveri Karim dan Ebrahimi, 2011). Kini, seolah-olah telah menjadi kebiasaan ketidak jujuran akademik berlaku di institusi pengajian tinggi kini (Beck, 2014). Pensyarah biasanya menahan atau menangkap pelajar meniru dalam peperiksaan mahupun mencetak maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber

dalam penulisan tugasan “*assignment*” (Barizah, Suhaida dan Suaniza, 2010). Isu Plagiarisme dalam pendidikan dapat dilihat daripada pelbagai perspektif, penyalinan dokumen, atau atur cara tanpa memberi kredit boleh dianggap sebagai ketidak jujuran akademik (Spinellis, Zaharias dan Vrechopoulus, 2007).

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, ketidak jujuran akademik khususnya aktiviti plagiat merupakan jalan pintas bagi mahasiswa menyelesaikan tugas dan projek akademik mereka dengan mudah (Hairulliza, Syahanim, Norijah dan Sufian, 2012). Berdasarkan kenyataan bekas Menteri pengajian Tinggi Malaysia, Dato’ Seri Mohamed Khalid Nordin dalam sidang Dewan Negara pada 20 Disember 2012 menyatakan bahawa memang terdapat kes-kes yang melibatkan isu plagiat akademik, penipuan penyelidikan dan sebagainya namun ianya masih pada tahap minimum. Sungguhpun demikian beberapa universiti awam telah mengambil langkah proaktif menetapkan peraturan dan undang-undang dalam menangani isu ini seperti pelucutan ijazah atas salah laku plagiat dan penipuan akademik di bawah seksyen 73, perlombagaan universiti dan peruntukan hukuman ke atas salah laku penipuan akademik di bawah kaedah Tatatertib Pelajar dan Akta Badan Berkanun (tatatertib dan surc妖) 2000 (Laporan Jawapan Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Sidang Dewan Negara, 2012). Mengulas isu ini juga Presiden Persatuan Pemeriksa Penipuan bertauliahan (ACFE) Malaysia Datuk Akhbar Satar, menyatakan fenomena membeli ijazah terutamanya PhD melalui internet sudah menjadi trend baharu khususnya melibatkan segelintir ahli perniagaan dan ahli motivasi di negara ini (Harian Kosmo, 17 Mei 2014).

Fenomena ketidak jujuran akademik dilihat sebagai cabaran baru dalam pembangunan dalaman (*spiritual awareness*) dan integriti akademik memandangkan masalah ketidak jujuran akademik semakin menjadi *trend* dengan kemudahan jaringan

internet dan media sosial yang memudahkan lagi isu ini berleluasa (Norsiha dan Nurliyana, 2013; Hairulliza, Syahanim, Norijah dan Sufian, 2012; Stone, Kisamore dan Jawahar, 2007). Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian sebelum ini tentang ketidak jujuran akademik di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Latisha dan Surina, 2012) yang mendapati bahawa faktor budaya kolektif mempengaruhi aktiviti ketidak jujuran akademik. Kajian mereka juga mendapati bahawa 69% daripada responden mengakui bahawa kebanyakannya pelajar pernah melakukan aktiviti meniru dalam ujian atas talian, manakala 52% pelajar berpendapat bahawa ketidak jujuran akademik khususnya peniruan dalam tugas pernah dilakukan oleh pelajar.

Terdapat juga kajian lain yang menguatkan lagi hujah akademik yang menunjukkan masalah ketidak jujuran akademik dalam kalangan pelatih pendidikan di institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti kajian (Arief Salleh, Ahmad Muhyiddin Hassan, Azmi Shah, M. Masir dan Nurazmallail Marni, 2008; Wan Zah, Habsah dan Tan, 2012) yang membuktikan bahawa aktiviti ketidak jujuran akademik berleluasa dalam kalangan siswazah di Negara ini. Lebih mengejutkan lagi, kajian Norsiha & Nurliyana (2013) mendapati bahawa 82% pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia pernah terlibat dengan ketidak jujuran akademik dan kajian (Diekhoff, La Beff, Shinora dan Yusukawa, 2009) mendapati dalam kajian mereka di Jepun, 55% pelajar IPT meniru dalam kertas kajian dan 85% pelajar meniru dalam peperiksaan.

Selain itu, Lemoera dan Jindrova (2013) melaporkan, bahawa *The Center for Academic Integrity (CAI)* mendapati bahawa lebih 75% pelajar-pelajar kolej dan pengajian tinggi akan melakukan ketidak jujuran akademik paling kurang sekali dalam pengajian mereka. Laporan *The Josephian Institutes of Ethics in California*, mendapati 72% pelajar di pengajian tinggi mengaku melakukan ketidak jujuran akademik seperti meniru dalam peperiksaan dan sebagainya (Koul, 2012). Manakala data semasa masih

menunjukkan bahawa peratusan aktiviti ketidak jujuran akademik masih melebihi paras 70% dalam kalangan pelajar pengajian tinggi (Whitley, 1998). Laporan (McCabe, Butterfield, dan Trevino, 2002) menyatakan bahawa fenomena ketidak jujuran akademik ini berada diparas amaran “*Alarming rate*”, dan ditambah lagi dengan skandal di Duke University Faqua School of Business pada tahun 2007 yang melibatkan seramai 34 siswazah dihukum kerana melakukan ketidak jujuran akademik secara berkumpulan (Briggs, Workman dan York, 2013). Kajian (McCabe, 2005; Josien dan Broderick, 2013) melaporkan bahawa 70% daripada 50,000 pelajar ijazah sarjana muda dalam lingkungan tahun 2002 hingga 2005 pernah meniru dan melakukan ketidak jujuran akademik dan data ini dikumpul daripada 60 kampus di seluruh dunia.

Islam sangat menegah dan melarang umatnya daripada melakukan perkara mungkar dan tidak bermoral. Islam mengklasifikasikan ketidak jujuran atau tingkah laku menyimpang sebagai tingkah laku yang menyalahi nilai etika moral serta menyalahi asas ajaran Islam (Al-Sayuti, 1998). Namun demikian aktiviti yang melibatkan ketidak jujuran dalam akademik dalam kalangan dunia Islam khususnya mahasiswa Islam dan juga pendidik semakin meningkat secara signifikan (Moten, 2014). Skandal terbesar dalam dunia akademik Islam sebagai contohnya kes penarikan pengiktirafan *Sheikh Ziyad Book Award 2010*, yang diberikan kepada Dr Hafnaoui Baali diatasi salah laku plagiat idea, pemikiran dan pengiktirafan terhadap penulis asal (Seaman, 2010; Moten, 2014). Selain itu, skandal plagiat yang melibatkan seorang pensyarah di Mesir pada tahun 2008 telah dibawa ke mahkamah dan didapati bersalah kerana membuat pengubahsuaian dan plagiat akademik terhadap buku seorang ahli akademik di Mesir (Khaleed, 2008). Fenomena plagiat ini diburukkan lagi dengan skandal yang melibatkan seorang pensyarah perubatan di Mesir didapati bersalah

kerana membuat peniruan dan plagiat akademik terhadap jurnal yang dikeluarkannya (Moten, 2014).

Isu yang melibatkan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa dilihat semakin merebak dan meningkat (Vlaardingerbroek, Shehab dan Alameh, 2011). Kajian Vlaardingerbroek et al., (2011) terhadap 1401 mahasiswa universiti di Lubnan menunjukkan sebanyak 59% mahasiswa melakukan ketidak jujuran akademik dalam peperiksaan di peringkat nasional. Kegiatan ketidak jujuran akademik berlaku disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah kepesatan teknologi moden. Kajian Khan (2010) mendapati faktor penyumbang terbesar kegiatan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di UAE (*United Arab Emirates*) disebabkan peniruan bahan atas talian. Dapatan kajian menunjukkan 40% mahasiswa UAE mengambil bahan daripada internet dengan cara yang tidak beretika “*cut and paste*”. Sohrabi, Gholipur dan Esmaeli (2014) melaporkan dalam kajian mereka terhadap mahasiswa di Iran, menunjukkan aspek yang paling ketara yang membawa kepada berlakunya ketidak jujuran akademik adalah faktor personaliti dan faktor teknologi.

Dalam konteks akademik Malaysia isu melibatkan ketidak jujuran akademik bukan satu perkara yang baru. Sebagai sebuah negara Islam yang pesat membangun, penekanan kepada integriti akademik dalam kalangan mahasiswa perlulah ditekankan. Perkara ini dilihat hasil daripada kajian Latisha dan Surina (2012) menyatakan bahawa ada dalam kalangan pelajar yang meniru dan mencetak tugas (*assignment*) dan ada yang membuat tugas, tugas atas talian bersama. Dapatan kajian (Norsiha dan Nurliyana, 2013) terhadap guru pelatih bahasa di UiTM yang majoritinya beragama Islam, menunjukkan bahawa majoriti (82%) responden pernah melakukan ketidak jujuran akademik. Selain itu, dapatan kajian Ramlan, Che Lah dan Fauzi (2015) terhadap 435 orang mahasiswa perguruan beragama Islam, mendapati bahawa 57%

mahasiswa IPG beragama Islam pernah melakukan ketidak jujuran akademik sekurang-kurangnya sekali.

Seterusnya, kajian Idzwan, Rahmawati, Haslinda dan Zulkarnain (2013) yang dibuat keatas 388 pelajar pelbagai fakulti di UiTM yang melibatkan beberapa fakulti pengajian. Penemuan penting kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar fakulti teknologi maklumat lebih banyak melakukan ketidak jujuran akademik berbanding fakulti lain. Berdasarkan dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kemudahan jaringan internet secara bebas dan kemahiran semasa memerlukan kepada akses secara atas talian memudahkan lagi pelajar melakukan tingkah laku yang tidak beretika terutamanya ketidak jujuran akademik. Dapatan penting kajian juga menunjukkan bahawa sebilangan besar mahasiswa kurang memahami konsep ketidak jujuran akademik di samping kurang berupaya menyeimbangkan perilaku personal, kepercayaan (*belief*) berdasarkan budaya mereka, penekanan unsur keagamaan dan juga kehendak masyarakat setempat (Idzwan et al., 2013). Norshahriza (2010) menjelaskan dalam kajian beliau terhadap 252 mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor personaliti dengan ketidak jujuran akademik melibatkan penggunaan internet.

Berdasarkan kepada fenomena ini, perkara yang menjadi fokus utama adalah masalah tingkah laku dan pengaruh faktor luaran. Di dalam Islam, perkara yang berkaitan dengan tingkah laku yang positif, adalah disebabkan oleh faktor ketakwaan dan keimanan wujud dalam diri manusia (Khalim Zainal dan Wan Zulkefli, 2009). Islam membawa penyelesaian dengan menekankan unsur rohani dan unsur dalaman manusia dalam menyelesaikan perlakuan yang menyimpang dan sebagainya (Hassan Al-Banna, 2003). Menurut Fatimah (2012) aspek kecerdasan dalaman ataupun spiritual akan membawa kepada kemurnian sikap dan nilai moral manusia. Namun

demikian semakin ramai manusia dan individu yang melupakan aspek kerohanian dalam bertingkah laku dan mengabaikan fitrah dalaman dan keagamaan, hasilnya lahirlah tingkah laku negatif dan bermasalah (Hassan Langgulung, 1991). Oleh demikian, Islam membawa kepada penyelesaian pelbagai isu akhlak moral dan sebagainya. Penekanan unsur-unsur penghayatan kerohanian perlu ditekankan dalam jiwa individu Muslim khususnya mahasiswa yang akan membawa wadah keilmuan dan kredibiliti Islam itu sendiri.

Jika dilihat dalam konteks fenomena yang diterangkan ini, pengkaji melihat isu ketidak jujuran akademik ini perlu dikaji dengan lebih intensif dan teliti terutamanya ianya melibatkan mahasiswa. Perkara ini akan melibatkan integriti, kredibiliti dan maruah sesuatu institusi dan lebih penting lagi sesebuah negara serta agama Islam itu sendiri. Pihak-pihak berwajib perlu mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan merangka pelan tindakan dan inisiatif untuk membendung fenomena ini. Berdasarkan nisbah terhadap kes-kes yang semakin meningkat maka perkara ini perlu diberi perhatian yang serius, lebih-lebih lagi demi menjaga nama baik, integriti, kredibiliti dan keboleh percayaan sesuatu sistem akademik sesebuah institusi pengajian dan kredibiliti agama Islam itu sendiri.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini wajar dilaksanakan berdasarkan daripada sorotan literatur dan panduan penyelidik-penyalidik terdahulu seperti Thomas, Jennifer dan Jawahar (2007) menegaskan bahawa faktor ketidak jujuran akademik harus juga dikaji daripada faktor sikap atau perilaku (*behavior*). Sementara itu, Shanahan, Hopkins, Les Carlson dan Raymond (2013) menyarankan dimasukkan juga unsur perilaku dan etika dalam kajian yang akan datang. Ballentine, Larres dan Mulgrew (2014) mencadangkan agar dimasukkan unsur religiositi (penghayatan agama) sebagai pemboleh ubah bersandar memandangkan tidak banyak

pengkaji yang memasukkan unsur ini dalam kajian mereka sedangkan perkara seperti religiositi (penghayatan agama) dilihat memainkan peranan sebagai faktor penentu dalam kajian ketidak jujuran akademik. Saranan Laurin, Kay dan Fitzsimon (2012) agar perkara yang berkaitan dengan unsur ketuhanan dalam diri dan minda manusia boleh membawa kepada keutuhan dan kemurnian perilaku berasaskan aspek ketuhanan. Tambahan lagi Randolph, Seng dan Nielsen (2007) mendapati unsur ketuhanan (*religiosity*) berupaya membawa kepada perilaku individu kepada lebih beretika (*honestly*). Berdasarkan kepada saranan dan panduan daripada penyelidik terdahulu, pengkaji merasakan perlu dibuat kajian tentang aspek perilaku seperti penghayatan agama, kecerdasan spiritual dalam erti kata lain kecerdasan kerohanian sebagai antara faktor yang mempunyai hubungan signifikan kepada ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Selain itu jurang yang besar dapat dilihat bahawa tidak terdapat model yang khusus dalam menggambarkan fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Lantaran itu, satu model khusus perlu dibina dan diuji dalam menilai serta mengukur fenomena ini dalam konteks mahasiswa khususnya di Malaysia.

Tujuan dan Objektif Kajian

Dalam konteks yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah, kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

Tujuan kajian. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk membina Model Integriti Akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa.

Objektif kajian. Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, kajian ini mengandungi objektif khusus seperti berikut:

1. Mengenal pasti keperluan kepada pembinaan model Integriti akademik berdasarkan kepada persepsi mahasiswa dan pandangan pakar.
2. Mereka bentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan pandangan dan kesepakatan pakar.
3. Menilai kepenggunaan model integriti akademik berdasarkan *penghayatan* rohani berdasarkan kepada pandangan mahasiswa.

Persoalan Kajian

Proses membina model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian keboleh gunaan. Berdasarkan kepada tiga fasa ini, beberapa persoalan kajian dibentuk iaitu:

Fasa Satu: Fasa analisis keperluan.

Apakah terdapat keperluan kepada pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa ?

- i. Apakah tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa ?
- ii. Sejauh manakah keperluan pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan Rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan kepada pandangan pakar?

Fasa dua: Reka bentuk dan pembangunan Model

Bagaimanakah mereka bentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani, berdasarkan kepada pandangan pakar?

- i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa ?
- ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan keutamaan ?

Fasa Ketiga: Penilaian model

Apakah penilaian kepenggunaan model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa ?

- i. Apakah terdapat hubungan yang signifikan diantara pemboleh ubah penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa ?
- ii. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa ?

Rangka Teori

Kerangka teori kajian ini, menggambarkan hubungan antara dimensi-dimensi penghayatan agama, sikap, norma subjektif, tahu kawal kelakuan dan kecerdasan spiritual (pemboleh ubah bebas), niat (pemboleh ubah bersandar). Kajian ini menggunakan Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behavior*) untuk menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di samping Teori Tindakan Beralasan, *Dual Process Model* dan Teori Nilai sebagai sokongan. Pemilihan teori ini berdasarkan saranan penyelidik terdahulu seperti (Beck dan Ajzen, 1991; Thomas et

al., 2007) menyatakan secara jelas *Theory of Planned Behavior* merupakan teori yang terarah dan amat sesuai untuk menguji (*predict*) ketidak jujuran akademik (*academic dishonesty*) yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini. Penggunaan teori ini juga disokong oleh (Meng, Jamilah, D Silva dan Zahorah, 2014; Passow et al., 2006) yang menyatakan dengan jelas bahawa TPB adalah teori yang paling tepat untuk mengukur ketidak jujuran akademik. Pengkaji seperti Jurd, Hage dan Henry, (2011) juga menyarankan penggunaan teori TPB, bahkan mereka menggunakan model ini dalam kajian mereka. Selain itu, pengkaji lain seperti (Thomas dan Theresa, 2010; Chan et al., 2014; Stone et al., 2010; Ballentine et al., 2014) serta kebanyakan pengkaji terkini menggunakan teori ini sebagai teori pendukung kajian mereka. Selain itu, kajian ini juga didasari oleh Model Dual Process (*Dual Process Model*) yang menjuruskan kepada aspek niat sebagai proksi kelakuan manusia.

Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behaviour)

Theory of Planned Behaviour (TPB) (Ajzen, 1991) merupakan pengembangan dari *The Theory Reasoned Action* (TRA) (Ajzen dan Fishbein, 1975). Asas penting *Theory of Planned Behaviour* dan *Theory Reasoned Action*, adalah niat individu tertentu untuk melakukan perilaku tertentu. Tindakan individu ditentukan oleh niat individu tersebut untuk melakukan perilaku (Stone et al., 2007). Persoalan utama yang menjadi inti pati perbincangan dalam teori ini niat individu terhadap perilaku tertentu berdasarkan tiga komponen utama iaitu (1) sikap terhadap perilaku (*attitude toward behaviour*) (2) norma subjektif (*subjective norms*) (3) kawalan tingkah laku (*perceived behavioral control*). Teori ini lebih efektif dan mudah membuat ramalan ke atas tingkah laku kemahuan (*volitional behaviour*) jika terdapat kemahuan dan usaha terhadap sesuatu tindakan (Thomas et al., 2007).

Menurut (Beck dan Ajzen, 1991; Thomas et al 2007) menyatakan secara jelas *Theory of Planned Behavior* merupakan teori yang terarah dan amat sesuai untuk menguji (*predict*) ketidak jujuran akademik (*academic dishonesty*) yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini. Kebanyakan pengkaji terdahulu seperti (Passow, Mayhew, finelli, Harding, Trevor & Carpenter, 2006; Whitley, 1998; Thomas et al., 2007; Mei Wah, William dan Katthew, 2013; Alleyne dan Philip, 2011; Thomas et al., 2010; Imran dan Nordin, 2013) menggunakan teori TPB dalam kajian serta menyatakan kekuatan teori ini dalam meramal sesuatu tingkah laku. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada saranan dan kekuatan teori ini, maka pengkaji memilih teori ini sebagai teori dasar dalam kajian ini.

Ajzen berusaha mengembangkan suatu pemahaman terhadap sikap (*behavioral attitude*), Norma subjektif (*subjective norms*) dan tahu kawalan kelakuan (*perceived behavioral control*) terhadap keinginan untuk bertingkah laku. Menurut Kamaruddin Ambak, Rozmi, Riza Atiq dan Nazri (2011) menyatakan bahawa teori ini mengatakan sikap merujuk kepada penilaian keseluruhan kelakuan seseorang , norma subjektif pula mengenai kepercayaan sama ada orang lain memberi makna atau kesan terhadap sesuatu kelakuan yang mereka akan lakukan dan tahu kawalan kelakuan pula ditentukan oleh keinginan seseorang mengenai adanya faktor yang akan memudahkan atau menghalang melaksanakan sesuatu perilaku (Razuhanafi, Rozmi dan Riza Atiq, 2013).

Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reason Action)

Ajzen dan Fishbein (1975) berusaha untuk mengembangkan suatu pemahaman terhadap sikap dan hubungannya terhadap perilaku manusia. Mereka mengemukakan salah satu teori penting iaitu Teori Tindakan Beralasan (*Theory of Reason*

Action). Teori ini mengatakan dan menjelaskan bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku dalam membuat keputusan yang teliti dan beralasan. Teori ini merangkumi dua perkara iaitu (1) perilaku tidak banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh sikap umum tetapi berdasarkan sikap yang spesifik terhadap sesuatu. (2) Perilaku dipengaruhi tidak hanya oleh sikap, tetapi juga oleh norma-norma subjektif.

Model Dual Proses

Model Dual Proses digunakan oleh Sierra dan Hyman (2006) dalam menggambarkan fenomena ketidak jujuran akademik. *Dual Process Model* digambarkan dengan lima faktor utama yang menentukan keinginan atau niat mahasiswa untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Sierra et al., (2006) menstrukturkan model dengan beberapa faktor yang mempengaruhi integriti akademik dan kecenderungan untuk melakukan ketidakjujuran akademik (menipu) iaitu faktor kognitif, emosi, penguasaan lokus, kemahiran personel dan jangkaan penyesalan.

Berdasarkan kepada teori-teori dan model yang mendasari kajian ini, pengkaji membentuk kerangka teoretikal kajian.


Teori Nilai Al-Ghazali (1058-1111/H)

Teori nilai sahsiah Al Ghazali (1058-1111/H) berhubung kait dengan konstruk emosi, motivasi, sikap *habluminallah* dan *habluminannas* sebagai unsur dalaman yang berupaya mempengaruhi tingkah laku manusia. Ghazali (2007) memberi gambaran bahawa Imam al-Ghazali telah memberi penekanan kepada konsep latihan jiwa (*riyadat al-nafs*) dan pembersihan/pemurnian jiwa (*tazkiyyat al-nafs*) agar di aplikasikan oleh manusia untuk membentuk perlakuan dan akhlak yang baik.

Andaian teori ini disokong oleh Ibn Miskawaih bahawa individu harus sentiasa mendalamai pengetahuan yang benar untuk sentiasa menambah baik kelakuan dan sahsiahnya (Al-Ghazali, 2006). Menurut Al Ghazali (1058-1111/H) juga, perilaku manusia bukan sahaja kuasa baik atau jahat, baik atau buruk sahaja malah nilai-nilai agama dan *Akallah* yang berupaya menilai sama ada perbuatan itu baik atau buruk. Andaian utama teori ini adalah perilaku manusia adalah lukisan dalaman yang dinamik dan tabii yang sebatи dalam jiwa manusia yang berupaya membentuk perilaku yang cenderung kepada kebaikan.

Rajah 1.2 Menunjukkan rajah skematik kerangka teori kajian yang menunjukkan hubungan-hubungan antara dimensi-dimensi kompetensi penghayatan rohani (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) sikap, norma subjektif, tahu kawal kelakuan (boleh ubah bebas) dan niat bertingkah laku (boleh ubah bersandar).


Kerangka Teoretikal Kajian




Rajah 1.1 Kerangka teoretikal kajian

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini secara dasarnya menggunakan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan yang diasaskan oleh Richie dan Klein (2007). Di samping didasari oleh Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behavior*) sebagai teori utama kajian berserta teori sokongan iaitu Teori Tindakan Beralasan (*Theory of Reason Action*), *Dual-Process Model* dan Teori Nilai. Oleh itu, satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian



Rajah 1.3 Kerangka koseptual dalam bentuk carta alir

Rasional Kajian

Pertamanya kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kefahaman tentang pengaruh faktor-faktor kerohanian dan spiritualiti dan faktor lain yang menyumbang kepada ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Kajian terdahulu menunjukkan nisbah ketidak jujuran akademik yang besar seperti kajian Norshiha et al., (2013) yang mendapati 82% mahasiswa pengajian tinggi melakukan ketidak jujuran akademik. Moten (2014) menyatakan bahawa nisbah fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa Muslim juga tinggi dan signifikan.

Keduanya, kajian ini melihat kepada kepentingan pembinaan model khusus berasaskan Islam sebagai medium untuk mengukur ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Kajian ini juga dilihat signifikan memandangkan tiada model khusus yang dibina dalam ruang lingkup Islam. Kajian terdahulu lebih berfokus kepada model dan teori barat seperti Teori Tingkah laku Terancang (TPB), Teori tingkah laku bermatlamat (*Theory of Reason Action*), teori Sosial Kognitif Bandura, *Dual process Model* dan lain-lain. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keperluan dan rasionalisasi ini keperluan pembinaan model berteraskan Islamik adalah amat perlu dihasilkan.

Ketiga, Keputusan-keputusan yang diperoleh daripada kajian ini dipercayai mampu membantu pihak berkaitan untuk membuat keputusan dalam melaksanakan sistem atau teknologi yang baru dalam mengenal pasti ketidak jujuran akademik. Kajian ini wajar dijalankan untuk membantu pihak berkaitan dalam mendapatkan maklumat tentang sejauh mana kefahaman mahasiswa-mahasiswa institusi pengajian tinggi terutamanya mahasiswa perguruan mahupun pelatih institusi perguruan

mahupun pengajian tinggi tentang kepentingan dalam mengatasi ketidak jujuran akademik dalam memupuk wibawa dan integriti siswa siswi.

Definisi Operasional

Terdapat beberapa terminologi atau definisi operasional digunakan dalam kajian ini. Berikut beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:

Penghayatan Rohani:

Aspek penghayatan rohani dalam konteks kajian ini mengandungi dua pemboleh ubah utama, iaitu:

Penghayatan agama. Penghayatan agama atau Religiositi ataupun penghayatan agama merujuk kepada gaya hidup beragama atau kehidupan beragama khususnya kepada agama di barat (Azma, 2006). Dalam konteks Agama Islam, kehidupan beragama ini dikaitkan dengan Islam sebagai Addin atau cara hidup (Abdul Rahman Al-Nahlawi, 2002). Menurut Nor Salimah (2007), penghayatan agama di Malaysia dilihat sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian.

Barat mendefinisikan penghayatan agama atau religiositi sebagai pemahaman, pendekatan dan keakuran atau ketataan kepada doktrin agama tertentu (Bloodgood, Turnley dan Murdock, 2008). Menurut Mockabee, Monson & Grant (2001), religiositi merupakan konsep yang multi dimensi yang melibatkan set kepercayaan, set kepunyaan dalam organisasi dan set perlakuan keagamaan. Manakala (Marsha, 2003; M.Nor, 2012) menyatakan religiositi merupakan satu sistem kepercayaan dan amalan yang tersusun di dalam mana-mana institusi agama. Mereka yang melibatkan diri dengan organisasi agama, berpegang pada doktrin agama di samping melakukan amalan ritual agama akan dapat meningkatkan spiritual mereka.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas, pengkaji merumuskan bahawa, dalam konteks kajian ini, *penghayatan agama* atau religiositi merangkumi satu cara hidup yang merangkumi aspek akidah, kepercayaan, ibadah dan etika yang dilihat dalam pengamalan cara hidup beragama yang menyeluruh. Manakala pengkaji akan memfokuskan kepada aspek religiositi islamik (*penghayatan agama*) dalam kajian ini sebagai pemboleh ubah bebas dan bagi memenuhi jurang (gap) yang ada.

Kecerdasan Rohani. Fatimah (2012) mendefinisikan kecerdasan rohani atau kecerdasan spiritual sebagai fitrah dan kecenderungan jiwa manusia yang merangkumi aspek kehidupan yang diterjemahkan ke arah kehidupan yang bermakna. Zohar dan Marshall (2000) mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai kemampuan, kecerdasan seseorang individu untuk menghadapi dan memecahkan maksud dan nilai dalam bertingkah laku serta menilai sama ada sesuatu tingkah laku atau perbuatan itu benar atau salah. Manakala Iskandar (2012) kecerdasan spiritual adalah satu ke fungsian hati atau jiwa manusia yang digunakan secara maksimum yang melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia dalam ruang lingkup kefahaman wahyu Ilahi.

Dalam skop kajian ini, kecerdasan rohani merujuk kepada kemampuan seseorang individu untuk membuat pertimbangan berdasarkan hasil dari iman yang mendalam, ke fungsian hati dan jiwa manusia serta kecerdasan akal fikiran yang diterjemahkan ke atas setiap kelakuan dan sama ada benar atau salah.

Ketidak jujuran akademik. Ketidak jujuran akademik atau kecurangan akademik (academic dishonesty) didefinisikan sebagai apa sahaja perlakuan yang melibatkan ketidak jujuran atau kecurangan dalam akademik sama ada meniru, membeli tugas, menciplak dan mencetak tanpa kebenaran hasil karya orang lain (Latisha, Surina, 2012). Stuber, Wisely dan Hoggart (2009) mendefinisikan ketidak

jujuran akademik sebagai menipu dalam ujian, memplagiat, mencetak, mengambil peluang secara tidak adil, menyalin rekod dan mengakses hak orang lain tanpa kebenaran. Rajesh Iyer dan Jacqueline (2008) menyatakan bahawa ketidak jujuran akademik sebagai perilaku yang menyalahi etika akademik seperti mengambil atau menyalin tugas individu lain dengan niat untuk meniru, plagiat untuk mendapatkan manfaat akademik.

Dalam konteks kajian ini, ketidak jujuran akademik menjuruskan kepada segala bentuk perilaku yang menyimpang atau ketidak jujuran seperti mencetak, plagiat, akses maklumat tanpa kebenaran pemilik asal, meniru dan mencetak tugas orang lain tanpa kebenaran yang sah.

Mahasiswa. Mahasiswa dalam kajian ini merangkumi mahasiswa-mahasiswa beragama Islam yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan. Mahasiswa ini akan merangkumi pelajar-pelajar atau mahasiswa fakulti pendidikan di UiTM, dan mahasiswa Kuliyyah Pendidikan UIAM .

Niat. Secara bahasa niat bererti maksud al-Qashd (maksud) dan al iraadah (keinginan) atau dengan kata lain qashdul quluub wa iraadatuhu (maksud dan keinginan hati) (Abi Ishak, 1994). Niat secara istilah adalah: Termasuklah mengerjakan dan mengamalkan sesuatu disertai dengan pelaksanaannya. Ajzen (1991) mendefinisikan niat sebagai petunjuk bagaimana usaha, kesungguhan seseorang individu untuk mencuba sesuatu, bagi memenuhi kehendak tingkah lakunya.

Bagi kajian ini, niat bermaksud mensasarkan sesuatu perbuatan atau hasrat untuk melakukan sesuatu tindakan atau berhasrat melakukan sesuatu serta diiringi dengan perlakuan.

Sikap. Dalam konteks kajian ini, sikap bermaksud kecenderungan mental yang mendorong individu bertindak balas, berdasarkan nilai-nilai peribadi seseorang individu.

Norma subjektif. Berdasarkan konteks kajian, pengkaji mendefinisikan norma subjektif sebagai pengaruh luaran yang memberi kesan kepada tingkah laku sama ada negatif atau positif.

Tahu kawal kelakuan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendefinisikan tahu kawal kelakuan sebagai keupayaan individu untuk membezakan antara perlakuan negatif atau positif yang memberi kesan kepada tingkah laku.

Integriti akademik

Integriti Akademik. *The Center for Academic Integrity* (CAI) mendefinisikan integriti akademik sebagai komitmen, nilai kejujuran, kepercayaan, adil dan bertanggungjawab terhadap perkara yang terangkum dalam akademik (Koul, 2012). Dalam konteks kajian ini, integriti akademik merujuk kepada nilai kejujuran, kepercayaan dan tanggungjawab terhadap perkara-perkara yang menjadi asas dalam kegiatan akademik. Secara khususnya merujuk kepada kod etika dan polisi moral dalam akademik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini secara amnya akan menyumbang kepada pembinaan ilmu (*Contribute to the body of knowledge*), penambahbaikan dalam amalan (*Improving practice*) dan juga sebagai panduan kepada pembinaan polisi (*policy making*). Secara khusus, kajian ini adalah mustahak bagi pelbagai pihak seperti IPGM, universiti-universiti awam sebagai institusi utama dalam latihan siswa pendidikan mahupun perguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai institusi pembuat dasar dan

kerajaan sebagai pentadbir utama sesebuah negara dan juga institusi pengajian tinggi yang menjalankan program perguruan dan juga pendidikan tinggi khususnya. Kajian ini juga dilihat pada sudut sejauh mana kajian tersebut mampu memberi sumbangan yang signifikan dalam aspek teori dan praktikal (Jusoh, 2008). Oleh itu, kajian ini dapat dilihat sumbangannya kepada perkembangan teori sedia ada (*extention to the theory*) dan kepada pembinaan model berteraskan Islamik.

Sumbangan Kajian.

Kajian ini dilihat akan menyumbang kepada beberapa sumbangan penting:

Sumbangan kepada teori dan pembinaan model. Kajian ini akan menyumbang kepada pengembangan kepada teori yang sedia ada iaitu Teori Tingkah laku Terancang (Theory of Planned Behaviour) untuk menerangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia serta pembinaan model berteraskan Islamik.

Sumbangan kepada institusi. Berdasarkan perkembangan semasa, terlalu banyak isu yang dikaitkan dengan ketidak jujuran akademik yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan perlakuan pelajar-pelajar yang terbabit secara khusus dengan akademik. Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan nisbah yang sangat tinggi iaitu seperti Norsinha & Nurliyana (2013) menyatakan 80% pelajar di Malaysia melakukan ketidak jujuran akademik. Di samping itu, laporan(Center for Academic Integrity, 1999) menunjukkan lebih 70% pelajar pengajian tinggi terlibat dengan ketidak jujuran akademik dan ini dikuatkan lagi dengan laporan Domeova & Jindrova (2013) ke atas laporan yang dibuat oleh (CAI) menyokong data tersebut yang mendapati bahawa lebih 75% daripada pelajar-pelajar pengajian tinggi melakukan ketidak jujuran akademik. Berdasarkan kepada fenomena

ini, ianya boleh menjadi isu yang sangat besar dan mencabar integriti dan kualiti sesuatu institusi. Adakah kualiti yang disediakan oleh sesebuah institusi pendidikan itu benar-benar berkualiti atau sebaliknya.

Dalam hal yang sedemikian perlunya satu bentuk kawalan khusus yang berkait rapat dengan penguatkuasaan, undang-undang khusus, dan bentuk perisian yang boleh mengesan ketidak jujuran akademik yang digunakan di kebanyakan Universiti awam dan juga Institusi Perguruan seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia. Di samping itu juga, kajian ini juga dapat menyumbang kepada alternatif, dalam mengetahui faktor yang paling kuat yang menyumbang kepada ketidak jujuran akademik, dan dapat melakukan penambahbaikan dari segi pemahaman, penguatkuasaan dan perisian dalam menangani isu ketidak jujuran akademik ini secara menyeluruh.

Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat hubungan antara *Penghayatan agama* dan *kecerdasan rohani* dalam mereka bentuk model integriti akademik dalam konteks Islamik. Sungguhpun begitu, penyelidik menghadapi beberapa batasan tertentu. Antara batasan kajian adalah:

1. Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada pemboleh ubah daripada teori Tingkah Laku Terancang, Teori Tindakan Beralasan dan model Dual Proses. Terdapat beberapa pemboleh ubah lain yang berpotensi menjelaskan pemboleh ubah bersandar Ketidak jujuran akademik iaitu aspek penghayatan agama seperti yang disarankan oleh (Ballentine, Larres & Mulgrew, 2014), (Thomas & Theresa, 2010), (Bloodgood, turnley & Murdock, 2010)), (Ghias, Lakho, Asim, Azam & Saeed, 2014) (Timothy H. Reisenwitz, 2012), (Laurin, Kay & Fitzsimon, 2012), (Holp dan James, 2013), serta (Amy Martin, 2013). Namun

begitu, dalam skop kajian ini pengkaji menggunakan pemboleh ubah Penghayatan agama (Religiositi Islam) memandangkan kebanyakan pelajar fakulti pendidikan di UITM Shah Alam dan Kuliyyah Pendidikan UIAM adalah beragama Islam.

2. Selain itu, pemboleh ubah yang digunakan penyelidikan adalah kecerdasan rohani (spiritual) Islamik. Pemboleh ubah ini dipilih berdasarkan saranan daripada penyelidik terdahulu seperti Reisenwitz (2012), Holp dan James (2013) dan juga Tang dan Tang (2010). Pemboleh ubah ini dilihat penting memandangkan aspek-aspek kecerdasan spiritual seseorang individu boleh menjadi pendorong kepada sesuatu perlakuan sama ada baik atau buruk (Tang et. al, 2010).
3. Kajian ini hanya menyentuh faktor penghayatan agama (religiositi Muslim) yang merangkumi aspek kepercayaan dan amalan (belief and practice) dan kecerdasan spiritual yang merangkumi aspek kesedaran rohani (spiritual) yang merangkumi konstruk pembinaan spiritual, pengertian hidup dan nilai diri sahaja.
4. Kajian ini juga akan melibatkan pelajar-pelajar fakulti Pendidikan UITM, UIAM yang beragama Islam sahaja. Responden yang terlibat terdiri daripada mahasiswa beragama Islam kerana instrumen penghayatan agama (religiositi) dan kecerdasan rohani dibangunkan khusus untuk individu yang beragama Islam.
5. Akhir sekali, Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan juga temu bual tidak berstruktur. Dengan menggunakan soal selidik, penyelidik hanya mampu mengandaikan responden membaca dan memahami semua item yang terdapat dalam soal selidik tersebut. Di samping itu juga,

dapatkan kajian ini juga amat bergantung kepada kejujuran responden untuk memberi respon yang diberikan selain kepakaran pakar-pakar tertentu yang terlibat dalam kajian ini.

Rumusan dan Pengorganisasian Kajian

Kajian ini mengandungi tujuh bab. Bab pertama membentangkan latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, objektif penyelidikan, persoalan kajian, kerangka teori kajian, hipotesis kajian, skop dan batasan kajian serta definisi istilah-istilah utama. Bab dua meninjau literatur berkaitan dengan teori-teori dan pemboleh ubah/konstruk yang dikaitkan dengan aspek niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Berdasarkan tinjauan literatur ini, rangka kerja teoretikal dan hipotesis kajian dibangunkan. Bab tiga membentangkan metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, pengukuran pemboleh ubah kajian, populasi dan pensampelan, pengumpulan data, pemboleh ubah kajian, instrumen kajian, ujian rintis dan pelan analisis data bagi setiap fasa kajian. Bab empat merangkumi dapatan fasa analisis keperluan, bab kelima merangkumi dapatan fasa pembangunan model, fasa keenam hasil dapatan penilaian model dan bab ketujuh adalah bab terakhir iaitu perbincangan dan rumusan kajian

Bab 2 Sorotan Kajian

Pendahuluan

Bahagian ini menjelaskan beberapa literatur berkaitan dengan kajian-kajian yang pernah dibuat oleh beberapa penyelidik. Pengkaji membahagikan bahagian ini kepada konsep ketidak jujuran akademik, penghayatan agama (religiositi), kecerdasan spiritual serta model-model yang berkaitan dengan ketidak jujuran akademik dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan ketidak jujuran akademik serta yang berkaitan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dipilih.

Integriti dan Ketidak Jujuran Akademik

Wawasan 2020 akan dapat direalisasikan dengan jayanya jika semua aspek pembangunan yang digembleng kerajaan berupaya bergerak seiring dengan program yang telah dirangka. Kejayaan sesuatu program atau perancangan kerajaan tidak akan berjaya jika faktor pendidikan tidak diambil kira. Pendidikan merupakan satu teras yang sangat penting dalam menjana modal insan yang berkemampuan serta agen penggerak dalam menggerakkan sistem dan integriti sesebuah negara.

Ilmu pengetahuan dan nilai integriti telah sekian lama diiktiraf sebagai penanda aras kemajuan dan intelektualiti sesebuah negara. Semakin tinggi nilai akademik dan integriti sesebuah negara semakin tinggi indeks kompetensi dan kemajuan sesebuah negara dapat dilihat. Hasrat negara dalam menuju negara maju menjelang 2020 perlulah diseimbangkan dengan pembangunan emosi, budaya, rohani dan intelek (Adnan, 2005). Jika penekanan hanya dilakukan terhadap pembangunan ekonomi sahaja, keseimbangan dalam pembangunan integriti dan spiritualiti tidak akan berfungsi (Zakaria Stapa, 1999).

Perkara yang menjadi asas utama dalam pembangunan intelek dan ke fungsian minda masyarakat adalah melalui pendidikan dan kualiti akademik yang sempurna (Roslan Mahmud dan Nik Rosnah, 2006). Kualiti akademik hanya akan dapat dicapai dengan berpaksikan kepada integriti yang tinggi dalam akademik atau pendidikan. Oleh yang demikian, isu-isu yang melibatkan ketidak jujuran akademik khususnya dalam dunia pendidikan perlulah dikekang dan dibendung.

Kajian yang dilakukan banyak menunjukkan peningkatan yang serius gejala ketidak jujuran akademik. Kecurangan akademik menjadi isu global dan setiap tahun peningkatannya dilihat semakin serius (Sevari dan Ibrahim, 2011; Kalhori, 2014). Adalah menjadi kebiasaan kecurangan akademik berlaku di Institusi pengajian tinggi kini (Beck, 2014). Rata-rata dapatan kajian yang telah dijalankan menggambarkan peningkatan yang agak serius berkaitan isu ini, begitu juga dalam kalangan pelajar-pelajar di Asia (Hadijah, Norashikin, Nusrah, Fauziah & Normala, 2013).

Konsep Ketidak Jujuran Akademik

Ketidak jujuran akademik (*academic dishonesty*) didefinisikan sebagai apa sahaja perlakuan yang melibatkan ketidak jujuran atau kecurangan dalam akademik sama ada meniru, membeli tugas, menciplak dan mencetak tanpa kebenaran hasil karya orang lain (Latisha dan Surina, 2012). Stuber, Wisely dan Hoggart (2009) mendefinisikan ketidak jujuran akademik sebagai menipu dalam ujian, memplagiat, mencetak, mengambil peluang secara tidak adil, menyalin rekod dan mengakses hak orang lain tanpa kebenaran.

(Gehring dan Pavela, 1994; Meng, et al., 2014) mendefinisikan ketidak jujuran akademik sebagai salah satu perlakuan berbentuk penipuan, di mana pelajar akan meletakkan hasil karya mereka sebagai asli walaupun pada hakikatnya ia diambil

daripada hasil orang lain tanpa diterangkan sumber yang asal sama ada dalam penulisan tugas akademik, latihan akademik, dan sebagainya. Staats, Hupps, Wallace dan Gresley (2009) menyatakan bahawa ketidak jujuran akademik sebagai salah satu daripada tingkah laku devian yang akan merosakkan pembangunan karakter kendiri individu, menjatuhkan moraliti individu lain dan merosakkan integriti akademik dalam sesbuah institusi akademik. (Symaco dan Marceb, 2003; Meng, Jamilah, Jeffrey dan Zoharah, 2014) menyatakan bahawa ketidak jujuran akademik adalah salah satu daripada tingkah laku yang berlawanan dengan peraturan dan undang-undang yang sedia ada dalam institusi pendidikan.

Ketidak jujuran akademik ini bukan lagi sesuatu perkara yang baru di dalam dunia akademik, malahan di negara barat seperti Eropah, Amerika dan juga beberapa negara Asia, perkara ini sudah lama berlaku (Mei Wah, William dan Matthew, 2012). Kajian Wan Zah, Ali dan Tan, (2011) serta Hansen (2003) mendedahkan bahawa masaalah plagiarism dan ketidak jujuran akademik bermula semenjak era kurun ke 16 lagi. Banyak kajian-kajian di peringkat antarabangsa menggambarkan ketidak jujuran akademik sebagai fenomena yang semakin mengancam kesahan (*reliability*) dalam dunia akademik (Mei Wah et al., 2012). Kajian Lin dan Wens (2007) terhadap pelajar-pelajar di Taiwan, mendapati bahawa peratusan yang cukup besar pelajar terlibat dengan ketidak jujuran akademik merangkumi 61.7% , jumlah yang hampir sama dicatatkan dalam kajian Lim dan See (2001) di Singapura.

Di New Zealand, sembilan daripada sepuluh pelajar terlibat dalam ketidak jujuran akademik (Mei Wah et al., 2012; De Lambert, Ellen dan Taylor 2006). Sementara Diekhoff, LeBeff, Shinohara dan Yushukawa (2010) menyatakan bahawa 55.4% pelajar di Jepun menipu dalam peperiksaan mereka, manakala Shen (1995) mendapati 85% pelajar akan menipu dan menciplak dalam peperiksaan di selatan

Taiwan. Mc Cabe dan Trevino (1996) dalam kajian beliau terhadap 4000 pelajar daripada 30 institusi pendidikan yang berbeza mendapati bahawa lebih profesional dan berpengalaman lebih tinggi tahap kecurangan berbanding bagi mereka yang kurang profesional dan kurang berpengalaman. Begitu hasil dapatan kajian Iyer dan Eastman (2006) mendapati pelajar bukan daripada fakulti perniagaan (*non-business student*) lebih banyak melakukan kecurangan berbanding pelajar perniagaan.

Kini, pengaruh internet dan sumber-sumber baru medium pengajaran berasaskan elektronik juga memberi impak yang cukup besar terhadap ketidak jujuran akademik. Kepesatan pembangunan dan evolusi sumber-sumber maya terutamanya internet memberi kesan dan masalah yang sangat besar dalam pendidikan pada masa kini (Yehuda, Yovav dan Keren, 2014). Sebahagian besar pengkaji masa kini menegaskan bahawa keupayaan mengakses maklumat tanpa had dan mudah untuk diperoleh (*easy acces*) memberi ruang kepada ketidak jujuran akademik (Shu, 2012). Terdapat bukti yang jelas menunjukkan bahawa pengaruh tingkah laku penipuan akademik berasaskan internet berlaku (*internet plagiarisme behaviour*) seperti laporan Ma, Wan dan Lu (2008), menjelaskan berdasarkan kajian *Center For Academic Integrity of Duke University survey* terhadap 951 sebuah fakulti pengajian mendapati 48% daripada berpendapat bahawa kecurangan yang melibatkan internet semakin buruk dan banyak berlaku, manakala 13% daripada mereka berpendapat bahawa pelajar terlibat dengan kecurangan akademik yang melibatkan internet.

Pandangan Islam Terhadap Ketidak Jujuran Akademik.

Islam adalah agama sempurna dan syumul. Kesempurnaan Islam merangkumi segala bentuk urusan dunia manusia sama ada yang melibatkan kelakuan, interaksi sesama manusia, muamalat dan sebagainya. Perkara-perkara yang melibatkan

kerosakan, kesalahan akhlak, tingkah laku menyimpang daripada ajaran Islam dan sebagainya adalah dilarang oleh Allah dan Syariat Islam.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوْ حُطُوتَ الشَّيْطَنِ وَمَن يَتَّبِعْ حُطُوتَ الشَّيْطَنِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةً مَا زَكَى مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكُنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَسْأَءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢١

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar dan kalaularah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan (ingatlah Allah Maha mendengar) lagi Maha Mengetahui

(Annur: 21)

Ketidak jujuran akademik dikategorikan sebagai salah satu perlakuan yang menyimpang dalam Islam. Hal ini berdasarkan fatwa Syeikh Atiah Saqar (2003) dalam Kitabnya *Ahsanul Kalam Fil Fatawa wal Ahkam* dan disepakati oleh sebahagian ulama bahawa jenis kelakuan seperti meniru, menipu, memperdaya, memalsukan dan mengkhianati adalah haram dalam Islam. Ianya tergolong dalam perbuatan dosa kerana ianya merangkumi perlakuan yang ditegah dan dianggap amalan yang di luar norma masyarakat Islam. Perbuatan meniru dalam peperiksaan, menciplak dan mengambil hak orang lain dianggap kerosakan yang dilakukan individu terhadap dirinya sendiri malahan mengingkari amanah kepada hak agama itu sendiri.

Firman Allah:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا
وَأَسْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا إِلَّا إِنْسُانٌ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ٧٢

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan (jahil)

(Surah al-Ahzab: 72)

Perlakuan seperti ketidak jujuran akademik atau lebih khusus kepada peniruan akademik seperti amalan plagiat, meniru dan sebagainya menyalahi garis panduan etika dalam Islam dan dianggap mencuri dan menipu (Al-Sayuti, 1998). Sementara Islam memandang mencuri sebagai satu amalan yang sangat berat dan mandatori (*decisive consequences*) (Moten, 2014) sepertimana firman Allah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبُوا نَكَلًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ

٣٨ حَكِيمٌ

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Maidah, 38)

Islam mengutuk dan mengecam perbuatan menyimpang sama ada berbentuk meniru, mengambil hak orang lain tanpa hak (penulisan), memalsukan sumber dan mencuri (Moten, 2014). Selain itu, Islam juga mengutuk sekeras-kerasnya individu yang melakukan penipuan sama ada dalam bentuk penulisan, lisan maupun secara perbuatan.

Firman Allah:

لَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُجْبُونَ أَنْ يُحْمَدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا
تَحْسِبَنَّهُم بِمَفَازَةٍ مِّنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
١٨٨

Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

(Al Imran: 188)

Ayat ini dengan jelas menggambarkan bahawa segala bentuk peniruan dan sesiapa yang melakukannya, dan berhajat untuk menerima penghargaan terhadap sesuatu yang tidak dilakukannya bahkan dilakukan oleh orang lain, pasti ianya akan mendapat balasan yang berat di sisi Allah.

Nabi Muhammad S.A.W. melarang seseorang atau individu mengambil sesuatu (harta) orang lain tanpa kebenaran pemilik asalnya. Beliau juga mengutuk sekeras nya individu yang menyatakan perbuatan atau hasil tertentu adalah hasilnya sedangkan dia tidak melakukannya (Moten, 2014).

Daripada Abu Hurairah R.A. Sabda Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Allah Taala berfirman (kepada Malaikat pencatat amal), bila hamba ku berniat melakukan perkara yang tidak baik, maka janganlah kalian

mencatatkannya sebagai amalannya, dan jika mereka melakukannya maka catatlah sebagai satu keburukan. Dan jika hamba ku berniat melakukan kebaikan, tetapi dia tidak melakukannya maka catitkanlah sebagai satu amalan kebaikan, dan jika mereka mengamalkannya maka catatkanlah ianya sebagai sepuluh kali ganda”

(Sahih Muslim: 183)

Selain itu, jika seseorang individu mengambil sesuatu idea atau fikrah orang lain tanpa kebenaran pemilik asalnya boleh diklasifikasikan sebagai pecah amanah dan tidak jujur. Perkara ini bermaksud, keperluan bagi seseorang individu untuk bertindak jujur dan amanah dalam apa juga keadaan dan menyatakan sesuatu hak orang lain dan bukannya mengaku perkara yang tidak dilakukannya sebagai haknya. Ini ditegaskan sebagai tanggungjawab memikul amanah dan jujur dalam perbuatan. Sebagaimana firman Allah Taala:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْلَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُّكُم بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾
58

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Al Nisa: 58)

Kebanyakan ulama dalam Islam mengiktiraf ilmu sebagai pemberian Allah dan ianya menjadi harta atau khazanah yang bermanfaat kepada semua dan bukannya

untuk tujuan dimonopoli atau disalah gunakan dan seharusnya dikongsi dan disebarluaskan kepada umat manusia (Moten, 2014). Kebanyakan ulama Islam tidak mengiktiraf perbuatan meniru, menciplak dan sebagainya dan Ibn Khaldun sebagai contohnya mengklasifikasikannya sebagai satu amalan jahil dan lalai (Ahmad, 2004).

Islam juga milarang umatnya dalam melakukan perkara yang menjatuhkan nilai moraliti Islam itu sendiri. Perbuatan seperti menipu merupakan salah satu sifat mazmumah (terkeji) yang amat dilarang dalam Islam. Penipuan disifatkan sebagai salah satu sifat yang terkeji dan tergolong dalam sifat orang munifik. Sebagaimana firman Allah :

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَفِّقُونَ قَالُوا نَشْهُدُ إِنَّا كَلَّا رَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّا كَلَّا
رَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهُدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَذِبُونَ

1. Apabila orang-orang munafik datang kepadamu (Wahai Muhammad), mereka berkata: "Kami mengakui Bahawa Sesungguhnya Engkau - sebenar-benarnya Rasul Allah". dan Allah sememangnya mengetahui Bahawa Engkau ialah RasulNya, serta Allah menyaksikan Bahawa Sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta.

(Al-Munafikun: 1)

Berdasarkan literatur ini, disimpulkan bahawa amalan ketidak jujuran akademik adalah ditegah dalam Islam, malah ianya boleh dianggap menyimpang daripada ajaran agama Islam itu sendiri. Agama Islam secara dasarnya menyeru semua umatnya agar amanah dan jujur dalam perbuatan mahupun lisan. Amanah ilmu yang ada dalam Islam perlu dijaga dengan baik, dan ianya tidak harus dimonopoli dan disalahgunakan.

Penghayatan Kerohanian dan Kaitannya dengan Kelakuan Manusia

Islam amat mementingkan aspek kerohanian dalam membentuk akhlak dan kelakuan manusia yang baik. Aspek kerohanian menjadi inti pati penting dalam pembentukan *batiniyyah* dan *lahiriyyah* manusia kerana ia berkait rapat dengan kehidupan manusia dan memandangkan penciptaan manusia adalah untuk beribadat kepada Allah (Zain Mubarak, Rahman dan Yaacob, 2015). Oleh yang demikian, Islam tidak memisahkan aspek keduniaan (*duniawi*) dan keakhiratan (*ukhrawi*) dalam membentuk akhlak dan kelakuan manusia (Al-Qardhawi, 2011).

Setiap kelakuan manusia adalah hasil daripada aspek dalaman mereka yang akan membentuk bagaimana manusia memahami sesuatu tindakan dan perbuatan. Situasi dalaman ini merujuk kepada nafsu (*nafs*) manusia. Nafsu (*nafs*) akan mendorong manusia ke arah kebaikan dan keburukkan bergantung pada tahap kerohanian dan penghayatan mereka terhadap syariat islam itu sendiri (Ibn Hajar, 1993). Individu yang mempunyai dalaman dan lahiriyah yang baik dan mantap mampu membawa setiap kelakuan kepada kepatuhan kepada pencipta (*khaliq*) (Al-Qardhawi, 2001). Sebagaimana firman Allah :

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّهَا ﴿١﴾ فَأَلْهَمَهَا جُورَهَا وَتَقْوَهَا ﴿٢﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿٣﴾

7. Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan Yang sesuai Dengan keadaannya); 8. Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan Yang membawanya kepada kejahanan, dan Yang membawanya kepada bertaqwah; 9. Sesungguhnya berjayaalah orang Yang menjadikan dirinya - Yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan

iman dan amal kebajikan), 10. Dan Sesungguhnya hampalah orang Yang menjadikan dirinya - Yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

(Al Syams: 7-10)

Ayat ini memberi gambaran bahawa mekanisma kepatuhan kepada perintah Allah perlu kepada jiwa, kerohanian yang baik. Aspek kerohanian yang baik tergambar melalui pelaksanaan kepatuhan dan meninggalkan larangannya. Taklif yang menujukkan suruhan merangkumi semua amalan fardu, sunat dan amalan soleh, manakala taklif larangan pula merangkumi aspek tegahan merangkumi semua amalan yang dilarang oleh syarak. Kesemua taklif ini adalah perlu dipatuhi dan dilaksanakan sebaiknya untuk memastikan kesan yang baik terhadap pembentukak jiwa, akhlak dalam diri individu.

Pembentukan tingkah laku manusia perlu seja jar dengan kehendak syariah Islam. Menurut Al-Ghazali (1988) akhlak, amalan, budi dan perlakuan manusia dapat diamati dan dizahirkan melalui jiwa (*ruhiyyah*) dan rohani yang baik dan mantap. Kelemahan akhlak dah moral individu berpunca daripada aspek kerohanian, hati yang lemah dan tidak selari dengan tuntutan keagamaan (Sayid Qutb, 1983). Dalam dunia pendidikan, pembangunan dan penghayatan kerohanian perlu seimbang dengan tuntutan keduniaaan, akirat, jasmani dan kerohanian. Kegagalan proses pembelajaran hari ini kerana hanya berfokus kepada pencapaian akademik semata-mata dan terpisah dengan pembangunan kerohanian (Al-Qardhawi, 2011). Penghayatan kerohanian yang rendah menyebabkan roh dan diri manusia menjadi lemah dan penyimpangan akan berlaku dalam kelakuan manusia.

Oleh yang demikian, penghayatan rohani memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kelakuan manusia. Tingkah laku yang baik akan dapat dijelmakan apabila hati (*Qalb*), rohani (*Ruh*) dan penghayatan keagamaan di jelmakan dengan baik

dalam diri manusia. Segala kelakuan yang tidak baik, menyimpang dan menyalahi etika agama serta syariat dapat di bendung dan di elakkan jika penghayatan kerohanian mampu disemai dan di aplikasikan secara menyeluruh dalam segenap perkara dalam kehidupan manusia.

Konsep Penghayatan Agama

Penghayatan agama (*at-tadayyun*) atau religiositi menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana penghayatan keagamaan memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti (Raba, 2001; Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi dan Fazilah Idris, 2013), ketenangan emosi dalaman (Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Penghayatan agama ataupun religiositi merujuk kepada gaya hidup beragama atau kehidupan beragama. Dalam konteks Agama Islam, kehidupan beragama ini dikaitkan dengan Islam sebagai Addin atau cara hidup (Abdul Rahman Al-Nahlawi, 2002). Menurut Nor Salimah Abu Mansor (2007), penghayatan agama di Malaysia dilihat sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian.

Istilah lain pada sudut pandangan Islam yang mempunyai maksud yang sama dengan penghayatan agama (religiositi) seperti *Hayyah Mutadayyinah*, atau kehidupan beragama (Zakaria Stapa, 2002), kesedaran beragama (Syed Naquib, 2002) dan penghayatan agama/Islam (Hashim Yahya, 2002; Azma, 2006). Elemen penghayatan agama (religiositi) ini meliputi kegiatan keagamaan, kepercayaan kepada agama, intervensi berlandaskan agama, kehadiran kemajlis keagamaan, membaca kitab agama, sembahyang, kepercayaan kepada tuhan dan kebergantungan harap kepada tuhan (M.Nor, 2012; Ahmed, 2007).

Penghayatan agama dari sudut pandangan Islam. Islam melihat penghayatan agama (religiositi) sebagai kehidupan beragama atau penghayatan terhadap nilai dan amalan agama di mana ia memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (M.Nor, 2012; Jamiah, Azimi, Sidek dan Hasnan, 2004). Islam juga melihat, penghayatan agama bukan hanya dilihat sebagai satu sistem kepercayaan kepada tuhan sahaja, tetapi ianya di kenali sebagai ‘Ad-din’ iaitu satu sistem hidup yang menyeluruh yang mempunyai peraturan dan syariat (Ramli, 1997; Haron Din, 2007; M.Nor, 2012). Penghayatan agama atau religiositi dalam Islam juga bermakna kepercayaan yang pasti, ketundukan yang mutlak, integriti yang penuh kesedaran dan keikhlasan kepada sistem dan sumber ilahi dari segenap sudut kehidupan (M.Nor, 2012; Ramli, 1997; Haron din 1985). Orang Islam yang mengamalkan Islam sebagai Ad-Din dikatakan menghayati Islam dalam kehidupan seharian mereka. Dalil pokok dalam hal ini ialah firman Allah:

يٰٰيٰهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوْا فِي السَّلَمِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُوْا خُطُوْتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah agama Islam secara keseluruhan; dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan; sesungguhnya Syaitan memang musuh kamu yang nyata."

(Al Baqarah: 208)

Islam merupakan struktur kehidupan yang merangkumi bukan sahaja sistem kepercayaan (*ikhtikad*) yang dapat menentukan matlamat hidup manusia juga merangkumi peraturan dan sistem hidup yang praktikal dan dinamik. Di antara sistem hidup berkenaan termasuklah aqidah, amalan yang berkait rapat dengan rohani dan

jasmani, sistem ekonomi, dan segala urusan hidup di dunia dan di akhirat (Sayyid Qutb, 1984; Abdul Hadi, 2001). Ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah:

وَالْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا
فَمَنْ أَضْطَرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَحَانِفٍ لِإِنَّمَا فَانَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝

“Pada hari ini telah aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku cukupkan untuk kamu nikmat ku dan telah aku redha bagi kamu Islam sebagai Deen (Agama) kamu”.

(Al Maida: 3)

Amalan beragama bukan sahaja sekadar amalan luaran akan tetapi sehingga meresap di dalam jiwa. Ia meliputi hubungan dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia juga dengan alam yang berasaskan kepada hukum syarak (M.Nor, 2012). Individu yang mengamalkan agama dapat dilihat menerusi tiga asas utama. Pertama akidah, yang akan melibatkan mentauhidkan Allah dan tidak terlibat dengan amalan syirik. Kedua, pada segi amalan, ianya menunaikan fardu dan sunat serta meninggalkan perkara haram, maksiat dan makruh. Ketiga, pada segi kelakuan, ianya mesti beretika dengan etika yang mulia (Nor Salimah dan Zainab, 2006).

Aspek kerohanian dalam konsep penghayatan agama. Konsep penghayatan agama (religiositi) merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan syariah yang mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman dan kerohanian (Haron, 1987). Menurut Mahmud Zuhdi (2006) konsep penghayatan agama merangkumi aspek zahir dan batin dan aspek kerohanian merupakan aspek batin dan ia sebahagian daripada agama. Kesinambungan dan perkaitan antara unsur dalaman dan agama adalah jelas menunjukkan bahawa agama adalah ad din dan desakan dalaman menunjukkan manusia mengakui kewujudan tuhan yang maha agung (Al-Qardhawi, 1984). Oleh

yang demikian, sesiapa yang memenuhi seruan batin untuk kehidupan beragama, jiwa dan batinnya memperoleh ketenangan, Seperti firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللّٰهِ الَّتِي فَطَرَ النّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقٍ
اللّٰهُ ذٰلِكَ الْدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۖ ۳۰

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.


(Ar Rum: 30)

Jika dilihat daripada dimensi lain, seperti psikologi kejadian manusia meliputi aspek fizikal dan spiritual menyebabkan ia memerlukan keseimbangan daripada aspek jasmaniah dan rohaniah. Oleh itu, penghayatan agama berfungsi dalam mencorakkan kerohanian dan spiritual dalam kehidupan seharian (Ariffin, 1977). Kesimpulannya penghayatan agama mempunyai perkaitan yang signifikan dengan aspek kerohanian. Kerohanian merupakan semua aspek yang mendasari penghayatan agama yang mana penghayatan dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah yang mana kesemuanya memberi kesan kepada dalaman (zahir dan batin) manusia.

Asas pengukuran penghayatan agama dalam Islam. Penghayatan agama (at-tadayyun) atau religiositi amat penting dalam kehidupan orang Islam kerana ianya menjadi asas kepada tingkah laku manusia (Jamiah Manap et al., 2007). Sehubungan dengan itu, pengukuran penghayatan agama (religiositi) adalah amat penting dalam menganalisis tahap dan penghayatan agama dalam diri seseorang Muslim. Pembangunan alat ukur penghayatan agama (religiositi) dalam Islam adalah amat terhad dan di dominasi masyarakat barat (Manap, 2005; Kamil et al., 2012).

Sehingga kini, terdapat beberapa alat ukur yang telah di bangunkan untuk mengukur penghayatan agama (religiositi) Muslim. Antara alat ukur yang dibina seperti *Muslim Religiosity Personality Inventory* (MRPI) yang dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Krauss et al., 2005), *The Short Muslims Practice and Belief Scale* oleh (Almarri et al., 2009) dari Universiti of Quensland Australia dan *Multidimensioal religiosity Scale* (Qasm dan Jahangir, 2010) dari Sultan Qaboos University Oman.

Walau bagaimanapun, pengukuran penghayatan agama (religiositi) Islam perlu mematuhi tujuh prinsip asas (Manap et al., 2013). Prinsip tersebut adalah seperti, pertama hukuman dan penilaian berdasarkan perkara yang terzahir sahaja. Kedua, pengukuran penghayatan agama (religiositi) daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun nilaiannya sebenar adalah disisi Allah Taala. Ketiga, asas pengukuran adalah manifestasi iman dan Ihsan. Keempat, iman perlu dibuktikan dengan amal. Kelima, penghayatan syariah Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia. Keenam, simbol yang mempunyai perkaitan dengan religiositi tidak semestinya mempunyai interpretasi yang sama bagi individu yang berbeza, dan ketujuh, piawai pengukuran penghayatan agama (religiositi) dan personaliti Muslim adalah Al Quran dan Sunnah (Manap et al., 2013).



Rajah 2.1 Model prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim.

Sumber: Jamiah Manap et al., (2013).

Menurut Khraim (2010) serta Shukor dan Jamal (2013), pengukuran asas bagi penghayatan agama (religiositi) Muslim berdasarkan kepada dua konsep asas iaitu hubungan dengan Allah (*Hablu Minallah*) dan hubungan dengan antara sesama manusia (*Hablu Minannas*). Asas hubungan yang utama adalah hubungan dengan Allah iaitu tuhan yang maha pencipta seperti mana tercatat dalam Al-Quran:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا يَأْمَنُ أَهْلُ الْكِتَبِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ
 أَفْسِقُونَ

١١٠

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.

(Al Imran: 110)

Hubungan dengan Allah dapat dihayati dan difahami dengan cara melakukan ibadah dan amalan yang disuruhnya, zikir (*remembrance*), mengingatinya dan sentiasa bergantung kepadanya dengan cara bertawakal dalam segala perbuatan (Shukur dan Jamal, 2013). Perkara ini juga tertakluk kepada asas amalan dan ajaran Islam yang utama yang terkandung dalam ajaran Sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

Aspek hubungan sesama manusia pula (*Hablu Minannas*) merujuk kepada keperluan manusia untuk berhubung dengan baik antara satu sama lain contohnya kejiraninan, hubungan dengan bukan Muslim, hubungan dengan orang miskin dan kaya dan lain-lainnya. Perkara ini dijelaskan dalam Al-Quran:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠﴾


Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(Al Nahl: 90)

Berdasarkan ayat di atas, ianya secara jelas membayangkan keperluan manusia untuk berhubung secara ikhlas, budi bahasa, integriti dan ikhlas antara satu sama lain dalam konteks hubungan sesama manusia (Shukor et al., 2013).


Model penghayatan agama.

Model Perkembangan penghayatan agama Individu. Penghayatan agama (Religiositi) boleh dilihat dari sudut individu seperti yang di perkenalkan oleh Meadow dan Kahoe (1984). Beliau telah mengetengahkan model penghayatan agama individu. Pada pandangan mereka, untuk memahami penghayatan agama (religiositi) individu, tidak boleh diukur berdasarkan kedudukan individu dalam kumpulan akan tetapi daripada perspektif penghayatan agama individu itu sendiri. Pada aspek psikologi, religiositi individu dikenal pasti melalui proses perkembangan. Mereka menyatakan dan berpendapat perkembangan religiositi individu bermula dengan pola ekstrinsik kepada integriti, seterusnya kepada pola intrinsik dan akhirnya autonomi. Ini dapat dilihat dalam rajah 2.2 berikut:



Rajah 2.2 Model perkembangan penghayatan agama (religiositi) individu

Model penghayatan agama Islam. Penghayatan agama (Religiositi) dari perspektif Islam dilihat sebagai syumul atau komprehensif (mencakupi dan merangkumi semua bidang) dan integratif yang memberi penyatuan antara ilmu, iman dan amal (M.Nor, 2012; Azma, 2006). Ini bermakna, dalam suasana menjalani kehidupan beragama, elemen ilmu, iman dan amal hendaklah disepadukan dalam apa juga bentuk amalan keidupan yang secara umumnya mempunyai perkaitan dengan aspek aqidah, ibadah dan etika (Azma, 2006). Model penghayatan agama (religiositi) Islam dapat dilihat melalui gambarajah dibawah:



Rajah 2.3 Penghayatan agama daripada persektif Islam (Azma, 2006).

Berdasarkan gambarajah Azma (2006) dalam (M.Nor, 2012), menyimpulkan bahawa penghayatan agama (religiositi) merangkumi aspek-aspek dalaman (*internalization*) dan luaran (*practice*) secara sepada. Ilmu-ilmu Islam hendaklah difahami dan diyakini kemudian diamalkan secara berterusan. Natijah dari religiositi Islam ini akan menimbulkan ketakwaan dalam segala aspek termasuklah dari aspek


pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang membawa kepada kemantapan iman individu.

Tiga dasar utama dalam kehidupan beragama dari perspektif Islam ialah pada aspek aqidah, ibadah dan etika. Aqidah berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan yang mantap berhubung ketuhanan, kerasulan dan *sami'yyah* (perkara ghaib) yang tertakluk di dalam enam rukun Iman. Ibadah pula bukan hanya tertakluk kepada *prescribed ritual* atau ibadah khusus seperti mendekatkan diri kepada Allah dengan melaksanakan syiar-Nya, berzikir serta bersyukur kepada-Nya malah mencakupi segala perbuatan baik yang dilaksanakan dengan ikhlas mengikut syariat Islam. Manakala etika merupakan dimensi dalaman iaitu situasi kejiwaan yang menjadi punca kepada perbuatan luaran seseorang. Ia juga merupakan suatu sistem model tentang bagaimana manusia melaksanakan kehendak ketuhanan di dalam kehidupan seperti yang diteladani oleh Rasulullah S.A.W daripada pengajaran-pengajaran yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah (M.Nor, 2012).

Dimensi penghayatan agama mengikut Perspektif masyarakat barat.


Masyarakat barat mendefinisikan penghayatan agama (religiositi) daripada pelbagai sudut dan pandangan. (Allport dan Ross, 1967; Holdcroft, 2006) mendefinisikan penghayatan agama (religiositi) sebagai satu aspek integriti dan komitmen terhadap agama dan doktrin tertentu yang membawa kepada nilai kebaikan. Menurut Burke, Chauvin dan Judith (2005), agama merupakan kepercayaan atau penghormatan kepada Tuhan seterusnya individu itu akan memberi perhatian dan mengikut kepada ajaran agama. Ia juga merujuk kepada keperluan sosial di mana individu itu akan melahirkan spiritualiti diri. Agama juga merupakan pegangan dan kepercayaan individu pada satu-satu agama seperti agama Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Buddha, Taoisme dan sebagainya (Holdcroft, 2006).

Allport et al., (1967) mengkategorikan penghayatan agama (religiositi) kepada dua dimensi utama iaitu intrinsik dan ekstrinsik. McConata (2000) pula mengkategorikan kepada dua dimensi teras iaitu dimensi penyertaan (*involvement*) dan Kepercayaan keagamaan (*religious belief*) manakala Fukuyama (1960) mengetengahkan empat dimensi religiositi iaitu (pemikiran, keyakinan, iman dan ketaatan).



Rajah 2.4 Dimensi penghayatan agama (religiositi) Allport & Ross (Barbara Holdcroft, 2006).

Glock dan Stark (1965) mengetengahkan dimensi penghayatan agama (religiositi) yang berpengaruh. Beliau mengkategorikan penghayatan agama (religiositi) kepada Lima dimensi iaitu (pengalaman (*experiential*), tatacara keagamaan (*ritualistik*), pemikiran (*ideology*), intelektual (*intellectual*) dan akibat kepada integriti (*consequential*))



Rajah 2.5 Dimensi Penghayatan agama (religiositi) Glock dan Stark 1965 (Salleh, 2012).

Rumusan. Berdasarkan konsep dan model yang diterangkan di atas, jelas menggambarkan bahawa aspek keagamaan amat penting dalam kajian ini. Unsur-unsur keagamaan dengan jelas menjadi aspek penting dalam menentukan nilai dan kecenderungan untuk melakukan sesuatu. Mohd Idzwan et al., (2013) dalam dapatan kajian menyatakan kebanyakan mahasiswa menganggap aspek ketidak jujuran akademik ini sebagai sesuatu yang tidak sepatutnya menjadi isu yang dikaitkan dengan aspek keagamaan. Dapatan kajiannya juga mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa didapati kurang peka dengan aspek budaya dan keagamaan setempat yang rata-ratanya mahasiswa adalah beragama Islam. Holp dan James, (2013) menyatakan bahawa tidak terdapat sorotan kajian yang dijalankan bagi menjangkakan aspek keagamaan (kepercayaan) yang menjadi tunjang utama kekuatan moral seseorang individu dalam bidang ketidak jujuran akademik.

Kajian Holp et al., (2013) juga menyatakan dengan jelas jurang yang ada dalam skop kajian ketidak jujuran akademik, iaitu unsur-unsur keagamaan sepatutnya diambil berat dan menjadi pokok perbincangan asas dalam kajian akan datang. Sementara Amy Martin (2013) berpendapat bahawa faktor keagamaan akan menjadi pendorong yang kuat untuk melawan godaan keinginan untuk bertingkah laku sama ada negatif atau positif. Manakala Tang, Li dan Tang, (2010) juga menyatakan bahawa aspek keagamaan perlu dilihat dengan lebih mendalam terhadap kesannya dalam membuat sesuatu keputusan sama ada negatif atau positif dan adakah faktor keagamaan tidak memainkan peranan dalam meramal tingkah laku. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa aspek penghayatan agama (*religiositi*) adalah satu pemboleh ubah yang sangat penting untuk dikaji. Oleh itu, pemilihan pemboleh ubah penghayatan agama (*religiosity*) adalah munasabah dan perlu dikaji dalam konteks mahasiswa Islam di Malaysia.

Konsep Kecerdasan Rohani

Kecerdasan Rohani dari perspektif Islam. Kecerdasan Rohani atau kecerdasan spiritual (SQ) didefinisikan sebagai kecenderungan fitrah manusia dan jiwa yang merangkumi semua aspek kehidupan yang diterjemahkan ke arah kehidupan yang baik, sejahtera dan bermakna (Fatimah, 2012). Kecerdasan rohani ini menggabungkan potensi dalaman yang afektif (jiwa dan roh) dengan aktiviti kognitif manusia dalam membentuk tingkah laku dan keputusan sama ada baik atau buruk (Jumahat dan Abdullah, 2014). Aspek ini merupakan satu perkara yang sangat penting dan amat ditekankan dalam Islam kerana perkara ini amat berkait rapat dengan etika, moral dan cara hidup, manusia (Fatimah, 2012). Menurut Iskandar (2012) kecerdasan spiritual adalah satu kefungsian hati atau jiwa manusia yang digunakan secara maksimum yang melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia dalam ruang lingkup kefahaman wahyu Ilahi.

Kecerdasan rohani atau kecerdasan spiritual dalam Islam amat berkaitan dengan personaliti manusia (Anchoi, 2009; Jumahat et al., 2014). Kecerdasan rohani ataupun spiritual mampu dijelmakan dan di zahirkan melalui keperibadian seseorang menurut peranan dan yang dimainkan oleh jiwa manusia dan ia juga dapat menggambarkan apa yang berlaku dalam jiwa manusia melalui tingkah laku manusia itu sendiri (Abdul Latif, 2012). Jiwa manusia bersifat fleksibel dan tidak tetap, ianya tertakluk kepada tindakan manusia sama ada mereka memilih untuk mengikut jalan yang benar selaras dengan ajaran agama mereka mahupun untuk mengikut hawa nafsu yang cenderung untuk menyimpang daripada fitrah kebenaran (Oniah, 2009).

Kecerdasan rohani (Spiritual) dari perspektif Al Quran. Konsep kecerdasan rohani (spiritual) telah digambarkan secara nyata melalui wahyu dan digambarkan melalui Sunnah dan gaya hidup nabi Muhammad S.A.W. menurut

Bensaid, Machouce dan Grine (2014). Segala aspek ini, mampu diintegrasikan kepada peneguhan aspek spiritual ataupun kerohanian ke dalam segenap lapisan atas kehidupan seperti kesedaran aspek ketuhanan, aspek pembangunan kerohanian mahupun hubungan dengan masyarakat (Bensaid et al., 2014) sebagaimana firman Allah dalam Al Quran:

لَكُنَ الْرُّسُخُونَ فِي الْعِلْمِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَالْمُقِيمِينَ الصَّلَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ الْرَّكُوعَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَوْلَئِكَ سُنُوتِهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا ١٦٢

“Tetapi orang-orang yang ilmunya mendalam di antara mereka, dan orang-orang yang beriman, mereka beriman kepada Al-Quran yang diturunkan kepadamu (Muhammad) dan kepada (kitab-kitab) yang diturunkan sebelummu, begitu pula mereka yang mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada Allah dan hari Kiamat. Kepada mereka akan kami berikan pahala yang besar”

(Surah Annisa':162)

Asas kecerdasan rohani (spiritual) Islam dilihat berbeza dengan aspek pemikiran falsafah dan doktrin agama lain secara khususnya, aspek seperti sihir mahupun ilmu hitam dan yang menjadi asas dalam aspek spiritualiti agama-agama tersebut (Bensaid et al., 2014). Proses penerapan nilai kecerdasan kerohanian dapat disemai melalui proses pembelajaran secara berterusan. Proses hubungan ini dijelaskan dalam Al Quran melalui beberapa dimensi. Dimensi pertama adalah *fitrah* yang merangkumi aspek kerohanian, fizikal, tingkah laku dan intelektual. Al Quran sendiri menerapkan elemen kecerdasan spiritual melalui pelbagai kaedah dan jalan yang tersendiri antaranya melalui jalan *tadabbur* (mendekatkan) dengan Al-Quran itu sendiri (Bensaid et al., 2014). Melalui *tadabbur* dengan Al-Quran manusia secara

jelasnya akan memupuk satu kefahaman yang mendalam tentang unsur ketuhanan dan kerohanian. Sebagaimana firman Allah dalam Al Quran:

قَدْ خَلَّتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَّ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَيْنَهُ
الْمُكَذِّبِينَ ١٣٧

“Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu (contoh kejadian-kejadian berdasarkan) peraturan-peraturan Allah yang tetap, oleh itu mengembaralah kamu keatas muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (RAsul-Rasul)”.

(Surah Al-Imran: 137)

Allah mengurniakan asas fizikal kepada manusia agar manusia berfikir dengan jelas hakikat kejadian dan ketuhanan. Asas fizikal seperti pendengaran, pandangan, pendengaran, perasaan dan juga kemampuan fizikal untuk bergerak menjadi asas dalam diri manusia dalam mengenali diri sendiri mahupun pencipta (Bensaid, et al., 2014).

Dimensi kedua adalah dimensi kebijaksanaan (*hikmah*). Nabi Muhammad S.A.W. membawa konsep ini dan diajarkan kepada umatnya melalui wahyu ilahi dan diterjemahkan melalui amalannya sebagai as Sunnah (Bensaid et al., 2014). Firman Allah Taala dalam Al Quran:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مَنْكُمْ يَتَّلَوْا عَلَيْكُمْ إِنَّا وَيْزِرَّ كِيمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ١٥١

“Sebagaimana (Kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul di antara kamu yang

membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan menyucikan kamu dan mengajarkan kepadamu Al Kitab dan Al-Hikmah (As Sunah), serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui”.

(Surah Al-Baqarah: 151)

Asas kecerdasan rohani (spiritual) Islam. Berikut adalah beberapa asas kecerdasan rohani mengikut perspektif Islam:

Asas paradigma tauhid. Aspek asas yang menjadi tunjang kecerdasan rohani (spiritual) adalah asas tauhid merangkumi segala aspek kehidupan manusia yang bermatlamatkan pengabdian diri kepada Allah S.W.T (Al Faruqi, 1992; Jumahat, Bensaid dan Nordin, 2014). Paradigma tauhid mampu menjawab persoalan kewujudan dan tujuan manusia dijadikan oleh pencipta dan tujuan kehidupan di dunia (Jumahat et al., 2014). Apabila manusia memahami hakikat kewujudannya dan hakikat kewujudan penciptanya khaliq, segala perlakuan dan tindakan manusia akan membawa kepada nilai dan etika yang baik dan berorientasikan kepada perintah penciptanya (Iskandar, 2012).

Asas fitrah. Menurut pandangan Islam, asas fitrah juga menjadi asas penting dalam menilai kecerdasan rohani (spiritual) adalah daripada aspek fitrah manusia itu sendiri (Jumahat et al., 2014). Fitrah manusia merujuk kepada kecenderungan semula jadi manusia dalam membimbing manusia untuk mengiktiraf kewujudan Allah dan mengakui bahwasanya dialah yang perlu disembah dan perlu akur kepada perintahnya (Qutb, 1991; Jumahat et al., 2014). Sifat bertuhan dan sifat sentiasa menerima bahawa kejadian manusia adalah melalui hasil ciptaan yang maha esa akan membawa manusia ke arah keimanan seperti yang dijelaskan oleh Allah:

فَأَقْمِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فَطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقٍ
اللَّهُ ذُلِّكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٣٠

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan (turutlah terus) "ugama Allah" - iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

(Ar Rum: 30)

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa konsep fitrah merupakan aspek penting dalam kecerdasan rohani (spiritual) kerana ianya membawa kepada wujudnya elemen yang membawa kepada asas keimanan dan kebaikan (amal soleh) yang ada dalam diri manusia secara semula jadi (Bensaid, Machouche dan Grine, 2014).

Asas kerohanian. Asas kerohanian merangkumi proses yang melibatkan aktiviti berkaitan dengan jiwa dan hati manusia (Jumahat et al.,, 2014). Aspek kerohanian inilah yang akan membawa manusia dekat dengan penciptanya Khaliq iaitu Allah melalui ketaatan, ibadah dan penyerahan jiwa yang merupakan matlamat hidup manusia (Fatimah, 2013). Bersandarkan kepada fitrah manusia, aspek kerohanian adalah untuk menegakkan dan membenarkan kalimah tauhid yang membawa manusia kepada ketaatan kepada Allah S.W.T (Nasr, 2008). Menurut Doi (2008) aspek kerohanian manusia bertujuan untuk memastikan manusia aktiviti dan perbuatan manusia sejajar dengan apa yang diperlihatkan oleh Sunnah Nabi Muhammad (SAW) sebagai contoh kerohanian yang unggul. Aspek rohani manusia juga mampu mempengaruhi tingkah laku manusia (Hussain, 2006; Jumahat et al., 2014).

Konsep kerohanian dalam diri manusia juga berkait rapat dengan aspek kecerdasan dan kemampuan kognitif manusia dengan kata lain aspek kerohanian berkait rapat dengan kecerdasan seseorang (Nasr, 2012). Oleh yang demikian, aspek kerohanian memberikan landasan yang kukuh bahawa konsep kerohanian berkait rapat dengan kecerdasan spiritual mengikut pandangan Islam.

Kecerdasan rohani (spiritual) dari perspektif barat. Konsep kecerdasan rohani (spiritual) mula diperkenalkan oleh Zohar dan Marshall (2000). Sarjana barat mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai aplikasi spiritual individu dalam memahami makna kehidupan dan juga penyelesaian masalah kehidupan (Jumahat et al., 2014). Zohar dan Mashall (2000) menyatakan kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau value, iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku dan hidup kita serta kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan hidup seseorang lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain (Mustafa, Omar dan Nordin, 2011). Konsep kecerdasan spiritual daripada perspektif barat merangkumi beberapa dimensi tertentu. Amram (2007) membahagikan kecerdasan spiritual kepada tujuh dimensi utama:

1. Kesedaran (*consciousness*). (Kesedaran yang dibina secara halus dalam diri manusia melalui pemahaman dan pengetahuan kendiri). Konsep ini akan menjadi jelas apabila manusia memahami diri sendiri dan hala tuju kehidupan dengan asas niat dan pemikiran yang jelas dan teratur.
2. Kehormatan (*grace*). (Kehidupan yang bermakna berpandukan kasih sayang dan nilai kepercayaan).
3. Kebenaran (*meaning*). (Hidup dalam penuh penerimaan dan menerima dan menyayangi semua makhluk)

4. Menyerah diri kepada pencipta. (Tuhan). Konsep ini merangkumi kaedah kepercayaan yang tinggi kepada tuhan dan menerima segala ketentuan yang ditentukan oleh pencipta.
5. Kebebasan (*freedom*) dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Dimensi ini akan bergerak seiring dengan takut, akur dan taat.
6. Integriti (*integrity*) dalam amalan kehidupan.
7. Penerimaan (*acceptance*). Hidup dalam harmonis dan menerima segala ketentuan dan akibat yang mungkin diterima di sebalik tingkah laku yang dilakukan.

Rumusan. Nyatakan, Kecerdasan rohani (spiritual) merupakan kunci kepada kehidupan manusia. Kekuatan fizikal yang kita miliki adalah lahir daripada kekuatan atau kecerdasan spiritual. Oleh sebab itu, kita akan dapat menjalankan tugas kita dengan baik dan membuat keputusan sekiranya kita memiliki kekuatan atau kecerdasan spiritual yang tinggi (Zohar dan Marshall, 2010). Dalam membuat sesuatu keputusan manusia memerlukan kecerdasan yang kuat dan berpengaruh (Bensaid et al., 2014) Kecerdasan spiritual dilihat penting memandangkan peranannya dalam membuat sesuatu keputusan. Ini digambarkan secara jelas bahawa asas seperti fitrah (hubungan manusia dengan Allah) dan asas tauhid dan asas kerohanian sepatutnya mendorong manusia untuk bertingkah laku dengan baik (Bensaid et al., 2014). Berdasarkan kepada sorotan karya dan cadangan cadangan daripada sorotan karya yang lepas, seperti (Reisenwitz, 2012; Lau dan Yuen, 2013) pengkaji memasukkan kecerdasan spiritual sebagai salah satu pemboleh ubah dalam kajian ini.

Konsep Niat Dan Pengaruhnya Ke Atas Kelakuan Manusia

Berdasarkan pandangan Islam Niat atau *An Niat* (niat) daripada segi bahasanya adalah *al qashdu* (maksud) dan *al iraadah* (keinginan) atau dengan kata lain *qashdul quluub wa iraadatuhu* (maksud dan keinginan hati). Manakala niat daripada segi Istilahnya adalah “Niat adalah maksud dalam beramal untuk mendekatkan diri pada Allah, mencari redha dan pahalaNya serta rahmatnya.” (Abi Ishak, 1994).

Islam bukan sahaja memandang setiap perlakuan manusia sebagai satu ibadah bahkan menjadi satu bentuk kewajipan dan keperluan yang disyariatkan oleh Allah kepada hambanya (Hamka, 1997). Segala amalan yang disyariatkan kepada hambanya yang mukallaf berdasarkan apa yang diniatkan oleh mereka, dan hasil di sebalik perlakuannya. Sebagai makhluk dan roh ciptaan Allah, kedudukan niat dalam sesuatu amalan atau tindakan yang mencorakkan perilaku seseorang. Inilah yang dinyatakan oleh Imam Abu Ishaq al-Shatibi r.h. (M.D. 790H. /1388M.), dalam kitabnya, *Al-Muwafaqat*. Disebabkan kepentingannya itu, maka niat menjadi syarat bagi penerimaan sesuatu amalan atau ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang hamba (Kassan, 2002). Hal ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. yang menggesa dan mensyariatkan hamba-hamba-Nya supaya menyucikan dan mengikhlasan niat dalam menyembah serta beribadah kepada-Nya:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا أَللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَوَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيمَةِ ٥

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Ugama yang benar.”

(Al-Bayyinah: 5)

Malah dalam hadis juga menegaskan kepentingan niat dalam melakukan sesuatu perbuatan. Umpamanya, sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud bahawa “amal perbuatan seseorang itu tergantung pada niatnya dan bagi seseorang apa yang ia niatkan” (Mohd Yusof Abas, 1981). Sebagaimana sabda Nabi Muhammad dalam hadis berikut:

Daripada Umar bin al-Khattab r.a katanya: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya amalan itu dengan niat, setiap orang akan memperolehi apa yang diniatkannya. Oleh itu sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya, sesiapa yang hijrahnya untuk dunia yang Akan diperolehinya atau perempuan yang akan dinikahinya, hijrahnya itu adalah kepada apa yang dia niatkan.

(Hadis riwayat al-Bukhari: 1 dan Muslim: 1907)

Kepentingan niat dalam menentukan kedudukan amalan atau perbuatan seseorang amat jelas dalam Hadith ini. Dalam peristiwa Hijrah yang berlaku pada bulan September 622 M. itu, terdapat salah seorang sahabat yang turut menyertainya semata-mata kerana keinginannya untuk mengahwini seorang wanita, iaitu Ummu Qais. Baginda s.a.w. mengetahui maksud lelaki berkenaan yang kemudian digelar "Muhajir Ummi Qais" lalu memberikan peringatan sebagaimana yang jelas dalam Hadith ini. Teguran dan peringatan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. ini disebabkan suasana yang menyelubungi baginda dan sahabat-sahabat ketika itu. Pada saat-saat yang genting itu, Nabi s.a.w. dan sahabat-sahabat yang lain menyandarkan tujuan penghijrahan mereka dari kampung halaman yang tercinta ke Madinah, kota yang terletak kira-kira 280 batu (320 km) ke utara Makkah itu semata-mata hanya

kerana Allah s.w.t. Dengan kata lain, penghijrahan bagi kepentingan, penyebaran dan kedaulatan agama Islam (Al-Nawawi, 1984).

Berdasarkan Ayat Al Quran dan hadis dan ini, maka jelas menunjukkan bahawa niat memainkan peranan yang penting dalam setiap kelakuan dan perbuatan Muslim. Perkara ini dibahaskan dengan panjang lebar oleh imam Al Ghazali dalam kitabnya *Ayyuhal Walad* tentang niat ini. Al Ghazali menegaskan bahawa bernilainya sesuatu perbuatan itu bergantung kepada kebenaran niat, kerana niat adalah keyakinan dalam hati dan kecenderungan ataupun arahan melakukan pekerjaan tertentu. Hakikatnya niat sebagai dasar awal dalam setiap perbuatan (Al Ghazali, 1991). Begitu juga dihuraikan dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* dengan menyatakan bahawa niat adalah kehendak atau tujuan yang membawa kepada perlakuan.

Rumusan. Dalam Islam, niat memainkan peranan yang amat penting dalam amalan dan penerimaannya disisih Allah S.W.T. Inilah yang dinyatakan oleh Imam Abu Ishaq al-Shatibi salah seorang fuqaha' agung mazhab Maliki dalam kitabnya, *Al-Muwafaqat*. Disebabkan kepentingannya itu, maka niat menjadi syarat bagi penerimaan sesuatu amalan atau ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang hamba (Abu Ishak Al Syatibi, 2006). Ini sebagaimana dalam firman Allah s.w.t. yang menggesa hamba-hamba-Nya supaya menyucikan dan mengikhlasan niat dalam menyembah serta beribadah kepada-Nya (Surah al-Bayyinah, ayat 5).

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا أَلَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا
الزَّكُوةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيمَةِ ٥

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Ugama yang benar.”

(Al-Bayyinah: 5)

Dalam konteks kehidupan kita hari ini, niat kelihatannya tidaklah begitu dipentingkan dan yang lebih diutamakan hanyalah matlamat atau hasil daripada usaha yang dilaksanakan. Sedangkan pada hakikatnya yang diterima dan dinilai di sisi Allah ialah apa yang diniatkan dalam hati. Kesimpulannya, sesuai dengan kedudukan niat sebagai salah satu daripada tiga bahagian Islam, sebagaimana dikatakan oleh Imam Shafi`e dan imam-imam yang lain r.h., maka ia perlulah diberikan perhatian yang sebaik-baiknya dalam setiap amal, perbuatan dan tindakan yang dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan setiap usaha dan amalan yang dilaksanakan bukanlah dengan sia-sia sahaja, yakni tidak dinilai di sisi Allah serta hanya menepati apa yang diingini atau diniatkan sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan niat amat penting dikaji memandangkan ianya adalah proksi atau gambaran terhadap perlakuan seseorang. Sehubungan itu, pengkaji merumuskan bahawa aspek niat merupakan sebahagian besar pemboleh ubah dalam kajian ini berdasarkan kepada kepentingannya dalam sudut perlakuan mahupun dalam sudut akademik.

Teori-teori berkaitan


Terdapat beberapa teori yang mendasari dan berupaya menerangkan isu ketidakjujuran akademik. Teori-teori berikut adalah:

Teori Tingkah laku Terancang (Theory of Planned Behaviour (TPB).

Theory of Planned Behaviour (TPB) (Ajzen, 1991) merupakan pengembangan dari The Theory Reasoned Action (TRA) (Ajzen & Fishbein, 1975). Asas penting Theory Of Planned Behaviour dan Theory Reasoned Action, adalah niat individu tertentu untuk melakukan perilaku tertentu. Tindakan individu ditentukan oleh niat individu tersebut untuk melakukan perilaku (Thomas, et al., 2007). Persoalan utama yang menjadi inti pati perbincangan dalam teori ini niat individu terhadap perilaku tertentu


berdasarkan tiga komponen utama iaitu (1) sikap terhadap perilaku (attitude toward behaviour) (2) norma subjektif (subjective norms) (3) kawalan tingkah laku (perceived behavioral control). Teori ini lebih efektif dan mudah membuat ramalan keatas tingkah laku kemahuan (volitional behaviour) jika terdapat kemahuan dan usaha terhadap sesuatu tindakan (Thomas, Jennifer, Jawahar, 2007). Menurut (Beck dan Ajzen, 1991; Thomas et: al 2007) menyatakan secara jelas Theory Of Planned Behavior merupakan teori yang terarah dan amat sesuai untuk menguji (predict) ketidak jujuran akademik (academic dishonesty) yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini. Selain itu (Rozzett Jurdi, Sam Hage dan Henry, 2011) juga menyarankan serta menggunakan model ini dalam kajian mereka.

Kebanyakan pengkaji terdahulu seperti (Passow, Mayhew, finelli, Harding, Trevor dan Carpenter, 2006) dalam kajian mereka terhadap 643 mahasiswa kuliah kejuruteraan untuk membuat ramalan dan inferen terhadap ketidak jujuran akademik , (Thomas, Jawahar, Kisamore, 2014), (Meng, Jamilah, Jeffere dan Zahorah, 2014), begitu juga (Whitley, 1998; Thomas et al., 2007) dan (Mei Wah, William dan Matthew, 2013) juga menggunakan TPB dalam kajian mereka terhadap ketidak jujuran akademik, menguatkan lagi hujah mengatakan teori ini amat sesuai digunakan sebagai panduan utama kajian ini.




Rajah 2.6 Teori tingkah laku terancang

Teori Tindakan beralasan (Theory of Reason Action). Ajzen dan Fishbein (1975) berusaha untuk mengembangkan suatu pemahaman terhadap sikap dan hubungannya terhadap perilaku manusia. Mereka mengemukakan salah satu teori penting iaitu teori tindakan beralasan (theory of reason action). Teori ini mengatakan dan menjelaskan bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku dalam membuat keputusan yang teliti dan beralasan. Teori ini merangkumi dua perkara iaitu (1) perilaku tidak banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh sikap umum tetapi berasaskan sikap yang spesifik terhadap sesuatu. (2) Perilaku dipengaruhi tidak hanya oleh sikap, tetapi juga oleh norma-norma subjektif.



Rajah 2.7 Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reason Action)

Dual Process Model. Dual Process model digunakan oleh Sierra dan Hyman (2006) dalam menggambarkan fenomena ketidak jujuran akademik. Dual process Model digambarkan dengan lima faktor utama yang menentukan keinginan atau niat mahasiswa untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Sierra et al., (2006) menstrukturkan model dengan beberapa faktor yang mempengaruhi integriti akademik dan kecenderungan untuk melakukan ketidakjujuran akademik (menipu) iaitu faktor kognitif, emosi, penguasaan lokus, kemahiran personel dan jangkaan penyesalan.



Rajah 2.8 Dual Process Model (sumber: Sierra dan Hyman, 2006).

Teori nilai Al-Ghazali (1058-1111/H). Teori nilai sahsiah Al Ghazali (1058-1111/H) berhubung kait dengan konstruk emosi, motivasi, sikap habluminallah dan habluminannas sebagai unsur dalaman yang berupaya mempengaruhi tingkah laku manusia. Ghazali (2007) memberi gambaran bahawa Imam al-Ghazali telah memberi penekanan kepada konsep latihan jiwa (riyadat al-nafs) dan pembersihan/pemurnian jiwa (tazkiyyat al-nafs) agar di aplikasikan oleh manusia untuk membentuk perlakuan dan akhlak yang baik.

Andaian teori ini disokong oleh Ibn Miskawaih bahawa individu harus sentiasa mendalami pengetahuan yang benar untuk sentiasa menambah baik kelakuan dan sahsiahnya (Al-Ghazali, 2006). Menurut Al Ghazali (1058-1111/H) juga, perilaku manusia bukan sahaja kuasa baik atau jahat, baik atau buruk sahaja malah nilai-nilai agama dan Akallah yang berupaya menilai sama ada perbuatan itu baik atau buruk. Andaian utama teori ini adalah perilaku manusia adalah lukisan dalaman yang dinamik dan *tabii* yang sebatи dalam jiwa manusia yang berupaya membentuk perilaku yang cenderung kepada kebaikan. Asas utama teori ini juga adalah memberi tumpuan kepada perkembangan *an-nafs*, di samping komponen *nafsiyyah* dan *qalbu* dilihat komponen yang berhubung dengan *al-aql* dalam menghasilkan perilaku tertentu

(Ghazali, 2007). Oleh yang demikian teori nilai ini berupaya menjadi indikator dan *standard* yang sesuai dalam memahami perlakuan dan sikap manusia dalam melakukan sesuatu perbuatan.

Teori ini juga mengandaikan *Qalbu* berfungsi dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku manusia. *Qalbu* mempunyai pertalian yang signifikan dengan *aqliah* yang akan menghasilkan tingkah laku *nafsiah* (Miskawaih, 1934). Sebagai satu pola pemikiran manusia *aqliah* memerlukan pengetahuan yang akan membentuk konsep, generalisasi dan rasionalisasi yang membentuk pertimbangan dalam melakukan sesuatu perbuatan.

Teori Al-Ghazali juga cenderung dalam menilai proses pembentukan perilaku individu. Al Ghazali (2006) mencadangkan bahawa dalam membentuk peribadi dan sahsiah mulia dengan mengelakkan daripada melakukan perbuatan yang tercela. Imam Al Ghazali (111/H) menukikan bahawa perilaku baik atau buruk manusia itu dinilai berdasarkan nilai-nilai agama yang ada dalam diri manusia. Oleh yang demikian, andaian utama teori ini bahawa tingkah laku manusia adalah lukisan dalaman yang dinamik dan tabii yang sebatи dalam setiap diri individu.

Secara umumnya Al Ghazali menyatakan bahawa manusia terbahagi kepada empat komponen iaitu *qalb*, *al-ruh*, *al-nafs*, *al aql*. Manakal Qalb (hati) merupakan struktur paling utama dan terpenting di dalam mengawal kefungsian semua komponen manusia. Hati terletaknya segala jenis kebaikan dan kejahanan (Faizati dan Faudzinain, 2016). Sekiranya hati manusia dikotori dengan kejahanan (*fasad*), maka segala-galanya tindakan akan menjadi rosak.

Aspek lain iaitu *al-ruh* adalah unsur kejadian yang sama dengan malaikat dan ia bersifat *rabaniyyah*. Ia tidak bersifat azali (kekal) malahan kcenderungan untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Adapun, keadaan *al-ruh* tidak

mampu mengekalkan amalan kebaikan kerana keinginan nafsu manusia. *Nafs* mempunyai dua unsur utama iaitu *hayawanah* dan *syaitoniyah*. Kedua-dua unsur ini berupaya mengarahkan kepada pelampiasan nafsu semata-mata. Bagaimanapun, nafsu boleh berubah kepada tiga komponen iaitu *mutmainnah*, *lawwamah*, dan *ammarah*. Seterusnya al-aql merupakan unsur tertinggi dalam diri manusia dan iamerupakan komponen yang membezakan antara manusia dan haiwan (Noor Shakirah 2008).

Selain itu, tingkah laku dan sahsiah yang baik dapat dibentuk jika manusia menerima latihan *ruhiyyah* yang berterusan. Al-Ghazali (2006) mengandaikan jiwa manusia dapat menerima segala pembentukan sahsiah melalui latihan, pembelajaran dan kebiasaan dalam tingkah laku. Menurut beliau juga, fitrah dan normalnya manusia ini cenderung kepada kebaikan. Oleh yang demikian, jiwa dapat dilatih, dikuasai dan dibina. Ia meliputi beberapa kriteria andaian:

- i. Sifat manusia atau individu akan muncul dari hati yang terpancar melalui organ tubuh badan, kerana setiap tindakan organ tubuh badan berhubung dengan *an-nafs* individu.
- ii. Perkara yang lazim dilakukan individu boleh merubah tingkah laku, disebabkan sesuatu yang kebiasaan dilakukan akan digerakkan dengan sendiri oleh jiwa melalui *al-qalb* apabila ingin melakukannya.

Unsur lain yang boleh digunakan kepada justifikasi penggunaan teori ini adalah disebabkan oleh elemen kerohanian yang berupaya membawadan melatih manusia kepada perilaku takwa kepada pencipta. Inti utama teori ini, dengan memberi tumpuan kepada perkembangan *an-nafs*, *qalb* dan *al ruh* yang akan berhubung dengan akal *al-aql* dalam menghasilkan tingkah laku manusia (Muhammad Uthman, 2007).

Tinjauan Kajian Berkaitan Ketidak Jujuran Akademik Luar Negara

Kajian yang dilakukan Burton, Talpade dan Hynes, (2011) mendapati bahawa faktor yang menjadi punca kepada perlakuan ketidak jujuran akademik adalah seperti standard akademik yang lemah, saiz kelas, peningkatan permintaan terhadap pekerjaan, teknologi pembelajaran jarak jauh dan akses terhadap internet yang tiada had dan limit. Manakala Jones (2011) kajiannya ke atas 48 orang pelajar perniagaan mendapati bahawa terdapat tiga faktor utama mengapa mereka terlibat dengan ketidak jujuran akademik iaitu gred, suka bertangguh (*procrastinations*) dan tidak mempunyai masa yang mencukupi bagi menyiapkan tugas dan peperiksaan.

Isu ketidak jujuran akademik menjadi polemik yang besar dalam dunia pendidikan (Josien dan Broderick, 2013). Memang tidak dapat dinafikan telah banyak kajian yang dijalankan terhadap isu ketidak jujuran akademik ini. Salah satu kajian paling awal dilakukan oleh (Baird, 1980) mendapati bahawa 75% pelajar peringkat siswazah pernah melakukan ketidak jujuran akademik. Pada tahun 1997 Mc Cabe dan Trevino melaporkan bahawa 13% hingga 70% pelajar akan melakukan ketidak jujuran akademik di sepanjang pengajian mereka. Pada tahun 2005, (McCabe, 2005; Josien dan Broderick, 2013) melaporkan bahawa 70% daripada 50,000 pelajar ijazah sarjana muda dalam lingkungan tahun 2002 hingga 2005 pernah meniru dan melakukan ketidak jujuran akademik dan data ini dikumpul daripada 60 kampus di seluruh dunia.

Ravinder Koul (2012) dalam kajian beliau terhadap 2123 orang pelajar pengajian tinggi di Thailand dengan menggunakan beberapa pemboleh ubah seperti gender, aspirasi karier profesional digabungkan dengan materialisme, religiositi dan matlamat pencapaian terhadap keinginan untuk melakukan kecurangan (*willingness to cheat*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor materialisme dan aspirasi karier mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk melakukan ketidak jujuran

akademik. Kedua-dua faktor ini mempunyai nilai yang signifikan kepada niat untuk melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = .321$ dan $\beta = .167$). Sementara itu faktor religiositi (sassana) dan matlamat masteri mempunyai nilai yang tidak signifikan atau negatif dengan niat melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = -.107$, $\beta = -.108$). Pemboleh ubah paling kuat terhadap niat untuk melakukan kecurangan dalam kajian ini adalah faktor materialisme dan matlamat pencapaian.

Maria, Carlo, Robert & Marinella (2011) mendapati dalam kajian beliau bahawa masalah moral (*moral disengagement*) dan perilaku rakan-rakan sekeliling (*peer behaviour*) mempengaruhi perilaku ketidak jujuran akademik. Balazs dan Laszlo (2013) menyatakan bahawa hasil kajian beliau yang menunjukkan aspek teknologi (digital) mempengaruhi ketidak jujuran akademik dalam kalangan pelajar, hujah ini disokong juga oleh (Thomas et al., 2007). Wan Zah et al., (2012) berpendapat faktor lain yang mempengaruhi ketidak jujuran akademik adalah seperti kefahaman tentang isu plagiarism, kefahaman kendiri dan akhlak (*ethics*) dan sikap individu itu sendiri.

Perlakuan tidak beretika seperti ketidak jujuran akademik sama ada meniru, mencetak tugasan orang lain termasuk plagiat sudah menjadi kebiasaan pada masa kini (Center for Academic Integrity, 1999). Kajian yang dilakukan oleh Domeova dan Jindrova (2013) keatas laporan yang dibuat oleh (CAI) menyokong data tersebut yang mendapati bahawa lebih 75% daripada pelajar-pelajar pengajian tinggi melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan kajian juga menunjukkan, walaupun sebahagian besar pelajar (66.4%) tahu dan faham akan tindakan yang mungkin dikenakan kepada mereka, namun ketidak jujuran akademik tetap berlaku.

Kajian yang melibatkan dunia pendidikan terhadap ketidak jujuran akademik juga banyak dijalankan. Kajian Paolo dan Bastos (2014) tinjauan yang di jalan ke atas 170 orang guru dan 332 pelajar sekolah menengah di tujuh buah negara eropah

terhadap isu plagiarisme, menunjukkan kefahaman bahawa ketidak jujuran akademik itu tidak sah (*illegal*).

Galloway (2014) dalam kajian beliau terhadap 4316 mahasiswa pengajian tinggi mendapati hampir 93% peratus mahasiswa pernah melakukan ketidak jujuran akademik sekurang-kurang sekali. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa pelajar di institusi pengajian lebih kecil kurang terlibat dengan aktiviti ketidak jujuran akademik berbanding dengan institusi pengajian yang lebih besar. Berdasarkan sampel kajian yang dipilih menunjukkan bahawa 33% pelajar di peringkat atas dilaporkan melakukan kecurangan dengan pelbagai cara, manakala 40% dilaporkan melakukan ketidak jujuran akademik sekurang-kurang sekali. Pelajar menyatakan antara penyebab utama gejala ini berlaku berpunca daripada pihak pentadbir kurang menitik beratkan aspek keburukan dan kesan sampingan aktiviti ketidak jujuran akademik.

Kajian (Jurdi, Hage dan Henry, 2012) terhadap 321 responden di beberapa universiti di Canada mendapati bahawa separuh daripada pelajar terlibat dengan aktiviti ketidak jujuran akademik. Lebih daripada separuh daripada mereka terlibat sekurang-kurangnya satu daripada tingkah laku ketidak jujuran akademik. Dalam kajian ini, pemboleh ubah penting dikaji ialah faktor demografi, keagamaan, dan karakteristik akademik. Dapatan penting kajian menunjukkan faktor demografi menunjukkan hubungan yang signifikan dengan ketidak jujuran akademik. Keputusan ujian regresi menunjukkan nilai ($\beta = 0.210$, $p < 0.050$). Manakala aspek paling memberi kesan dan hubungan yang tertinggi adalah aspek kerakteristik etika akademik, seperti persepsi terhadap kepentingan akademik mencatatkan nilai ($\beta = 0.203$, $p < 0.001$), kemampuan akademik ($\beta = 0.153$, $p < 0.001$) dan strategi pembelajaran secara mendalam mencatat nilai ($\beta = 0.134$, $p < 0.050$).

Shu Ching Yang (2012) dalam kajiannya terhadap 586 pelajar siswazah di Taiwan, mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak terlibat berbanding dengan pelajar lelaki. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih faham tentang etika kesalahan terhadap tingkah laku ketidak jujuran akademik. Kajian juga mendapati bahawa pelajar peringkat sarjana merupakan golongan yang paling tinggi terlibat dengan ketidak jujuran akademik berbanding dengan pelajar peringkat doktor falsafah (Phd).

Dalam dunia moden yang semakin pesat membangun, teknologi IT (*Information Technology*) seperti internet, laman-laman sosial dan sebagainya menjadi ancaman kepada dunia akademik (Peled, Eshet dan Grinautski, 2013). Kajian-kajian semakin giat dijalankan melibatkan penggunaan ICT dan pengaruhnya terhadap ketidak jujuran akademik. Kajian yang dijalankan oleh (Muir, 2006; Lau, Caracciolo, Roddenberry dan Scroggins, 2012; Peled et al., 2013) mendapati bahawa tahun 1999 sebanyak 10% pelajar menyalin secara “*cut and paste*” daripada sumber internet, namun menjelang 2005 sebanyak 40% pelajar menggunakan kaedah yang sama dalam menyelesaikan kertas projek mereka. Kajian ini menunjukkan peningkatan yang serius isu ketidak jujuran akademik yang melibatkan penggunaan ICT dalam dunia akademik.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa fenomena ketidak jujuran akademik berlaku disebabkan pelbagai faktor. Malahan terdapat pengkaji yang mengaitkan fenomena ini berlaku disebabkan oleh faktor personaliti. Kajian Peled, Grinautski dan Barczyk (2013) cuba mengaitkan aspek personaliti dengan ketidak jujuran akademik. Hasil kajian mereka mendapati bahawa faktor personaliti tidak memainkan peranan yang positif dengan fenomena ketidak jujuran akademik. Dapatkan kajian ini, menyamai kajian Day, Hudson, Dobie dan Waris (2001) yang menunjukkan

bahawa aspek personaliti tidak mempunyai hubungan yang positif dengan ketidakjujuran akademik. Namun demikian terdapat juga aspek personaliti yang mempunyai hubungan yang positif dengan ketidakjujuran akademik, seperti dapatan kajian (Rotter 1966; Peled, 2013) menunjukkan terdapat faktor kawalan Lokus (*locus Control*) mempunyai hubungan yang positif dengan ketidakjujuran akademik. Akan tetapi kajian Whitley (1998) menujukkan bahawa faktor kawalan lokus tidak memberi impak yang besar kepada fenomena ketidakjujuran akademik dalam kalangan pelajar. Kajian kualitatif yang dijalankan oleh Sohrabi, Gholipur dan Mohammed Esmaeli (2011) mendapati terdapat beberapa aspek personaliti yang menjadi punca kepada berlakunya ketidakjujuran akademik iaitu aspek mahu mudah untuk berjaya, takut untuk gagal, untuk mendapat gred dan faktor kemahiran teknologi.

Menurut Fincileschu & Cooper (2017) ketidakjujuran akademik sememangnya berlaku berdasarkan beberapa faktor yang dominan. Dapatan kajian beliau mendapati terdapat beberapa faktor asas yang menjadi penyebab berlakunya masalah ini seperti pelanggaran nilai moral, faktor tekanan dan faktor kekeliruan dalam kalangan mahasiswa. Ketiga-tiga faktor ini mendominasi persepsi mahasiswa di Afrika Selatan dalam konteks ketidakjujuran akademik yang semakin berleluasa ketika ini.

Selain itu, Lonsdale (2017) membuktikan dalam kajiannya bahawa terdapat beberapa aspek yang memberi indikator signifikan kepada fenomena ketidakjujuran akademik. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa faktor seperti norma subjektif, personaliti dan sikap menunjukkan hubungan yang signifikan dengan hasrat atau niat untuk melakukan ketidakjujuran akademik. Namun demikian kajian tidak dapat membuktikan secara jelas sama ada pengaruh rakan benar-benar mempengaruhi keinginan individu dalam melakukan ketidakjujuran akademik. Manakala Freiburger, Romain, Randol dan Marcum (2017) memberi justifikasi bahawa faktor seperti

kawalan kendiri, tekanan sama ada daripada aspek keluarga, rakan sebaya dan organisasi memberi gambaran wujudnya kecenderungan untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Anderman dan Koenka (2017) menjelaskan bahawa faktor motivasi akademik (matlamat peribadi dan efikasi kendiri) juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidak jujuran akademik. faktor seperti matlamat peribadi dan efikasi kendiri mempunyai perkaitan yang kuat dalam menentukan tingkah laku ketidak jujuran akademik. Kesemua faktor motivasi ini membentuk satu sikap dalaman yang boleh mengubah diri manusia dalam mencapai matlamat peribadi dengan melakukan pelbagai cara untuk mencapainya.

Tinjauan Kajian Ketidak Jujuran Akademik di Malaysia.

Kajian Hadijah, Norashikin, Nusrah dan Fauziah (2013) terhadap 610 pelajar perniagaan di beberapa buah universiti awam di Malaysia, mendapati bahawa kebanyakan pelajar terlibat dengan aktiviti ketidak jujuran akademik kerana kebanyakan pensyarah tidak memberi peringatan terhadap tingkah laku tersebut (*academic dishonesty*). Dapatan juga menunjukkan bahawa faktor tugas yang tidak relevan dengan subjek dan juga pengaruh rakan (*peer influence*) memberi kesan kepada ketidak jujuran akademik dalam kalangan mereka.

Fenomena tersebut juga dibuktikan melalui kajian (Idzwani, Noor Rahmawati, Aslinda dan Zulkarnain, 2013) telah mengkaji tentang ketidak jujuran akademik pelajar UITM yang melibatkan seramai 388 responden yang terdiri daripada pelbagai fakulti. Dapatan penting kajian ini, hasil ujian t menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara isu peniruan dalam peperiksaan ($\beta = 0.025 = < 0.05$) dengan ketidak jujuran akademik berdasarkan jantina. Begitu juga peniruan dalam

tugasan (*assignment*) mencatatkan nilai ($\beta = 0.026 = < 0.05$) juga menunjukkan hubungan yang positif dengan ketidak jujuran akademik dari sudut jantina. Sementara itu, bagi plagiat nilai menunjukkan ($\beta = 0.0265 = > 0.05$) menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan plagiat terhadap ketidak jujuran akademik. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar fakulti teknologi maklumat lebih banyak melakukan ketidak jujuran akademik berbanding fakulti lain menguatkan lagi bahawa kemudahan akses kepada ICT dan kemahiran penggunaannya memudahkan lagi aktiviti ketidak jujuran akademik.

Kajian Singh dan Thambusamy (2016) terhadap 288 pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa (59%) bersetuju bahawa ketidak jujuran akademik adalah sesuatu yang tidak bermoral dan menyalahi etika. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa sebanyak 80% pelajar memberi pendapat bahawa tidak akan melaporkan kejadian ketidak jujuran akademik. Ini menunjukkan bahawa faktor moral memainkan peranan dalam menentukan fenomena ini dapat dibendung. Hasil daripada kajian menunjukkan faktor moral menunjukkan terdapat peranan yang signifikan dalam memandu kelakuan dan etika mahasiswa.

Selain itu, Kajian Harris, (2011) menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor penting yang menyumbang kepada ketidak jujuran akademik dalam skop pendidikan di Malaysia. Faktor tersebut adalah seperti faktor institusi, kemudahan internet dan sikap kendiri. Paling mengejutkan, data menunjukkan bahawa faktor kemudahan internet menjadi faktor terpenting kepada ketidak jujuran akademik iaitu mencatat jumlah 89.8%. Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa faktor kemudahan internet menjadi faktor paling kuat iaitu mencatat nilai $\beta = 0.21$, $t = 3.31$ ($p < 0.00$) diikuti oleh faktor institusi mencatat nilai $\beta = 0.21$, $t = 3.18$ ($p < 0.00$).

Kajian Latisha dan Surina (2012) ke atas 100 orang pelajar diploma di Universiti awam di Malaysia mendedahkan bahawa kebanyakan pelajar faham dan berpengetahuan tentang undang-undang institusi terhadap isu ketidak jujuran akademik. Kajian juga menyatakan bahawa pengaruh dan tekanan rakan-rakan (*peer pressure*) dan budaya kolektif (*collective culture*) memberi kesan secara langsung kepada ketidak jujuran akademik di IPTA Malaysia.

Kajian yang dilakukan oleh Imran dan Nordin (2013) keatas 250 orang mahasiswa di tiga buah universiti awam di Malaysia dengan menggunakan teori TPB menunjukkan bahawa kesemua faktor yang dikaji adalah signifikan dan mempunyai hubungan yang positif. Kesemua komponen model yang dikaji menunjukkan secara statistiknya memberi kesan yang signifikan terhadap niat untuk melakukan (*intention*) dan juga ketidak jujuran akademik itu sendiri (*actual behaviour*) dengan jumlah varians antara (69%-75%). Hasil analisis statistik kajian menunjukkan bahawa nilai chi square 2.17, nilai $p = .115$, RMSEA .071 dan *Comparative Fit Index (CFI)* .999. Berdasarkan analisis ini, ianya jelas menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif berdasarkan model yang digunakan (*critical ratio value > 1.96*, pada tahap nilai alpha $p < .001$).

Norshahriza (2010) menjelaskan dalam kajian beliau terhadap 252 mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor personaliti dengan ketidak jujuran akademik melibatkan penggunaan internet. Menariknya, kajian beliau mendapati secara jelas faktor personaliti seperti *extraversion*, mudah bersetuju (*Agreeableness*), mendengar kata hati (*conscientiousness*), kestabilan emosi (*emotional stability*) memberi kesan yang positif kepada ketidak jujuran akademik. Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa konstruk *agreeableness* signifikan pada tahap ($r = .230$, $p < 0.01$), mendengar kata hati

(consciencetiones) ($r = .230$, $P < 0.01$), kestabilan emosi, *Emotional stability* ($r = .227$, $P < 0.01$). Namun demikian faktor *extraversion* tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap ketidak jujuran akademik melibatkan internet.

Quah, Stewart dan Lee (2012) pula, telah menjalankan kajian terhadap 160 orang pelajar universiti awam dan kolej swasta di Malaysia mendapat bahawa faktor etika moral (idealism, Relativism dan Machiavelisme) serta faktor keagamaan sebagai penyederhana tidak memainkan peranan positif terhadap isu plagiarism. Namun demikian, faktor *Idealisme* menunjukkan hubungan yang negatif terhadap plagiarism dengan mencatat nilai ($\alpha = 1.164$, $p = 0.037$). Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi idealism menunjukkan semakin kurang kecenderungan untuk melakukan plagiarism. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor keagamaan tidak menunjukkan hubungan yang positif terhadap plagiarism dengan mencatat nilai ($r = 0.095$; $p < 0.05$). Ringkasan kajian menyatakan bahawa nilai etika yang ada pada diri tidak memainkan peranan yang signifikan dengan isu plagiatus. Tidak bermakna orang yang beretika tinggi tidak melakukan plagiatus bersamaan juga dengan faktor keagamaan yang tidak memainkan peranan dalam isu plagiarism.

Jurang Kajian (Gap)

Jadual 2.1

Ringkasan literatur (critical analysis)

No	PENULIS	DAPATAN KAJIAN/ METODOLOGI	INSTRUMEN & SAMPLE	GAP/JURANG
1	J.A. Ballentine, P McCourt Larres, M, Mulgrew (2014) <i>Determinant s of Academic Cheating</i>	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat wanita lebih tidak bertoleransi (intolerant) terhadap penipuan akademik berbanding lelaki. Mengenai ethical ideology mendapat faktor idealisme lebih signifikan positif terhadap tidak bertoleransi dengan kecurangan 	<ul style="list-style-type: none"> Kajian ini menggunakan instrumen yang dibentuk oleh Irish University. Bagi konstruk kedua iaitu kelakuan dalam kelas dan tingkah laku menggunakan Cheating Behaviour Questionnaire (CBQ) 	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan agar <i>religiositi</i> dan <i>Culture</i> dimasukkan sebagai pemboleh ubah dimasa yang akan datang. Penyelidik mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam kajian kerana faktor religiositi dan budaya tidak dimasukkan dalam kajian.

	<p><i>behaviour : The future for Accountancy in Ireland.</i></p> <p>Accounting Forum 38 (2014) 55- 66</p>	<ul style="list-style-type: none"> berbanding reltivisme yang tidak signifikan. Berpendapat bahawa jika wanita lebih bersikap positif idealisme akan terhad ketidak jujuran akademik maka akan membawa kepada kebaikan etika (honesty). 	<p>adaptasi daripada Forrest dan Pritchett (1990).</p> <ul style="list-style-type: none"> Responden kajin daripada pelajar siswazah akaunting universiti yang terdapat di Ireland.Seramai 752 pelajar terlibat. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengakui hanya menggunakan teknologi untuk mengesan Ketidak jujuran akademik tetapi tidak mengambil kira faktor dalaman dan keagamaan sebagai pemboleh ubah (<i>Variable</i>)
2	<p>Kulsoom Ghias, Ghulam Rehmi Lakhoo, Hamna Asam, Iqbal Syed Azam, Sheikh Abdul Saeed.</p> <p>(2014)</p> <p><i>Self reported attitudes and Behaviours of Medical Students in Pakistan regarding Academic misconduct: A cross sectional Study</i></p> <p>BMC medical Ethic, 15(43), 1-14</p>	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan tingkah laku pelajar perubatan terhadap Ketidak jujuran akademik. Pelajar berupaya mengenal pasti ketidak jujuran akademik dan etika kecurangan namun ianya tidak menolak mereka daripada melakukan ketidak jujuran akademik. <p>Dapatkan juga menunjukkan tiada perbezaan antara jantina terhadap nilai etika jika melakukan kecurangan dan penalti yang akan dikenakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Dapatkan juga menunjukkan tida perbezaan antara jantina terhadap kefahaman tentang ketidak jujuran akademik. 	<ul style="list-style-type: none"> Responden terdiri dari pada 465 orang pelajar jurusan perubatan. Instrumen yang digunakan di adaptasi daripada Rennie dan Crosby (2001) . 	<p>Mencadangkan agar dimasukkan unsur berikut sebagai Virable :</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Religiosity and religion</i> <i>Role of economic status</i> Mencadangkan juga dikaji dalam skop responden yang lebih banyak dan negara lain. <p>Tiada teori yang diterangkan dengan jelas dalam kajian</p>
3.	<p>Timothy H. Reisenwitz, (2012)</p> <p>Can A Business Ethics Course Affect Academic Dishonesty?</p> <p>Academy of educational Leadership Journal, Vol 16. No 2</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mendapati bahawa pelajar yang mengambil subjek <i>business ethic</i> kurang kecurangan berbanding pelajar yang tidak mengambil subjek. Mendapati bahawa <i>ethic</i> memberi kesan kepada keinginan untuk melakukan kecurangan Mendapati bahwa tida jurang yang banyak antara pelajar yang mengambil subjek <i>ethic</i> atau tidak. 	<ul style="list-style-type: none"> Sample terdiri daripada 202 pelajar pentadbiran perniagaan Southastern University Menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada <i>Mc Cabe & Trevino (1993) academic dishonesty scale</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengkaji mencadangkan agar dimasukkan unsur religiositi dan Kecerdasan (Intelligence) dan juga demografi sebagai <i>variable</i>.

4.	<p>Thomas Li Ping Tang, Theresa Li Na Tang, (2010)</p> <p><i>Finding Lost Sheep: A Panel study of Business student intrinsic religiosity, Machiavellism, and unethical behaviour Intention</i></p> <p>Ethic and Behaviour, 20(5), 352-379.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mendapati bahawa religiositi ketidak jujuran akademik terhad adalah signifikan dengan wanita tidak bagi lelaki. Mendapati bahawa insrinsik religiositi meberi kesan kepada sikap, tingkah laku, etika (ethical judgement). Orang yang mempunyai religiositi yang tinggi lebih sensitif etikanya berbanding orang yang kurang religiositi. 	<ul style="list-style-type: none"> Kajian ini menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada 8 item <i>intrinsic religiosity</i> (Allport da Ross, 1967). Responden kajian terdiri daripada pelajar siswazah Perniagaan yang melibatkan seramai 266 orang terlibat. Pengkaji menggunakan <i>Theory of Planned Behaviour</i> (TPB, Ajzen 1991) sebagai model kajian. <ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan pengkaji akan datang agar melihat faktor <i>religiosity yang lebih mendalam (how, when, who, where)</i> dan bagaimana manusia belajar agama dan bagaimana? Mencadangkan juga agar mencari fakta dan bukti yang menggambarkan keagamaan memberi kesan. Membuat persoalan adakah perilaku tidak beretika berpuncak daripada faktor keagamaan. Mencadangkan agar pengkaji akan datang membina kerangka teori yang lebih baik yang berpaksi <i>kepada faktor keagamaan</i>.
5	<p>Amy Martin (2013)</p> <p><i>Can Religion Buffer Cheating?</i></p> <p>Phd thesis, University of Northern Illionis, Illionis , USA.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kajian pengkaji adalah untuk mengkaji kesan pengaruh religiositi terhadap tingkah laku menyimpang(cheating) dalam dunia akademik. Mendapati bahawa religiositi tidak signifikan dengan tingkah laku menyimpang dam mendapati norma sosial (<i>social norms</i>) adalah signifikan. Menyatakan, pendapatnya bahawa faktor agama tidak menjadi faktor yang kuat,namun responden yang dikaji hanyalah sebahagian kecil sahaja dan tidak boleh dilihat dalam skop yang lebih luas, dan kebarangkalian untuk faktor keagamaan menjadi faktor yang kuat di tempat, suaana, budaya,dan amalan di tempat lain. 	<ul style="list-style-type: none"> Responden kajian terdiri daripada 109 pelajar yang mengambil subjek psikologi di Universiti Midwestern USA. Pengkaji tidak menyatakan dengan jelas teori atau model yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen Religious Orientation Scale untuk mengukur religiositi. Beliau mengadaptasi instrumen yang telah digunakan oleh Allport & Ross (1967) yang juga diubahsuai oleh Gorsuch & Mc Pherson (1989). Menyatakan limitasi responden kerana jumlah responden yang digunakan dalam kajian ini terlalu sedikit. <ul style="list-style-type: none"> Menyatakan bahawa ianya menjadi logik jika mengaitkan faktor kegamaan (religions) antara faktor yang akan mempengaruhi sesuatu tingkah laku. seperti yang dicadangkan Cialdini et al., (1990) Berpendapat bahawa faktor keagamaan akan menjadi pendorong yang kuat untuk melawan godaan keinginan untuk bertingkah laku sama ada negatif atau positif. Seperti yang di sarankan oleh Laurin, Kay, Fitzsimon (2012). Berpendapat bahawa faktor keagamaan memberi sumbangan yang sanagt besar kepada kekuatan untuk melawan kelakuan seperti isu moral dn tingkah laku. Berpendapat tidak banyak kajian ketika ini yang menjadikan faktor

			<p><i>keagamaan</i> sebagai <i>predictor</i>. Lalu menyarankan agar pengkaji akan datang memasukkan unsur keagamaan sebagai <i>predictor</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juga mencadangkan agar <i>faktor motivasi</i> sebagai predictor dimasa akan datang. • mencadangkan juga memasukkan faktor <i>identity</i> sebagai predictor 	
6	M.Izwan M.Salleh, Noor Rahmawati Alias, Haslinda Abdul Hamid,	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian mendapati bahawa unsur demografi memberi kesan yang positif kepada ketidak jujuran akademik di IPTA Malaysia. • Mendapati bahawa pelajar daripada fakulti 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada <i>model-teori</i> yang khusus dinyatakan dalam kajian. • Responden terdiri daripada <i>388 pelajar di Univeriti awam tempatan diMalaysia</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencadangkan memasukkan aspek keagamaan (<i>religious concern</i>) dan <i>Moral Factor</i> sebagai pemboleh ubah baru kajian akan datang.
7	Zulkarnain Yusoff (2013) Academic Dishonesty among Undergraduates in Higher Education International Journal of Academic Research Vol 5 (2).pp 222-227.	<ul style="list-style-type: none"> • ICT melakukan lebih kecurangan berbanding fakulti lain. Ini mungkin disebabkan oleh penggunaan ICT yang maksimum dalam fakulti ini memungkinkan masalah kecurangan kerap berlaku. Mendapati juga bahawa peniruan semasa ujian menjadi peramal paling signifikan yang melibatkan 88% pelajar terlibat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Item dan instrumen kajian diambil dan diadaptasi daripada kajian <i>lepas (Lin & Wen, 2007)</i> 	
8	Kulsoon Gias, Ghulam Rehmani Lakhoo, Hamna Asim, Iqbal Syed Azaam, Abdul Saeed, (2014) Self reported attitudes and behaviours of Medical students in Pakistani	<ul style="list-style-type: none"> • 53% peratus pelajar perubatan mengetahui tentang ketidak jujuran akademik berbanding 35% tidak menyedari aktiviti ketidak jujuran akademik. • 63% menyedari bahwa amalan kecurangan adalah salah berbanding selebihnya kurang penghayatan. • Kajian juga mendapati bahawa pelajar yang mengetahui bahwa etikan kecurangan itu salah tidak membawa sebarang perubahan dalam sikap 	<ul style="list-style-type: none"> • responden kajian terdiri daripada 465 orang pelajar fakulti perubatan di pakistan. • Intrument kajian di adaptasi daripada Rennie & Crosby (2001). • Cross-Sectional study. • Tiada teori dijelaskan secara jelas dalam kajian. 	<p>mencadangkan agar dimasukkan pembileh ubah baru dalam kajian akan datang:</p> <p>1. Religiositi (religion) 2. Status sosio ekonomi.</p>

		regading academic misconduct: A creoss – sectional study	terhadap ketidak jujuran akademik.	
		BMC medical ethics 15(43), 2-14.		
9	Timothy J Sweet-Holp, Veyonnis M.James (2013) Academic Misconduct: student beliefs and behaviours at a HBCU. The online Journal of new Horizons in Educations. vol 3 (4). 1-11	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian tidak mendpati hubungan yang signifikan antara kepercyan mereka dengan perilaku • Pelajar cenderung untuk terlibat dengan ketidak jujuran akademik mereka walaupun nilai etika kepercayaan mereka tidak membenarkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian dijalankan ke atas 237 pelajar HSBU univeriti USA. • Instrumen diambil dan diadaptasi dari Hart et al., (2006). • Tiada teori yang digunakan dalam kajian 	<p>mencadangkan pada kajian yang akan datang GAP:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Role of religion (religiositi). 2. mencadangkan juga faktor lain yang melibatkan kepercayaan (<i>belief</i>) dan tingkah laku (<i>behaviour</i>) 3. Menyarankan agar aspek spiritual dimasukkan .
10	Kevin J. Shanahan Christophe r D. Hopkin mary Anne Raymond (2013) Student Identification of academic Cheating Typology and link to shoplifting motivation (Marketing education Review, vol 23.no 2 pp 163-178.	<ul style="list-style-type: none"> - Mendapati bahawa shoplifting adalah <i>predictor</i> yang signifikan dan kuat untuk meramal <i>cheating</i>. - Mendapati terdapat dua faktor utama dua jenis behaviour iaitu <i>minor behaviour</i> dan <i>serius behavior</i>. - Perkara lain yang memberi kesan ialah faktor ekonomi yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan perilaku ketidak jujuran akademik 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian ini menggunakan sample daripada dua university. (213 orang) - Alat ukur kajian (<i>instrumen</i>) yang akan dalam kajian ini adalah soalan berkomputer (<i>electronic survey</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> • cadang dibuat bukan daripada bukan Business student. • Mencadangkan unsur teknologi dimasukkan dalam variable • mengapa pelajar tidak meniru jika berpeluang? mengkritik pengkaji sebelum ini kerana tidak mengkaji. • mencadangkan dimasukkan unsur (honest atau dishonest) <i>etika (ethic)</i>.

11	Wilfred W.F. Lau, Allan H.K.Yuen (2013) Adolescent risky online behaviour: Influence of Gender, Religion, and Parenting Style Computer and Human Behavior 29, 2690-2696	- Kajian berfokus kepada pengaruh jantina, agama dan kehidupan berkeluarga keatas risiko tingkah laku atas talian. - Tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan internet, plagiat dalam akademik dikaji dalam kajian ini. - Kajian mendapati bahawa jantina lelaki lebih banyak melakukan tingkah laku berisiko berbanding perempuan. - Faktor keagamaan didapati hubungan yang negatif namun intrinsik religiosity menunjukkan hubungan positif dengan tingkah laku berisiko. - Kajian menggunakan aspek keagamaan dalam agama kristian. - Gaya hidup kluarga tidak memberi sebarang kesan kepada tingkah laku berisiko.	- Responden terdiri daripada pelajar menengah atas di Hong Kong bagi tahun akademik 2012/2013. - Sampel terdiri daripada 825 orang. - Instrumen digunakan dan diadaptasi daripada pengkaji terdahulu Valcke (2010) dan Yu, Yuen dan Park (2012).	• Mencadangkan aspek religiositi dan spiritual dimasukkan sebagai pemboleh ubah (variable).
12	Joseph Oluwatayo (2011) Emotional Intelligence as determinat of potential for academic cheating among senior Secondary School Students in Ondo State. Developing Country Studies. Vol 1, no 1, 1-7	- Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan potensi untuk melakukan peniruan ataupun ketidakjujuran akademik. - Pengurusan emosi yang baik dapat memainkan peranan dalam mengawal tingkah laku individu.	- Responden kajian terdiri daripada 180 pelajar sebuah university di Nigeria - Tiada menggunakan teori atau model dalam kajian. - Instrumen kajian di adaptasi daripada Hassan (2004). Dan Mayer & Solavey (2004). -	• Mencadangkan agar aspek kecerdasan lain dimasukkan dalam kajian
13	James M Bloodgood, William H. turnley Peter E. Murdock (2010) Ethics Instructions and the perceived Acceptability of Cheating	- Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar yang mengambil matapelajaran business ethic memberi kesan kepada pelbagai sikap antara individu. - mendapati bahawa individu yang mepunyai GPA yang tinggi yang mengambil subjek Business ethic kurang cenderung untuk melakukan ketidakjujuran	- Data kajian ini didapati daripada 230 orang pelajar Perniagaan di USA state University. - konstruk machiavelism diuji menggunakan 20 item didaptasi daripada Christie & Geis (1970) - konstruk academic cheating 11 item diadaptasi dan diubahsuai daripada Brown (1996) Kidwell	• Mencadangkan faktor seperti <i>religiositi belief, Nilai kekeluargaan, Cultural expectation, Norma organisasi, dan pengalaman sendiri</i> individu yg mana dilihat memberi kesan kepada sikap individu. • meyakini dan berpendapat <i>bahwa ethic (etika) dalam pendidikan meberi kesan kepada perlakuan individu.</i>

		journal of Business ethics (2010), vol 95. 23-37	akademik (<i>form of academic cheating</i>) berbanding pelajar yang mempunyai gred yang sama tetapi tidak mengambil subjek <i>ethic</i> lebih cenderung untuk melakukan ketidak jujuran akademik (<i>Academic cheating</i>).	(2003) dan Mc Cabe & Trevino (1993).	<ul style="list-style-type: none"> menyatakan bahawa pengkaji akan datang perlu memperluaskan skop responden kerana kajian ini hanya dibuat di USA university dan tidak boleh digeneralisasikan secara keseluruhannya. menyatakan penyelidik akan datang perlu mengkaji aspek lain dalam <i>ethic</i> (etika) yang boleh memberi kesan kepada pembelajaran etika itu sendiri seperti (<i>personality Traits & Culture</i>)
14	Chan Ling Meng, jamilah Othman Jeffrey Lwrence, Zoharah Omar. (2014)	Ethical decision Making in academic dishonesty with application of Modified theory Of Planned Behaviour: A review.	<ul style="list-style-type: none"> Kajian in bentuk sorotan karya (literature review) yang mengaitkan kajian-kajian lepas dan semasa antara TPB dan ketidak jujuran akademik. Mengkaji perkaitan antara TPB dengan ketidak jujuran akademik dengan <i>ethical ideology</i> Mencadangkan rangka teori untuk panduan pengkaji akan datang dengan <i>meletakkan faktor personal, moral</i>, dan falsafah sebagai <i>mediator</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan agar menggunakan Theory of Planned Behaviour (TPB) sebagai landasan teori kajian akan datang. 	<ul style="list-style-type: none"> mencadangkan dan merumuskan agar pengkaji akan datang menggunakan Kerangka teori yang lebih komprehensif untuk memahami mekanisme-mekanisme yang mempengaruhi etika membuat (<i>ethics in decision making</i>) keputusan pelajar dan tingkah laku dan faktor pencelalah (mediating) <i>Etical Ideology</i>. Berpendapat bahawa <i>ethical ideology</i> mampu untuk mengurangkan ketidak jujuran akademik melalui pembangunan moral yang mampar dan baik daripada pihak universiti.
15	Hadijah Iberahim, Norashikin Hussein, Nusrah Samat, Fouziah Noordin (2013)	International Education Studies: Cndian Center of Science and Education ; Vol 7,(3);126-139	<ul style="list-style-type: none"> Kajian mendapati bahawa kebanyaknya pelajar terlibat dengan ketidak jujuran akademik kerana penyaraan tidak menerangkan dan memperingatkan secara jelas perilaku tersebut. Faktor lain yang menjadi penyebab adalah seperti bahan-bahan tugaan tidak relevan dengan subjek dan pengaruh rakan- 	<ul style="list-style-type: none"> instrumen yang digunakan daripada kajian terdahulu.adaptasi daripada instrumen (Park 2003; Payne & Nantz,1994; Lambert, 2003) Tiada dijelaskan menggunakan teori apa dalam kajian. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyatakan kajian hanya dibuat di sebuah fakulti sahaja dan tidak boleh digeneralisasi kepada keseluruhan. Perlu diperluaskan Pengkaji akan datang perlu memperluaskan responden kajian Kajian akan datang dicadangkan agar mengkaji <i>faktor yang lebih spesifik</i> yang

		student participate in these practices?	rakan (<i>peer pressure environment</i>).	membawa kepada ketidak jujuran akademik.
		Social and behavioral sciences 90(2013) 152-156		
16	John Trusell, Kevin Byrne (2013) Educa tions undergra dua tes and ICT -enhanced academic dishonesty: A moral Panic? British Journal of eductions technology, 44(1), 6-19.	- Kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perilaku ketidak jujuran akademik dengan keupayaan internet pelajar - Mendapati signifikan dengan perilaku kecurangan dengan aktiviti internet tertentu. - kajian juga mendapati bahawa perilaku pelajar berkaitrapat dengan paraprasa, menyalin bahan-bahandaripada internet. - Peranan pensyarah juga perlu dititikberatkan agar faktor nasihat, pengcaghan dan nilai moral dapat diterapkan	- responden terdiri daripada 55 pelajar fakulti pendidikan instrumen di adaptasi daripada DLHE survey (Mok , 2006) Tiada teori tang dijelaskan secara spesifik	Mencadangkan unsur (Gap /jurang) dalam kajian akan datang: 1. Digital Literacy 2. Spiritualiti
17	Mariya A. Yukhyman ko-Lescort (2014) Ethical Belief Toward Academic Dishonesty: A Cross-Cultural Comparison of Undergradu ate Students in Ukraine and the United State <i>J Acad Ethics</i> , 12. 29-41.	- Kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar di Ukraine adalah kurang kesedaran tentang ketidak jujuran akademik berbanding dengan pelajar di Amerika. - Pelajar di USA lebih mempunyai kesedaran bahawa ketidak jujuran akademik dalam salah berbanding dengan pelajar Ukraine.	- Responden terdiri daripada 270 pelajar Daripada pelajar Amerika dan Ukraine - Instrumen kajian diadaptasi daripada Instrumen Rawwas et .al (2007).	Gap/ Jurang: mencadangkan agar memasukkan unsur berikut dalam kajian akan datang: 1. Belief dan Ethics sebagai pemboleh ubah 2. Mencadangkan demografi sebagai penyederhana (moderator)
18	Chun Hoo Quah, Natalie Stewart, Jason Wai Chow Lee (2012) Attitudes Of Business Students	- Kajian mendapati bahawa faktor etika moral tidak memainkan peranan dalam menentukan sikap terhadap ketidak jujuran akademik. - Selain itu kajian juga mendapati bahawa faktor keagamaan tidak memainkan peranan samada pelajar akan lebih	- Responden terdiri daripada 160 pelajar university awam dan kolej swasta di Malaysia. - Instrumen yang digunakan adalah diadaptasi daripada Forsyth	Gap/Jurang Mencadang agar dimasukkan faktor demografi (latar belakang keluarga, agama keluarga, kelas moral asas terdahulu dll) sebagai pemboleh ubah

Toward Plagiarism J Acad Ethics. 10: 185-199	beretika berbanding dengan mereka yang kurang keagamaan.	(1980) dan Detomassso dan Roig (1995).
--	--	--

Berdasarkan analisis daripada jadual yang dipaparkan di jadual 2.1, penyelidik dapat merumuskan bahawa masih terdapat jurang yang memerlukan kajian lanjut bagi memperjelaskan lagi penyelidikan tentang ketidak jujuran akademik. Sebagai rumusan, aspek-aspek (pemboleh ubah) yang boleh dan belum dibuat kajian seperti berikut:

Pemboleh Ubah Kajian dan Rasionalisasi Pemilihan Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bersandar dalam penyelidikan ini ialah niat untuk melakukan (intention) ketidak jujuran akademik. Pemilihan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini dibuat oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat terhadap kajian-kajian terdahulu tentang ketidak jujuran akademik. Berikut akan dibincangkan dengan teliti pemboleh ubah bersandar berdasarkan sorotan literatur daripada penyelidik terdahulu.

Niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Niat untuk melakukan merujuk kepada sesuatu keadaan yang memungkinkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan (Staats dan Hupp, 2012). Berdasarkan penerangan dalam bab pertama dan tinjauan literatur, kajian terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik masih berkurangan. Berdasarkan kajian dan saranan Staats dan Hupp (2013) menyatakan kebanyakan kajian berkenaan ketidak jujuran akademik hanya fokus kepada kecurangan yang telah berlaku, manakala niat dan keinginan akan datang untuk berkelakuan jarang dilakukan. Kajian terdahulu lebih

memfokuskan kepada laporan ketidak jujuran akademik itu sendiri dan tidak memfokuskan kepada keinginan atau niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik kajian terdahulu (Mc Cabe dan Trevino, 1997; Rennie dan Ruthland, 2003).

Selain itu, penelitian terhadap kajian terdahulu juga mendapati bahawa individu yang mempunyai nilai etika yang tinggi, berkeyakinan dan tahu menghormati individu lain kurang keinginan untuk meniru dan mereka juga mempunyai rasa bersalah yang sangat tinggi (Staats, Hupp, Wallace, dan Gresley, 2009). (Agnew dan Peter, 1986; Brunel, Staats, Barden dan Hupp, 2011) menambah bahawa rasa bersalah (*guilty*) boleh bertindak sebagai penyederhanaan, penghalang dan hukuman terhadap tingkah laku akan datang individu.

Mengikut (Anitsal, Anitsal dan Elmore, 2009), kebanyakan kajian lalu berdasarkan kepada dua jenis ketidak jujuran akademik iaitu aktif dan pasif. Namun kebanyakannya menjuruskan kepada kajian ketidak jujuran akademik aktif manakala pasif sangat kurang dikaji. (Ismet et al., 2009) menyatakan bahawa kecenderungan atau niat untuk melakukan sebagai kelakuan pasif masih kurang dikaji oleh pengkaji kini, sedangkan ianya memberi kesan kepada keinginan untuk melakukan kecurangan. Perkara ini dilihat pengkaji sebagai elemen penting yang perlu dikaji, memandangkan hasil analisis kajian (Anitsal et al., 2009) ketidak jujuran akademik pasif dan aktif menunjukkan hubungan yang signifikan dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Pengkaji juga memilih niat (*intention*) sebagai pemboleh ubah bersandar berdasarkan pendapat dan kajian yang di lakukan oleh (Ajzen, 1991; Armitage dan Corner, 2001) yang menyatakan bahawa tingkah laku individu adalah ditentukan oleh niat seseorang. Niat untuk berkelakuan ini ditentukan oleh tiga faktor penting dalam Teori tingkah laku terancang (TPB) seperti sikap, norma subjektif dan tahu kawan

kelakuan (Ajzen, 1991; Tang dan Tang). Bersandarkan kepada pendapat ini juga pengkaji merumuskan bahawa pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah niat, kerana niat akan menentukan sama ada perlakuan individu berlaku atau tidak.

Selain itu, pengkaji turut memilih untuk menjadikan niat (*intention*) sebagai pemboleh ubah bersandar berbanding (*actual issue*), berdasarkan beberapa bukti yang boleh dijadikan sandaran pengkaji. Antaranya berdasarkan kajian (Venkatesh, Morris, Davis dan Davis, 2003), menjadikan Niat sebagai pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian mereka terhadap niat untuk penggunaan teknologi, mereka menjadikan niat sebagai pemboleh ubah bersandar berbanding isu sebenar iaitu penggunaan teknologi maklumat. Mereka juga berpendapat bahawa niat adalah penyebab atau pencetus kepada sesuatu isu sebenar (*actual issue*). Pendapat ini turut disokong oleh (Anitsal et al., 2009; Koul, 2012) yang menggunakan niat sebagai pemboleh ubah dalam mengkaji ketidak jujuran akademik.

Hujah lain yang menyokong pemilihan niat sebagai pemboleh ubah bersandar adalah berdasarkan pendapat Hsiao dan Yang (2011) yang menyatakan bahawa niat (*intention*) merupakan proksi yang mencetuskan kepada berlakunya sesuatu perlakuan atau tingkah laku tertentu. Pendapat ini menyamai pendapat (Allen, Fuller dan Lucket, 1998) yang menyatakan niat adalah proksi atau pencetus kepada tingkah laku. Molnar (2015) berpendapat bahawa niat (*intention*) lebih tepat untuk mengukur sesuatu perbuatan berbanding dengan perbuatan sebenar.

Kajian lain yang menyokong penggunaan niat sebagai pemboleh ubah bersandar adalah berdasarkan kajian Alleyne dan Philips (2014) yang mendapati ketiga-tiga pemboleh ubah dalam teori TPB menunjukkan hubungan yang positif terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Kajian juga mendapati bahawa dua unsur penting teori TPB iaitu norma subjektif dan tahu kawal kelakuan

adalah boleh ubah paling kuat dalam menentukan niat untuk melakukan ketidakjujuran akademik. Dapatan kajian ini juga menunjukkan keselarian dan kesamaan dengan kajian terdahulu yang menggunakan niat (*intention*) sebagai boleh ubah bersandar seperti kajian (Ajzen dan Fishbein, 1980; Ajzen 1991). Mereka berpendapat bahawa teori TPB sebagai teori yang mampu meramal niat seseorang untuk melakukan sebarang perbuatan atau tingkah laku.

Dalam Islam, niat memainkan peranan yang sangat signifikan dalam berkelakuan, terutamanya dalam ibadah. Islam bukan sahaja memandang setiap perlakuan manusia sebagai satu ibadah bahkan ianya menjadi satu bentuk kewajipan dan keperluan yang di syariatkan oleh Allah kepada hambanya (Hamka, 1997). Segala amalan yang disyariatkan kepada hambanya yang mukallaf berdasarkan apa yang diniatkan oleh mereka, dan hasil ditunjukkan melalui perlakuannya. Sebagai makhluk dan roh ciptaan Allah, kedudukan niat dalam sesuatu amalan atau tindakan yang mencorakkan perilaku seseorang. Inilah yang dinyatakan oleh Imam Abu Ishaq al-Shatibi r.h. (M.D. 790H. /1388M.), dalam kitabnya, Al-Muwaafaqat. Lantaran kepentingannya itu, maka niat menjadi syarat bagi penerimaan sesuatu amalan atau ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang hamba (Kassan, 2002). Kepentingan niat juga digambarkan dalam hadis sahih:

Dari Amirul Mukminin Umar Al-Khattab r.a katanya: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya setiap amalan perbuatan adalah dinilai mengikut niat. Setiap orang dinilai dengan niatnya. Sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya dinilai mengikut niatnya menuju kepada Allah dan Rasulnya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan dunia atau wanita untuk dikahwininya maka hijrahnya dinilai mengikut tujuan hijrah itu."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keseluruhannya, pengkaji memilih niat (*intention*) sebagai pemboleh ubah bersandar berdasarkan rumusan yang dibuat oleh Ajzen dan Beck (1991) yang menyatakan bahawa niat untuk melakukan sesuatu mempunyai perkaitan yang sangat positif dengan perilaku sebenar (*actual behaviour*). Kenyataan ini selari dan konsisten dengan kajian terdahulu seperti (Stone et al., 2007; Anitsal et al., 2009; Koul, 2012; Meng, Othman, D'Silva, Omar, 2014; Hsiao dan Tang, 2014).

Pemboleh ubah baru/bebas penghayatan agama (religiositi). Aspek penghayatan agama atau religiositi dipilih hasil daripada saranan yang telah diutarakan oleh penyelidik terdahulu seperti (Nunally dan Bernstein, 1994), (Ballentine, Larres dan Mulgrew, 2014), (Ghias, Lakho, Asim, Azam dan Saeed, 2014), (Thomas dan Theresa, 2010), (Bloodgood, turnley dan Murdock, 2010) (Reisenwitz, 2012), (Laurin, Kay dan Fitzsimon, 2012), (Holp T. J dan James V.M. 2014), serta (Amy Martin, 2013). Selain itu pengkaji seperti Idzwan, Rahmawati, Haslinda dan Zulkarnain (2013) juga mencadangkan agar aspek keagamaan dijadikan skop kajian kerana ianya secara tidak langsung mempengaruhi aktiviti ketidak jujuran akademik. Kebanyakan penyelidik menjangkakan bahawa faktor religiositi mampu memberi kesan kepada niat terhadap sesuatu perilaku seseorang individu. Pemboleh ubah ini pernah juga dikaji oleh Huelsman, Piroch dan Wasielski (2006). Namun demikian, kajian ini tidak menggunakan teori malahan hanya melibatkan 36 responden sahaja serta aspek religiositi yang dikaji hanya daripada sudut (*intrinsik*) sahaja. Kajian ini melibatkan pemboleh ubah religiositi dan ketidak jujuran akademik dan tidak mengkaji unsur niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik seperti yang pengkaji akan lakukan dengan menggunakan teori TPB dengan memasukkan unsur niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Ramai pengkaji terdahulu berpendapat religiositi mempunyai nilai dan pengaruh terhadap tingkah laku ketidak jujuran akademik seperti Thomas dan Theresa (2010), Huelsman et al., (2006). Mereka berpendapat religiositi (faktor keagamaan) masih nilai etika, norma dan keboleh percayaan dalam membuat sesuatu keputusan sama ada betul atau salah. Manakala (Weaver dan Angle, 2002; Thomas et al., 2010) menyatakan faktor religiositi merupakan salah satu faktor menentukan etika dan nilai (determinant of ethic and value) yang memberi kesan kepada tingkah laku manusia, sikap dan pertimbangan sosial individu itu sendiri. Pemilihan pemboleh ubah ini juga dikuatkan lagi dengan kajian (Angelidis dan Ibrahim, 2004; Thomas et al., 2010) menyatakan terdapat hubungan yang positif/signifikan di antara tahap keagamaan (degree of religiousness) dan sikap, komponen nilai etika yang mempunyai hubung kait dengan tanggungjawab sosial individu. Vitell dan Paolilo, (2003) juga mendapati faktor religiositi intrinsik menjadi faktor yang signifikan dalam penentuan etika seorang individu.

Tidak dinafikan sesetengah kajian lalu pernah menggunakan aspek keagamaan sebagai kajian yang menentukan tingkah laku individu. Kajian Barry, Nelson, Davarya, dan Urry (2010) menggabungkan aspek religiositi dan spiritual dalam menggambarkan tingkah laku dan kesannya terhadap perlakuan individu. Hasilnya kajian mereka mendapati pengaruh keagamaan dan spiritual tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perlakuan. Kajian Grimes dan Rezek (2005) mendapati religiositi hanya memberi kesan kepada mereka yang kurang atau sederhana memberi komitmen keagamaan memberi kesan yang positif kepada kecurangan mahupun penipuan namun memberi kesan hubungan yang negatif kepada bantuan kepada individu lain untuk melakukan kecurangan. Walau bagaimanapun Lau dan Yuen (2013) menambah dan mencadangkan ditambahkan kajian lanjutan terhadap

hubungan faktor penghayatan keagamaan (*religiosity*) terhadap tingkah laku berisiko. Berdasarkan kepada kajian ini cadangan di atas, pengkaji melihat bahawa kajian terdahulu berfokus kepada hubungan aspek keagamaan dengan perlakuan sebenar (*actual behaviour*), namun ianya tidak berfokus kepada niat untuk melakukan sesuatu perlakuan, sedangkan jika individu mempunyai nilai keagamaan (*religiosity*) yang tinggi berupaya mengelakkan daripada melakukan tingkah laku yang negatif (Ismet et al., 2009).

Kajian yang melibatkan aspek keagamaan dan tingkah laku manusia telah dilakukan oleh banyak pengkaji, namun ianya belum dapat di kenal pasti dengan jelas sama ada ianya terdapat hubungan atau tidak (Lau dan Yuen, 2013). Kajian Hood, Spika, Hunsberger dan Gorsuch (1996) mendapatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang positif antara faktor keagamaan dengan tingkah laku tidak beretika (unethical behaviour). Begitu juga hasil kajian Parboteah, Hoegl dan Cullen (2008) yang mendapatkan bahawa terdapat hubungan yang negatif di antara tahap keagamaan seseorang dengan tingkah laku moral dan etika individu. Namun demikian, kajian Gerlich, Lewer dan Lucas (2010) mendapatkan bahawa memang tidak terdapat perbezaan di antara orang yang beretika dan berakhhlak baik dalam agama Kristian dengan pelajar agama lain, namun terdapat perbezaan di antara pelajar yang selalu mendekati dan mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan dengan pelajar yang jarang melakukan aktiviti keagamaan dengan tingkah laku (behaviour) mereka. Oleh itu, pengkaji merasakan aspek-aspek keagamaan perlu dimasukkan sebagai pemboleh ubah yang mungkin memberi kesan kepada keinginan atau niat untuk bertingkah laku.

Selain itu, aspek keagamaan yang dikaji pengkaji terdahulu tertumpu kepada apek tertentu sahaja seperti kajian Jurdi et al., (2012) menggunakan penyertaan keagamaan (religion attendence), perkhidmatan dalam keagamaan (strength religious

service) yang dibuat oleh (Kelley, Young, Denny dan Lewis, 2005), kepercayaan (*religious beliefs*) yang dikaji oleh (Allmon, *Page dan Robert, 2000*). *Hasil daripada kajian-kajian ini, hanya aspek kepercayaan (religious beliefs)* yang menunjukkan hubungan yang positif dengan ketidak jujuran akademik. Oleh yang demikian itu, aspek religiositi perlu dikaji dalam skop yang lebih luas terutama melibatkan religiositi dalam skop ugama Islam dalam kalangan pelajar dan mahasiswa khasnya.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan sebelum ini menggunakan pemboleh ubah religiositi terhadap ketidak jujuran akademik secara terus kepada tingkah laku (*actual behaviour*), namun pengkaji menggunakan pemboleh ubah religiositi Islam dalam konteks religiositi dan berpandukan teori TPB (Theory of Planned Behaviour) untuk mengkaji niat untuk bertingkah laku. Tambahan lagi, kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini menjuruskan kepada penghayatan agama (ekstrinsik dan intrinsik) sahaja. Oleh itu, pengkaji merasakan adalah penting untuk memasukkan pemboleh ubah penghayatan agama (religiositi) Islam (*Islamic Religiosity*) dalam kajian terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Reisenwitz (2012) juga mencadangkan agar aspek keagamaan dapat diperluaskan skop kajian, sama ada berfokus kepada unsur keagamaan, latar belakang keagamaan, sekolah agama dan lain-lain aspek keagamaan yang boleh memberi kesan kepada ketidak jujuran akademik. Selain itu juga, responden kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah mahasiswa Islam sahaja, dan adalah wajar jika kajian ini menggunakan pendekatan religiositi dalam skop Islam.

Pemboleh ubah penghayatan agama dipilih, berdasarkan kepada beberapa justifikasi lain. Rettinger dan Jordan (2005) menyatakan aspek keagamaan memainkan peranan dalam menentukan sama ada seseorang itu akan melakukan sesuatu tindakan sama ada baik ataupun buruk. Semakin tinggi pemahaman agama semakin tinggi

penilaian seseorang terhadap sesuatu tindakan. Pendapat ini juga selari dengan pendapat (Sutton dan Huba, 1995) yang menyatakan bahawa faktor keagamaan memberi kesan kepada tingkah laku kecurangan seseorang. Mereka juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi akan berupaya membuat pertimbangan terhadap tingkah laku kecurangan berbanding dengan pelajar yang kurang nilai keagamaan.

Jurang (*gap*) yang paling besar dalam konteks kajian ini ialah, kebanyakan kajian sebelum ini yang menggunakan penghayatan agama (religiositi) sebagai pemboleh ubah bebas adalah bukan dalam skop religiositi Islam. Berdasarkan kepada masalah yang ada dalam skop pendidikan dan bidang akademik di Malaysia, maka adalah wajar pemboleh ubah religiositi Islam dikaji.

Pemboleh ubah kecerdasan Rohani (spiritual). Pemboleh ubah kecerdasan spiritual amat penting dikaji, hasil saranan yang dikemukakan oleh pengkaji terdahulu seperti Reisenwitz (2012) dan juga Lau dan Yuen (2013) serta Olunwatayo (2011). Kedua-dua pengkaji ini menyarankan agar dimasukkan unsur kecerdasan dan spiritual sebagai pemboleh ubah dalam kajian akan datang memandangkan pemboleh ubah ini memainkan peranan penting dalam menentukan tingkah laku seseorang. Selain itu, Holp dan James (2013) juga menyarankan aspek keagamaan dan kepercayaan diperluaskan lagi dari skop yang berbeza agar kefahaman tentang niat seseorang individu dapat diukur dengan lebih tepat. Beliau juga berpendapat bahawa aspek tingkah laku secara tidak langsung dipengaruhi oleh aspek keagamaan, kepercayaan dan juga unsur spiritual (Holp et al., 2013).

Pemboleh ubah ini dipilih juga kerana mampu dijelmakan dan dizahirkan melalui keperibadian seseorang menurut peranan dan yang dimainkan oleh jiwa manusia dan ia juga dapat menggambarkan apa yang berlaku dalam jiwa manusia

melalui tingkah laku manusia itu sendiri (Abdul Latif, 2012). Jiwa manusia bersifat fleksibel dan tidak tetap, ianya tertakluk kepada tindakan manusia sama ada mereka memilih untuk mengikut jalan yang benar selaras dengan ajaran agama mereka mahupun untuk mengikut hawa nafsu yang cenderung untuk menyimpang dari fitrah kebenaran (Oniah, 2009). Selaras dengan pendapat ini, aspek kecerdasan spiritual dilihat memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan tingkah laku manusia ke arah perilaku baik atau buruk dan mampu menterjemahkan kelakuan manusia sama ada faktor pertimbangan kerohanian dan dalaman mereka mampu diterjemahkan dengan betul atau salah.

Rasional pemilihan pemboleh ubah kajian ke dalam TPB. Kajian ini secara dasarnya menggunakan dua pemboleh ubah baharu (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) yang digabungkan dalam teori sedia ada iaitu teori tingkah laku terancang (*Theory of Planned Behaviour*) disamping Teori Tindakan Beralasan dan Dual-Process Model. Kedua-dua pemboleh ubah ini dipilih hasil saranan dan jurang (gap) yang diperoleh daripada tinjauan literatur dan kajian-kajian terdahulu. Pemboleh ubah ini dipilih hasil penelitian yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan pendapat Hsiao dan Yang (2011) yang menyatakan bahawa TPB secara terperinci nya tidak dapat meramal ketidak jujuran akademik atau keinginan untuk melakukan sesuatu tindakan. Pendapat ini juga konsisten dengan pendapat yang diutarakan dan dikritik oleh (French, Sutton, Henning, Mitchell, Wareham dan Kinmonth, 2005) yang menyatakan bahawa TPB tidak mencukupi untuk meramalkan sesuatu dalam membuat sesuatu keputusan. Keupayaan menggunakan pemboleh ubah lain yang boleh diintegrasikan dengan TPB ianya akan melengkapkan lagi dan membuat rasionalisasi yang lebih tepat dalam meramal sesuatu tindakan (French et al., 2005).

Selain itu, pengkaji memasukkan pemboleh ubah baharu dalam teori TPB berdasarkan saranan dan kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji seperti (Passow, Mayhew, Finelli, dan Carpenter, 2006) memasukkan pemboleh ubah seperti integriti moral (*moral obligation*) ke dalam TPB kerana berpendapat TPB secara bersendirian tidak dapat meramal perilaku manusia terhadap ketidak jujuran akademik. Mereka juga mendapati bahawa *moral obligation* sebagai peramal yang tepat untuk niat (*intention*), dan pendapat ini juga disokong oleh Alleyne dan Philips (2011) bahawa keduanya memasukkan pemboleh ubah Kewajipan moral (*moral obligations*) dalam TPB dalam kajian mereka. Begitu juga dalam kajian (Rotter, 1966) yang memasukkan *Locus Control* sebagai pemboleh ubah baru dalam TPB, Crown dan Spiller (1998) memasukkan personaliti dalam TPB dan Bolin, 2004; Kisamore et al., 2007) memasukkan *personality traits* dan *Integrity Culture* sebagai pemboleh ubah bagi menguatkan lagi peramal dalam meramal tingkah laku manusia. Selain itu juga, Imran dan Nordin (2013) memasukkan *Ethical belief* ke dalam teori TPB, menguatkan lagi hujah bahawa teori TPB perlu disokong dengan beberapa pemboleh ubah lain bagi menguatkan lagi ramalan terhadap tingkah laku individu.

Selain itu, pengkaji memilih untuk memasukkan beberapa pemboleh ubah baru ke dalam TPB adalah berdasarkan pendapat dan saranan yang diutarakan oleh (Hsiao dan Yang, 2011) yang mencadangkan agar dimasukkan beberapa pemboleh ubah baru ke dalam TPB agar penilaian dan ramalan dapat dilakukan dengan lebih tepat terhadap tingkah laku seseorang.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur juga, dapat dilihat dengan jelas bahawa TPB tidak dapat berdiri dengan sendiri dalam meramal kelakuan manusia begitu juga dalam kes ketidak jujuran akademik. Pengkaji memasukkan dua pemboleh ubah penting yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku manusia iaitu religiositi seperti

dicadangkan pengkaji terdahulu seperti (Ballentine, Larres dan Mulgrew, 2014), (Ghias, Lakho, Asim, Azam dan Saeed, 2014), (Thomas dan Theresa, 2010), (Bloodgood, Turnley dan Murdock, 2010) (Timothy H. Reisenwitz, 2012), (Laurin, Kay dan Fitzsimon, 2012) serta (Amy Martin, 2013). Manakala aspek kecerdasan spiritual dipilih berdasarkan saranan daripada penyelidik terdahulu seperti Lau dan Yuen (2013), Reisenwitz, (2012) dan Stogner, Miller dan Marcum (2014). Pemboleh ubah ini dilihat penting memandangkan letusan era teknologi dan digital semakin memberi impak kepada dunia pendidikan terutamanya hal-hal yang melibatkan amalan plagit, mencetak maklumat dan terutamnya ketidak jujuran akademik dan sebagainya (Bennet dan Maton, 2011).

Aspek lain yang menjadi pertimbangan disebalik pemilihan pemboleh ubah penghayatan agama adalah berdasarkan berdasarkan pendapat Weber (1958) yang menyatakan kedua aspek ini memberi pengaruh secara langsung kepada tingkah laku manusia. Selain itu, kedua pemboleh ubah ini juga memberi kesan kepada pengalaman hidup manusia dan kesan kepada tingkah laku dalaman manusia (Kripner dan Welch, 1992; Zohar dan Marshall, 2004; Anita, Imadduddin dan Mohd Rashid, 2013).

Rasional pemilihan teori. Kebanyakan pengkaji terdahulu seperti (Passow, Mayhew, finelli, Harding, Trevor dan Carpenter, 2006) dalam kajian mereka terhadap 643 mahasiswa kuliah kejuruteraan untuk membuat ramalan dan inferen terhadap ketidak jujuran akademik , (Thomas, Jawahar, Kisamore, 2010), (Meng, Jamilah, Jeffere dan Zaorah, 2014), begitu juga (Whitley, 1998; Thomas et al., 2007) dan (Mei Wah, William dan Matthew, 2013) juga menggunakan TPB dalam kajian mereka terhadap ketidak jujuran akademik, menguatkan lagi hujah mengatakan teori ini amat sesuai digunakan sebagai panduan utama kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan

menggunakan teori ini untuk mengkaji perkaitan antara faktor religiositi dan kecerdasan spiritual terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Pengkaji memilih teori TPB, TRA dan Dual Process Model sebagai landasan teori kajian berdasarkan sorotan literatur yang telah dibuat pengkaji. Staats dan Hupps (2012) penggunaan *Theory of Planned Behaviour (TPB)* mahupun *Theory of Reason Action (TRA)* merupakan satu teori yang telah dibangunkan dengan baik dan spesifik bagi mengukur niat untuk melakukan tingkah laku manusia. Pendapat ini juga disokong oleh Ajzen, 1991; Madden, Ellen dan Ajzen, 1992; Stone, Jawahar, dan Kisamore, 2010).

Pengkaji juga mendapati bahawa teori (TPB) lebih mengukur dengan tepat keinginan atau niat untuk bertingkah laku berbanding TRA. Ini berdasarkan Hujah (Ajzen dan Fishbein, 1980) yang menyatakan bahawa TRA mampu untuk meramal perkaitan antara niat atau keinginan, sikap dan perilaku dalam pelbagai bidang. Pendapat ini juga dipersetujui oleh (Sheppard, Hartwick dan Warsaw, 1998) yang mana merumuskan bahawa TRA ialah untuk meramal niat terhadap sikap terhadap tingkah laku tertentu dan norma subjektif berdasarkan tingkah laku tertentu.

Alleynee dan Philips (2011), dalam kajian mereka terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik, memasukkan pemboleh ubah kewajipan moral (*Moral obligations*) ke dalam TPB. Mereka berpendapat bahawa TPB adalah teori terbaik (*superior*) untuk menilai dan meramal niat individu berbanding Teori Tingkah laku Beralasan (*Theory of Reason Actions*). Mereka juga menyatakan bahawa, TPB menjadi teori sokongan empirikal yang mampu dan lebih efektif dalam meramal niat untuk bertingkah laku. Dalam erti kata lain, TPB berupaya memberikan informasi dan maklumat lengkap dalam memahami faktor-faktor penting yang mempengaruhi niat seseorang individu dalam bertingkah laku.

Walau bagaimanapun, (Staats dan Hupp, 2013) berpendapat bahawa sesetengah niat atau keinginan (*intention*) tidak boleh bergantung kepada kawalan individu itu sendiri. (Staats et al., 2013) juga menegaskan bahawa TPB merupakan pengubahsuaian daripada teori TRA yang mana, setiap tingkah laku yang dirancang oleh individu bukan dalam kawalan mereka sendiri dan terdapat unsur lain yang boleh menjadi pemangkin kepada perlakuan tersebut. (Staats et al., 2013) juga menegaskan bahawa tahu kawal kelakuan (*perceived behaviour control*) juga mempengaruhi kelakuan individu seperti dalam konstruk TPB. Pendapat ini berdasarkan pernyataan oleh (Madden et al., 1992) yang menyatakan bahawa tahu kawal kelakuan (*perceived behavioural control*) memberi kesan kepada tingkah laku individu.

Selain itu, Adesile dan Mohamad Sahari (2013) menyatakan bahawa, teori TPB yang dilakukan penambahbaikan menjadi sumber yang signifikan dan penting dalam meramal niat dan tingkah laku seseorang terutamanya berkaitan dengan ketidak jujuran akademik. Bersandarkan kepada penambahbaikan teori TPB (ETPB) menunjukkan berjaya meramalkan kebanyakan responden mempunyai kaitan yang positif dengan ketidak jujuran akademik. Meng, Othman, D silva dan Omar (2014) juga menyatakan berdasarkan kajian mereka, bahawa TPB adalah teori yang tepat dalam menerangkan bagaimana tiga komponen asas (Sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan) yang mana mengandungi hubungan yang mendalam antara satu sama lain yang mana boleh mempengaruhi niat dalam bertingkah laku.

Bagi menguatkan lagi pemilihan teori ke dalam kajian adalah berdasarkan saranan Henning, Malpas, Ram, Doherty, Kelly dan Hawken (2011) yang menyatakan bahawa Teori Tingkah laku terancang (TPB) merupakan teori yang boleh dipercayai dan perakui mempunyai ketepatan dalam menilai niat dalam melakukan sesuatu perbuatan atau tingkah laku. Hujah ini dikuatkan lagi dengan hasil kajian (Chang,

1998) yang membuat perbandingan antara Teori tingkah laku beralasan (TRA) dengan Teori Tingkah laku Terancang (TPB) dalam meramal tingkah laku cetak rompak aplikasi (*software piracy*). Dapatan kajianya menunjukkan bahawa TPB mampu menghasilkan model yang lebih tepat dalam meramal sesuatu tingkah laku berdasarkan tambahan peramal tahu kawal kelakuan (*perceived behaviour control*).

Berdasarkan kepada beberapa sorotan dan saranan literatur inilah pengkaji menggunakan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) sebagai landasan teori kajian dan di sokong oleh Teori Tindakan Beralasan dan *Dual Process Model*. Teori ini juga digunakan pengkaji sebagai asas utama dalam membentuk kerangka teori kajian.

Pembentukan Hipotesis

Berdasarkan kepada sorotan literatur di atas, terdapat kesesuaian di antara objektif kajian, kaedah kajian serta pemilihan dalam teori. Oleh itu pengkaji merangka pembentukan hipotesis ini seperti mana berikut:

Pemboleh ubah Penghayatan agama (Religiositi). Penghayatan agama seperti yang diterangkan terlebih dahulu oleh pengkaji bermaksud juga religiositi atau *At-Tadayyun*. Ia bermaksud sebagai kehidupan beragama yang dikaitkan dengan Islam sebagai *Addin* atau cara hidup (Abdul Rahman Al-Nahlawi, 2002). Menurut Nor Salimah (2007), religiositi di Malaysia dilihat sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian. Manakala masyarakat barat menyatakan religiositi sebagai pemahaman, pendekatan dan keakuran atau ketiautan kepada doktrin agama tertentu (Bloodgood, Turnley dan Murdock, 2008).

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap beberapa kajian yang mengaitkan faktor keagamaan dan religiositi mendapati bahawa disana terdapat jurang yang amat

besar iaitu skop religiositi hanya dikaji daripada sudut religiositi barat. Tidak terdapat kajian yang menggunakan skop penghayatan agama daripada sudut Islam dan di kaji dalam kalangan orang Islam. Persoalan timbul adakah permasalahan ketidak jujuran akademik ini tiada dalam kalangan orang Islam. Merujuk kepada Kajian Moten (2014) mendapati bahawa terdapat nisbah yang tinggi masalah ketidak jujuran akademik dalam kalangan orang Islam. Menurutnya juga, trend plagiarism menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kalangan negara Islam berbanding tahun-tahun terdahulu. Oleh yang demikian pengkaji mengisi ruangan ini dengan memasukkan religiositi islamik dan diuji dalam kalangan mahasiswa Islam bagi mengisi kelompongan ini.

Daripada penelitian terhadap kajian lepas tidak banyak kajian yang mengaitkan aspek keagamaan dengan ketidak jujuran akademik. Namun terdapat beberapa kajian terdahulu yang mengaitkan unsur keagamaan dengan ketidak jujuran akademik. Kajian Lau dan Yuen (2013) ke atas 823 pelajar institusi pengajian tinggi di Hong Kong kajian mendapati bahawa faktor keagamaan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tingkah laku berisiko dalam kalangan pelajar ini termasuklah masalah plagiat dan ketidak jujuran akademik. Faktor keagamaan menunjukkan nilai $\beta = -0.052$. Ini menunjukkan bahawa faktor agama memainkan peranan yang kuat iaitu semakin tinggi agama seseorang semakin rendah kelakuan menyimpang dan kecurangan.

Kajian Rimes dan Rezek (2005) mendapati bahawa faktor religiositi mempunyai hubungan yang positif dengan ketidak jujuran akademik namun mempunyai hubungan yang negative dengan membantu orang lain untuk meniru. Namun demikian kajian Abar, Carter dan Winsler (2009) menunjukkan bahawa

instrinsik dan ekstrinsik religiositi menunjukkan hubungan yang negatif dengan ketidak jujuran akademik.

Kajian selanjutnya oleh Huelsman et al., (2006) terhadap 70 orang mahasiswa pengajian tinggi mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara religiositi dan ketidak jujuran akademik. Dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan iaitu pada nilai ($r = -.13$, $P > .05$). Namun kajian ini dilihat mempunyai limitasi dan tidak sempurna mengikut pengkaji dan ini diakui sendiri penulis iaitu jumlah sampel yang terlalu sedikit dan hanya diuji dalam kalangan individu yang beragama Kristian sahaja. Oleh yang demikian, terdapat jurang yang amat besar pada pandangan pengkaji.

Selain itu, Kajian Shariff dan Norenzayan (2011) terhadap 67 orang pelajar universiti, mengaitkan unsur kepercayaan kepada tuhan dan pembalasan daripada tuhan terhadap plagiarism. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang positif (*negative relationship*) antara faktor kepercayaan dan hukuman tuhan dengan tingkah laku plagiarism dan penipuan. Data menunjukkan ($r(60) = -.24$, $p = .06$). Unsur penipuan juga menunjukkan tiada hubungan dengan intrinsik religiositi pada nilai, $\beta = .03$, $t(59) = .13$, $p = .90$.

Koul (2012) dalam kajian beliau terhadap 2123 orang pelajar pengajian tinggi di Thailand dengan menggunakan beberapa pemboleh ubah seperti gender, aspirasi kareer profesional digabungkan dengan materialisme, religiositi dan matlamat pencapaian keatas keinginan untuk melakukan kecurangan (*willingness to cheat*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor materialisme dan aspirasi kareer mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Kedua-dua faktor ini mempunyai nilai yang signifikan kepada niat untuk melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = .321$ dan $\beta = .167$). Sementara itu faktor

religiositi (sassana) dan matlamat masteri mempunyai nilai yang tidak signifikan atau negatif dengan niat melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = -.107$, $\beta = -.108$). Pemboleh ubah paling kuat terhadap niat untuk melakukan kecurangan dalam kajian ini adalah faktor materialisme dan matlamat pencapaian.

Holp dan James (2013) dalam kajiannya pula cuba mengaitkan antara unsur kepercayaan mahasiswa dengan ketidak jujuran akademik. Kajian mereka keatas 237 orang mahasiswa di selatan Amerika Syarikat. Dapatan kajian mereka menunjukkan tidak terdapat hubungan antara faktor kepercayaan dengan tingkah laku ketidak jujuran akademik. Dapatan kajian juga mengaitkan bahawa aspek kepercayaan akan mengerakkan nilai moral dan integriti dalam kalangan pelajar.

Sebagai rumusan, aspek keagamaan masih kurang dikaitkan dengan ketidak jujuran akademik dan masih perlu dikaji dengan lebih mendalam dan dimension yang berbeza. (Lau dan Yuen, 2013) berpendapat sehingga kini masih belum terdapat kesimpulan yang nyata mengenai hubungan antara faktor keagamaan dengan ketidak jujuran akademik. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada literatur diatas pengkaji membentuk hipotesis berikut:

*HA¹: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah penghayatan agama (*religiosity*) terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia.*

Pemboleh ubah Kecerdasan rohani. Faktor kecerdasan merupakan satu elemen penting dalam menentukan pertimbangan bagi menetukan perlakuan sama ada baik atau buruk. Kecerdasan dalam konteks kajian ini pengkaji memasukkan salah satu unsur kecerdasan sebagai pemboleh ubah iaitu kecerdasan spiritual. Namun demikian, hasil tinjauan literatur terdapat jurang yang besar iaitu tiada pengkaji yang mengkaji

hubungan antara kecerdasan spiritual dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Namun aspek kecerdasan lain ada dibincangkan oleh pengkaji terdahulu, yang akan dibincangkan dalam pembentuk hipotesis ini.

Emmon (2000) mendefinisikan Kecerdasan Rohani (Spiritual) sebagai potensi spiritual individu dalam memahami makna kehidupan dan juga penyelesaian masalah kehidupan. Manakala Iskandar (2012) kecerdasan spiritual adalah satu kefungsian hati atau jiwa manusia yang digunakan secara maksimum yang melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia dalam ruang lingkup kefahtaman wahyu ilahi. Oleh demikian, pengkaji melihat ini sebagai aspek yang sangat penting dalam menentukan niat dalam bertingkah laku. Walaupun terdapat jurang yang besar kerana tidak terdapat kajian yang mengaitkan antara kecerdasan spiritual dengan ketidak jujuran akademik namun pengkaji akan menampilkkan kajian berkenaan aspek kecerdasan lain yang mengaitkan dengan ketidak jujuran akademik.

Kajian Alusula dan Samson (2015), mengaitkan kecerdasan moral sebagai salah satu boleh ubah yang memberi kesan kepada ketidak jujuran akademik. Justeru itu, kecerdasan moral merupakan kapasiti individu untuk menentukan sama ada sesuatu perlakuan itu baik atau buruk. Lennik (2008) menyatakan bahawa kecerdasan moral merujuk kepada kapasiti individu untuk menggunakan nilai moral dalam menentukan nilai, matlamat dan perlakuan individu. Kajian Olansula et al., (2015) keatas 240 orang pelajar menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan kecurangan dalam peperiksaan (*malpractices*). Data menunjukkan kesignifikanan berada pada tahap ($r = -.371$, $p = < 0.05$).

Sememangnya, kecerdasan emosi juga memainkan peranan dalam menentukan pertimbangan dalam membuat keputusan. Mayer, Solavey dan Caruso (2008)

mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemampuan individu mengenal pasti, membuat penilaian dan menzahirkan emosi mereka dalam menentukan perlakuan mereka. Emosi merupakan perkara asas yang menentukan sama ada perlakuan itu baik atau buruk (Oluwatayo, 2011). Pelajar yang mempunyai tahap emosi yang rendah menunjukkan tahap interpersonal yang rendah berbanding pelajar yang mempunyai emosi yang tinggi (Hassan dan Ogunmakin, 2010). Kajian Oluwatayo, (2011) keatas 180 mahasiswa di sebuah universiti di Negeria menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan potensi untuk melakukan peniruan dalam akademik. Data kajian menunjukkan berada pada tahap signifikan ($r = -.68$) dan menerangkan 58.6 % pada keseluruhan varians.

Secara dasarnya, faktor kecerdasan memainkan peranan dalam menentukan baik atau buruknya kelakuan seseorang itu. Bloodgood, Turnley dan Mudrack, (2008) menyatakan individu yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi kurang menunjukkan kecenderungan untuk melakukan masalah etika dan kecurangan. Dapatkan kajian Bloodgood et al., (2008) mendapati bahawa individu yang mempunyai tahap kecerdasan yang lebih tinggi akan kurang kecenderungan untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Berdasarkan kepada sorotan literatur diatas, pengkaji membentuk hipotesis berikut:

HA²: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kecerdasan spiritual terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia.

Pemboleh ubah Sikap. Sikap adalah satu daripada peramal (*predictor*) yang paling penting dalam teori Tingkah laku Terancang (TPB) Alleyne et al., (2011).

Menurut (Ajzen et al., 1975) sikap berperanan apabila seseorang individu berupaya menilai dan membuat andaian terhadap apakah bentuk kelakuan atau tindakan yang beliau akan lakukan. Sikap juga berupaya mempengaruhi niat seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan (Alleyne et al., 2011).

Kebanyakan kajian yang pernah dijalankan mendapati bahawa sikap (*attitude*) menjadi salah satu peramal yang penting terhadap tingkah laku ketidak jujuran akademik seperti kajian (Beck dan Ajzen, 1991; Whitley, 1998; Harding et al., 2007; Stone et al., 2010). Semua kajian mereka ini, berjaya membuktikan bahawa sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan aktiviti ketidak jujuran akademik. Selain itu, kajian Carpenter dan Reimer (2005) menunjukkan bahawa aspek sikap menuangkan hubungan yang kuat dengan niat untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tingkah laku.

Alleyne et al., (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat untuk melakukan kecurangan yang mana nilai (R-square = .30, $p < .001$). Dapatan ini menyokong teori tingkah laku terancang yang menyatakan bahawa sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat untuk bertingkah laku. Nilai bagi sikap terhadap niat adalah ($\beta = .22$, $p < 0.01$). Manakala nilai RMSEA = .10. Dapatan kajian ini disokong kajian Storch dan Storch (2003) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat dan signifikan di antara sikap dengan ketidak jujuran akademik.

Kajian Stone et al., (2010) mendapati bahawa ketiga-tiga aspek atau peramal teori TPB iaitu sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan niat untuk bertingkah laku. Nilai bagi sikap terhadap niat adalah ($\beta = .22$, $p < 0.01$). Manakala nilai RMSEA = .10. Berdasarkan kepada literatur diatas, pengkaji membentuk hipotesis berikut:

*HA*³: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah sikap (*attitude*) terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia

Pemboleh ubah Norma subjektif. Norma subjektif juga merupakan salah satu faktor atau peramal penting dalam teori tingkah laku terancang (TPB) dalam meramal niat untuk bertingkah laku (Alleyne et al., 2011). Ianya merupakan aspek penting apabila individu dipengaruhi oleh pandangan orang lain sama ada perlu dilakukan atau tidak. Individu lain yang mempengaruhi tingkah laku ini adalah seperti ahli dalam keluarga, rakan-rakan yang berupaya mempengaruhi persepsi individu terhadap niat untuk melakukan sesuatu atau tidak (Carpenter et al., 2005).

Menguatkan lagi hujah ini, pengkaji merujuk kepada kajian terdahulu seperti kajian (Whitley, 2008; Stone et al., 2009; Stone et al., 2010) yang menyatakan bahawa faktor norma subjektif mempunyai hubungan yang positif dengan niat untuk bertingkah laku. Mereka juga berpendapat bahawa individu tertentu akan melakukan sesuatu tingkah laku berdasarkan persepsi dan pendapat orang lain yang boleh mempengaruhi mereka (Alleyne et al., 2011). Dalam kajian Stone et al., (2010) menunjukkan bahawa aspek norma subjektif mempunyai hubungan yang signifikan pada nilai ($\beta = .14$, $p < .05$).

Sesetengah pengkaji melihat bahawa norma subjektif adalah peramal paling lemah dalam teori TPB dalam meramal niat untuk bertingkah laku (Hsiao dan Yang, 2011). Walaubagaimanapun, banyak kajian menunjukkan bahawa norma subjektif juga memainkan peranan yang sangat besar dalam meramal niat untuk bertingkah laku (Nonis dan Swift, 2001; Whitley, 1998). Sebahagian besar pelajar faktor tingkah laku

dan perbuatan rakan-rakan mereka mempengaruhi niat mereka untuk bertingkah laku (Hsiao dan Yang, 2010). Malahan, pelajar akan melakukan sesuatu tindakan dan tingkah laku jika perbuatan mereka itu boleh diterima oleh rakan mereka yang lain (Mc Cabe, Trevino dan Butterfield, 2002). Oleh, itu Norma subjektif dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat untuk bertingkah laku.

Sesetengah pengkaji melihat norma subjektif sebagai peramal yang kuat dan berpengaruh. Carpenter dan Reimers (2005) melihat norma subjektif sebagai peramal yang kuat dalam meramal tingkah laku individu. Chapman et al., (2004) menyatakan bahawa pelajar akan terpengaruh untuk melakukan ketidak jujuran akademik jika melihat kawan lain melakukanya. Berdasarkan sorotan kajian lepas diatas, pengkaji membentuk hipotesis berikut:

*HA⁴: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah norma subjek (*subjective norms*) terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia.*

Pemboleh ubah tahu kawal kelakuan. Penambahbaikan Teori tingkah laku terancang (TPB) berlaku apabila Ajzen memasukkan unsur atau peramal baru iaitu aspek tahu kawal kelakuan dalam meramal niat melakukan sesuatu perlakuan (Alleyne et al., 2011). Tahu kawal kelakuan didefinisikan sebagai persepsi seseorang individu dalam menilai sama ada mudah atau susah sesuatu perlakuan itu boleh dilakukan berdasarkan pengalaman lepas mereka (Ajzen, 1991).

Beck dan Ajzen (1991) menyatakan bahawa tahu kawal kelakuan merupakan salah satu peramal paling kuat dalam teori TPB dalam mempengaruhi niat untuk bertingkah laku. Whitley (1998) melaporkan bahawa pelajar yang mendakwa diri mereka mempunyai faktor kawalan diri yang tinggi terhadap aktiviti ketidak jujuran

akademik juga akan melakukannya seperti pelajar lain. Stone et al., (2009) berjaya membuktikan bahawa tahu kawal kelakuan adalah peramal paling kuat yang berupaya mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Menguatkan lagi hujah bahawa tahu kawal kelakuan memberi kesan kepada niat adalah hasil daripada kajian Stone et al., (2010) yang menyatakan bahawa tahu kawal kelakuan mempunyai hubungan yang signifikan pada nilai ($\beta = .27$, $p < .01$) yang menerangkan 26% daripada varians keseluruhan.


Kajian Harding et al., (2007) mendapati bahawa tahu kawal kelakuan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan kepada niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Begitu juga dapatan kajian Carpenter dan Reimer (2005) yang mana dapatan kajian mereka tidak dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara niat dalam melakukan kecurangan atau tingkah laku menyimpang. Berdasarkan kepada literatur diatas, pengkaji membentuk hipotesis berikut:

HA⁵: Terdapat hubungan yang signifikan di antara boleh ubah tahu kawal kelakuan terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia

Rumusan

Dalam bab ini dibentangkan tinjauan terhadap konsep Penghayatan agama, konsep kecerdasan rohani, konsep niat, teori-teori berkaitan dengan kajian, tinjauan kajian di luar negara, tinjauan kajian dalam negara, jurang (*gap*) kajian dan rasional pemilihan boleh ubah. Daripada tinjauan ini, faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik telah dikenal pasti dan hipotesis serta model teoretikal penyelidikan dibangunkan. Bab seterusnya akan membincangkan metodologi untuk pengendalian penyelidikan ini.

Ringkasan Hipotesis Kajian



Rajah 2.9 Ringkasan hipotesis kajian

Bab 3 Metodologi Kajian

Pendahuluan

Metodologi kajian merupakan sesuatu yang sangat penting dalam sesebuah kajian untuk memperolehi hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai. Metodologi digunakan untuk mencari penyelesaian masalah dalam persoalan kajian dan pengujian hipotesis kajian bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian dan instrumen kajian. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan tatacara pemerolehan dan penganalisisan data.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini secara dasarnya menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan kepada pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan DDR (Richey dan Klein, 2007). Kajian bertujuan untuk membentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini secara dasarnya dikenali untuk menguji teori, dan membuat penilaian kebolehgunaan secara lebih praktikal dan tersusun. Kaedah ini juga dikenali sebagai kajian pembangunan (*developmental research*) (Richey dan Kline, 2007; Van den Akker, 1999). Model kajian ini juga sesuai untuk pendekatan pembangunan dan reka bentuk pelbagai bidang kajian seperti strategi pembelajaran, pembangunan program, pembanguna model dan juga pembangunan produk (Flink dan Searns, 1993; Ulrich, Eppinger dan Goyal, 2011).

Secara umumnya, Richey dan Klein (2007), menegaskan bahawa kaedah ini mengandungi tiga fasa yang sistematik iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk pembangunan dan fasa penilaian dan pengujian kebolehgunaan intervensi (*intervention*). Kaedah ini juga mampu untuk membantu pengkaji untuk mereka

bentuk sesuatu kajian selain dapat juga mengaplikasi pelbagai instrumen dan kaedah kajian mengikut fasa-fasa yang terkandung didalamnya.

Kaedah kajian reka bentuk pembangunan atau DDR merupakan kajian kepada reka bentuk pembangunan dan proses penilaian untuk membentuk dasar empirik untuk pembinaan produk, alatan, model atau pengubahsuaian yang menjadikan perkembangan atau inovasi sesebuah produk. Kaedah ini secara dasarnya akan mengandungi empat fasa komprehensif (Richey dan Klein, 2007). Fasa tersebut adalah seperti:

- i. Fasa pertama dikenali sebagai fasa analisis keperluan
- ii. Fasa Kedua dikenali sebagai fasa reka bentuk
- iii. Fasa ketiga dikenali sebagai fasa pembangunan
- iv. Fasa keempat adalah fasa penilaian atau pengujian.

Jadual 3.1

Ringkasan kaedah pengumpulan data setiap fasa DDR

Fasa	Kaedah
Fasa 1 : analisis keperluan	<ul style="list-style-type: none">• Tamu bual• Survei• Analisis kandungan (<i>content analysis</i>)
Fasa 2: reka bentuk	<ul style="list-style-type: none">• Teknik Delphi• <i>Fuzzy Delphi</i>• <i>Interpretive Structural Modelling</i> (ISM)• <i>Structural Equation Modelling</i> (SEM)
Fasa 3: Pembangunan	<ul style="list-style-type: none">• Pandangan pakar (expert opinion)• <i>Interpretive Structural Modelling</i> (ISM)• <i>Structural Equation Modelling</i> (SEM)
Fasa 4: Penilaian dan kepenggunaan	<ul style="list-style-type: none">• Tamu bual• Survei• Quasi-Ekperimen• Pre-test dan Post test• <i>Effective test/ summative evaluation/ statistical analysis</i>

Sumber: Saedah, Norlidah, Dorothy dan Zaharah (2013).

Kaedah DDR pada asalnya dikenali sebagai kaedah kajian pembangunan *Developmental Research* (Richey, Klein dan Nelson 2004), juga dikenali sebagai

kaedah fasa reka bentuk *design-based research* (Sharir, Alias, Ismail dan Osman, 2012) dan ada juga pengkaji menamakannya sebagai kajian reka bentuk (Bannan dan Ritland, 2003; Van der Akker, 2007).


Richie dan Klein (2007) mengklasifikasikan kajian menggunakan kaedah DDR ini kepada beberapa jenis. Jenis yang pertama Kajian reka bentuk pembangunan berasaskan produk sementara jenis yang kedua sebagai kajian model. Jenis yang pertama iaitu kajian berbentuk penghasilan produk, akan menjelaskan dan membuat kesimpulan khusus keatas sesuatu produk tersebut sama ada produk tersebut menepati objektif, kehendak, kekuatan dan kelemahan sesuatu produk yang dihasilkan. Kajian bentuk kedua iaitu penghasilan model merangkumi membuat kesimpulan dan melihat kepada prosedur, proses dan situasi yang menyokong kepenggunaan sesuatu model yang dibina.

Jadual 3.2

Kerangka asas kaedah dan metodologi dalam kajian reka bentuk dan Pembangunan

Jenis kajian	Projek (pendekatan)	Kaedah yang digunakan
Produk dan alatan	Reka bentuk komprehensif dan pembangunan projek	Kajian kes, analisis kandungan, Penilaian, Pemerhatian lapangan, temu bual (<i>indepth interview</i>)
Produk dan alatan	Fasa reka bentuk dan pembangunan	Kajian kes, analisis kandungan, penilaian pakar, pemerhatian, temu bual, dan soal selidik
Produk dan alatan	Pembangunan alatan (<i>tool</i>) dan penggunaan	Penilaian, penilaian pakar, temu bual, soal selidik (<i>survey</i>)
Model	Pembangunan model	Kajian kes, Delphi, temu bual, tinjauan literatur, soal selidik, <i>Think Aloud Method</i> .
Model	Penilaian Model	Eksperimen, penilaian pakar, temu bual (<i>in-depth interview</i>)
Model	Kepenggunaan model	Kajian kes, analisis kandungan, pemerhatian lapangan, temu bual, soal selidik, <i>Think A loud Method</i> .

Sumber: Richie dan Klein (2007).



Rajah 3.1 Model kajian Reka bentuk dan Pembangunan Richey & Klein.

Sumber: Richey, R.C, Klien, J.D. & Nelson, W.A. (2007). Dalam Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan analisis kajian, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Reka bentuk kajian berasaskan DDR (*Design and Development Research*) mengandungi beberapa proses asas iaitu analisis keperluan, analisis konteks (*context analysis*), analisis pengguna, analisis kandungan dan yang paling penting adalah penilaian kepenggunaan produk yang dihasilkan (Norlidah, Saedah, Dorothy dan Nazri, 2013)

Ringkasnya kaedah kajian menggunakan DDR mampu membantu para pengkaji dalam mereka bentuk dan membina sesuatu kajian. Penggunaan kaedah DDR juga boleh diinovasikan kepada pelbagai bentuk instrumen mengikut fasa-fasa yang terkandung didalamnya. Terdapat pelbagai produk dan hasilan yang boleh dihasilkan oleh teknik ini seperti model, modul, borang kaji selidik, kerangka, garis panduan, pelan strategik dan misi berdasarkan keperluan sesuatu kajian. Oleh yang demikian, reka bentuk ini amat sesuai digunakan pengkaji memandangkan matlamat kajian ini adalah membangunkan model integriti akademik dalam kalangan mahasiswa. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengordinasi kajian ini berdasarkan kepada tiga fasa utama iaitu:

1. Fasa satu: Fasa analisis keperluan (*need analysis*) iaitu fasa untuk mengenal pasti keperluan untuk pembinaan model kajian ini.
2. Fasa dua: Fasa utama kajian ini iaitu fasa pembangunan dan reka bentuk. Fasa ini pengkaji akan menggunakan pendekatan pembentukan model berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi* (*Fuzzy Delphi Method*) kesepakatan dan persetujuan pakar.
3. Fasa ketiga: Fasa terakhir iaitu fasa penilaian model yang dibentuk menggunakan teknik PLS-SEM (*Partial Least Square- Structural Equation Modelling*).

Fasa analisis keperluan.

Tujuan fasa. Dalam pendekatan kaedah DDR, fasa pertama adalah fasa analisis keperluan. Fasa ini antara fasa yang penting memandangkan fasa ini pengkaji akan dapat mengenal pasti setiap persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian yang digunakan dalam membentuk model yang akan dibangunkan (Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabiah dan Ahmad Arifin, 2014). Dalam fasa ini, pengkaji mereka bentuk analisis keperluan yang diperlukan sepanjang proses kajian berdasarkan pembacaan daripada literatur. Oleh yang demikian, fasa ini merupakan fasa penting bagi pengkaji untuk mengenal pasti keperluan untuk membina model integriti akademik dalam kalangan mahasiswa.

Menurut McKillip (1987), fasa analisis melibatkan fasa mengenal pasti dan menilai keperluan perkara yang ingin dikaji yang akan menentukan keputusan yang ingin dicapai. Proses mengenal pasti dan menganalisis keperluan dikenali juga dengan proses mengenal pasti masalah yang wujud dalam kalangan populasi yang dipilih (*target population*). Proses ini juga melibatkan proses mengenal pasti cara penyelesaian terbaik yang boleh diambil oleh pengkaji (Witkin dan Altschuld, 1995). Fasa ini juga lebih memfokuskan kepada apa yang sepatutnya dilakukan berbanding dengan apa yang telah dilakukan (Riviere, 1996).

Menurut McKillip (1987), fasa analisis keperluan boleh disandarkan kepada beberapa model:

- i. **Model ketidaksesuaian** (*discrepancy Model*): model ini merupakan model yang digunakan oleh pengkaji terutamanya dalam bidang pendidikan. Model ini menekankan beberapa jangkaan, iaitu proses menetapkan matlamat dan menetapkan apa yang sepatutnya dilakukan. Kedua proses pengukuran prestasi yang melibatkan mengenal pasti apakah yang sepatutnya dilakukan. Ketiga

adalah proses mengenal pasti ketiadaksuaian (*discrepancy identification*) iaitu apakah yang sepatutnya berlaku (*what ought to be*) dan apakah sebenarnya sesuatu masalah tersebut (*what is*).

- ii. **Model Pemasaran (Marketing Model):** Model ini menekankan proses menganalisis keperluan dan maklumbalas yang digunakan oleh sesuatu institusi atau organisasi untuk menilai apakah perkara yang diperlukan oleh pelanggan. Dalam proses menganalisis keperluan dalam model ini akan melibatkan tiga perkara penting iaitu:
- (i) Proses memilih populasi jangkaan (*target population*) yang mana melibatkan sasaran yang mempunyai kebarangkalian yang tinggi menggunakan sesuatu perkhidmatan yang disediakan seterusnya membuat perubahan yang diperlukan oleh pelanggan atau pengguna.
 - (ii) *Choice of Competition position:* Proses ini melibatkan analisis kompetensi dan cabaran terhadap agensi lain yang memberi kesan kepada organisasi.
 - (iii) *Development of an effective marketing mix:* fasa ini melibatkan proses memilih ketepatan dan kualiti perkhidmatan yang boleh memberi impak maksimum kepada populasi pengguna yang di harapkan.
- iii. **Model membuat Keputusan. (Decision making model):** model ini merupakan model yang diadaptasi daripada *Multiattribute Utility Analysis* (MAUA). Model ini mengandungi tiga peringkat:
- (i) *Problem Modelling:* pada peringkat ini, fasa mengenal pasti keperluan perlu dilakukan. Setelah mengenal pasti masalah yang berlaku sesuatu tindakan perlu dirangka bagi mengatasinya.

- (ii) *Quantifications*: Fasa ini melibatkan proses mengukur dan membuat anggaran terhadap keperluan yang perlu dibuat sebagai rujukan oleh pembuat dasar dan keperluan terhadap sesuatu perkara.
- (iii) Sintesis (*synthesis*): Fasa ini melibatkan penyediaan indeks keperluan yang perlu dilakukan oleh Sesutu organisasi. Indeks ini akan memberi gambaran keperluan sebenar dan maklumat yang berkaitan dengan produk yang diperlukan oleh pelanggan

Namun demikian, berdasarkan kepada ketiga-tiga model ini, pengkaji mengambil pendekatan menggunakan Model Ketidaksuaian (*Discrepancy Model*) sebagai model pendukung dalam fasa analisis keperluan.

Penerangan lanjutan bagi keperluan fasa ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa.
2. Mengenal pasti keperluan pembinaan model integriti akademik dalam kalangan mahasiswa mengikut pandangan pakar.

Responden dan kaedah pensampelan. Responden yang terlibat dalam analisis keperluan terbahagi kepada dua iaitu mahasiswa dan juga pakar. Responden yang terlibat dalam fasa analisis ini meliputi mahasiswa yang dipilih oleh pengkaji secara kaedah pensampelan mudah (*convenient sampling*) (rujuk rajah 3.2) memandangkan pengkaji tidak memperoleh kerangka pensampelan (*sampling frame*). Pemilihan pensampelan ini juga di buat memandangkan pengkaji ingin mengetahui gambaran awal tahap ketidak jujuran dalam kalangan mahasiswa. Menurut Sekaran (2003) kaedah ini boleh digunakan untuk memperolehi gambaran awal sesuatu situasi dan jika pengkaji tidak berupaya memperoleh kerangka pensampelan. Pendapat Malhotra

(2010) dan Sekaran dan Bougie (2010) mengatakan bahawa pensampelan ini boleh digunakan jika pengkaji tidak berupaya memperoleh kerangka pensampelan walaupun beberapa pendapat menyatakan ianya mungkin bias dan tidak mewakili (*represent*) populasi.

Mengikut Krohn (2008), pelajar, guru mahupun mahasiswa adalah sumber utama untuk mendapatkan maklumat dalam fasa analisis keperluan. Memandangkan kajian ini memfokuskan kepada pembinaan model untuk mahasiswa pengajian tinggi, maka responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mahasiswa institusi pengajian tinggi awam yang dipilih pengkaji. Jumlah responden fasa analisis keperluan dibuat berdasarkan penetapan saiz sample Krecjie dan Morgan (1970) yang mana jumlah keseluruhan mahasiswa ijazah sarjana muda unjuruan tahun 2015 adalah 358,791 orang. Maka saiz yang sesuai adalah 380 orang. Responden terlibat dalam fasa analisis ini adalah seperti berikut:


Jadual 3.3

Responden kajian fasa satu (analisis keperluan)

Jumlah mahasiswa Islam 2015	Jumlah sampel
139,951 orang	380 orang

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (enrolmen mahasiswa IPTA 2014/2015)

Soal selidik diedarkan kepada mahasiswa di tiga buah institusi pengajian tinggi awam. Soal selidik diagihkan kepada mahasiswa tahun dua sehingga tahun akhir sahaja. Pemilihan sampel dari pelbagai IPTA ini bertujuan untuk mendapatkan pengalaman daripada mahasiswa itu sendiri. Ini penting bagi melihat fenomena ketidakjujuran akademik yang berlaku di persekitaran mahasiswa khususnya mahasiswa. Pecahan responden dan kaedah pensampelan adalah seperti berikut:



Rajah 3.2 Taburan responden dan kaedah pensampelan kajian fasa analisis keperluan

Selain itu, pengkaji juga akan mengagihkan soalan jenis terbuka (*open-ended Question*) kepada lima orang pakar, yang dipilih secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan kepada pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam skop mahasiswa. Pakar-pakar yang terlibat terdiri daripada 5 orang pakar, dua orang daripada Universiti Malaya, seorang daripada Universiti Malaysia Pahang, seorang daripada Universiti Kolej Shahputra Kuantan dan seorang daripada Institut Pendidikan Guru, Kuala Lipis Pahang. Soalan berbentuk terbuka (*open-ended*) dibina membolehkan pengkaji mencungkil pelbagai maklumat daripada sampel yang berkemungkinan tidak dapat diperoleh melalui soal selidik (Creswell, 2003). Selain itu, penggunaan *open-ended Question* memudahkan pengkaji untuk memperoleh dan menganalisis maklumat yang diperoleh (Richie dan Klein, 2007). Menurut Merriam (2009) penggunaan soalan terbuka dan tertutup adalah lebih fleksibel, lebih bersifat

eksplorasi dan ia sesuai jika pengkaji tidak mengetahui isu atau fenomena yang sebenar dan ingin diteroka. Di samping itu penggunaan soalan terbuka dapat membantu memberi penambahan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji (Van den Akker, 1999). Item-item soalan yang dibina dalam bentuk soalan terbuka (open-ended) bertujuan untuk mencungkil dan merangsang seseorang memberi respon secara aktif berdasarkan pengalaman-pengelaman mereka dalam sesuatu isu. Setelah soalan terbuka diedarkan kepada responden (pakar) yang dipilih, maklumat yang diperoleh akan di transkripkan melalui pengekodan transkripsi berikut:

Jadual 3.4

Pengkodan Transkripsi Tamu bual pakar

Responden (pakar)	KOD
Pakar 1	P1
Pakar 2	P2
Pakar 3	P3
Pakar 4	P4
Pakar 5	P5

Jadual 3.4 menunjukkan matriks pengekodan tamu bual ditetapkan sebelum dianalisis menggunakan kaedah analisis secara induktif (Cresswell, 2003) dan seterusnya mengenal pasti tema interaksi responden terhadap setiap jawapan yang di berikan oleh responden.

Instrumentasi. Setelah analisis kajian rintis di analisis pengkaji akan mengagihkan soalan kajian yang telah dibentuk kepada mahasiswa yang dipilih. Soalan analisis keperluan dibentuk hasil adaptasi daripada instrumen sedia ada yang digunakan *Academic Integrity Survey* oleh Mc Cabe (2010). Instrumen asal dalam kajian ini diambil daripada kajian lepas yang disediakan dalam bahasa Inggeris. Maka kaedah *back translation method* digunakan. Melalui kaedah ini, instrumen tersebut

diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diterjemahkan semula ke bahasa Inggeris (Eun-Seok Cha, 2007). Proses ini dibantu oleh 2 orang pakar bahasa Inggeris di Kolej Profesional MARA dan Pensyarah Bahasa Inggeris IPG Kampus tengku Ampun Afzan kuala Lipis (rujuk lampiran S). Perbincangan diadakan untuk mengetahui bahawa makna asal instrumen tersebut tidak terjejas setelah diterjemahkan.

Kesahan kandungan. Salah satu daripada kriteria untuk memenuhi aspek kesahan kandungan adalah melalui kajian literatur (Jusoh, 2008). Item-item yang digunakan dalam kajian ini dikenalpasti melalui kajian-kajian lepas sekaligus memenuhi kriteria kesahan kandungan. Bagi memenuhi kesahan kandungan, pengkaji membuat penilaian dan penstrukturkan dengan teliti dalam proses membentuk alat ukur (*instrument*). Untuk tujuan tersebut, hanya alat ukur yang sahih dan teruji (*validated*) sahaja dipilih melalui tinjauan literatur yang di semak oleh penyelidik dalam kajian ini. Oleh sebab, Soal selidik yang digunakan diadaptasi daripada kajian dari penyelidik lepas yang relevan dengan kajian ini, maka instrumen yang digunakan telah memenuhi aspek kesahan dan kebolehpercayaan, maka aspek kesahan kandungan telah dipenuhi (Sanchez-Franco dan Roldán, 2010).

Kesahan muka. Selain itu, Kesahan muka adalah satu prosedur yang perlu dipatuhi pengkaji sebelum memulakan sesuatu kajian. Penentuan kesahan muka merujuk kepada keupayaan instrumen kajian mengandungi maklumat yang merangkumi komponen bidang yang dikaji (Cresswell, 2008; Chua, 2006; Pallant, 2001). Cresswell (2007) mencadangkan pengkaji merujuk kepada pakar-pakar bidang tertentu bagi mengesahkan item atau soalan yang terkandung dalam instrument kajian. Menurut (Dimopoulos dan Pantis, 2003; Makki, Khalick dan Bou Joude, 2003) sekurang-kurangnya tiga orang pakar dalam bidang berkaitan diperlukan bagi kaedah ukur pakar. Oleh yang demikian, pengkaji akan mendapatkan pandangan tiga orang

pakar dalam bidang tertentu bagi mengesahkan item-item dan konstruk yang akan digunakan oleh pengkaji nanti.

Kemudian soalan yang telah dibentuk diberi kepada 3 orang pakar (rujuk lampiran E) untuk menentukan kesahan kandungan (*face validity*) sebelum soal selidik diagihkan kepada responden. Menurut Lyn (1986), bagi tujuan mendapat kesahan muka, soal selidik memerlukan bilangan minimum seramai tiga orang pakar tetapi tidak perlu melebihi sepuluh orang.

Jadual 3.5

Jadual skor menilai I-CVI

Definisi	Skor
Tidak relevan	1
Kurang relevan	2
Relevan	3
Sangat relevan	4

Sumber : Lyn (1986)

Penyelidik seterusnya menyerahkan kepada ketiga-tiga orang panel pakar tersebut borang Rubrik Pengesahan Soal Selidik oleh pakar untuk mendapat penilaian tentang item-item yang dibina. Borang soal selidik pengesahan menggunakan 4 skala ordinal untuk menunjukkan indeks kesahan muka bagi setiap item (I-CVI). Jadual 3.5 menunjukkan definisi skor yang digunakan untuk menilai I-CVI dalam borang Rubrik Pengesahan Pakar.

Untuk mendapat nilai I-CVI, penyelidik akan mencari nilai purata mata skala secara menjumlah skor yang diberi oleh setiap pakar dan membahagikan nilai tersebut dengan jumlah pakar. Menurut (Stewart & Haswell, 2013; Polit & Beck, 2006), niai I-CVI yang boleh diterima ialah 0.80 dan ke atas, manakala nilai 0.90 adalah

menunjukkan nilai kesahan muka yang cemerlang. Setelah membuat pengiraan 2 item digugurkan kerana nilai I-CVI kurang daripada 0.80.

Jadual 3.6

Skor bagi setiap item bagi menilai I-CVI

ITEM	PAKAR 1	PAKAR 2	PAKAR 3	I-CVI
1	1.00	1.00	1.00	1.00
2	1.00	1.00	1.00	1.00
3	1.00	1.00	1.00	1.00
4	1.00	1.00	1.00	1.00
5	1.00	1.00	1.00	1.00
6	1.00	1.00	1.00	1.00
7	1.00	1.00	1.00	1.00
8	1.00	1.00	1.00	1.00
9	1.00	1.00	1.00	1.00
10	1.00	1.00	1.00	1.00
11	1.00	1.00	1.00	1.00
12	1.00	1.00	1.00	1.00
13	1.00	1.00	1.00	1.00
14	1.00	1.00	1.00	1.00
15	1.00	1.00	1.00	1.00
16	1.00	0.00	1.00	0.66
17	1.00	1.00	0.00	0.66
PURATA	1.00	0.94	0.94	16.33

$$\sum I - CVI = 16.33$$

$$S-CVI = \frac{AVE\ I-CVI}{AVE\ I} = 0.96$$

Proses seterusnya ialah mengira indeks pengesahan muka bagi skala (S-CVI) iaitu secara mencari nisbah hasil tambah I-CVI setiap item yang diterima berbanding jumlah item di mana S-CVI adalah purata kesahan muka item bagi instrumen (Polit & Beck, 2006). Daripada pengiraan yang telah dibuat, melalui jadual 3.6 didapati nilai S-CVI bagi item ialah 0.96 dan ini menunjukkan bahawa soal selidik mempunyai nilai

kesahan muka yang cemerlang. Hasilnya, soal selidik akhir (fasa analisis keperluan) mengandungi 15 item yang telah disepakati oleh pakar (Rujuk lampiran FAK/1).

Manakala soalan terbuka pula, soalan dibentuk berdasarkan sorotan kajian dan perbincangan dengan pakar yang berkaitan. Sebelum soalan terbuka diagihkan kepada pakar, pengkaji menjalankan ujian pra uji (*pretesting*) kepada 3 orang pensyarah IPGM terhadap soalan-soalan yang dibentuk bagi melihat kefahaman dan kejelasan soalan. Hasilnya kesemua item soalan terbuka yang dibentuk mampu memberi kejelasan dan kefahaman terhadap aspek yang hendak dikaji berdasarkan maklum balas yang diterima. Setelah soal selidik dibentuk, ianya diuji kesahan kandungan dan bahasanya oleh tiga orang pakar yang dipilih.

Instrumen kajian dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama yang berkait rapat dengan objektif dan tujuan kajian iaitu keperluan kepada pembinaan model integriti akademik. Instrumen kajian dibentuk berdasarkan skala likert lima mata (*points*) seperti berikut:

1. Tidak Pernah
2. Sekali
3. Sekali sekala
4. Beberapa kali
5. Selalu

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu, bahagian 1 mengandungi analisis profil responden iaitu jantina, CGPA dan tahap pendidikan responden. Manakala bahagian 2 mengandungi lima belas item soalan. Perincian setiap bahagian diterangkan dalam jadual 3.7:

Jadual 3.7

Konstruk/ item alat ukur bagi kajian analisis keperluan.

Bahagian	Item	No item
Bahagian i	<ul style="list-style-type: none"> • Jantina • CGPA • Kelulusan tertinggi • Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian mengatakan itu hasil kerja anda • Mengubah suai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas anda • Mengubah suai hasil kerja orang lain dan dijadikan hasil kerja sendiri • Menerima bantuan yang tidak sepatutnya daripada kawan ketika menyediakan tugas 	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15
Bahagian ii	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh/meminta membuat tugas secara individu • Menyalin beberapa perkataan daripada bahan rujukan tanpa menyatakan rujukan dalam nota kaki • Menulis tugas untuk pelajar lain • Menyalin (copy) pernyataan atau maklumat daripada sumber internet tertentu tanpa memberi kredit (Quote) kepada penulis asal • Meniru maklumat daripada pelajar lain ketika peperiksaan atau ujian • Membantu rakan lain untuk meniru dalam peperiksaan atau ujian • Menyalin maklumat daripada sumber digital, seperti internet tanpa menyatakan sumber asalnya • Meniru rakan dalam peperiksaan tanpa pengetahuan mereka • Meminta bantuan rakan dalam menyiapkan tugasan (<i>assignment</i>) • Cuba mendapatkan jawapan atau soalan daripada rakan yang telah mengambil sesuatu ujian atau peperiksaan. • Menyalin beberapa perenggan maklumat daripada internet, buku, jurnal atau sumber lain. 	5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15

Pembinaan protokol temubual. Temu bual adalah alat yang digunakan secara meluas untuk mendapatkan pandangan secara mendalam dalam persepsi dalaman, sikap dan kelakuan serta perasaan sebenar mereka (Cohen, Manion dan Morrison, 2007). Temu bual dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu temu bual secara

berstruktur, temu bual secara semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur (Merriam, 2009).

Dalam kajian ini, temu bual secara tidak berstruktur iaitu secara soalan terbuka dan tertutup (*open-ended*) dijalankan sebagai mengumpul temu bual pakar. Soalan berbentuk terbuka (*open-ended*) dibina membolehkan pengkaji mencungkil pelbagai maklumat daripada sampel yang berkemungkinan tidak dapat diperoleh melalui soal selidik (Creswell, 2003). Menurut Merriam (2009) penggunaan soalan terbuka dan tertutup adalah lebih fleksibel, lebih bersifat eksplorasi dan ia sesuai jika pengkaji tidak mengetahui isu atau fenomena yang sebenar dan ingin diteroka.

Kandungan protokol temu bual kajian ini, adalah berdasarkan kepada keperluan untuk mendapatkan pandangan pakar terhadap aktiviti ketidakjujuran akademik dan keperluan untuk pembinaan model yang berasaskan kerohanian dalam menggambarkan isu ini dalam konteks mahasiswa di Malaysia.

Selepas membuat penelitian yang menyeluruh ke atas literatur, penyelidik telah membuat perbincangan dengan penyelia untuk mendapatkan pandangan tentang tema dan perkara yang perlu ada dalam temu bual yang mampu menjawab soalan kajian. Proses temu bual akan dilaksanakan selama 30 hingga 40 minit. Setiap pakar yang diagihkan soalan terbuka dihubungi lebih awal oleh pengkaji dan temu janji di buat pada waktu yang sesuai.

Menurut Turner (2010) kepentingan persediaan temu bual adalah untuk mengekalkan fokus yang jelas seiring dengan pemilihan teknik temu bual bagi mendapatkan maklumat yang maksimum untuk menjawab soalan kajian. Maka beberapa prinsip diaplikasikan bagi peringkat temu bual ini iaitu, membuat temu janji, memilih tempat yang sesuai, menjelaskan tujuan temu bual, menunjukkan keyakinan untuk menemu bual, menjelaskan format temu bual, memberitahu tempoh masa temu

bual dan memberitahu bagaimana pengkaji boleh dihubungi jika perlu. Perincian soalan temu bual seperti dalam lampiran FAK/2.

Kajian Rintis (Pilot Study). Kajian rintis akan dijalankan dalam fasa satu dan fasa tiga kajian. Kajian rintis dijalankan dalam fasa satu terhadap 100 orang mahasiswa IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang. Pemilihan mahasiswa ini dibuat memandangkan populasi mereka tidak terlibat secara langsung dalam kajian ini. Mahasiswa akan diberikan masa yang mencukupi bagi menjawab soalan kajian dalam jangkaan 20 minit untuk menjawab setiap item soalan. Setelah mendapat jawapan bagi semua instrumen yang diagihkan, pengkaji menganalisis semua data kajian rintis menggunakan IBM SPSS versi 20. Pengkaji akan menggunakan analisis statistik bagi melihat reliabiliti alat kajian. Data daripada soal selidik tersebut akan diproses menggunakan perisian IBM SPSS versi 20.0 untuk menentukan tahap keboleh percayaan item-item soal selidik melalui kaedah konsistensi dalaman. Menurut Chua (2006) kaedah ini sering digunakan dengan mengira pekali keboleh percayaan *Alpha Cronbach* untuk statistik keboleh percayaan instrumen kajian.

Sebelum mengagihkan soalan kajian kepada responden bagi tujuan ujian rintis fasa analisis keperluan, penyelidik melakukan ujian rintis awal (*Pre Testing*) terhadap soal selidik yang dibentuk walaupun soalan yang dibina dan diadaptasi daripada soal selidik yang telah diuji oleh pengkaji sebelum ini. Fasa pertama pengkaji memberikan soal selidik yang diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris kepada dua orang pensyarah Bahasa Melayu. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kejelasan soalan, serta kesesuaian bahasa dan tatabahasa serta sebarang kekeliruan yang wujud serta cadangan penambahbaikan yang mungkin boleh dilakukan untuk memantapkan lagi soal selidik ini. Menurut (Hunt, 1982) perlu dijalankan untuk melihat kesesuaian, kejelasan bahasa alat ukur yang akan digunakan oleh pengkaji. Kemudian pengkaji

mengagihkan set soalan kajian fasa ini kepada tiga orang pakar bagi menilai kesesuaian laras soalan dan adakah setiap item konstruk mampu menilai aspek yang hendak dikaji. Hasil ujian pra uji yang dijalankan, kesemua item yang dicadangkan menunjukkan kejelasan dan mudah difahami oleh responden. Aspek laras bahasa juga sesuai dan mudah difahami serta sesuai untuk ditadbir oleh pengkaji.


Hasil daripada ujian rintis yang dijalankan nilai keboleh percayaan atau reliabiliti mendapati nilai Alpha Cronbach bagi item keseluruhan item adalah $\alpha = .850$. Maka reliabiliti kajian menepati kesahannya berdasarkan darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap alat pengukuran yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramahan dan ketepatan (Kerlinger, 1973). Terdapat pelbagai pendapat bagi menentukan nilai keboleh percayaan berdasarkan tinjauan literatur. Nunally (1978) berpendapat bahawa nilai keboleh percayaan adalah melebihi 0.70 untuk menentukan *internal consistency*. Selain itu, Carmines dan Zeller (1979) menyatakan bahawa nilai keboleh percayaan adalah 0.70 atau lebih. Namun, skala baru menunjukkan bahawa nilai 0.60 adalah boleh dipertimbangkan dan diterima (Nunally dan Bernstein, 1994).

Jadual 3.8

Keputusan Ujian Rintis Fasa analisis Keperluan

Cronbach's	Responden
$\alpha = .850$	100
$N = 100$	

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian rintis yang dijalankan menggunakan responden seramai 100 orang, instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan Cronbachs Alpha 0.850.



Rajah 3.3 Proses kaedah analisis keperluan

Fasa reka bentuk dan pembangunan

Tujuan fasa. Fokus atau tujuan utama fasa ini adalah untuk membina dan mereka bentuk model integriti akademik dalam kalangan mahasiswa yang boleh

diimplementasikan dalam ruang lingkup mahasiswa pendidikan tinggi terutamanya di Malaysia. Jurang yang besar wujud, memandangkan belum pernah ada model ataupun teori yang khusus dalam mengukur atau menjadi panduan dalam fenomena ketidak jujuran akademik terutamanya dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi. Lau dan Yuen (2013) menyatakan masih belum terdapat kesimpulan dan keputusan yang nyata mengaitkan kesan keagamaan dalam fenomena ketidak jujuran akademik. Moten (2013) dalam masa yang sama menyatakan bahawa aktiviti ketidak jujuran akademik banyak berlaku dalam kalangan Negara Islam khususnya masyarakat Islam itu sendiri. Berdasarkan kepada jurang yang ada adalah wajar satu model khusus dibangunkan dalam ruang lingkup Islamik yang mungkin mampu memberi gambaran khusus tentang fenomena ini.

Fasa ini, merupakan fasa terpenting dalam kajian ini. Fasa kedua adalah fasa reka bentuk dan pembangunan. Pengkaji akan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* yang berasaskan kepada pandangan pakar yang berkaitan. Pemilihan teknik ini bersesuaian dengan matlamat fasa yang menginginkan penilaian yang terperinci terhadap model yang dibangunkan. Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method (FDM)* adalah satu kaedah dan instrumen pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Teknik *Delphi*. Kaedah ini mula diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch pada tahun 1985. Kaedah *Fuzzy Delphi* ini merupakan suatu kombinasi gabungan di antara Set Penomboran Fuzzy dan Kaedah Delphi. Ini bermaksud Kaedah Delphi bukanlah satu instrumen yang baru tetapi adalah satu instrumen yang telah dilakukan penambahbaikan terhadap Kaedah Delphi. Penambahbaikan ini secara tidak langsung dapat menjadikan penggunaan Kaedah *Fuzzy Delphi* sebagai satu alat pengukuran yang lebih efektif kerana ia dilihat mampu untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai ketidakpastian bagi sesuatu kajian.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah *Fuzzy Delphi* di dalam mendapatkan kesepakatan pakar dalam mengenal pasti kedudukan setiap item dalam model integriti akademik yang dibangunkan pengkaji berdasarkan konsensus pakar dan mengenal pasti elemen-elemen kompetensi dari perspektif mahasiswa pengajian tinggi amnya. Kaedah ini adalah melibatkan penggunaan *fuzzy set theory* yang telah disepadukan di dalam kaedah *Delphi* klasik di mana skala likert yang dipilih oleh pakar akan ditukar kepada skala *fuzzy* dengan menggunakan penomboran *fuzzy* yang terdiri daripada penomboran *binary*.

Bagi kajian yang melibatkan pembangunan sebuah model, antara kaedah dan instrumen yang boleh digunakan dalam fasa pembangunan ini adalah soal-selidik pakar bagi mengetahui kebolehgunaan model sebagai rujukan bagi kajian akan datang, Penggunaan teknik *Delphi* dan Kaedah *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan pandangan dan kesepakatan pakar terhadap penghasilan model (Joseph, Tomas, Christian, dan Marko, 2014). Oleh yang demikian, pengkaji memilih kaedah ini untuk fasa reka bentuk dan pembangunan memandangkan ianya amat sesuai diaplikasikan berdasarkan sorotan literatur dan juga keberkesanannya dalam pembangunan sesuatu model.

Perbincangan lanjutan akan dibincangkan secara spesifik dan terperinci mengenai populasi, instrumentasi, proses analisis, ujian rintis dan pemprosesan data dan pembentukan model. Fasa ini membincangkan objektif yang hendak dicapai seperti berikut:

Bagaimakah mereka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani, berdasarkan kepada pandangan pakar?

- i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan keutamaan ?

Kaedah fasa. Fasa kedua adalah fasa reka bentuk dan pembangunan terhadap model yang akan dihasilkan pengkaji. Sebagai memenuhi matlamat utama fasa ini, pengkaji akan menggunakan item soal selidik pakar bagi membina model yang akan dihasilkan.

Responden fasa reka bentuk dan pembangunan dan kaedah pensampelan.

Dalam fasa ini, pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dan kaedah pemilihan sampel secara bermatlamat digunakan (*purposive sampling*). Mengikut Hasson, Keeney dan McKenna (2000) kaedah pemilihan sampel yang sesuai dalam teknik FDM adalah bukan kebarangkalian (*non probability sampling*) sama ada menggunakan bertujuan (*purposive*) atau kriteria (*criterion sampling*). Kaedah ini dipilih memandangkan sampel tidak dipilih secara rawak dan ianya tidak mewakili (*representativeness*), dan ianya dipilih berdasarkan kepada tujuan untuk melihat pengetahuan dan pengalaman mereka secara mendalam terhadap bidang yang dikaji. Menurut Noraini (2010) pensampelan bertujuan ini juga dikenali sebagai *judgement sampling* kerana ianya akan melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel kajian berdasarkan pengetahuan penyelidik dan keperluan kajian. Bagi menilai model yang dibina, pengkaji akan menggunakan 12 orang pakar bidang bagi menilai ke boleh gunaan model yang dibina. Menurut Berliner (2004) menyatakan bahawa pensyarah

yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun diklasifikasikan sebagai pakar di mana mereka mempunyai pengalaman mengajar dan mengurus secara berterusan.

Menurut Mullen (2003) pakar adalah mereka yang terlatih dan dilatih dalam bidang tertentu. Manakala Akbari & Yazdanmehr (2014) menyatakan bahawa istilah pakar dalam bidang pendidikan merujuk kepada individu yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dan berdasarkan kepada pengalaman mereka secara spesifik. Mengikut Ridhuan et al., (2014) menyatakan bahawa dalam kaedah *Fuzzy Delphi* yang melibatkan pembangunan sesebuah model, proses mendapatkan kesepakatan dan pandangan pakar adalah perlu. Selain itu, para pengkaji juga boleh menggunakan kaedah lain seperti kaedah *Partial Least Square* (PLS-SEM) bagi melihat hubungan sesebuah konstruk dan item dalam model yang dibentuk, kaedah temu bual serta ujian pra dan post. Namun begitu, pengkaji mengambil langkah menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*.

Dalam pemilihan pakar, Adler dan Ziglio (1996) bilangan pakar yang sesuai dalam kaedah Delphi adalah di antara 10 hingga 15 orang jika terdapat tahap keseragaman yang tinggi di antara pakar tersebut (*homogenous*) manakala jika bilangan pakar yang tidak seragam (*heterogeneous*) Clayton (1997) menyatakan jumlah pakar yang sesuai adalah di antara 5 hingga 10 orang akan tetapi kebiasaananya “*rule of Thumb*” dalam teknik *Delphi* bilangan sampel 10-15 adalah mencukupi. Selain itu Cavalli dan Ortolano (1984) menyatakan bahawa sampel bagi FDM adalah di antara 8 hingga 12 jika sampel bersifat *Homeogenous* dan adalah mencukupi begitu juga dengan pendapat Philip (2000) menyatakan sampel pakar di antara 7 hingga 12 orang. Jones dan Twiss (1978) mencadangkan bilangan pakar yang sesuai dalam kaedah ini adalah di antara 10 hingga 50 orang. Namun demikian pengkaji Akan memilih 12 orang pakar dalam fasa ini berdasarkan kepada kepakaran tertentu yang

akan menilai model yang akan dibangunkan penyelidik. Kaedah Delphi tidak mempunyai kaedah khusus dalam pemilihan pakar (Kaplan, 1971). Aspek yang paling penting dalam pemilihan pakar adalah kesan dan kualiti kesepakatan yang melibatkan kajian (Jacob, 1996). Walau bagaimanapun, pemilihan pakar perlu di lihat kepada kriteria tertentu. Menurut Pill (1971), pemilihan pakar perlu mengambil kira dan perlulah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu dan berupaya menyumbang pandangan dan kesepakatan pandangan terhadap keperluan sesuatu kajian.

Jadual 3.9 Responden fasa Pembangunan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi Method

Jawatan	Bidang kepakaran	pengalaman	Bilangan	Institusi
Profesor	Pendidikan Islam	> 15 tahun	1	KUIS
Prof Madya	Pendidikan Islam	> 15 tahun	2	UM/UPM
Prof Madya	Teknologi kemanusiaan/ P.islam	> 15 tahun	1	UMP
Pensyarah Kanan	Pendidikan Islam	> 15 tahun	2	UM/USIM
Pensyarah IPGM	Pendidikan Islam/DDR	> 10 tahun	4	IPGM
Pensyarah universiti swasta	Psikologi/ Pengajian Islam	> 10 Tahun	1	UCSA

Jumlah pakar: 12 orang

Instrumen kajian. Instrumen kajian bagi Fasa reka bentuk dan pembangunan dibentuk oleh pengkaji berdasarkan sorotan kajian. Berdasarkan Skulmowski, Hartman & Krahn (2007) pembentukan oleh pengkaji boleh dibentuk berdasarkan sorotan literatur, kajian rintis dan pengalaman. Manakala menurut (Ridhwan et al.,

2014) dalam membentuk soalan bagi teknik Fuzzy Delphi berdasarkan perkara-perkara berikut:

- 1) Sorotan kajian
- 2) Tamu bual pakar
- 3) *Focus group*

Pembentukan soalan atau skrip soalan selidik pakar adalah sama dengan pembentukan soalan kajian lain yang biasa digunakan. Skala Likert akan digunakan pengkaji dalam pembentukan soal selidik pakar kajian ini. Kebiasaannya skala likert digunakan berdasarkan kepada kehendak soalan kajian yang hendak dikaji, serta mengikut apa yang hendak diukur seperti aras persetujuan, aras tahap dan aras kepentingan (Ridhwan et al., 2014).

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah instrumen soal selidik penilaian pakar yang di dasari oleh Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991), TRA dan Dual Process Model. Soal selidik mengandungi 48 soalan yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah maklumat peribadi pakar dan bahagian kedua adalah pandangan pakar terhadap model yang dibina. Bahagian kedua juga akan melihat pandangan dan cadangan pakar terhadap item-item yang dibentuk dalam setiap konstruk seterusnya kesesuaianya dalam pembentukan model.

Pembentukan item dalam setiap konstruk soal selidik dibentuk berdasarkan sorotan kajian (*literature*). Instrumen untuk mengukur konstruk seperti Sikap (*attitude*), norma subjektif (*subjective norms*), tahu kawal kelakuan (*perceived behaviour control*) dan keinginan/niat (*intention*) akan diukur menggunakan instrumen yang telah digunakan oleh Stones, Jawahar dan Kisamore (2010) yang mengadaptasi instrumen Ajzen (1991;Armitage dan Corner, 2001 dan Imran dan

Nordin, 2013). Bagi mengukur penghayatan agama (*Muslim religiosity*) pengkaji akan menggunakan instrumen Skala Pengukuran religiositi Islam (*Short muslim Practice and Belief Scale ,S-MPBS*) yang dibangunkan Al Marri, Oei dan Al Adawi (2009). Aspek kecerdasan rohani pula, pengkaji mengadaptasi instrumen sedia ada yang telah digunakan penyelidik terdahulu iaitu Skala pengukuran kecerdasan spiritual (Salmah Mohd Amin, 2004). Pengukur bagi setiap konstruk di gabungkan untuk membentuk instrumen penyelidikan yang disusun seperti berikut:

Jadual 3.10 *Ringkasan Instrumen Kajian*

Item pemboleh ubah (variable item)	Sumber Rujukan (reference sources)	Jumlah soalan
Sikap (<i>attitude</i>)		5 soalan
Norma subjektif (<i>subjective norm</i>)	Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012)	6 soalan
Tahu kawal kelakuan (<i>perceived behavior control</i>)		5 soalan
Niat	A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	5 soalan
Penghayatan rohani	Almarri, Ooi dan Al Adawi (2009)	13 soalan
• Kepercayaan • Amalan	Short Muslim Practice and belief Scale (S-MPBS)	
Kecerdasan Rohani	Salmah Mohd Amin (2004)	14 soalan

Kaedah terjemahan. Instrumen asal dalam kajian ini diambil daripada kajian lepas yang disediakan dalam bahasa Inggeris. Maka kaedah back translation method digunakan. Melalui kaedah ini, instrumen tersebut diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diterjemahkan semula ke bahasa Inggeris (Eun-Seok Cha, 2007). Proses ini dibantu oleh 2 orang pakar bahasa Inggeris di Kolej Profesional MARA dan Pensyarah Bahasa Inggeris IPG Kampus tengku Ampun Afzan Kuala Lipis. Perbincangan

diadakan untuk mengetahui bahawa makna asal instrumen tersebut tidak terjejas setelah diterjemahkan.

Kesahan kandungan. Salah satu daripada kriteria untuk memenuhi aspek kesahan kandungan adalah melalui kajian literatur (Jusoh, 2008). Item-item yang digunakan dalam kajian ini dikenal pasti melalui kajian-kajian lepas sekali gus memenuhi kriteria kesahan kandungan. Bagi memenuhi kesahan kandungan, pengkaji membuat penilaian dan penstrukturkan dengan teliti dalam proses membentuk alat ukur (*instrument*). Untuk tujuan tersebut, hanya alat ukur yang sahih dan teruji (*validated*) sahaja dipilih melalui tinjauan literatur yang di semak oleh penyelidik dalam kajian ini. Seterusnya, alat ukur kajian di terjemahkan melalui proses penterjemahan (*back to back translation*). Semasa proses ini dijalankan, komen, cadangan dan pembetulan yang disyorkan oleh pakar terhadap perkataan, item kandungan dan ayat-ayat yang mengelirukan akan di perbetulkan.

Selain itu, Kesahan kandungan adalah satu prosedur yang perlu dipatuhi pengkaji sebelum memulakan sesuatu kajian. Penentuan kesahan kandungan merujuk kepada keupayaan instrumen kajian mengandungi maklumat yang merangkumi komponen bidang yang dikaji (Cresswell, 2008; Chua, 2006; Pallant, 2001). Cresswell (2007) mencadangkan pengkaji merujuk kepada pakar-pakar bidang tertentu bagi mengesahkan item atau soalan yang terkandung dalam instrumen kajian. Menurut (Dimopoulos dan Pantis, 2003; Makki, Khalick dan BouJoude, 2003) sekurang-kurangnya tiga orang pakar dalam bidang berkaitan diperlukan bagi kaedah ukur pakar. Oleh yang demikian, pengkaji akan mendapatkan pandangan empat orang pakar dalam bidang tertentu bagi mengesahkan item-item dan konstruk yang akan digunakan oleh pengkaji nanti. Seterusnya instrumen penilaian ini akan disemak kesahan muka

dan kesahan kandungan oleh 4 orang panel pakar yang dilantik sebelum soal selidik ini ditadbir kepada kumpulan responden yang dipilih.

Kaedah pengumpulan data. Matlamat utama fasa ini adalah untuk membangunkan dan mereka bentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani berdasarkan kepada pandangan persetujuan pakar. Dalam fasa ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual pakar dan kaedah *Fuzzy Delphi*.

Dalam fasa ini, pengkaji akan menemu bual empat orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian. Kemudian, pengkaji akan menggunakan soalan selidik pakar yang dibentuk berdasarkan sorotan kajian dan hasil temu bual pakar. Soalan akan diagihkan kepada pakar-pakar yang telah dikenal pasti dalam jangka masa yang tertentu. Setelah data diperoleh, pengkaji akan menganalisis dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Berdasarkan data yang diperoleh, pengkaji akan menukar kesemua skala likert kepada skala *Fuzzy*. Data-data yang dikumpulkan, akan dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

Namun demikian, sebelum soal selidik pakar diagihkan, pengkaji akan membuat kesahan kandungan (*content validity*) dengan 4 orang pakar untuk melihat kesesuaian elemen yang di cadangkan dalam soal selidik *Fuzzy Delphi*. Respon dan maklum balas pakar akan di catat dan diambil tindakan penambahbaikan dalam soal selidik.

Langkah dalam menjalankan kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Dalam menjalankan analisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, pengkaji perlulah mengikut beberapa langkah yang diperlukan dalam menjalankan kaedah ini. Prosedur menjalankan analisis menggunakan kaedah FDM adalah seperti berikut:

Langkah 1: Pemilihan pakar: Dalam kajian ini seramai 12 orang pakar digunakan seperti yang telah diterangkan dalam bab sebelum ini. Bilangan pakar dijemput untuk


menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pemboleh ubah yang akan diukur dengan menggunakan pemboleh ubah linguistik. Proses untuk mendapatkan maklumat dan data bergantung kepada inisiatif pengkaji sendiri. Antara kaedah yang boleh digunakan pengkaji adalah seperti:

- 1) Menjalankan seminar atau bengkel ilmiah dan menjemput pakar-pakar yang terlibat.
- 2) Bertemu secara bersemuka dengan pakar-pakar yang telah dikenal pasti
- 3) Penyebaran secara atas talian seperti melalui e-mel kepada pakar yang dikenal pasti mahir dalam sesuatu bidang yang dikehendaki pengkaji.

Namun demikian dalam fasa ini, pengkaji memilih untuk bertemu secara bersemuka dengan pakar-pakar yang dipilih dan dikenal pasti bagi memudahkan proses perbincangan dan penerangan terhadap isu-isu yang mungkin wujud dalam item dan sebagainya.

Langkah 2: penentuan pemboleh ubah linguistic (*determining linguistic scale*).

Proses ini melibatkan proses penukaran semua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy numbers*). Langkah ini juga melibatkan penukaran pemboleh ubah linguistik dengan penambahan nombor fuzzy (Hsieh, Lu dan Tzeng, 2004). Skala linguistik menyerupai skala likert yang digunakan dalam kajian lain namun ianya ditambah dengan penomboran fuzzy berdasarkan penomboran segitiga fuzzy. Setiap respon yang diterima 3 nilai fuzzy yang mewakili pandangan pakar (*fuzziness expert opinion*). Tiga nilai seperti gamba rajah dibawah:



Rajah 3.4 Triangular Fuzzy Number.

M_1 = nilai minimum; M_2 = nilai sederhana; M_3 = nilai maksimum.

Dalam erti kata lain, skala h linguistik digunakan untuk menukar skala boleh ubah linguistik ke dalam nombor fuzzy. Skala persetujuan mestilah (3, 5 dan 7 skala linguistik). Semakin tinggi skala maka semakin tepat analisis respon yang diperolehi (Muhammad Ridhuan, 2013).

Jadual 3.11

Contoh skala boleh ubah linguistik

Skala fuzzy 7 poin	Nombor fuzzy		
	m1	m2	m3
Amat setuju	0.09	1.00	1.00
Sangat Setuju	0.70	0.90	1.00
setuju	0.50	0.70	0.90
Tidak pasti	0.30	0.50	0.70
Tidak setuju	0.10	0.30	0.50
Sangat tidak setuju	0.00	0.10	0.30
Amat tidak setuju	0.00	0.00	0.10

Langkah 3: Setelah pengkaji memperoleh respon daripada pakar yang dipilih, pengkaji perlu menukar semua skala *likert* kepada skala *Fuzzy*. Proses ini juga dikenali sebagai mengenal pasti *everage responses* setiap nombor fuzzy (Benitez, Martin dan Roman, 2007). Proses ini berlaku berdasarkan formula:

$$M = \frac{\sum_i^n = 1mi}{n}$$

Langkah 4: Proses mengenal pasti nilai *Threshold* “d”. Nilai threshold amat penting dalam proses mengenal pasti tingkat kesepakatan di antara pakar (Thomaidis, Nikitakos dan Dounias, 2006). Jarak bagi setiap nombor fuzzy $m=(m_1, m_2, m_3)$ dan $n=(n_1, n_2, n_3)$ dikira dengan menggunakan rumus :

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Nilai *threshold* amat penting dalam penentuan kesepakatan antara pakar. Menurut Cheng dan Lin (2002), jika nilai *threshold* kurang atau menyamai 0.2, maka ianya dikira kesepakatan pakar telah dicapai. Sementara keseluruhan kesepakatan (*group consensus*) haruslah melebihi 75% kesepakatan untuk setiap item, jika tidak pusingan kedua perlu dilaksanakan.


Langkah 5: Mengenal pasti tahap alpha agregat penilaian fuzzy setelah kesepakatan pakar diperoleh dengan menambah nombor fuzzy bagi setiap item (Ridhuan, 2013). Pengiraan dan penentuan nilai fuzzy adalah dengan menggunakan rumus: $A_{\max} = 1/4(m_1+m_2+m_3)$.

$$\tilde{A} = \begin{bmatrix} \tilde{A}_1 \\ \tilde{A}_2 \\ \vdots \\ \tilde{A}_m \end{bmatrix} \text{ where } \tilde{A} = r_{i1} \times w_1 + r_{i2} \times w_2 + \dots \dots \dots r_{in} \times w_n$$

$$i = 1, 2, \dots, m$$

Langkah 6: Langkah seterusnya adalah fasa *defuzzification process*. Proses ini menggunakan rumus $A_{max} = \frac{1}{4} (m_1 + m_2 + m_3)$. Sekiranya pengkaji menggunakan *Average Fuzzy Numbers* atau *average response*, nombor skor yang terhasil adalah nombor yang berada pada julat 0 hingga 1 (Ridhuan et al., 2014).

Langkah 7: proses penentuan kedudukan (*ranking*) atau sub fasa bagi model. Proses penentuan kedudukan adalah dengan cara memilih elemen model berdasarkan nilai *defuzzification* berdasarkan kesepakatan pakar yang mana elemen yang mempunyai nilai tertinggi ditentukan kedudukan yang paling utama didalam model (Fortemps dan Roubens, 1996).



Rajah 3.5 Proses reka bentuk dan pembangunan model menggunakan kaedah Fuzzy Delphi

Fasa penilaian

Tujuan Fasa. Tujuan fasa ini dijalankan adalah untuk menilai kepenggunaan model yang dibentuk sama ada sesuai atau tidak dalam skop yang dikaji. Memandangkan model ini dibina dalam skop mahasiswa, oleh yang demikian ianya sesuai di nilai keberkesanannya daripada mahasiswa itu sendiri. Proses penilaian dijalankan dalam kalangan mahasiswa dengan menggunakan kaedah soal selidik. Penjelasan yang lebih terperinci akan diterangkan dalam bahagian yang berikutnya. Fasa ini membincangkan objektif yang hendak dicapai seperti berikut:

1. Apakah terdapat hubungan yang positif di antara boleh ubah *penghayatan agama, kecerdasan rohani*, sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?
2. Apakah boleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?

Populasi dan responden kajian. Populasi kajian ini ialah mahasiswa fakulti Pendidikan UiTM Puncak Alam dan Kuliyyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa UIAM. Responden kajian terdiri daripada mahasiswa tahun dua sehingga tahun akhir sahaja. Pemilihan sampel daripada fakulti pendidikan adalah berdasarkan laporan terdahulu yang menunjukkan bahawa terdapat permasalahan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa fakulti pendidikan (Nurshihha et al., 2013). Pemilihan sampel kajian ini berdasarkan jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang mana populasi seramai 1554 orang responden, bilangan saiz sampel yang diperlukan dan dikira bersesuaian ialah sebanyak 350 orang. Namun pengkaji akan cuba untuk mengumpul jumlah data yang lebih besar iaitu seramai 480

orang berdasarkan kepada perkiraan sample size calculator. Menurut Gay (2006), bilangan sampel minimum kajian jenis tinjauan adalah 10 peratus daripada jumlah populasi. Manakala Mohammad Najib (1999) pula menyarankan 30 peratus sampel yang sesuai untuk kajian persepsi.

Jadual 3.12

Bilangan mahasiswa Fakulti Pendidikan UiTM Puncak Alam dan UIAM

Responden	Jumlah populasi	Anggaran responden
Mahasiswa Fakulti Pendidikan UiTM Shah Alam	980 orang	260
Mahasiswa Fakulti Pendidikan UIAM	302 orang	170
Jumlah:	1554 orang	480

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Pelajar /Unit Rekod UiTM Puncak Alam dan Kuliyyah Pendidikan UIAM Gombak.

Kaedah pensampelan Fasa penilaian model. Kaedah ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah (simple random sampling). Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kemampuan pengkaji untuk mendapatkan kerangka pensampelan (sampling Frame). Kaedah ini juga mengambil kira kaedah kajian penyelidik terdahulu yang menggunakan pelajar Institusi pengajian tinggi (IPTA) sebagai responden kajian contohnya (Ballentine, Larres, Mulgrew, 2014; Mei Wah, William, Neil, 2012; Maria, Carlo, Fida dan Marinella, 2013) dan kebanyakan pengkaji terdahulu menggunakan pelajar IPTA sebagai responden kajian. Manakala pengkaji tempatan menggunakan guru pelatih perguruan sebagai responden seperti (Wan Zah Ali, Habshah, Tan, 2012;

Norshiha Saidin dan Nurliyana, 2013; Latisha dan Surina, 2012; Hadijah, Norashikin, Nusrah, Fauziah dan Normala, 2013). Penggunaan kaedah ini sesuai di gunakan kepada populasi yang seragam (homogenous) seperti pengajian tinggi termasuk UiTM dan UIAM yang merupakan IPTA dan terlibat sama dalam melatih mahasiswa pendidikan.

Instrumen kajian fasa penilaian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan persetujuan pakar dalam fasa 2 kajian. Borang soal selidik telah direka bentuk adalah berdasarkan kepada kajian lepas. Instrumen untuk mengukur konstruk teori tingkah laku terancang (TPB) seperti Sikap (*attitude*), norma subjektif (*subjective norms*), tahu kawal kelakuan (*perceived behaviour control*) dan keinginan/niat (*intention*) akan diukur menggunakan instrumen yang telah digunakan oleh Stones, Jawahar dan Kisamore (2010) yang mengadaptasi instrumen (Ajzen, 1991; Armitage dan Corner, 2001; Imran dan Nordin, 2013). Bagi mengukur penghayatan agama (*Muslim religiosity*) pengkaji akan menggunakan instrumen Skala Pengukuran Religiositi Islam (*Short muslim Practice and Belief Scale ,S-MPBS*) yang dibangunkan Al Marri, Oei dan Al Adawi (2009). Aspek kecerdasan rohani pula, pengkaji mengadaptasi instrumen sedia ada yang telah digunakan penyelidik terdahulu iaitu Skala pengukuran kecerdasan spiritual (Salmiah, 2004). Terdapat enam soalan tambahan ditambah daripada soal selidik asal hasil daripada saranan pakar. Pengukur bagi setiap konstruk di gabungkan untuk membentuk instrumen penyelidikan yang disusun seperti berikut:

Jadual 3.13

Ringkasan Instrumen Kajian

Item pemboleh ubah (variable item)	Sumber Rujukan (reference sources)	Jumlah soalan
Sikap (attitude)		5 soalan
Norma subjektif (subjective norm)	Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012)	7 soalan
Tahu kawal kelakuan (perceived behavior control)	A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	6 soalan
Niat		6 soalan
Religiositi Muslim (muslim religiosity)	Almarri, Ooi dan Al Adawi (2009) Short Muslim Practice and belief Scale (S-MPBS)	14 soalan
Instrumen Kecerdasan Rohani	Salmiah Mohd Amin (2004)	16 soalan
Jumlah		54 soalan

Skala dibentuk oleh penyelidik adalah yang diadaptasi daripada penyelidikan terdahulu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tetapi versi asal dalam bahasa Inggeris. Pengukur bagi setiap konstruk digabungkan untuk membentuk instrumen penyelidikan yang disusun seperti berikut:

BAHAGIAN A: Maklumat demografi responden.

BAHAGIAN B: Persepsi responden terhadap aspek religiositi Islam (penghayatan agama)

BAHAGIAN C: Persepsi responden terhadap aspek Kecerdasan rohani dan pengaruhnya terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

BAHAGIAN D: Persepsi responden terhadap aspek sikap dan pengaruhnya terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik

- BAHAGIAN E:** Persepsi responden terhadap aspek norma subjektif dan pengaruhnya terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik
- BAHAGIAN F:** Persepsi responden terhadap aspek tahu kawal kelakuan dan pengaruhnya terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik
- BAHAGIAN G:** Persepsi responden terhadap aspek niat

Pemboleh ubah kajian. Operalisasi adalah pembentukan prosedur kajian spesifik yang akan menghasilkan pemerhatian empirik yang mewakili konsep-konsep dalam kehidupan yang sebenarnya (Babbie, 1986; Sekaran, 1992). Mengoperalisasikan sesebuah konsep adalah membuatkan konsep itu dapat diukur iaitu dengan melihat dimensi-dimensi kelakuan, aspek-aspek nya atau ciri-ciri yang dijelaskan oleh konsep itu dan kemudiannya ia ditafsirkan kepada elemen yang dapat diperkaitkan dan diukur untuk membentuk suatu indeks pengukuran konsep itu (Sekaran, 1992).

Pemboleh ubah merujuk kepada perkara yang diletakkan nilai untuk tujuan analisis dan penyelidikan. Nilai ini boleh berubah-ubah bergantung kepada kehendak atau tahap kawalan penyelidik. Pemboleh ubah boleh dikelaskan kepada beberapa jenis. Namun untuk kajian ini, pengkaji menekankan dua jenis pemboleh ubah yang penting (Vockell, 1983) iaitu pemboleh ubah bebas atau tak bersandar dan pemboleh ubah bergantung atau bersandar

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar adalah niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Manakala pemboleh ubah bebas *Penghayatan agama (religiositi)* dan kecerdasan rohani atau spiritual.

Kesahan dan keboleh percayaan alat kajian. Kesahan alat pengukuran merujuk kepada ketepatan dan kesesuaian alat kajian mengukur apa yang hendak diukur (Chua, 2006; Pallant, 2001; Wiesma, 2000). Instrumen yang sah dan menepati kesahan pengukuran adalah asas bagi penyelidik untuk menjana laporan yang tepat dan konsisten dan maklumat pengetahuan yang boleh digeneralisasikan (Yong-Mi Kim, 2009).

Kesahan pula merujuk kepada darjah pengukuran, iaitu satu alat pengukuran dapat mengukur perkara yang perlu diukur secara konsisten (Gay, 1996). Ini bermaksud semakin tinggi kepercayaan dan keyakinan alat ukur maka semakin boleh dipercayai alat ukur tersebut untuk di tadbir. Oleh yang demikian, kesemua aspek ini akan dibincangkan dalam huraian yang berikutnya.

Ujian pra uji (Pre Testing). Sebelum mengagihkan soalan kajian kepada responden sebenar, penyelidik akan melakukan ujian rintis awal (*Pre Testing*) terhadap soal selidik yang dibentuk walaupun soalan yang dibina dan diadaptasi daripada soal selidik yang telah diuji oleh pengkaji sebelum ini. Fasa pertama kajian, pengkaji akan memberikan soal selidik yang di terjemah daripada Bahasa Inggeris kepada dua orang pensyarah Bahasa Melayu. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kejelasan soalan, serta kesesuaian bahasa dan tatabahasa serta sebarang kekeliruan yang wujud serta cadangan penambahbaikan yang mungkin boleh dilakukan untuk memantapkan lagi soal selidik ini. Menurut (Hunt, 1982) perlu dijalankan untuk melihat kesesuaian, kejelasan bahasa alat ukur yang akan digunakan oleh pengkaji.

Fasa kedua ujian pra-uji akan dilakukan pengkaji. Set instrumen kaji selidik diberikan kepada empat orang mahasiswa (guru pelatih) ijazah sarjana muda Perguruan yang berlainan penghususan yang beragama Islam. Instrumen yang digunakan adalah instrumen yang telah di tambah baik berdasarkan hasil respon pada

fasa pertama. Hasil maklum balas yang diterima daripada mahasiswa yang dipilih akan ditambah baik oleh pengkaji agar soalan yang akan digunakan nanti difahami dan mampu menilai aspek yang akan dikaji. Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan soalan yang telah di perbaiki dan di tambah baik ini dalam kajian rintis sebenar terhadap 110 orang responden yang akan dipilih secara bukan rawak. Data-data yang dipilih akan di analisis untuk melihat keboleh percayaan instrumen dan mengeluarkan butiran-butiran yang tidak berkaitan.

Fasa ketiga, pengkaji mengagihkan instrumen soal selidik, kepada 110 orang mahasiswa perguruan bagi menentukan kesahan instrumen yang digunakan sama ada sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini. Ujian keboleh percayaan dengan menggunakan analisis Cronbach Alpha dan ujian kesahihan dengan menggunakan faktor analisis (Nunnally, 1978) di jalankan terhadap 6 konstruk yang terdapat dalam soal selidik. Analisis Cronbach Alpha ini melaksanakan kaedah keboleh percayaan konsistensi internal (*internal consistency*) yang disarankan oleh Churchill (1979) amat sesuai dengan kajian lapangan kerana ia hanya memerlukan satu pentadbiran pengukuran untuk suatu instrumen (Nunnally, 1978).

Kajian rintis. Sebelum soal selidik diedarkan kepada sampel kajian, penyelidik akan menjalankan satu kajian rintis. Kajian Rintis perlu dilakukan dalam setiap penyelidikan sebelum kajian sebenar dilakukan. Ini bertujuan supaya ciri-ciri psikometri alat kajian dan setiap item dalam setiap konstruk dapat dinilai dan keboleh percayaan alat kajian dapat dipastikan dan di nilai kesahihan nya. Kajian ini akan dijalankan terhadap 110 orang guru pelatih pra perkhidmatan di IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis Pahang.

Kajian rintis ini akan dibuat dengan tujuan untuk mengenal pasti masalah berhubung pemahaman dan interpretasi responden terhadap item-item soalan dalam

soal selidik, melihat jangka masa yang diperuntukkan bagi menjawab item-item dalam soal selidik dan mendapat maklum balas daripada responden supaya penambahbaikan item dapat dilakukan. Data daripada soal selidik tersebut akan diproses menggunakan perisian IBM SPSS versi 20.0 untuk menentukan tahap keboleh percayaan item-item soal selidik melalui kaedah konsistensi dalaman. Menurut Chua (2006) kaedah ini sering digunakan dengan mengira pekali keboleh percayaan *Alpha Cronbach* untuk statistik keboleh percayaan instrumen kajian.

Kajian Rintis akan diadakan oleh pengkaji pada masa yang akan ditetapkan kemudian. Borang kaji selidik telah ditadbir sendiri oleh pengkaji bagi menentukan kesahan dan keboleh percayaan soal selidik yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Dalam ujian rintis pendapat pakar boleh diperoleh untuk memperbaiki kesahan dan mutu instrumen yang digunakan (Nunnally dan Bernstein, 1994; Forza, 2002; Calvo-Mora, Leal dan Roldan, 2006; Hair et al., 2007). Pada peringkat ini, ujian rintis yang dilakukan dengan menggunakan kaedah yang sama dengan kajian tinjauan sebenar yang akan dilakukan supaya potensi masalah dalam tinjauan sebenar dapat dikenal pasti (Synodinos, 2003; Cooper dan Schindler, 2006). Responden dalam kajian rintis perlu untuk melengkapkan soal selidik dalam situasi yang sama dengan kajian tinjauan sebenar (Hair et al., 2003).

Walau bagaimanapun, pemilihan responden tidak perlu dilakukan secara statistikal (Cooper dan Schindler, 2006) disebabkan oleh kajian rintis ini bukanlah bertujuan untuk membuat generalisasi, tetapi memfokuskan kepada kejelasan soalan, item, format dan skala pengukuran yang digunakan. Terdapat beberapa petunjuk wajar atau panduan umum yang boleh digunakan bagi tujuan pemilihan saiz sampel kajian rintis. Secara umumnya, saiz sampel bagi kajian rintis adalah kecil. Cooper dan Schindler (2006) mencadangkan antara 25 hingga 100 orang responden. Forza (2002)

pula menyarankan sekitar 15 orang responden. Hair et al., (2003) menetapkan antara 5 hingga 30 orang responden. Dalam kajian rintis, sekumpulan subjek (dicadangkan menggunakan sejumlah 30 hingga 40 subjek) untuk menjawab item-item pengukuran yang telah dibina (Chua, 2006). Namun demikian, pada peringkat awal pengkaji ingin mengagihkan soal selidik kepada 100 orang responden berdasarkan cadangan yang di nyatakan Gorsuch (1983) yang menyatakan bahawa jumlah ideal bagi kajian rintis adalah tidak kurang daripada 100 (*Rule of Gorsuch*) begitu juga saranan yang dikemukakan oleh (Mac Callum,Widaman dan Zhang dan Hong, 1999).

Kesahan konstruk (Construct Validity).

Analisis factor. Sebelum pengkaji menjalankan analisis utama, analisis faktor telah dilaksanakan oleh pengkaji bagi menguji kesahan konstruk terhadap kesemua pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini. Analisa faktor telah dijalankan oleh pengkaji bagi memantapkan lagi instrumen yang dibina. Menurut Cooper (1990), penggunaan instrumen yang telah diperakui seperti analisis faktor dapat membantu penyelidik mengenal pasti pemilihan pemboleh ubah yang tepat bagi tujuan pengukuran. Analisis faktor telah dijalankan terhadap pemboleh ubah religiositi, sikap, Norma subjektif, tahu kawal kelakuan, kecerdasan spiritual dan Niat. Keputusan ujian analisis faktor yang telah dilaksanakan adalah seperti perenggan berikutnya.

Kajian rintis akan dijalankan ke atas mahasiswa terpilih untuk mengetahui nilai model pengukuran sahaja. Penilaian untuk model struktural akan di jalankan ketika kajian sebenar. Dalam model pengukuran pengujian yang dijalankan adalah untuk mengetahui nilai *individual item reliability*, *internal consistency reliability*, analisis AVE (*average variance extracted*), *Loading*, nilai Komposit.

Analisis data fasa penilaian. Data dalam kajian ini, pengkaji menggunakan measurement model dan structural model akan dianalisis menggunakan perisian smart PLS 2.0 (Ringle, Wende, Will, dan Alexander, 2005) Kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan Partial Least Square (PLS-SEM) adalah berdasarkan kepada struktur model yang kompleks (Urbach dan Riempp, 2010; Ohana dan Meyer, 2010), kajian yang memfokuskan kepada prediction (Joe F. Hair, 2011) data yang tidak normal (Nan dan Guo-qing, 2007; Aibinu dan Al-Lawati, 2010). PLS juga mampu untuk menganalisis data yang lebih kecil dan dari pelbagai kategori data (Leidner, Lo, dan Preston, 2011) dan data yang mempunyai masalah multikolineariti (Farahani, et al., 2010). Selain itu, pengkaji memilih untuk menggunakan Smart-PLS adalah berdasarkan saranan (Hair et al., 2011) menyatakan jika kaedah kajian menjuruskan kepada penambahbaikan ke atas model sedia ada (Theory Extension), maka analisis paling tepat adalah dengan menggunakan SEM PLS.

Tatacara pemerolehan data. Sebelum kajian dijalankan rangka kerja perlu disediakan secara terperinci terlebih dahulu bagi memandu perjalanan proses pemerolehan data di lokasi kajian. Perkara-perkara utama dalam rangka kerja mengandungi aspek-aspek berikut: (1) Menghantar Surat lantikan kepada pakar-pakar yang dipilih. (2) Mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) untuk menjalankan kajian dalam kalangan mahasiswa pendidikan di UITM kampus Shah Alam dan IPGK kampus terpilih. (3) Kemudian pengkaji perlu meminta keizinan secara surat rasmi kepada pentadbir di setiap lokasi responden iaitu Rektor IPGM dan pengarah IPGK yang berkaitan dan Dekan Fakulti Pendidikan di Uitm Shah Alam. (4) Pengkaji juga akan meminta keizinan pihak institusi terlibat untuk mendapat senarai nama mahasiswa bagi tujuan pensampelan (*sampling frame*). (5) Pengkaji akan memohon kebenaran dan

pencalonan mahasiswa tertentu sebagai partisipan atau responden kajian daripada ketua jabatan (6) menghubungi responden untuk tujuan pengesahan penerimaan sebagai responden kajian dan mengetahui lokasi kajian, membina senarai semak, (7), (8) menjalankan kajian rintis, (9) memurnikan instrumen kajian, (10) menganalisis data, (11) menentukan kesahan dan keboleh percayaan data, dan (12) membuat rumusan dan penulisan penyelidikan.

Pemprosesan data. Data yang diperoleh daripada set soalan kajian akan diproses di peringkat asas menggunakan program IBM SPSS versi 20.0. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk bahagian A untuk mendapat min, mod (kekerapan) dan sisihan piawai tentang latar belakang responden. Manakala analisis inferential akan menggunakan Regressi. Selain itu, dalam kajian ini *measurement model* dan *structural model* akan di analisis menggunakan perisian *smart PLS 2.0* (Ringle, Wende, Will, dan Alexander, 2005). Kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan *partial least square* adalah berdasarkan kepada struktur model yang kompleks (Urbach dan Riempp, 2010; Meyer 2010), kajian yang memfokuskan kepada *prediction* (Joe .F.Hair, 2011) data yang tidak normal (Nan dan Guo-Qing, 2007; Aibinu dan Al-Lawati, 2010). PLS juga mampu menganalisi data yang lebih kecil dan dari pelbagai kategori data dan data yang mempunyai masalah multikolineariti (Farahani, et al., 2010).


Analisis Model Struktural (Structural Equation Modelling). Dalam kajian ini, analisis model struktural dijalankan bagi melihat hubungan dan kekuatan di antara konstruk dan item yang dikaji dalam membentuk model. SEM atau (*structural Equation Modelling*) merupakan salah satu analisis statistik terkini yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji. SEM (PLS) digunakan dalam kajian ini untuk memahami dan menganalisis hubungan antara pemboleh ubah yang kompleks dan ianya juga

berkemampuan untuk menilai analisis data *multivariate* yang lebih kompleks (Hair, Ringle dan Sarstedt, 2013).

Penggunaan PLS SEM dalam kajian ini berdasarkan kesesuaianya dalam pembentukan model (Hair et al., 2011). Pengkaji menggunakan *Rule of Thumb* bagi membuat pertimbangan pemilihan kaedah PLS SEM. Berdasarkan kepada *Rule of Thumb* yang menjadi pertimbangan kebanyakan pengkaji, maka pengkaji memilih pendekatan PLS SEM dalam kajian ini berdasarkan beberapa faktor. Antara faktor yang menjadi pertimbangan pengkaji adalah PLS SEM adalah sesuai untuk menguji model yang dibina. (Bentler dan Huang, 2014; Henseler, Dijkstra, Sarstedt, Ringle, Diamantopoulos, Straub dan Calonte, 2014) menjelaskan bahawa PLS SEM sesuai untuk menguji model yang dibina. Selain itu kekuatan PLS SEM adalah ianya boleh menguji sama ada data tidak normal dan ianya berupaya menguji data yang kecil malahan data yang besar kuantitinya. Selain itu, PLS SEM juga berupaya mengukur nilai setiap konstruk yang mana kriteria ini menjadi pertimbangan utama dalam pembinaan model kajian ini. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kriteria ini, pengkaji menggunakan pendekatan PLS SEM dalam fasa penilaian model dan analisis akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

Jadual 3.14 Rule of Thumb PLS –SEM

Kriteria	PLS-SEM
Matlamat utama Kajian	Penambahbaikan teori sedia ada. (<i>theory Extension</i>)
Model Struktural	Model yang kompleks dan pelbagai konstruk
Spesifikasi pengukuran Model	Konstruk yang berbentuk formatif
Pengukuran Model	Keperluan kepada skor setiap laten pemboleh ubah dalam analisis.
Data karekteristik	Data tidak normal (<i>non -parametric</i>)



Rajah 3.6 Proses Penilaian Model

Ringkasan Matrik kajian

Jadual 3.15

Matrik kajian

1. FASA ANALISIS KEPERLUAN		
SOALAN KAJIAN	KAEDAH	RESPONDEN/ ANALISIS DATA
1. Apakah terdapat keperluan pembinaan model integriti akademik berdasarkan <i>penghayatan Rohani</i> dalam kalangan mahasiswa?	Soal Selidik	365 orang mahasiswa <i>SPSS (IBM-statistical package for Social Science version 21)</i>
i. Apakah tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa? ii. Sejauh manakah keperluan pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan pandangan pakar?	Tamu bual pakar <i>5 orang pakar</i>	
2. FASA PEMBANGUNAN DAN REKA BENTUK		
SOALAN KAJIAN	KAEDAH	RESPONDEN/ ANALISIS DATA
1. Bagaimakah mereka bentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani, berdasarkan kepada pandangan pakar?	Kesahan kandungan	4 orang pakar
i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa? ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan keutamaan?	Soal selidik pakar <i>Fuzzy Delphi Method</i>	12 orang pakar
Prototaip Model Integriti Akademik berdasarkan <i>penghayatan rohani</i> dalam kalangan mahasiswa		
<i>Microsoft Excel</i>		
3. FASA PENILAIAN		
SOALAN KAJIAN	KAEDAH	RESPONDEN/ ANALISIS DATA
1. Apakah penilaian kepentingan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berpandukan Teori Tingkah laku Terancang? i. Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah model terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa? ii. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?	Soal selidik penilaian <i>SEM-PLS</i>	485 orang mahasiswa

Rumusan

Bab ini telah menerangkan dengan terperinci tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah pensampelan, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan konstruk, reliabiliti alat kajian, kaedah terjemahan, analisis data, tatacara pemerolehan data dan prosedur penganalisisan data. Di samping itu laporan dapan daripada kajian rintis turut disertakan. Begitu juga dengan proses mendapatkan kesahan dan keboleh percayaan data dijelaskan. Bab 4 nanti merupakan paparan data sebenar yang diperoleh daripada sumber-sumber di atas. Kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk menganalisis dan menginterpretasikan data-data mentah bagi menjawab persoalan kajian yang menjadi fokus kajian ini. Penganalisisan dan interpretasi data dibentangkan dalam bab seterusnya nanti.

Bab 4 Dapatan Kajian

Pendahuluan

Bab berikutnya akan menerangkan hasil dapatan kajian ini. Dapatan kajian akan diterangkan secara teratur dalam tiga fasa kajian iaitu dapatan analisis keperluan, dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan model, dapatan fasa penilaian dan bab kelima kesimpulan dan cadangan. Pembahagian bab kajian ini, bertepatan dan konsisten dengan persoalan dan objektif kajian seperti yang diterangkan dalam bab yang sebelum ini. Setiap huraian dan format dapatan kajian ini, diterangkan berdasarkan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan *Design and Development Research* (Richie dan Klein, 2007) yang akan menerangkan secara spesifik dapatan pembangunan model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa.

Fasa 1: Dapatan fasa analisis keperluan

Objektif utama fasa ini adalah untuk melihat tahap ketidak jujuran akademik dan melihat sejauh manakah keperluan kepada pembinaan model berdasarkan pandangan pakar. Fasa ini dijalankan berdasarkan dua peringkat iaitu peringkat pertama menggunakan soal selidik (Rujuk Lampiran **FAK/1**) yang diagihkan kepada 380 mahasiswa di tiga buah universiti awam dan peringkat kedua temu bual terhadap 5 orang pakar dengan menggunakan soalan terbuka (*open-ended Questions*) (Rujuk lampiran **FAK/2**) bagi melihat pandangan pakar terhadap keperluan kepada pembinaan model. Namun demikian, pengkaji hanya menganalisis soal selidik sebanyak 365 soal selidik kerana terdapat lima belas soal selidik yang mempunyai masalah *straight lining*. Seperti yang disarankan Hair et al., (2014) jika terdapat

masalah *straight lining*, soal selidik tersebut perlu dibuang kerana ia akan menjelaskan dapatan kajian.

Reliabiliti alat kajian peringkat pertama fasa analisis keperluan.

Reliabiliti bermakna darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap pengukuran sesuatu alat kajian dan ia semestinya mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramahan dan ketepatan (Nunally dan Bernstein, 1994). Kajian ini akan menggunakan model Cronbach's alpha untuk mengukur reliabiliti atau keboleh percayaan alatan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Nilai-nilai Cronbach's Alpha nanti akan diinterpretasi melalui penilaian yang dibuat oleh Hair, Babin, Money dan Samouel (2003) yang merangkumi dalam jadual 4.1. di bawah :

Jadual 4.1

Interpretasi nilai pekali Cronbach's Alpha

Julat Pekali Cronbach's Alpha	Kekuatan Realibiliti
< 0.6	Lemah
0.6 ke < 0.7	Sederhana
< 0.7 ke < 0.8	Baik
< 0.8 ke < 0.9	Sangat baik
0.9	Cemerlang

Hasil daripada ujian yang dijalankan nilai keboleh percayaan atau reliabiliti mendapati nilai *Alpha Cronbach* bagi item keseluruhan item adalah $\alpha = .803$. Maka reliabiliti kajian menepati kesahannya berdasarkan darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap alat pengukuran yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramahan dan ketepatan (Nunally dan Bernstein, 1994). Terdapat pelbagai pendapat bagi menentukan nilai keboleh percayaan berdasarkan tinjauan literatur. Nunally (1978) berpendapat bahawa nilai keboleh percayaan adalah melebihi 0.70 untuk menentukan *internal consistency*. Selain itu, Carmines dan Zeller (1979) menyatakan bahawa nilai

keboleh percayaan adalah 0.70 atau lebih. Namun, skala baru menunjukkan bahawa nilai 0.60 adalah boleh dipertimbangkan dan diterima (Nunally dan Bernstein, 1994).

Latar belakang responden kajian. Soal selidik analisis keperluan diagihkan kepada 365 orang mahasiswa di tiga buah universiti awam. Analisis latar belakang responden adalah seperti berikut:

Jadual 4.2

Jantina responden kajian

Jantina	Frekuensi	Peratus	Peratus terkumpul
Lelaki	188	51.5	51.5
Perempuan	174	47.7	99.2
Jumlah	365	100	

Jadual 4.3

CGPA responden kajian

CGPA	Frekuensi	Peratus	Peratus terkumpul
2.6 – 3.0	39	10.7	10.7
3.1 – 3.5	173	47.4	58.1
3.6 – 4.0	153	41.9	
Jumlah	365	100	

Jadual 4.4

Kelulusan responden kajian

Peringkat kelulusan	Frekuensi	Peratus	Peratus terkumpul
SPM	232	63.6	63.6
STPM	104	28.5	92.1
DIPLOMA	29	7.9	
Jumlah	365	100	

Seramai 365 orang responden terlibat dalam fasa analisis keperluan. Berdasarkan kepada jadual 4.2, analisis jantina responden menunjukkan bahawa seramai 188 responden kajian adalah terdiri daripada lelaki (51.5%) manakala

selebihnya iaitu 174 responden adalah terdiri daripada perempuan (47.7%). Manakala jadual 4.3 menunjukkan julat CGPA responden. Julat CGPA di antara 2.6 sehingga 3.0 merangkumi 39 orang responden (10.7%), Julat CGPA 3.1 hingga 3.5 merangkumi 173 orang responden (47.4%) dan julat antara 3.6 hingga 4.0 merangkumi 153 orang responden (41.9%). Selain itu, jadual 4.4 adalah menunjukkan kelulusan tertinggi responden yang terlibat dalam fasa analisis keperluan ini. Seramai 232 orang responden terdiri daripada mahasiswa yang mempunyai kelulusan SPM (63.6%), 104 orang responden meliputi kelulusan STPM (28.5%) dan hanya 29 orang responden merupakan pemegang diploma sebagai kelulusan tertinggi (7.9%).

Analisis tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa.

Peringkat pertama fasa analisis keperluan adalah untuk melihat tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Untuk menjawab persoalan ini, satu soal selidik analisis keperluan diedarkan kepada 365 orang mahasiswa di tiga buah universiti awam di Malaysia. Berikutnya adalah analisis dapatan kajian untuk melihat tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa ?

Jadual 4.5

Analisis ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa

No		Tidak pernah	Sekali	Sekali sekala	Beberapa kali	Banyak kali	Min	SP
1	Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian mengatakan itu hasil kerja anda	38%	19%	35%	8 %	3%	2.15	1.029
2	Mengubah suai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas anda	50%	18%	25%	4%	2%	2.58	1.159
3	Mengubah suai hasil kerja orang lain dan jadikan hasil kerja anda	50%	18%	25%	5%	2%	1.90	1.050
4	Menerima bantuan yang tidak sepatutnya daripada kawan ketika menyediakan tugas	58%	25%	12%	4%	1%	1.65	.915
5	Membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh buat tugas secara individu	49%	26%	13%	11%	1%	1.90	1.081
6	Menyalin beberapa perkataan daripada bahan rujukan tanpa menyatakan rujukan dalam nota kaki	12%	17%	20%	40%	11%	3.22	1.358
7	Menulis tugas untuk pelajar lain	63%	19%	12%	5%	2%	1.64	.989
8	Menyalin (copy) pernyataan atau maklumat daripada sumber tertentu tanpa memberi kredit (<i>Quote</i>) kepada penulis asal	18%	17%	15%	31%	20%	3.18	1.393
9	Meniru maklumat daripada pelajar lain ketika peperiksaan atau ujian	49%	26%	20%	5%	3%	1.82	.937
10	Membantu rakan lain untuk meniru dalam peperiksaan atau ujian	51%	21%	18%	8%	3%	1.92	1.124
11	Menyalin maklumat daripada sumber digital, seperti internet tanpa menyatakan sumber asalnya	18%	16%	22%	27%	18%	3.11	1.358
12	Meniru rakan dalam peperiksaan atau ujian	43%	29%	26%	2%	0.5%	1.89	.896
13	Meminta bantuan rakan dalam menyiapkan tugas	38%	15%	34%	11%	0.5%	2.24	1.134
14	Cuba mendapatkan jawapan atau soalan daripada rakan yang telah mengambil ujian atau peperiksaan	24%	16%	32%	26%	3%	2.67	1.170
15	Menyalin beberapa perenggan maklumat daripada internet, buku, jurnal dan sumber lain	4%	11%	25%	43%	17%	3.58	1.026
Purata :		37.6%	19.5%	22.2%	15.3%	5.8%	2.36	1.108

Berdasarkan jadual 4.5, interpretasi data menunjukkan tahap persepsi mahasiswa terhadap amalan ketidak jujuran akademik berada pada tahap sederhana iaitu pada nilai min keseluruhan 2.36 dan sisihan piawai 1.108. Ini menunjukkan tahap amalan ketidak jujuran akademik mahasiswa masih berada pada tahap sederhana, walau bagaimanapun ianya wujud dengan meluas dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Beberapa item ketidak jujuran akademik menujukkan nilai yang sederhana iaitu item “*Mengubah suai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas anda*” ($M= 2.58$, $SP=1.159$) dan “*Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian mengatakannya itu hasil kerja anda* ($M=2.15$, $SP= 1.029$)”. Selain itu dua lagi item yang menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu “*Meminta bantuan rakan dalam menyiapkan tugas*” mencatat nilai ($M=2.24$, $SP=1.134$) manakala item “*Cuba mendapatkan jawapan atau soalan daripada rakan yang telah mengambil ujian atau peperiksaan*” dengan nilai ($M= 2.67$, $SP= 1.170$) berada pada tahap sederhana.

Terdapat beberapa item yang menunjukkan berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu item “*Menyalin beberapa perkataan daripada bahan rujukan tanpa menyatakan rujukan dalam nota kaki*” dengan nilai ($M=3.22$, $SP=1.358$), diikuti dengan item “*Menyalin (copy) pernyataan atau maklumat daripada sumber tertentu tanpa memberi kredit (Quote) kepada penulis asal*” dengan nilai ($M=3.18$, $SP=1.393$) dan item “*Menyalin maklumat daripada sumber digital, seperti internet tanpa menyatakan sumber asalnya*” mencatat nilai ($M=3.11.$, $SP= 1.358$). Manakala item yang mencatatkan jumlah paling tinggi adalah item “*Menyalin beberapa perenggan maklumat daripada internet, buku, jurnal dan sumber lain*” dengan mencatat nilai min ($M=3.58$, $SP=1.026$). Manakala item yang lain-lainnya mencatat nilai min yang rendah ($M=< 2.0$).

Analisis kekerapan perlakuan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa menunjukkan amalan guru pelatih berada pada tahap sederhana. Kebanyakan pelatih membuat pernyataan “*tidak pernah*” pada kebanyakan item iaitu dengan nilai peratus keseluruhan 37.6 %., diikuti dengan pernyataan “*sekali*” sebanyak 19.5%. Manakala “*sekali-sekala*” menunjukkan pada tahap nilai 22.2%, “*beberapa kali*” 15.3% dan pernyataan “*banyak kali*” sebanyak 5.8 %. Namun demikian, analisis keseluruhan mendapati bahawa, fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 62% mahasiswa membuat pengakuan melakukan ketidak jujuran akademik sekurangnya sekali.

Jadual 4.6

Skala interpretasi nilai min.

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	sederhana
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Yusri (2010).

Rumusan. Berdasarkan kepada analisis deskriptif ini, data menunjukkan tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia adalah sederhana tinggi iaitu 62% mahasiswa mengaku melakukan ketidak jujuran akademik sekurangnya sekali sepanjang pengajian. Aspek yang mencatat nilai min yang tinggi adalah kebanyakan perkara yang melibatkan kecurangan di atas talian iaitu dari sumber internet. Selain itu aspek yang mencatat nilai min tertinggi adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan membuat tugas (*assignment*) seperti tidak mencatat nota kaki bagi setiap rujukan yang dibuat, menyalin maklumat secara tidak sah, mengubahsuai maklumat dan sebagainya. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap

tinggi dan perlu kepada pembentukan model khusus bagi menggambarkan fenomena ini, terutamanya faktor-faktor penyebab yang menjadi pendorong tingkah laku ini, atau lebih khusus lagi dalam konteks agama Islam itu sendiri.

University Of Malaya

Jadual 4.7 Rumusan Keputusan keseluruhan persepsi mahasiswa terhadap tingkah laku ketidak jujuran akademik

	b1	b2	b3	b4	b5	b6	b7	b8	b9	b10	b11	b12	b13	b14	b15
Min	2.15	2.58	1.90	1.65	1.90	3.22	1.64	3.18	1.82	1.92	3.11	1.89	2.24	2.67	3.58
Median	2.00	3.00	1.00	1.00	2.00	4.00	1.00	4.00	2.00	1.00	3.00	2.00	2.00	3.00	4.00
Mod	1	3	1	1	1	4	1	4	1	1	4	1	1	3	4
Minimum	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Maksimum	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5

Analisis temu bual pakar. Peringkat kedua analisis keperluan meliputi temu bual pakar. Satu set soalan terbuka (open-ended) diagihkan kepada lima orang pakar. Menurut Othman (2007) kajian menggunakan kaedah kualitatif secara dasarnya bukanlah hanya untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, namun ia bersifat untuk mengukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu dengan mengemukakan suatu dialog dan daripada kajian tersebut dapat meningkatkan kefahaman dan amalan. Ia juga boleh digunakan untuk melihat perspektif dan analisis yang berbeza secara mendalam tentang sesuatu isu yang dibangkitkan (Othman, 2007). Straus dan Corbin (1998) menyatakan bahawa penggunaan kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan soalan terbuka yang dijawab pakar untuk mengetahui keperluan kepada pembinaan model berdasarkan kepada fenomena yang wujud mengikut pandangan pakar di samping untuk melihat fenomena secara lebih mendalam. Oleh yang demikian, peringkat ini dijalankan untuk menjawab soalan berikut:

- ii. Sejauh manakah keperluan pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan pandangan pakar?

Soalan terbuka yang diagihkan kepada pakar, berdasarkan kepada tiga sub tema utama iaitu pandangan pakar terhadap fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa, pandangan terhadap faktor yang mempengaruhi berlakunya fenomena ketidak jujuran akademik dan pandangan pakar terhadap keperluan kepada pembinaan model integriti dalam berteraskan Islamik.

Analisis demografi responden.

Jadual 4.8

Demografi responden

Responden	Jantina	Kaum	Agama	Bidang kerja
<i>P1</i>	Lelaki	Melayu	Islam	Pensyarah IPTA
<i>P2</i>	Lelaki	Melayu	Islam	Pensyarah IPG
<i>P3</i>	Lelaki	Melayu	Islam	Pensyarah universiti swasta
<i>P4</i>	Perempuan	Melayu	Islam	Pensyarah IPTA
<i>P5</i>	Lelaki	Melayu	Islam	Pensyarah IPTA

Pandangan pakar kewujudan terhadap fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa.

Berdasarkan sorotan literatur memang tidak dinafikan bahawa fenomena ketidak jujuran akademik wujud dalam kalangan mahasiswa. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kesepakatan pakar dalam isu ini. Ini berdasarkan kenyataan responden:

“Pada pandangan saya fenomena ketidak jujuran akademik memang berlaku khasnya dalam kalangan mereka yang sering mengabaikan penghayatan nilai, akhlak dalam kehidupan seharian” (P1).

“Pada pandangan saya fenomena ini memang wujud” (P2)

“Fenomena ini memang amat berleluasa di peringkat pengajian tinggi. Saya berpandangan juga, bahawa gejala ini boleh berlaku secara semula jadi dalam diri manusia masing-masing yang dambakan jalan pintas untuk mencapai matlamat sendiri” (P3).

“Pada pandangan saya, memang ada dalam kalangan mahasiswa yang Muslim Yang mengamalkannya” (P5).

Responden (P1) berpendapat bahawa fenomena ketidak jujuran akademik wujud dalam kalangan mahasiswa disebabkan oleh pengabaian aspek akhlak dan nilai dalam kehidupan seharian. Manakala responden (P3) bersetuju bahawa masalah

ketidak jujuran akademik sememangnya wujud dalam kalangan mahasiswa. Beliau berpendapat bahawa masalah ini timbul secara semula jadi disebabkan desakan dan dambakan untuk mendapat jalan pintas untuk mencapai matlamat kendiri masing-masing.

Daripada ketiga-tiga jenis respon yang diterima, pakar bersepakat dengan kewujudan fenomena ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Responden (P1) memberi respon bahawa aspek akhlak dan nilai dalam diri mahasiswa menjadi penyebab kepada berlakunya fenomena ini. Di samping responden (P3) berpendapat bahawa faktor semula jadi naluri yang inginkan jalan mudah dan jalan pintas melakukan sesuatu perkara membawa kepada masalah ini.

Selain itu, responden (P4) menyatakan bahawa fenomena ini wujud berdasarkan faktor yang berbeza iaitu pengambilan maklumat melalui internet tanpa autoriti yang sah, seperti kenyataan:

“Ya, seperti pengambilan rujukan. Pelajar tidak berkemahiran cara yang betul membuat ambilan ayat sehingga berlaku ambilan ayat secara keseluruhan melebihi 10 perkataan dalam satu baris. Selain itu pelajar mengambil sumber daripada internet secara tidak berautoriti tanpa menyokong dengan sumber yang berautoriti” (P4).

Pandangan pakar terhadap faktor penyumbang kepada berlakunya ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa.

Memang tidak dinafikan bahawa ketidak jujuran akademik berlaku dalam kalangan mahasiswa berdasarkan beberapa faktor yang mempengaruhinya. Kajian Imran dan Nordin (2013) menyatakan faktor sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan mempengaruhi ketidak jujuran akademik. Hadijah et al., (2013) menyatakan bahawa antara faktor yang mendorong kepada ketidak jujuran akademik seperti pengaruh rakan (*peer influence*) dan faktor tugas yang tidak relevan dengan subjek,

manakala Harris (2011) menyatakan faktor institusi, internet dan sikap kendiri menjadi punca kepada berlakunya ketidak jujuran akademik. Analisis dapatan pengkaji terhadap respon yang diberikan oleh beberapa pakar tentang faktor ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa adalah berpunca daripada faktor penghayatan agama dan akhlak dan persekitaran, seperti pernyataan:

“Pada pendapat saya, faktor utama yang membawa kepada masalah ini adalah disebabkan oleh kelemahan iman, ilmu, kelemahan penghayatan agama, tidak solat, banyak membuat dosa dan tekanan rakan serta persekitaran” (P1)

“Selain itu faktor desakan luar termasuk desakan luar seperti terpaksa melayan kerena rakan yang mempengaruhi kita tidak tumpu pada pelajaran kita di peringkat pengajian tinggi”. (P3)

“Saya berpendapat bahawa perkara ini berlaku disebabkan cetek pengetahuan agama dan tiada bimbingan daripada ibu bapa serta tokoh-tokoh agama (amalan agama) (P5)

Selain itu, faktor kemudahan teknologi juga antara perkara yang diutarakan pakar kepada terjadinya ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Perkara ini dinyatakan responden seperti pernyataan:

“Pada pendapat saya, faktor yang mendorong kepada gejala ini seperti sukar untuk mengakses maklumat seperti akses internet terhad, sumber terhad di perpustakaan, kurang kemahiran mencari maklumat dan tidak ada kesungguhan dalam melaksanakan tugas”. (P2).

“Ya, seperti pengambilan rujukan. Pelajar tidak berkemahiran cara yang betul membuat ambilan ayat sehingga berlaku ambilan ayat secara keseluruhan melebihi 10 perkataan dalam satu baris. Selain itu pelajar mengambil sumber daripada internet secara tidak berautoriti tanpa menyokong dengan sumber yang berautoriti” (P4).

Faktor lain yang menjadi asas utama kepada ketidak jujuran akademik dapat dilihat daripada aspek personaliti dan sikap pelajar itu sendiri. Mengikut pandangan

pakar aspek seperti sikap, personaliti dan pendidikan ugama juga menjadi pendorong, seperti pernyataan:

“Saya berpendapat antara faktor utama yang mendorong kepada berlakunya fenomena ini adalah kurangnya pendidikan agama Islam itu sendiri. Selain itu faktor personaliti juga memainkan peranan seperti kurangnya keikhlasan yang wujud dalam kalangan mahasiswa menyebabkan mereka berlaku kerana terpaksa melalui atau desakan ibu bapa. Antara lain memiliki sifat Mazmumah seperti malas juga memainkan peranan kepada berlakunya fenomena ini” (P3).

“Pendapat saya faktor yang menyumbang adalah malas, sikap ambil mudah, tidak kreatif, kritis dan tidak berusaha melakukan analitikal terhadap perkara yang dibaca, serta sikap sekadar cukup makan” (P4).

“Kurang berdisiplin dari segi tingkah laku, sikap dan pengurusan masa” (P5).

Aspek kecerdasan juga menjadi faktor yang mendorong mahasiswa melakukan perkara yang menyimpang seperti ketidak jujuran akademik berdasarkan pandangan pakar. Aspek ini digambarkan berdasarkan pernyataan pakar:

“Mahasiswa melakukan perkara ini kerana tidak memiliki kecerdasan pelbagai seperti kecerdasan spiritual/kerohanian, kecerdasan teknologikal, budaya, pendidikan, matematika, politikal, emosi dan lain-lain lagi ” (P5)

Pandangan pakar terhadap keperluan pembinaan model integriti akademik berteraskan islamik.

Islam menitik beratkan umatnya agar sentiasa berintegriti, istiqamah dan jujur dalam setiap perbuatan. Keberkatan ilmu bertitik tolak daripada nilai amanah, integriti yang ada dalam setiap umat Islam. Dalam perkara ini, terdapat kesepakatan dalam

kalangan pakar bahawa pembinaan model integriti akademik adalah perlu dalam konteks dan berteraskan elemen Islam. Ini digambarkan dengan pernyataan:

“Betul, kerangka integriti sedia ada tidak memasukkan agama sebagai induk/asas kepada pembinaan integriti. Dalam konteks agama, bukannya ilmu agama sahaja, tetapi penghayatan kepada nilai-nilai dan amalan agama” (P1).

“Ya, sebabnya kerana garis panduan tidak jelas, tiada kesedaran dalam kejujuran dalam akademik, seragamkan amalan dan etika yang sama di semua institusi pendidikan (P2)

“Ya, pada pendapat saya model integriti islamik perlu diwujudkan kerana permasalahan ini berlaku bukan datangnya sejak baru-baru ini, malah semenjak dahulu lagi. “Tetapi ia tidak wujud dari dulu disebabkan masalah dalaman seperti penyucian jiwa, perlukan kepada didikan agama dan juga yang pentingnya kesedaran terhadap etika yang menjadi didikan sejak kecil lagi”.

“Model ini mungkin sedikit sebanyak mungkin dapat membantu tetapi untuk menghapuskan sepenuhnya fenomena ini mungkin tidak” (P3)

“Ya, Perlu. Kerana Islam itu lengkap. Mahasiswa Islam perlu memiliki jati diri yang mantap dan berketerampilan agar mampu mencapai Al-Falah. Kejayaan di dunia apabila mampu membuktikan orang Islam boleh ke hadapan dan dihormati. Manakala kejayaan di akhirat apabila mampu melakukan sesuatu kerana Allah dan ikhlas atas dasar tanggungjawab dan amanah yang diberikan”. (P4)

Kesimpulan. Secara keseluruhannya, fasa ini menjawab persoalan kajian pertama dan kedua fasa analisis keperluan. Persoalan pertama yang menjuruskan kepada tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu 62% mahasiswa membuat pengakuan melakukan ketidak jujuran akademik sekurang-kurang sekali di sepanjang pengajian mereka. Selain itu, analisis

pandangan pakar, menunjukkan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar dengan kesemua pakar memberi respon dan persetujuan bahawa pembinaan model ketidak jujuran akademik berdasarkan penghayatan rohani adalah perlu dan signifikan.

Fasa 2: Dapatan fasa Reka bentuk dan Pembangunan

Fasa ini meliputi fasa reka bentuk dan pembangunan model kajian. Model dibentuk berdasarkan saranan dan dapatan daripada fasa analisis keperluan kajian. Berdasarkan dapatan fasa analisis keperluan mendapati ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa adalah tinggi menunjukkan keperluan kepada pembinaan model integriti akademik bagi menggambarkan fenomena ini. Selain itu, dapatan analisis temu bual pakar juga menggambarkan kepentingan kepada pembinaan model yang berteraskan ciri-ciri Islamik bagi menggambarkan secara khusus dalam skop mahasiswa Islam. Sebagai penyelesaiannya, fasa ini memfokuskan kepada pembinaan model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani.

Dapatan fasa ini mengetengahkan pendapat-pendapat dan kesepakatan pakar terhadap elemen-elemen model dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Fasa ini melibatkan seramai 12 orang pakar dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan Islam dan bidang-bidang berkaitan. Fasa ini melibatkan dua bahagian iaitu bahagian pertama (rujuk jadual 23) menerangkan maklumat latar belakang dan kepakaran pakar yang terlibat dengan kajian ini. Bahagian kedua fasa ini (rujuk jadual 24 sehingga jadual 67) melibatkan penerangan tentang pandangan dan kesepakatan pakar terhadap elemen model kajian ini. Oleh yang demikian, bab ini akan menjelaskan persoalan kajian berikut:

- i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?

Tatacara pembangunan elemen model. Seperti yang diterangkan dalam bab terdahulu, elemen-elemen model dibentuk dan dikeluarkan berdasarkan kepada sorotan literatur (literature based). Menurut Ridhwan et al., (2014), pembentukan elemen model boleh dilakukan dengan beberapa cara iaitu melalui sorotan literatur, temu bual pakar dan kumpulan berfokus (focus group). Selain itu menurut Okoli dan Pawlowski (2004) pembentukan item dan elemen kandungan sesuatu kajian perlu dibuat melalui tinjauan literatur yang berkaitan dengan skop kajian. Begitu juga dengan pendapat Skulmoski, Hartman dan Krahn (2007) menyatakan bahawa elemen model boleh dibentuk melalui tiga cara iaitu melelui tinjauan literatur, pengalaman pengkaji dan kajian rintis. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk membentuk elemen-elemen model berdasarkan sorotan literatur dan disesuaikan dengan konteks kajian ini.

Sebelum soal selidik *Fuzzy Delphi* diagihkan kepada 12 orang pakar yang terlibat dalam kajian, pengkaji membuat kesahan kandungan (*content validity*) dengan empat orang pakar bagi melihat elemen-elemen yang sesuai dalam pembinaan model. Secara keseluruhannya semua pakar memberi komen yang positif dan membina terhadap elemen-elemen yang sesuai dan diperlukan dalam pembinaan model ini.

Pakar-pakar yang terlibat secara kolektifnya bersetuju dengan elemen model dengan beberapa cadangan penambahbaikan:

- i. Penambahbaikan terhadap aspek tatabahasa dan olahan ayat seperti item 5, konstruk kecerdasan spiritual (pengertian hidup). “*Ayat soalan lima seperti tidak sesuai, dan bina ayat yang lebih mudah untuk difahami responden*” (**PAKR 1**).
- ii. “*Perkataan kerohanian dalam (pembinaan spiritual) agak umum, dan mungkin difahami secara subjektif oleh responden. Dicadangkan guna perkataan yang lebih spesifik berdasarkan ciri-ciri rohani*” (**PAKR 2**)
- iii. Penggunaan perkataan perlulah konsisten dalam pembinaan elemen model seperti perkataan “Allah” dan “Tuhan” dalam konstruk kecerdasan spiritual (pengertian hidup). “*Item 1 dan item 3, perkataan Tuhan dan Allah adalah sesuatu yang sama atau berlainan? Perlu konsisten*” (**PAKR 2**).
- iv. Pakar juga berpendapat bahawa laras bahasa perlu sesuai dan mudah difahami oleh responden seperti dalam item 3 dan 4 konstruk (tahu kawal kelakuan). “*pernyataan item 3 dan 4 perlu diperbaiki dari segi laras bahasa/ayat supaya lebih gramatis, contoh: saya mudah untuk meniru ketika di dalam kelas*” (**PAKR 4**)
- v. Penggunaan istilah dan kata kunci. Pakar juga memberi cadangan agar perkataan tertentu ditukar kepada yang lebih sesuai, seperti perkataan “selalu” kepada “sentiasa”. “*Selalu ini di tafsir berapa kali? Perlu disemak “selalu” kerana bagi setiap orang adalah berbeza dan nilai yang berbeza*” (**PAKR 3**).

Berdasarkan kepada maklum balas dan cadangan daripada pakar, pengkaji membuat penambahbaikan seperti yang dicadangkan pakar bagi elemen-elemen yang digunakan dalam fasa pembangunan model kajian. (Rujuk lampiran F2 (1).

Dapatan Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan

Maklumat latar belakang pakar. Fasa reka bentuk dan pembangunan ini dibina berpandukan daripada 12 orang pakar yang dipilih secara spesifik berdasarkan kepakaran bidang yang tertentu. Jadual 23 menerangkan jantina responden, kaum, bidang kerja, pengalaman kerja dan berkenaan bidang kepakaran pakar yang terlibat.

Jadual 4.9

Maklumat demografi pakar

	Perkara	Maklumat Demografi	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	9	75	
	perempuan	3	25	
	Melayu	12	100	
Kaum	Cina	0	0	
	India	0	0	
	Lain-lain	0	0	
	Pensyarah IPTA	6	50	
Bidang kerja pakar	Pensyarah IPTS	1	8	
	Pensyarah IPGM	5	42	
	Kurang dari 5 tahun	0	0	
Pengalaman pakar	5-10 tahun	0	0	
	10-15 tahun	1	8	
	15 tahun ke atas	11	92	
Bidang kepakaran	Pendidikan Islam	9	75	
	Pendidikan moral	1	8.3	
	Psikologi	1	8.3	
	Teknologi kemanusiaan	1	8.3	
JUMLAH		12		100
<i>N=12</i>				

Berdasarkan jadual 4.9 menunjukkan seramai 12 orang pakar terlibat dalam fasa reka bentuk dan pembangunan model. Berdasarkan jadual 4.9, analisis jantina pakar menunjukkan seramai 9 pakar adalah terdiri daripada lelaki (75%) manakala selebihnya iaitu 3 pakar adalah terdiri daripada perempuan (25%). Rata-rata pakar

yang terlibat dalam fasa ini ialah pakar berketurunan Melayu. Seramai 6 orang pakar ialah pensyarah Universiti awam (50%), seorang pakar daripada pensyarah universiti swasta (8%) dan selebihnya pakar yang terdiri daripada pensyarah IPGM (42%). Sebahagian besar pakar mempunyai pengalaman yang luas iaitu pakar yang mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun adalah seramai 11 orang (92%), manakala pakar yang mempunyai pengalaman 10-15 tahun adalah seorang (8%). Majoriti pakar yang terlibat dalam fasa ini daripada bidang Pendidikan Islam seramai 9 orang (75%), seorang pensyarah pakar moral (8.3%), seorang pensyarah psikologi (8.3%) dan seorang dalam bidang teknologi kemanusiaan (8.3%).

Dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani: Kaedah *Fuzzy Delphi* . Berdasarkan kepada soal selidik Fuzzy (lihat Lampiran FD:1), respon daripada pakar berdasarkan kepada skala linguistik 7 poin yang digunakan dalam kajian ini. Untuk menunjukkan tahap kesepakatan dalam kalangan pakar untuk setiap item, nilai ambang (threshold) akan dikira daripada soal selidik dan digambarkan dalam jadual yang akan diterangkan di bawah. Proses pengiraan nilai ambang (threshold) akan dilakukan berdasarkan kepada rumus berikut:

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Nilai ambang (*threshold*) akan menentukan nilai tahap kesepakatan antara pakar bagi setiap item model. Setiap item yang melebihi atau melampaui nilai ambang (*threshold*) 0.2 akan ditandakan hitam (***bold***). Menurut Cheng dan Lin, (2002) jika terdapat nilai ambang melebihi 0.2, ini menunjukkan terdapat pandangan individu

pakar yang tidak sependapat dengan pandangan pakar yang lain terhadap beberapa item soal selidik.

Dalam proses reka bentuk model ini, terdapat 12 orang pakar telah dikenal pasti dan dipilih bagi melihat, menilai dan mengesahkan komponen utama yang digunakan bagi model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani ini. Elemen-elemen ini amat penting untuk disahkan, dilakukan penambahan dan penambahbaikan, ditolak berdasarkan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam kajian. Panel pakar yang dikenal pasti dan terlibat dalam memberi cadangan dan pengesahan terhadap komponen-komponen utama dalam model seperti berikut:

1. Enam orang pakar pendidikan Islam dari Universiti awam, 3 orang pakar Pendidikan Islam daripada IPGM, dan seorang pakar psikologi daripada universiti swasta terlibat secara langsung dan mempunyai kepakaran tertentu dengan konteks kajian ini.
2. Seorang pakar psikologi (teknologi kemanusiaan) dan mempunyai pengetahuan dalam reka bentuk kajian DDR (*Design & Development Research*).
3. Seorang pensyarah pakar Pendidikan Moral yang akan menilai aspek moral yang turut mempunyai kaitan dalam kajian ini.

Konsensus pakar terhadap elemen model. Seperti diterangkan dalam bab 3, objektif utama bab ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang meliputi beberapa aspek. Keseluruhan dapatan dalam fasa ini di terangkan secara terperinci berdasarkan jadual berikut (rujuk jadual 24 sehingga 49).

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian:

- i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap elemen yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?

Dapatan komponen *penghayatan agama* (kepercayaan) berdasarkan kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara dasarnya Jadual 5.2 memaparkan elemen-elemen utama dan konstruk utama iaitu elemen Penghayatan Agama yang merangkumi aspek kepercayaan dan amalan. Kesemua elemen ini dinilai oleh pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi.

Jadual 4.10

Dapatan akhir komponen utama bagi Penghayatan agama (kepercayaan) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
Penghayatan Agama: Kepercayaan	
1	Seluruh negara Islam sepatutnya ditadbir di bawah <i>undang-undang syariah/Islam</i>
2	<i>Agama</i> sepatutnya menjadi <i>panduan utama</i> pada setiap tindakan dan kelakuan saya
3	Jika seseorang melakukan jenayah, mereka sepatutnya dihukum berdasarkan <i>undang-undang syariah</i> (seperti sebat bagi mereka yang berzina dan sebagainya)
4	Lelaki dan perempuan tidak sepatutnya <i>bersalamam</i> dan <i>bersentuhan</i> ketika berada di tempat awam
5	<i>Potret bergambar</i> (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka
6	Saya <i>patuh</i> kepada semua <i>ajaran Islam</i> khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan saya

Jadual 4.11

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen penghayatan agama (kepercayaan).

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL					
	1	2	3	4	5	6
1	0.038	0.140	0.051	0.070	0.102	0.025
2	0.038	0.013	0.051	0.070	0.290	0.025
3	0.115	0.013	0.102	0.084	0.057	0.127
4	0.038	0.013	0.102	0.084	0.057	0.025
5	0.038	0.013	0.051	0.084	0.102	0.025
6	0.115	0.013	0.051	0.070	0.102	0.127
7	0.038	0.013	0.051	0.070	0.057	0.025
8	0.115	0.013	0.102	0.323	0.290	0.025
9	0.038	0.013	0.051	0.070	0.102	0.025
10	0.038	0.013	0.051	0.070	0.102	0.025
11	0.038	0.013	0.051	0.070	0.102	0.025
12	0.038	0.013	0.051	0.070	0.057	0.025
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.057	0.023	0.064	0.095	0.118	0.042
Nilai Threshold (d) konstruk				0.067		
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	100%	100%	100%	92%	83%	100%
Peratus keseluruhan Item d < 0.2				96%		
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.300	11.500	11.200	11.033	10.767	11.400
Defuzzification (Average of Fuzzy response)	0.942	0.958	0.933	0.919	0.897	0.950
Kedudukan elemen (ranking)	3	1	4	5	6	2

Berdasarkan jadual 4.11 nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian nilai d konstruk keseluruhan menunjukkan 0.067 (<0.2) Menurut Cheng dan Lin (2002) dan Chang, Hsu dan Chang (2011) jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar. Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 96% kesepakatan iaitu melebihi (75%) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item tersebut. Menurut Chang, Hsu dan Chang (2011) peratus kesepakatan hendaklah melebihi 75%. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average offuzzy response)* melebihi 0.5. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai alpha cut hendaklah melebihi 0.5. Ini menunjukkan item-item penghayatan agama (kepercayaan) telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang terbabit. Item-item yang disepakati disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.4. Secara keseluruhannya kesemua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Jadual 4.12

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen penghayatan Agama (kepercayaan)

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Seluruh negara Islam sepatutnya ditadbir di bawah <i>undang-undang syariah/ Islam</i>	100%	TERIMA	3
2.	<i>Agama</i> sepatutnya menjadi <i>panduan utama</i> pada setiap tindakan dan kelakuan saya	100%	TERIMA	1
3.	Jika seseorang melakukan jenayah, mereka sepatutnya dihukum berdasarkan <i>undang-undang syariah</i> (seperti sebat bagi mereka yang berzina dan sebagainya)	100%	TERIMA	4
4.	Lelaki dan perempuan tidak sepatutnya <i>bersalaman</i> dan <i>bersentuhan</i> ketika berada di tempat awam	92%	TERIMA	5
5.	<i>Potret bergambar</i> (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka	82%	TERIMA	6
6.	Saya <i>patuh</i> kepada semua <i>ajaran Islam</i> khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan saya	100%	TERIMA	2
Peratusan kesepakatan pakar		97%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- Saya yakin bahawa sesuatu yang berlaku didunia ini adalah dengan kehendak Allah

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai alpha -Cut bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan komponen *penghayatan agama* (Amalan) berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 4.13

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Penghayatan agama (amalan) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
Penghayatan Agama: Amalan	
1	Saya berdoa setiap hari
2	Saya sembahyang lima waktu sehari tepat pada waktunya
3	Saya sembahyang berjemaah di masjid setiap hari
4	Saya sentiasa sembahyang sunat
5	Saya sentiasa membaca Al-Quran
6	Saya sentiasa berpuasa sunat
7	Saya sentiasa bersedekah

Jadual 4.14

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen penghayatan agama (amalan).

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL						
	1	2	3	4	5	6	7
1	0.038	0.013	0.064	0.095	0.051	0.089	0.082
2	0.038	0.013	0.089	0.059	0.102	0.064	0.072
3	0.115	0.013	0.089	0.059	0.102	0.064	0.072
4	0.038	0.013	0.064	0.095	0.051	0.064	0.082
5	0.038	0.013	0.089	0.059	0.051	0.064	0.082
6	0.115	0.140	0.089	0.299	0.102	0.064	0.311
7	0.115	0.013	0.089	0.059	0.102	0.064	0.072
8	0.038	0.013	0.064	0.059	0.051	0.064	0.072
9	0.038	0.013	0.064	0.095	0.051	0.089	0.082
10	0.038	0.013	0.064	0.095	0.051	0.089	0.082
11	0.290	0.013	0.051	0.102	0.135	0.025	0.082
12	0.115	0.013	0.089	0.059	0.102	0.064	0.072
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.085	0.023	0.075	0.095	0.079	0.067	0.097
Nilai Threshold (d) konstruk				0.074			
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	92%	100%	100%	92%	100%	100%	92%
Peratus keseluruhan				97%			
Item d < 0.2							
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.300	11.500	11.100	10.833	11.200	10.900	10.933
Defuzzification (Average of Fuzzy response) (Alpha-cut)	0.942	0.958	0.925	0.903	0.933	0.908	0.911
Kedudukan elemen (ranking)	2	1	4	7	3	6	5

Berdasarkan jadual 4.14, nilai threshold yang dihitamkan melebihi nilai threshold 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan

tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian, nilai purata semua item konstruk penghayatan agama (amalan) mempunyai nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.074. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002) dan Chang, Hsu dan Chang (2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 97% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item tersebut. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi α -cut = > 0.5 . Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *alpha cut* hendaklah melebihi 0.5. Jika kurang daripada 0.5 maka item tersebut hendaklah digugurkan. Ini menunjukkan item-item penghayatan agama (amalan) telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang terbabit dalam penilaian item ini. Item-item yang disepakati disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.15. Secara keseluruhannya kesemua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Jadual 4.15

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen penghayatan Agama (amalan)

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Saya <i>berdoa</i> setiap hari	92%	TERIMA	2
2.	Saya <i>sembahyang</i> lima waktu sehari tepat pada waktunya	100%	TERIMA	1
3.	Saya <i>sembahyang berjemaah</i> di masjid setiap hari	100%	TERIMA	4
4.	Saya sentiasa sembahyang sunat	92%	TERIMA	7
5.	Saya sentiasa <i>membaca</i> Al-Quran	100%	TERIMA	3
6.	Saya sentiasa berpuasa sunat	100%	TERIMA	6
7	Saya sentiasa bersedekah	92%	TERIMA	5
Peratusan kesepakatan pakar		97%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- Tiada

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai alpha –Cut bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan komponen kecerdasan rohani (Pembinaan Spiritual) berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi. Jadual berikut memaparkan elemen-elemen utama dan konstruk utama iaitu elemen Kecerdasan Rohani yang merangkumi aspek pembinaan spiritual, pengertian hidup dan nilai diri. Kesemua elemen ini dinilai oleh pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi.

Jadual 4.16

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (Pembinaan spiritual) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
	Kecerdasan Rohani: Pembinaan spiritual
1	Kekerapan anda terlibat dalam menganjurkan program kerohanian.
2	Kekerapan anda mengikuti rancangan berunsur kerohanian.
3	Kekerapan anda membaca bahan-bahan tentang kerohanian.
4	Kekerapan anda mengikuti kursus/bengkel motivasi

Jadual 4.17

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen Kecerdasan rohani (pembinaan spiritual).

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL			
	1	2	3	4
1	0.076	0.127	0.311	0.127
2	0.076	0.025	0.082	0.025
3	0.076	0.025	0.072	0.025
4	0.076	0.025	0.072	0.025
5	0.076	0.127	0.082	0.025
6	0.076	0.025	0.072	0.025
7	0.076	0.025	0.072	0.127
8	0.076	0.025	0.082	0.025
9	0.076	0.025	0.082	0.025
10	0.076	0.025	0.082	0.025
11	0.076	0.025	0.082	0.025
12	0.076	0.025	0.072	0.127
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.076	0.042	0.097	0.051
Nilai Threshold (d) konstruk		0.067		
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	100%	100%	92%	100%
Peratus keseluruhan		98%		
Item d < 0.2				
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.000	11.400	10.933	11.400
Defuzzification (Average of Fuzzy response)	0.917	0.950	0.911	0.950
(Alpha-cut)				
Kedudukan elemen (ranking)	2	1	3	1

Berdasarkan jadual 4.17 nilai threshold yang dihitamkan melebihi nilai threshold 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan

tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian, nilai purata kesemua item konstruk kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.067. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 98% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi $\alpha\text{-cut} = > 0.5$. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *alpha cut* hendaklah melebihi 0.5. Ini menunjukkan item-item kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang terbabit dalam penilaian item ini berdasarkan kepada soal selidik pakar yang telah diagihkan. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (ranking) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.18. Secara keseluruhannya kesemua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik terhadap empat item yang dicadangkan dalam konstruk kecerdasan rohani (pembinaan spiritual).

Jadual 4.18

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Pembinaan spiritual)

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Kekerapan anda mengikuti rancangan berunsur kerohanian	100	TERIMA	2
2.	Kekerapan anda terlibat dalam menganjurkan program kerohanian	100	TERIMA	1
3.	Kekerapan anda membaca bahan-bahan tentang kerohanian.	92	TERIMA	3
4.	Kekerapan anda mengikuti kursus/bengkel motivasi	100	TERIMA	1
Peratusan kesepakatan pakar		97%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- Cadangan dimasukkan membaca buku agama

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai *alpha-cut* bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan Komponen Kecerdasan Rohani (Pengertian hidup) Berdasarkan Kaedah

Fuzzy Delphi

Jadual 4.19: memaparkan elemen-elemen utama dan konstruk utama iaitu elemen Kecerdasan Rohani yang merangkumi aspek *pengertian hidup*. Kesemua elemen ini dinilai oleh pakar berdasarkan pendekatan Fuzzy Delphi.

Jadual 4.19

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (pengertian hidup) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
Kecerdasan Rohani: Pengertian hidup	
1	Anda dapat menerangkan dengan yakin tujuan anda dihidupkan oleh Allah
2	Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral.
3	Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah.
4	Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda .
5	Anda mengemukakan soalan “mengapa” atau “sekiranya” terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat.

Jadual 4.20

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}) dan nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$).

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL				
	1	2	3	4	5
1	0.034	0.025	0.127	0.077	0.116
2	0.034	0.025	0.025	0.077	0.049
3	0.267	0.127	0.127	0.314	0.049
4	0.034	0.025	0.025	0.077	0.116
5	0.127	0.025	0.025	0.077	0.116
6	0.034	0.127	0.025	0.081	0.049
7	0.034	0.025	0.025	0.077	0.049
8	0.267	0.025	0.025	0.314	0.567
9	0.127	0.025	0.025	0.077	0.116
10	0.127	0.025	0.025	0.077	0.116
11	0.153	0.031	0.031	0.093	0.125
12	0.034	0.025	0.025	0.077	0.049
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.106	0.043	0.043	0.118	0.126
Nilai Threshold (d) konstruk			0.087		
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	83%	100%	100%	83%	92%
Peratus keseluruhan Item d < 0.2			92%		
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	10.567	11.400	11.400	10.967	10.633
Defuzzification (Average of Fuzzy response) (Alpha -Cut)	0.881	0.950	0.950	0.914	0.886
Kedudukan elemen (ranking)	4	1	1	2	3

Kesepakatan pakar akan dinilai berdasarkan kriteria tertentu iaitu nilai thershod (d), peratusan konsensus pakar dan nilai defuzzification (alpha-cut value). Berdasarkan jadual 4.20 di atas, kesemua nilai threshold (d) berada dibawah 0.2 (<0.2) iaitu 0.087. Jika nilai purata threshold (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah

mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Peratusan kesepakatan pakar pula menujukkan 92% kesepakatan di mana peratus kesepakatan mestilah melebihi 75% syarat kesepakatan. Ini bermaksud konsensus kesepakatan pakar berada pada tahap baik. Nilai *defuzzification* tertinggi diperoleh ialah pada item 2 dan 3 dengan nilai 11.400. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi $\alpha\text{-cut} = > 0.5$. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *alpha cut* hendaklah melebihi 0.5. Ini menunjukkan item-item kecerdasan rohani (pengertian hidup) telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang terbabit dalam penilaian item ini berdasarkan kepada soal selidik pakar yang telah diagihkan. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.21.

Jadual 4.21

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Pengertian hidup)

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Anda dapat menerangkan dengan yakin tujuan anda dihidupkan oleh Allah	83	TERIMA	4
2.	Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral.	100	TERIMA	1
3.	Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah.	100	TERIMA	1
4.	Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda .	83	TERIMA	2
5	Anda mengemukakan soalan “mengapa” atau “sekiranya” terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat.	92	TERIMA	3
Peratusan kesepakatan pakar		97%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- Memperbaiki struktur ayat item 5

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai *Alpha –Cut* bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan Komponen Kecerdasan Rohani (Nilai diri) Berdasarkan Kaedah Fuzzy

Delphi

Jadual 4.22

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Kecerdasan rohani (nilai diri) yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
Kecerdasan Rohani: Nilai diri	
1	Anda dapat menghadapi cabaran dengan tenang dan tabah.
2	Anda berpegang teguh dengan nilai yang bersih, cekap dan amanah
3	Anda menghormati orang lain, bertimbang rasa dan tidak menyakiti orang lain.
4	Anda sanggup berkorban masa, wang dan apa sahaja yang boleh, demi menolong mereka yang memerlukan bukan kerana untuk mendapatkan balasan.
5	Anda sentiasa memberikan kerjasama kepada orang lain.
6	Anda sanggup bersusah payah untuk mencapai matlamat

Jadual 4.23

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai Threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen kecerdasan rohani (Nilai diri).

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL					
	1	2	3	4	5	6
1	0.070	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
2	0.070	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
3	0.323	0.347	0.072	0.025	0.025	0.013
4	0.070	0.045	0.072	0.127	0.025	0.013
5	0.084	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
6	0.084	0.045	0.072	0.025	0.127	0.140
7	0.084	0.110	0.072	0.127	0.127	0.013
8	0.070	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
9	0.070	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
10	0.070	0.045	0.082	0.025	0.025	0.013
11	0.070	0.045	0.311	0.025	0.025	0.013
12	0.084	0.11	0.072	0.127	0.127	0.013
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.096	0.081	0.097	0.051	0.051	0.023
Nilai Threshold (d) konstruk				0.066		
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	92%	92%	100%	100%	100%	100%
Peratus keseluruhan Item d < 0.2				97%		
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.033	11.233	10.933	11.400	11.400	11.500
Defuzzification (Average of Fuzzy response) (Alpha-cut)	0.919	0.936	0.911	0.950	0.950	0.958
Kedudukan elemen (ranking)	4	3	5	2	2	1

Berdasarkan jadual 4.23, terdapat beberapa item yang dihitamkan. nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat

pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian, nilai purata kesemua item konstruk kecerdasan rohani (nilai diri) menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.066. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002 Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 97% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average offuzzy response)* melebihi α -cut $= > 0.5$. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai alpha cut hendaklah melebihi 0.5. Ini menunjukkan item-item kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang terbabit dalam penilaian item ini berdasarkan kepada soal selidik pakar yang telah diagihkan. Item-item yang disepakati secara consensus pakar disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.24. Secara keseluruhannya kesemua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik terhadap item-item yang dicadangkan dalam konstruk kecerdasan rohani (nilai diri).

Jadual 4.24

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen kecerdasan rohani (Nilai diri)

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Anda dapat menghadapi cabaran dengan tenang dan tabah.	92	TERIMA	4
2.	Anda berpegang teguh dengan nilai yang bersih, cekap dan amanah	92	TERIMA	3
3.	Anda menghormati orang lain, bertimbang rasa dan tidak menyakiti orang lain.	100	TERIMA	5
4.	Anda sanggup berkorban masa, wang dan apa sahaja yang boleh, demi menolong mereka yang memerlukan bukan kerana untuk mendapatkan balasan.	100	TERIMA	2
5	Anda sentiasa memberikan kerjasama kepada orang lain.	100	TERIMA	2
6	Anda sanggup bersusah payah untuk mencapai matlamat	100	TERIMA	1
Peratusan kesepakatan pakar		97%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- tiada

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai *Alpha -Cut* bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan Komponen Sikap Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 4.25

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi Sikap yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
	Sikap
1	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus (pengajian) sekali-sekala boleh dilakukan
2	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk lulus sesuatu kursus (subjek)
3	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk meneruskan pengajian atau untuk tujuan bergraduat
4	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan sekiranya kawan rapat/karib meminta bantuan
5	Mahasiswa yang meniru/menipu ketika dalam pengajian, berkemungkinan akan menipu dalam pekerjaan di masa hadapan

Jadual 4.26

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen sikap

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL				
	1	2	3	4	5
1	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
2	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
3	0.025	0.013	0.025	0.089	0.127
4	0.025	0.013	0.025	0.089	0.025
5	0.025	0.013	0.025	0.089	0.025
6	0.127	0.013	0.127	0.089	0.025
7	0.127	0.140	0.127	0.089	0.127
8	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
9	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
10	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
11	0.025	0.013	0.025	0.064	0.025
12	0.127	0.140	0.127	0.089	0.127
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.051	0.034	0.051	0.076	0.051
Nilai Threshold (d) konstruk				0.053	
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	100%	100%	100%	100%	100%
Peratus keseluruhan				100%	
Item $d < 0.2$					
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.400	11.500	11.400	11.100	11.400
Defuzzification (Average of Fuzzy response)	0.950	0.958	0.950	0.925	0.950
(Alpha -cut)					
Kedudukan elemen (ranking)	2	1	2	3	2

Berdasarkan jadual 4.26, kesemua item konstruk sikap menunjukkan nilai $threshold (d) < 0.2$ iaitu 0.053. Jika nilai purata $threshold (d)$ diperoleh kurang

daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 100% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Menurut Chang et al., (2000) peratus kesepakatan hendaklah melebihi 75%. Nilai tertinggi *defuzzification evaluation* adalah 11.500 dan terendah adalah 11.100. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi $\alpha\text{-cut} = > 0.5$. Berdasarkan pendapat Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *alpha cut* hendaklah melebihi 0.5. Ini menunjukkan item-item sikap telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang baik terhadap penilaian item ini berdasarkan kepada soal selidik pakar yang telah diagihkan. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.27.

Jadual 4.27

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen sikap

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan Pakar
1.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus (pengajian) sekali-sekala boleh dilakukan	100	TERIMA	2
2.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk lulus sesuatu kursus (subjek)	100	TERIMA	1
3.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk meneruskan pengajian atau untuk tujuan bergraduat	100	TERIMA	2
4.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan sekiranya kawan rapat/karib meminta bantuan	100	TERIMA	3
5	Mahasiswa yang meniru/menipu ketika dalam pengajian, berkemungkinan akan menipu dalam pekerjaan di masa hadapan	100	TERIMA	2

Peratusan kesepakatan pakar **100%**

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- tiada

Syarat:

- 1) $\text{Nilai Threshold} \leq 0.2$
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai Alpha -Cut bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatkan Komponen Norma Subjektif Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 4.28

Dapatkan akhir bagi komponen utama bagi Norma Subjektif yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
	Norma Subjektif
1	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>tidak akan bersetuju</i> jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian
2	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan menyatakan “ OK ” jika saya meniru
3	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>akan memarahi saya</i> , jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian
4	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, berpendapat bahawa saya <i>tidak sepatutnya</i> meniru dalam ujian/peperiksaan
5	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>akan memandang rendah</i> kepada saya jika saya meniru/menipu
6	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya , <i>tidak akan bersetuju</i> Jika saya <i>meniru</i> dalam menyelesaikan tugas saya (<i>assignment</i>).

Jadual 4.29

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$) dan kedudukan elemen Norma subjektif

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL					
	1	2	3	4	5	6
1	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
2	0.038	0.084	0.051	0.045	0.102	0.025
3	0.115	0.070	0.102	0.110	0.102	0.127
4	0.115	0.084	0.102	0.045	0.051	0.025
5	0.038	0.070	0.102	0.045	0.102	0.127
6	0.115	0.084	0.102	0.045	0.102	0.025
7	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
8	0.038	0.323	0.051	0.347	0.051	0.025
9	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
10	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
11	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
12	0.038	0.070	0.051	0.045	0.051	0.025
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.057	0.095	0.068	0.075	0.068	0.042
Nilai Threshold (d) konstruk				0.068		
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	100%	92%	100%	92%	100%	100%
Peratus keseluruhan Item d < 0.2				97%		
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.300	11.033	11.200	11.233	11.200	11.400
Defuzzification (Average of Fuzzy response) (Alpha -cut)	0.942	0.919	0.933	0.936	0.933	0.950
Kedudukan elemen (ranking)	2	5	4	3	4	1

Berdasarkan jadual 4.29, terdapat nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian, nilai purata kesemua item konstruk norma subjektif menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.068. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 97% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Nilai tertinggi *defuzzification evaluation* adalah 11.400 dan terendah adalah 11.033. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average offuzzy response)* melebihi α -cut = > 0.5 . Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai *Alpha Cut* hendaklah melebihi 0.5. Jika nilai kurang daripada 0.5, maka item tersebut hendaklah di gugurkan. Ini menunjukkan item-item norma subjektif telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang baik terhadap penilaian item. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (ranking) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.30.

Jadual 4.30

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen norma subjektif

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %		Kedudukan Pakar
		Kesepakatan Kumpulan Pakar	Kesepakatan Pakar	
1.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>tidak akan bersetuju</i> jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian	100	TERIMA	2
2.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan menyatakan “OK” jika saya meniru	92	TERIMA	5
3.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>akan memarahi saya</i> , jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian	100	TERIMA	4
4.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, berpendapat bahawa saya <i>tidak sepatutnya</i> meniru dalam ujian/peperiksaan	92	TERIMA	3
5	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>akan memandang rendah</i> kepada saya jika saya meniru/menipu	100	TERIMA	4
6	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>tidak akan bersetuju</i> Jika saya <i>meniru</i> dalam menyelesaikan tugas saya (<i>assignment</i>).	100	TERIMA	1
Peratusan kesepakatan pakar		100%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- tiada

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai *Alpha -Cut* bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan Komponen *Tahu Kawal Kelakuan* Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 4.31

*Dapatan akhir bagi komponen utama bagi *Tahu Kawal Kelakuan* yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.*

BIL	ITEM/ELEMEN
	Tahu Kawal Kelakuan
1	Pada pendapat saya, meniru dalam peperiksaan atau ujian adalah sangat mudah dilakukan
2	Jika saya hendak, saya boleh meniru dalam peperiksaan atau ujian
3	Agak mudah bagi saya untuk meniru ketika di dalam kelas
4	Walaupun saya mempunyai alasan yang kukuh untuk meniru , saya tetap tidak akan meniru
5	Saya tetap tidak akan meniru, walaupun semua pelajar lain melakukannya

Jadual 4.32

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$)

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL				
	1	2	3	4	5
1	0.025	0.025	0.089	0.045	0.025
2	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
3	0.025	0.127	0.089	0.045	0.025
4	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
5	0.025	0.025	0.089	0.045	0.025
6	0.127	0.025	0.089	0.347	0.127
7	0.127	0.127	0.089	0.110	0.127
8	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
9	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
10	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
11	0.025	0.025	0.064	0.045	0.025
12	0.127	0.127	0.089	0.110	0.127
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.051	0.051	0.076	0.081	0.051
Nilai Threshold (d) konstruk				0.062	
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	100%	100%	100%	92%	100%
Peratus keseluruhan				98%	
Item d < 0.2					
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.400	11.400	11.100	11.233	11.400
Defuzzification (Average of Fuzzy response)	0.950	0.950	0.925	0.936	0.950
(Alpha -cut)					
Kedudukan elemen (ranking)	1	1	3	2	1

Keputusan analisis terhadap kesepakatan pakar menunjukkan nilai kesepakatan pakar adalah baik. Berdasarkan jadual 4.32, kesemua item konstruk tahu kawal

kelakuan menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.062. Walau bagaimanapun terdapat satu item yang tidak mendapat kesepakatan pakar iaitu item 4. Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian nilai purata kesemua item konstruk niat menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.062. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 98% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Nilai tertinggi *defuzzification evaluation* adalah 11.400 dan terendah adalah 11.100. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average offuzzy response)* melebihi α -cut $= > 0.5$. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai alpha cut hendaklah melebihi 0.5 dan sekiranya kurang daripada 0.5, maka ia hendaklah digugurkan. Ini menunjukkan item-item tahu kawal kelakuan telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang baik terhadap penilaian item. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (ranking) seperti yang ditunjukkan dalam 4.33.

Jadual 4.33

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen tahu kawal kelakuan

Bil	Elemen Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Pada pendapat saya, meniru dalam peperiksaan atau ujian adalah sangat mudah dilakukan	100	TERIMA	1
2.	Jika saya hendak, saya boleh meniru dalam peperiksaan atau ujian	100	TERIMA	1
3.	Agak mudah bagi saya untuk meniru ketika di dalam kelas	100	TERIMA	3
4.	Walaupun saya mempunyai alasan yang kukuh untuk meniru , saya tetap tidak akan meniru	92	TERIMA	2
5	Saya tetap tidak akan meniru, walaupun semua pelajar lain melakukannya	100	TERIMA	1
Peratusan kesepakatan pakar		98%		

Cadangan Elemen daripada Panel Pakar:

- tiada

Syarat:

- 1) Nilai $Threshold \leq 0.2$
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai $Alpha - Cut$ bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Dapatan Komponen *niat* Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*

Jadual 4.34

Dapatan akhir bagi komponen utama bagi niat yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

BIL	ITEM/ELEMEN
	Niat
1	Saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan dalam semester akademik ini
2	Saya berhasrat untuk meniru dalam ujian atau peperiksaan semester akademik ini
3	Jika ada peluang, saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan
4	Saya akan benarkan rakan meniru hasil tugasan saya (<i>assignment</i>) sebelum dihantar kepada pensyarah
5	Saya akan gunakan artikel dan maklumat yang dibeli atau diperoleh dari atas talian (<i>online</i>) dan jadikannya sebagai tugasan saya

Jadual 4.35

Nilai threshold setiap elemen (D_{item}), nilai threshold Konstruk ($D_{konstruk}$)

PAKAR	ELEMENT KANDUNGAN UTAMA MODEL				
	1	2	3	4	5
1	0.070	0.057	0.025	0.089	0.089
2	0.070	0.057	0.025	0.064	0.064
3	0.323	0.335	0.025	0.064	0.089
4	0.084	0.057	0.127	0.089	0.089
5	0.070	0.057	0.025	0.089	0.064
6	0.084	0.097	0.025	0.089	0.089
7	0.084	0.097	0.127	0.089	0.089
8	0.070	0.057	0.025	0.064	0.064
9	0.070	0.057	0.025	0.064	0.064
10	0.070	0.057	0.025	0.064	0.064
11	0.070	0.057	0.025	0.064	0.064
12	0.084	0.097	0.127	0.089	0.089
Nilai Threshold (d) Setiap Elemen	0.096	0.090	0.051	0.076	0.076
Nilai Threshold (d) konstruk				0.078	
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	92%	92%	100%	100%	100%
Peratus keseluruhan Item $d < 0.2$				97%	
Defuzzification (Fuzzy Evaluation)	11.033	11.133	11.400	11.100	11.100
Defuzzification (Average of Fuzzy response) (Alpha -cut)	0.919	0.928	0.950	0.925	0.925
Kedudukan elemen (ranking)	4	2	1	3	3

Keputusan analisis terhadap kesepakatan pakar menunjukkan nilai kesepakatan pakar adalah baik. Berdasarkan jadual 4.35, , nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi

nilai *threshold* 0.2 (> 0.2). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Namun demikian nilai purata kesemua item konstruk niat menunjukkan nilai *threshold* (d) < 0.2 iaitu 0.078. Jika nilai purata *threshold* (d) diperoleh kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar yang baik (Cheng dan Lin, 2002; Chang, Hsu dan Chang, 2011). Sementara ini peratusan keseluruhan kesepakatan pakar berada pada nilai 97% kesepakatan iaitu melebihi ($> 75\%$) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item ini. Nilai tertinggi *defuzzification evaluation* adalah 11.400 dan terendah adalah 11.033. Selain itu, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi $\alpha\text{-cut} = > 0.5$. Menurut Tang dan Wu, (2010) dan Bodjanova (2006) nilai alpha cut hendaklah melebihi 0.5 dan sekiranya kurang daripada 0.5, maka ia hendaklah digugurkan. Ini menunjukkan item-item tahu kawal kelakuan telah mendapat kesepakatan pakar-pakar yang baik terhadap penilaian item. Item-item yang disepakati secara konsensus pakar disusun mengikut keutamaan (*ranking*) seperti yang ditunjukkan dalam 4.36.

Jadual 4.36

Kedudukan item dan kedudukan bagi elemen niat

Bil	Item Utama	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Kesepakatan Pakar	Kedudukan
1.	Saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan dalam semester akademik ini	92	TERIMA	4
2.	Saya berhasrat untuk meniru dalam ujian atau peperiksaan semester akademik ini	92	TERIMA	2
3.	Jika ada peluang, saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan	100	TERIMA	1
4.	Saya akan benarkan rakan meniru hasil tugas saya (assignment) sebelum dihantar kepada pensyarah	100	TERIMA	3
5	Saya akan gunakan artikel dan maklumat yang dibeli atau diperoleh dari atas talian (online) dan jadikannya sebagai tugas saya	100	TERIMA	3
Peratusan kesepakatan pakar		98%		

Cadangan Item daripada Panel Pakar:

- tiada

Syarat:

- 1) Nilai *Threshold* ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar $\geq 75\%$
- 3) Semua nilai *Alpha -Cut* bagi setiap item melebihi $\alpha = 0.5$

Rumusan kesepakatan keseluruhan pakar terhadap setiap komponen model

Jadual 4.37

Rumusan kesepakatan pakar setiap konstruk/komponen model

Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			Alpha cut α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan pakar
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Penghayatan agama (kepercayaan)	1	10.20	11.70	12.00	11.300	0.850	0.975	1.000	0.942	0.057	100	Terima		
	2	10.60	11.90	12.00	11.500	0.883	0.992	1.000	0.958	0.023	100	Terima		
	3	10.00	11.60	12.00	11.200	0.833	0.967	1.000	0.933	0.064	100	Terima		
	4	9.80	11.40	11.90	11.033	0.817	0.950	0.992	0.919	0.095	92	Terima		
	5	9.40	11.10	11.80	10.767	0.783	0.925	0.983	0.897	0.118	83	Terima		
	6	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.042	100	Terima		
Purata keseluruhan									0.933	0.066	95.8%	Terima		
Penghayatan agama (amalan)	1	10.20	11.70	12.00	11.300	0.850	0.975	1.000	0.942	0.085	92	Terima		
	2	10.60	11.90	12.00	11.500	0.883	0.992	1.000	0.958	0.023	100	Terima		
	3	9.80	11.50	12.00	11.100	0.817	0.958	1.000	0.925	0.075	100	Terima		
	4	9.40	11.20	11.90	10.833	0.783	0.933	0.992	0.903	0.095	92	Terima		
	5	10.00	11.60	12.00	11.200	0.833	0.967	1.000	0.933	0.079	100	Terima		
	6	9.40	11.30	12.00	10.900	0.850	0.975	1.000	0.942	0.067	100	Terima		
	7	9.60	11.30	11.90	10.933	0.800	0.942	0.992	0.911	0.097	92	Terima		
Purata keseluruhan									0.930	0.074	96.5%	Terima		

sambungan:

Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			Alpha cut α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan pakar
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Kecerdasan rohani (Pembinaan spiritual)	1	9.60	11.40	12.00	11.000	0.750	0.908	0.983	0.881	0.106	83	Terima		
	2	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.043	100	Terima		
	3	9.60	11.30	11.90	10.933	0.867	0.983	1.000	0.950	0.043	92	Terima		
	4	10.40	11.80	12.00	11.400	0.817	0.942	0.983	0.914	0.118	83	Terima		
Purata keseluruhan										0.923	0.077	89.5%		Terima
Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			Alpha cut α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan pakar
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Kecerdasan rohani (Pengetian hidup)	1	9.00	10.90	11.80	10.567	0.750	0.908	0.983	0.881	0.106	83	Terima		
	2	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.043	100	Terima		
	3	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.043	92	Terima		
	4	9.80	11.30	11.80	10.967	0.817	0.942	0.983	0.914	0.118	83	Terima		
	5	9.20	11.00	11.70	10.633	0.767	0.917	0.975	0.886	0.126	92	Terima		
Purata keseluruhan										0.916	0.087	90%		Terima

sambungan

Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			Alpha cut α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan pakar
		M1	M2	M3	M1	M2	M3							
Kecerdasan rohani (Nilai diri)	1	9.80	11.40	11.90	11.033	0.817	0.950	0.992	0.919	0.096	92	Terima		
	2	10.20	11.60	11.90	11.233	0.850	0.967	0.992	0.936	0.081	92	Terima		
	3	9.60	11.30	11.90	10.933	0.800	0.942	0.992	0.911	0.097	100	Terima		
	4	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	5	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	6	10.60	11.90	12.00	11.500	0.883	0.992	1.000	0.958	0.023	100	Terima		
Purata keseluruhan										0.937	0.066	97%	Terima	
Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			Alpha cut α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan pakar
		M1	M2	M3	M1	M2	M3							
Sikap	1	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	2	10.60	11.90	12.00	11.500	0.883	0.992	1.000	0.958	0.034	100	Terima		
	3	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	4	9.80	11.50	12.00	11.100	0.817	0.958	1.000	0.925	0.076	100	Terima		
	5	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
Purata keseluruhan										0.946	0.052	100%	Terima	

sambungan:

Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			<i>Alpha cut</i> α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan paket
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Norma subjektif	1	10.20	11.70	12.00	11.300	0.850	0.975	1.000	0.942	0.057	100	Terima		
	2	9.80	11.40	11.90	11.033	0.817	0.950	0.992	0.919	0.095	92	Terima		
	3	10.00	11.60	12.00	11.200	0.833	0.967	1.000	0.933	0.068	100	Terima		
	4	10.20	11.60	11.90	11.233	0.850	0.967	0.992	0.936	0.075	92	Terima		
	5	10.00	11.60	12.00	11.200	0.833	0.967	1.000	0.933	0.068	100	Terima		
	6	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.042	100	Terima		
Purata keseluruhan										0.935	0.067	97%	Terima	
Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			<i>Alpha cut</i> α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan paket
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Tahu kawal kelakuan	1	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	2	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	3	9.80	11.50	12.00	11.100	0.817	0.958	1.000	0.925	0.076	100	Terima		
	4	10.20	11.60	11.90	11.233	0.850	0.967	0.992	0.936	0.081	92	Terima		
	5	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
Purata keseluruhan										0.9422	0.062	98%	Terima	
Konstruk	item	Jumlah setiap unsur (defuzzification)			Fuzzy evaluation			Purata setiap unsur (defuzzification)			<i>Alpha cut</i> α -cut	Nilai d	Peratus kesepakatan	Keputusan kesepakatan paket
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3				
Niat	1	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	2	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
	3	9.80	11.50	12.00	11.100	0.817	0.958	1.000	0.925	0.076	100	Terima		
	4	10.20	11.60	11.90	11.233	0.850	0.967	0.992	0.936	0.081	92	Terima		
	5	10.40	11.80	12.00	11.400	0.867	0.983	1.000	0.950	0.051	100	Terima		
Purata keseluruhan										0.9422	0.062	98%	Terima	

Analisis pandangan kolektif pakar terhadap item model mengikut keutamaan

Senarai item akhir mengikut keutamaan pakar. Proses menentukan kedudukan item adalah penting dalam kajian ini. Berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi, pengkaji berupaya untuk mengenal pasti item yang paling penting untuk setiap konstruk atau boleh ubah. Matlamatnya adalah untuk meletakkan keutamaan setiap item dalam konstruk mengikut peringkat keutamaan hingga yang paling kurang keutamaannya.

Bahagian ini secara khususnya akan menjawab persoalan kajian berikut:

- ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan keutamaan?

Jadual 4.38

Item-item model bagi konstruk penghayatan agama (kepercayaan) Mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan Teknik Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Penghayatan Agama (kepercayaan)	Nombor Item Asal
1.	<i>Agama</i> sepatutnya menjadi <i>panduan utama</i> pada setiap tindakan dan kelakuan saya	B1:2
2.	Saya <i>patuh</i> kepada semua <i>ajaran Islam</i> khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan saya	B1:6
3.	Seluruh negara Islam sepatutnya ditadbir di bawah <i>undang-undang syariah/ Islam</i>	B1: 1
4.	Jika seseorang melakukan jenayah, mereka sepatutnya dihukum berdasarkan <i>undang-undang syariah</i> (seperti sebat bagi mereka yang berzina dan sebagainya)	B1:3
5.	Lelaki dan perempuan tidak sepatutnya <i>bersalamam</i> dan <i>bersentuhan</i> ketika berada di tempat awam	B1:4
6.	<i>Potret bergambar</i> (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka	B1:5

Berdasarkan jadual 4.38, pakar secara khususnya bersetuju bahawa aspek penghayatan agama (kepercayaan) menjadi aspek terpenting dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Aspek yang mendapat keutamaan berdasarkan kepada kesepakatan pakar adalah “*Agama sepatutnya menjadi panduan utama pada setiap tindakan dan kelakuan saya*”. Aspek ini merupakan aspek asas dalam kepercayaan beragama yang membawa kepada kemurnian dan ketertiban dalam bertingkah laku. Aspek kedua yang menjadi kesepakatan pakar adalah “*Saya patuh kepada semua ajaran Islam khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan saya*” dan diikuti dengan item “*Seluruh negara Islam sepatutnya ditadbir di bawah undang-undang syariah/ Islam*”. Item keempat yang mendapat kesepakatan pakar adalah “*Jika seseorang melakukan jenayah, mereka sepatutnya dihukum berdasarkan undang-undang syariah (seperti sebat bagi mereka yang berzina dan sebagainya)*” diikuti dengan “*Lelaki dan perempuan tidak sepatutnya bersalaman dan bersentuhan ketika berada di tempat awam*”. Manakala aspek terakhir adalah item “*Potret bergambar (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka*”. Kesemua item ini menjadi asas dalam penghayatan agama. Jika kesemua aspek penghayatan agama ini menjadi pegangan maka aspek kawalan kelakuan dapat dilakukan dengan baik.

Jadual 4.39

Item-item model bagi konstruk penghayatan agama (amalan) Mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan Teknik Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Penghayatan Agama (amalan)	Nombor Item Asal
1.	Saya <i>sembahyang</i> lima waktu sehari tepat pada waktunya	B2:2
2.	Saya <i>berdoa</i> setiap hari	B2:1
3.	Saya sentiasa <i>membaca</i> Al-Quran	B2: 5
4.	Saya <i>sembahyang berjemaah</i> di masjid setiap hari	B2:3
5.	Saya sentiasa bersedekah	B2:7
6.	Saya sentiasa berpuasa sunat	B2:6
7	Saya sentiasa sembahyang sunat	B2:4

Berdasarkan kepada kesepakatan pakar terhadap kedudukan item dalam konstruk model, Jadual 4.39 menujukkan kedudukan item-item dalam konstruk penghayatan agama (amalan). Berdasarkan kepada kesepakatan pakar, aspek utama dalam konsruk amalan adalah “*Saya sembahyang lima waktu sehari tepat pada waktunya*”. Ini perkara terpenting mengikut pandangan pakar yang merupakan perkara utama dalam amalan umat Islam. Kedudukan kedua berdasarkan kesepakatan pakar adalah “*Saya berdoa setiap hari*” dan diikuti dengan item “*Saya sentiasa membaca Al-Quran*”. Item keempat berdasarkan kesepakatan pakar adalah “*Saya sembahyang berjemaah di masjid setiap hari*” dan diikuti dengan item “*Saya sentiasa bersedekah*”. Selain itu item “*Saya sentiasa berpuasa sunat*” berada di kedudukan keenam berdasarkan pendapat pakar, manakala item terakhir adalah “*Saya sentiasa sembahyang sunat*”.

Jadual 4.40

Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Kecerdasan rohani (pembinaan spiritual)	Nombor Item Asal
1.	Kekerapan anda mengikuti rancangan berunsur kerohanian.	C1:2
2.	Kekerapan anda mengikuti kursus/bengkel motivasi	C1:4
3.	Kekerapan anda terlibat dalam menganjurkan program kerohanian	C1: 1
4	Kekerapan anda membaca bahan-bahan tentang kerohanian.	C1:3
5.	Kekerapan bertafakur merenung ciptaan Allah	C1:5

Rajah 4.40 menunjukkan pandangan kolektif dan konsensus pakar terhadap item-item yang perlu dimasukkan ke dalam konstruk model kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) mengikut keutamaan. Berdasarkan pandangan pakar aspek pertama yang perlu dimasukkan ke dalam konstruk model adalah item “*Kekerapan anda mengikuti rancangan berunsur kerohanian*” dan diikuti oleh item “*Kekerapan anda mengikuti kursus/bengkel motivasi*”. Aspek ketiga mengikut keutamaan berdasarkan pandangan pakar adalah aspek “*Kekerapan anda terlibat dalam menganjurkan program kerohanian*” sementara aspek terakhir adalah item “*Kekerapan anda membaca bahan-bahan tentang kerohanian*”.

Jadual 4.41

Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (pengertian hidup) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Kecerdasan rohani (pengertian hidup)	Nombor Item Asal
1.	Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral.	C2:2
1.	Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah	C2:3
2.	Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda.	C2: 4
3.	Anda mengemukakan soalan “mengapa” atau “sekiranya” terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat	C2:5
4	Anda dapat menerangkan dengan yakin tujuan anda dihidupkan oleh Allah	C2:1

Rajah 4.41 menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar. Asas utama yang menjadi pertimbangan pakar dengan meletakkan item “*Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral*” dan “*Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah*” berada di kedudukan utama. Selain itu item “*Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda.*” Berada dalam senarai kedua keutamaan dan diikuti dengan item “*Anda mengemukakan soalan “mengapa” atau “sekiranya” terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat*”. Manakala item terakhir mengikut keutamaan berdasarkan kesepakatan pakat adalah item “*Anda dapat menerangkan dengan yakin tujuan anda dihidupkan oleh Allah*”.

Jadual 4.42

Item-item model bagi konstruk kecerdasan rohani (Nilai diri) mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Kecerdasan rohani (Nilai diri)	Nombor Item Asal
1.	Anda sanggup bersusah payah untuk mencapai matlamat	C3:6
2.	Anda sanggup berkorban masa, wang dan apa sahaja yang boleh, demi menolong mereka yang memerlukan bukan kerana untuk mendapatkan balasan.	C3:4
2.	Anda sentiasa memberikan kerjasama kepada orang lain.	C3: 5
3.	Anda berpegang teguh dengan nilai yang bersih, cekap dan amanah	C3:2
4	Anda dapat menghadapi cabaran dengan tenang dan tabah	C3:1
5	Anda menghormati orang lain, bertimbang rasa dan tidak menyakiti orang lain	C3:3

Rajah 4.42 menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar terhadap konstruk kecerdasan rohani (nilai diri). Asas utama yang menjadi pertimbangan pakar dengan meletakkan item “*Anda sanggup bersusah payah untuk mencapai matlamat*”. Selain itu item “*Anda sanggup berkorban masa, wang dan apa sahaja yang boleh, demi menolong mereka yang memerlukan bukan kerana untuk mendapatkan balasan*” dan item “*Anda sentiasa memberikan kerjasama kepada orang lain*” berada di kedudukan kedua kerana mempunyai nilai *defuzzification alpha-cut* yang sama. Kedudukan item “*Anda berpegang teguh dengan nilai yang bersih, cekap dan amanah*” Berada dalam senarai ketiga keutamaan dan diikuti dengan item “*Anda dapat menghadapi cabaran dengan tenang dan tabah*”. Manakala item terakhir mengikut keutamaan berdasarkan kesepakatan pakat adalah item “*Anda menghormati orang lain, bertimbang rasa dan tidak menyakiti orang lain*”.

Jadual 4.43

Item-item model bagi konstruk sikap mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Sikap	Nombor Item Asal
1.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk lulus sesuatu kursus (subjek)	D:2
2.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus (pengajian) sekali-sekala boleh dilakukan	D:1
2.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk meneruskan pengajian atau untuk tujuan bergraduat	D: 3
2.	Mahasiswa yang meniru/menipu ketika dalam pengajian, berkemungkinan akan menipu dalam pekerjaan di masa hadapan	D:5
3.	Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan sekiranya kawan rapat/karib meminta bantuan	D:1
4	Melaporkan insiden penipuan adalah perlu untuk berlaku adil kepada pelajar lain.	D:6

Rajah 4.43, menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar terhadap konstruk sikap. Asas utama yang menjadi pertimbangan pakar dengan meletakkan item “*Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk lulus sesuatu kursus (subjek)*”. Item “*Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus (pengajian) sekali-sekala boleh dilakukan*”, “*Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk meneruskan pengajian atau untuk tujuan bergraduat*” dan item “*Mahasiswa yang meniru/menipu ketika dalam pengajian, berkemungkinan akan menipu dalam pekerjaan di masa hadapan*” berada di kedudukan kedua keutamaannya kerana mempunyai nilai *defuzzification alpha-cut* yang sama. Kedudukan item “*Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan sekiranya kawan rapat/karib meminta bantuan*” **dan** item “*Melaporkan insiden penipuan adalah perlu*

untuk berlaku adil kepada pelajar lain” berada di tangga terakhir keutamaan mengikut pandangan pakar.

Jadual 4.44

Item-item model bagi konstruk Norma Subjektif mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Norma subjektif	Nombor Item Asal
1.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>tidak akan bersetuju</i> Jika saya <i>meniru</i> dalam menyelesaikan tugas saya (<i>assignment</i>).	E:6
2.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>tidak akan bersetuju</i> jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian	E:1
3.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, berpendapat bahawa saya tidak sepatutnya meniru dalam ujian/peperiksaan	E: 4
4.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, akan memarahi saya, jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian	E:3
4.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, <i>akan memandang rendah</i> kepada saya jika saya meniru/menipu	E:5
5.	Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan menyatakan “OK” jika saya meniru	E:2

Rajah 4.44, menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar terhadap norma subjektif. Asas utama yang menjadi pertimbangan pakar dengan meletakkan item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan bersetuju Jika saya meniru dalam menyelesaikan tugas saya (assignment)*”. Item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan bersetuju jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian*”, berada di kedudukan kedua keutamaan, manakala item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, berpendapat bahawa saya tidak sepatutnya meniru dalam ujian/peperiksaan*” berada di kedudukan ketiga keutamaan mengikut pandangan

pakar. Sementara itu, item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, akan memarahi saya, jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian*” dan item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, akan memandang rendah kepada saya jika saya meniru/menipu*” berada di kedudukan ketiga keutamaannya kerana mempunyai nilai *defuzzification alpha-cut* yang sama. Kedudukan item “*Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan menyatakan “OK” jika saya meniru*” Berada di kedudukan terakhir keutamaan mengikut pandangan dan konsensus pakar.

Jadual 4.45

Item-item model bagi konstruk tahu kawal kelakuan mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Tahu kawal kelakuan	Nombor Item Asal
1.	Pada pendapat saya, meniru dalam peperiksaan atau ujian adalah sangat mudah dilakukan	F:1
1.	Jika saya hendak, saya boleh meniru dalam peperiksaan atau ujian	F:2
1.	Saya tetap tidak akan meniru, walaupun semua pelajar lain melakukannya	F: 5
3.	Walaupun saya mempunyai alasan yang kukuh untuk meniru , saya tetap tidak akan meniru	F:4
4.	Agak mudah bagi saya untuk meniru ketika di dalam kelas	F:3

Rajah 4.45, menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar terhadap tahu kawal kelakuan. Terdapat tiga item menduduki senarai utama kerana mempunyai nilai *defuzzification* dan *alpha-cut* yang sama iaitu item “*Pada pendapat saya, meniru dalam peperiksaan atau ujian adalah sangat mudah dilakukan*”, “*Jika saya hendak, saya boleh meniru dalam peperiksaan atau ujian*” dan item “*Saya tetap tidak akan meniru, walaupun semua pelajar lain*

melakukannya”. Manakala Item “*Walaupun saya mempunyai alasan yang kukuh untuk meniru, saya tetap tidak akan meniru*”, berada di kedudukan ketiga keutamaan. Manakala item “*Agak mudah bagi saya untuk meniru ketika di dalam kelas*” jika saya meniru” Berada terakhir keutamaan mengikut pandangan dan konsensus pakar.

Jadual 4.46

Item-item model bagi konstruk niat mengikut Keutamaan Berdasarkan Pandangan Pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.

Susunan mengikut keutamaan	Item Niat	Nombor Item Asal
1.	Jika ada peluang, saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan	G:3
2.	Saya berhasrat untuk mengambil maklumat daripada rakan yang telah mengambil peperiksaan atau ujian semester akademik ini	G:2
3.	Saya akan benarkan rakan meniru hasil tugas saya (assignment) sebelum dihantar kepada pensyarah	G: 4
3.	Saya akan gunakan artikel dan maklumat yang dibeli atau diperoleh dari atas talian (online) dan jadikannya sebagai tugas saya	G:5
4.	Saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan dalam semester akademik ini	G:1
5	Saya berhasrat untuk menukar tugasan kawan saya dan jadikannya sebagai tugasan saya	G:6


Jadual 4.46 di atas, menunjukkan kedudukan item mengikut keutamaan berdasarkan kepada pandangan pakar terhadap konstruk niat. Asas utama yang menjadi pertimbangan pakar dengan meletakkan item “*Jika ada peluang, saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan*” diikuti dengan Item “*Saya berhasrat untuk mengambil maklumat daripada rakan yang telah mengambil peperiksaan atau ujian semester akademik ini*”, berada di kedudukan kedua keutamaan. Terdapat dua item yang menduduki senarai keutamaan yang sama iaitu item “*Saya akan benarkan rakan meniru hasil tugas saya (assignment) sebelum dihantar kepada pensyarah*” dan

item “*Saya akan gunakan artikel dan maklumat yang dibeli atau diperoleh dari atas talian (online) dan jadikannya sebagai tugasan saya*” berada di kedudukan ketiga keutamaan mengikut pandangan pakar berdasarkan nilai *alpha-cut* yang serupa. Kedudukan item “*Saya akan meniru dalam ujian atau peperiksaan dalam semester akademik ini*” dan “*Saya berhasrat untuk menukar tugasan kawan saya dan jadikannya sebagai tugasan saya*” Berada terakhir keutamaan mengikut pandangan dan konsensus pakar.

Rumusan Dapatan Fasa Dua

Secara keseluruhannya, fasa ini menerangkan fasa pembinaan dan reka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Fasa ini secara dasarnya menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dengan menggunakan pandangan dan kesepakatan pakar terhadap item-item model dan kesepakatan pakar terhadap item-item yang diperlukan dalam pembentukan model kajian. Hasil daripada penggunaan FDM dalam fasa ini, dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesepakatan pakar yang baik terhadap item-item dan item-item model. Selain itu keutamaan-keutamaan item yang sepatutnya berada dalam model dikenal pasti berdasarkan kepada pandangan dan kesepakatan pakar terhadap model ini. Prototaip model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani adalah seperti dalam rajah 4.1. di bawah:

1. Agama sepertutnya menjadi panduan utama pada setiap tindakan dan kelakuan saya
 2. Saya patuh kepada semua ajaran Islam khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan saya
 3. Seluruh negara Islam sepertutnya ditadbir di bawah undang-undang syariah/ Islam
 4. Jika seseorang melakukan jenayah, mereka sepertutnya dihukum berdasarkan undang-undang syariah (seperti sebat bagi mereka yang berzina dan sebagainya)
 5. Lelaki dan perempuan tidak sepertutnya bersalaman dan bersentuhan ketika berada di tempat awam
 6. Potret bergambar (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepertutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka
1. Saya sembahyang lima waktu sehari tepat pada waktunya
 2. Saya berdoa setiap hari
 3. Saya sentiasa membaca Al-Quran
 4. Saya sembahyang berjemaah di masjid setiap hari
 5. Saya sentiasa bersedekah
 6. Saya sentiasa berpuasa sunat
 7. Saya sentiasa sembahyang sunat
1. Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk lulus sesuatu kursus (subjek)
 2. Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus (pengajian) sekali-sekala boleh dilakukan
 3. Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan untuk meneruskan pengajian atau untuk tujuan bergraduat
 4. Mahasiswa yang meniru/menipu ketika dalam pengajian, berkemungkinan akan menipu dalam pekerjaan dimasa hadapan
 5. Saya berpendapat bahawa meniru ketika di kampus boleh dilakukan sekiranya kawan rapat/karib meminta bantuan
1. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan bersetuju jika saya meniru dalam menyelesaikan tugas saya (assignment).
 2. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan bersetuju jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian
 3. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, berpendapat bahawa saya tidak sepertutnya meniru dalam ujian/peperiksaan
 4. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, akan memarahi saya, jika saya meniru dalam peperiksaan atau ujian
 5. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, akan memandang rendah kepada saya jika saya meniru/menipu
 6. Kebanyakan individu yang penting dalam hidup saya, tidak akan menyatakan "OK" jika saya meniru
1. Pada pendapat saya, meniru dalam peperiksaan atau ujian adalah sangat mudah dilakukan
 2. Jika saya hendak, saya boleh meniru dalam peperiksaan atau ujian
 3. Saya tetap tidak akan meniru, walaupun semua pelajar lain melakukannya, saya tetap tidak akan meniru
 4. Agak mudah bagi saya untuk meniru ketika didalam kelas
 5. Saya berhasrat untuk menukar *tugasan kawan saya* dan jadikannya sebagai *tugasan saya*
1. Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral.
 2. Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah
 3. Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda.
 4. Anda mengemukakan soalan "mengapa" atau "sekitar" terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat
1. Anda menjaga diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak beretika/ bermoral.
 2. Anda melakukan kerja dengan penuh komitmen kerana kerja itu adalah amanah dan akan dipersoalkan di hadapan Allah
 3. Anda melihat pekerjaan anda sebagai sesuatu yang bermakna dalam konteks kehidupan anda.
 4. Anda mengemukakan soalan "mengapa" atau "sekitar" terhadap sesuatu, untuk mendapatkan jawapan yang tepat
 5. Anda dapat menerangkan dengan yakin tujuan anda dihidupkan oleh Allah



Rajah 4.1 Prototaip 2 Model Integriti Akademik berdasarkan penghayatan Rohani

Rumusan

Fasa ini keseluruhannya memaparkan dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan model integriti akademik berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Fasa ini menggunakan temu bual separa struktur terhadap 4 orang pakar di samping pendekatan kaedah Fuzzy Delphi dalam menentukan item-item yang diperlukan dalam model kajian ini. Fasa berikutnya akan menerangkan dapatan fasa penilaian berdasarkan pendekatan SEM-PLS (partial Least Square). Dapatan penilaian model akan diterangkan dalam sub topik yang berikutnya iaitu dapatan fasa penilaian model.

Fasa 3: Dapatan Fasa Penilaian Model

Secara dasarnya, fasa ini adalah untuk membuat penilaian terhadap prototaip model yang dibentuk dalam fasa sebelum ini, iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan. PLS-SEM (*Partial Least Square*) digunakan dalam fasa ini untuk menilai model dan menjawab persoalan kajian fasa dan juga hipotesis kajian. Seramai 480 mahasiswa terlibat dalam fasa ini. Data yang diperoleh daripada maklum balas soal selidik dianalisis dan dikemukakan keputusan analisisnya dalam bab enam ini. Data-data bahagian ini melaporkan keputusan analisis secara terperinci bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah diutarakan dalam bab 1 serta hipotesisnya dalam bab 2 kajian ini.

Umumnya fasa ini mengandungi dua fasa analisis iaitu fasa pertama analisis dapatan kajian rintis dan fasa kedua adalah analisis dapatan sebenar kajian. Fasa kajian rintis dijalankan untuk melihat keboleh percayaan dan kesahan soal selidik. Fasa kajian rintis dianalisis menggunakan SPSS versi 20 untuk melihat keboleh percayaan soal selidik, dan kesahan pula dianalisis menggunakan *Partial Least Square Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) versi 2.0 beta dalam menganalisis analisis faktor

kesahan CFA (*Confirmatory factor Analysis*) soal selidik. Fasa kedua analisis merupakan fasa analisis kajian sebenar menggunakan SPSS versi 20 untuk membuat analisis deskriptif dan PLS-SEM (*Partial Least square Structural Equation Modelling*) untuk melihat model pengukuran, model structural serta pengujian hipotesis kajian.

Oleh yang demikian, bab ini akan menjelaskan persoalan kajian berikut:

- i. Apakah terdapat hubungan yang positif di antara pemboleh ubah penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?

Instrumentasi. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab tiga, pembentukan item soal selidik rujuk (lampiran **SF3/1**) di hasilkan melalui tinjauan literatur dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan ketidak jujuran akademik dalam konteks mahasiswa pendidikan tinggi. Pembinaan item-item model dibina oleh pengkaji, dan mendapat persetujuan pakar seperti yang diterangkan dalam bab lima kajian melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Hasil analisis *Fuzzy Delphi* berdasarkan pandangan dan kesepakatan 12 orang pakar. Item-item soal selidik dibentuk seperti jadual 4.48

Jadual 4.47

Item-item soal selidik

Bil	Komponen item	Sub item	komponen	Rujukan	Bil item
1	Penghayatan Agama	Kepercayaan Amalan		Almarri, Ooi dan Al Adawi (2009) Short Muslim Practice and belief Scale (S-MPBS)	7 7
2	Kecerdasan Rohani	Pembinaan spiritual Pengertian hidup Nilai Diri		Salmiah Mohd Amin (2004)	5 5 6
3	Sikap individu			Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012) A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	5
5	Norma Subjektif			Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012) A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	7
6	Tahu kawal kelakuan			Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012) A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	6
7	Niat (Al-Qasd)			Stone, Jawahar dan Kisamore (2010) Yang dan Hsiao (2012) A.M.Imran dan M.S.Nordin (2013)	6

Seterusnya pengkaji melakukan pra uji (*pre testing*), seperti yang diterangkan dalam bab tiga kajian. Pengkaji melantik dua orang pensyarah bahasa Melayu IPGM untuk melihat aspek tatabahasa dan laras bahasa. Seterusnya pengkaji memberikan soal selidik kajian kepada empat orang mahasiswa untuk membaca soal selidik. Hasil maklum balas yang akan ditambah baik oleh pengkaji agar soalan yang akan digunakan nanti difahami dan mampu menilai aspek yang akan dikaji. Setelah soal selidik dan diperbaiki, set soalan akan diberikan kepada tiga orang pakar untuk

pengesahan kandungan (*content validity*). Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan soalan yang telah di perbaiki dan di tambah baik ini dalam kajian rintis sebenar terhadap 110 orang responden.

Kajian rintis instrumen kajian. Kajian rintis soal selidik kajian dijalankan pada 8 hingga 11 Mac 2016. Kajian ini melibatkan seramai 110 orang responden mahasiswa Islam Ijazah Sarjana Muda Perguruan daripada pelbagai bidang pengajian. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kejelasan soalan, sebarang kekeliruan yang wujud dan cadangan penambah baikan. Responden yang terlibat dalam kajian rintis diyakini dapat memberi input yang baik dan mampu memenuhi matlamat utama kajian rintis ini. Data-data yang dikumpulkan dalam kajian rintis ini dianalisis untuk melihat keboleh percayaan dan kesahan instrumen serta mengeluarkan item-item yang tidak berkaitan.

Keboleh percayaan. Kualiti sesebuah kajian bergantung kepada keboleh percayaan dan kesahan sesuatu alat ukur yang digunakan. Untuk membina keboleh percayaan dan kesahan pengukuran, kaedah kajian rintis (*pilot study*) perlu dijalankan oleh pengkaji. Kajian rintis dijalankan untuk menguji kelojikan dan memperbaiki kualiti item soal selidik (Ghazali dan Sufian, 2016). Oleh yang demikian, pengkaji melakukan ujian rintis terhadap 110 orang mahasiswa IPG (Ijazah Sarjana Muda Perguruan). Dapatan keboleh percayaan item soal selidik seperti jadual 54. Jadual menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* terhadap konstruk dan sub konstruk soal selidik (rujuk lampiran **DCA/F3**). Semua nilai keboleh percayaan melebihi nilai *threshold* 0.7 seperti yang disarankan Pallant (2005) dan Hair et al., (2010).

Jadual 4.48

Keboleh percayaan konstruk

Konstruk	Cronbachs Alpha (α)
Penghayatan Agama (kepercayaan)	.833
Penghayatan Agama (Amalan)	.774
Kecerdasan rohani (pembinaan spiritual)	.884
Kecerdasan rohani (pengertian hidup)	.907
Kecerdasan rohani (nilai diri)	.914
Sikap	.767
Norma subjektif	.816
Tahu kawal kelakuan	.909
Niat	.714

Kesahan konstruk. Selain menilai keboleh percayaan, setiap pengkaji perlu juga melihat kesahan konstruk kajian. Pengujian kesahan konstruk perlu dilakukan untuk mengetahui sama ada instrumen kajian yang bakal digunakan dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Sekaran dan Bougie, 2010). Dalam konteks pengujian model pengukuran, pengkaji ujian kesahan konstruk (CFA) perlu dijalankan. Kesahan konstruk merujuk kepada sejauh mana hasil yang didapati daripada penggunaan instrumen tertentu, menepati teori atau konsep yang digunakan serta dinilai melalui aspek kesahan menumpu (convergent validity) dan kesahan diskriminan (discriminant validity) (Sekaran dan Bougie, 2010; Hair et al., 2010). Hasil penilaian kesahan konstruk dijelaskan dalam Jadual 71. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 110 orang pelajar di IPGKTA untuk mengetahui nilai model pengukuran sahaja. Penilaian untuk model struktural akan dijalani ketika kajian sebenar. Dalam model pengukuran pengujian yang dijalankan adalah untuk mengetahui nilai individual item reliability, internal consistency reliability, analisis AVE (average variance extracted) dan kesahan

konstruk iaitu kesahan konvergen dan kesahan diskriminan (Boßow-Thies dan Albers, 2010).

Pengujian kesahan konstruk pula dijalankan melalui penilaian aspek kesahan menumpu (*convergent*) dan kesahan diskriminan (*discriminant*). Sesuatu boleh ubah dianggap mempunyai kesahan menumpu sekiranya tiga kriteria dipenuhi. Pertama semua individual item mesti melebihi 0.7, kedua nilai keboleh percayaan komposit tidak kurang daripada 0.7 dan yang ketiga nilai AVE mestilah melebihi 0.5 (Fornell dan Larcker, 1981). Manakala kesahan diskriminan dipenuhi sekiranya nilai *square root AVE* adalah melebihi nilai (0.5) korelasi boleh ubah laten (Fornell dan Larcker, 1981).

Berdasarkan jadual 4.50, dapatan menunjukkan keboleh percayaan komposit telah melebihi 0.70 iaitu merupakan tahap paling minimum (Nunally dan Bernstein, 1994) sekaligus mengesahkan instrumen kajian memenuhi kriteria *internal consistency*. Nilai AVE juga melebihi 0.5 dan kesemua item individu *loading* melebihi nilai yang telah ditetapkan iaitu 0.7 (Fornell dan Larcker, 1981). Ini menunjukkan bahawa instrumen kajian telah memenuhi kriteria kesahan konvergen. Namun demikian terdapat empat item dibuang kerana menunjukkan nilai individu (*loading*) kurang daripada 0.7. Kajian rintis menunjukkan nilai *square root AVE* (Jadual 6.4) adalah lebih besar daripada nilai korelasi antara boleh ubah laten. Sekaligus mengesahkan bahawa instrumen kajian memenuhi kriteria kesahan diskriminan.

Jadual 4.49
Kesahan menumpu kajian rintis

Pemboleh ubah	item	Loading	AVE	Komposit	C Alpha
Penghayatan agama (kepercayaan)	REL1	0.893	0.692	0.918	0.997
	REL2	0.888			
	REL3	0.720			
	REL4	0.776			
	REL5	0.870			
Penghayatan agama (amalan)	REL21	0.831	0.733	0.920	0.896
	REL22	0.870			
	REL23	0.905			
	REL24	0.898			
	REL25	0.770			
Kecerdasan rohani (pembinaan spiritual)	KRC11	0.893	0.692	0.918	0.887
	KRC12	0.888			
	KRC13	0.720			
	KRC14	0.776			
	KRC15	0.870			
Kecerdasan rohani (pengertian hidup)	KRC21	0.831	0.733	0.932	0.908
	KRC22	0.870			
	KRC23	0.905			
	KRC24	0.898			
	KRC25	0.770			
Kecerdasan rohani (nilai diri)	KRC31	0.833	0.702	0.934	0.915
	KRC32	0.860			
	KRC33	0.805			
	KRC34	0.890			
	KRC35	0.804			
Sikap	KRC36	0.831	0.671	0.890	0.840
	SIKP1	0.799			
	SIKP2	0.690			
	SIKP3	0.875			
	SIKP4	0.898			
Norma subjektif	NORM1	0.728	0.547	0.935	0.863
	NORM2	0.676			
	NORM3	0.725			
	NORM4	0.615			
	NORM5	0.798			
	NORM6	0.807			
	NORM7	0.808			

Tahu Kawal kelakuan	PBC1	0.833	0.689	0.930	0.909
	PBC2	0.824			
	PBC3	0.876			
	PBC4	0.794			
	PBC5	0.839			
	PBC6	0.809			
Niat	NIAT1	0.866	0.684	0.915	0.884
	NIAT2	0.882			
	NIAT3	0.789			
	NIAT5	0.769			
	NIAT6	0.824			

Jadual 4.50

Kesahan diskriminan kajian rintis (Fornell & Larker Criterion)


	KRC1	KRC2	KRC3	NORM	PBC	RELB1	RELB2	SIKP	NIAT
KRC1	0.832								
KRC2	0.733	0.856							
KRC3	0.828	0.657	0.837						
NORM	0.714	0.562	0.727	0.740					
PBC	0.769	0.724	0.755	0.7	0.830				
RELB1	-0.215	-0.109	-0.199	-0.377	-0.153	0.809			
RELB2	-0.046	-0.022	-0.045	-0.165	-0.038	0.486	0.644		
SIKP	-0.107	-0.15	-0.062	-0.23	-0.123	0.128	0.16	0.819	
NIAT	0.617	0.457	0.789	0.804	0.526	-0.369	-0.215	-0.196	0.902

KR= kecerdasan rohani; Niat = Niat; PA= Penghayatan Agama; SIKP= Sikap; NORM= norma subjektif; PBC= Tahu kawal kelakuan.

Penapisan Data

Fasa kedua analisis data adalah fasa analisis dapatan kajian sebenar bagi fasa penilaian model. Keputusan kajian adalah berdasarkan data yang diperolehi dan diproses daripada 480 responden. Data yang diperolehi ini akan menjawab persoalan kajian berkaitan seperti yang dijelaskan dalam bab yang sebelum ini. Namun demikian, sebelum proses analisis dijalankan, prosedur penyemakan dan pembersihan data seperti analisis kehilangan data, kes terpencil dan ujian kenormalan data perlu dijalankan terlebih dahulu agar penilaian dapat dijalankan dengan lebih tepat dan sesuai (Hair et al., 2010). Analisis kehilangan data, kes terpencil (*outliers*) dan kenormalan data dan lain-lain dikendalikan menggunakan perisian IBM SPSS versi 20.

Analisis kehilangan data (missing data). Aspek penting yang perlu dilakukan terlebih dahulu dalam menganalisis data kajian adalah analisis kehilangan data (Tabachnik dan Fidell, 2007). Pengkaji menggunakan kaedah manual menggunakan SPSS untuk menyemak kehilangan data kajian. Keputusan analisis kehilangan data dapat dilihat melalui kaedah missing data imputation seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.2 .



Rajah 4.2 Keputusan analisis kehilangan data

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 4.2, pengkaji mendapati tidak terdapat nilai data yang hilang. Oleh yang demikian, pengkaji tidak perlu menjalankan kaedah-kaedah lain untuk menyelesaikan masalah kehilangan data *missing data*.

Analisis data terpencil. Langkah penapisan data yang berikutnya adalah analisis data terpencil (outliers). Menurut Hair et al., (2010) pengesan data terpencil outliers boleh dilakukan dengan cara univariate dengan membaca boxplot dan prosedur explore. Manakala menurut field (2009), analisis data terpencil boleh di kesan dengan beberapa kaedah univariate seperti graf histogram, boxplot atau melalui kaedah z score. Manakala pengesan melalui kaedah multivariate boleh dilakukan dengan cara mahalanobis distance (D2) dan kaedah casewise diagnostic. Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah z-score (univariate) dan kaedah casewise diagnostic (multivariate).

Analisis untuk mengesan data terpencil (*univariate*) kaedah *z-score* (*standardise z-score*) (Hair et al., 2006). Nilai setiap pemboleh ubah ditukar dengan nilai *z* (*standardised z-score*) dan apabila nilai melebihi 3.29 seperti dicadangkan (Tabachnik dan Fidell, 2007) adalah dianggap sebagai data terpencil (**rujuk lampiran FPM/z-score**). Setelah ujian dijalankan, pengkaji tidak mendapati tiada masalah terpencil dalam bentuk *univariate* dicatatkan.

Selain itu, pengkaji melakukan ujian andaian *multivariate casewise diagnostic* bagi mengenalpasti data terpencil. Melalui ujian ini beberapa fasa dilakukan melibatkan pembuangan kes-kes terpencil untuk mendapatkan nilai R^2 yang lebih tinggi. Sebelum pembuangan dilakukan, nilai R^2 terlebih dahulu direkodkan. Nilai R^2 sebelum proses pembuangan direkodkan sebanyak 70 peratus seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.51.

Jadual 4.51

Nilai R² sebelum proses pembuangan data terpencil

Model Summary^b				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.837 ^a	.701	.696	.34099

a. Predictors: (Constant), PBC, KR1, REL1, REL2, NORM, KR3, SIKP, KR2

b. Dependent Variable: NIAT

Melalui kaedah *casewise diagnostic*, fasa pertama ujian menunjukkan terdapat 4 kes terpencil iaitu kes 103, 213, 323 dan 433. Jadual 74 menunjukkan selepas pembuangan kes terpencil tersebut dan didapati nilai R² meningkat kepada 72 peratus seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.52.

Jadual 4.52

Nilai R² selepas pembuangan data terpencil

Model Summary^b				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.850 ^a	.723	.719	.32546

a. Predictors: (Constant), PBC, KR1, REL1, REL2, NORM, KR3, SIKP, KR2

b. Dependent Variable: NIAT

Setelah selesai menjalankan 2 fasa analisis data terpencil, pengkaji membuat keputusan untuk membuang 4 kes data terpencil untuk menghasilkan nilai R² yang lebih tinggi. Oleh itu, analisis seterusnya bilangan sampel adalah sebanyak 476 orang. Kesimpulanya analisis data terpencil tidak dapat di kesan dengan menggunakan ujian *Univariate skor Z (Z-Score)*, namun pengkaji dapat mengesan kes data terpencil dengan menggunakan ujian *Multivariate Casewise Diagnostic*. Oleh yang demikian, ujian yang akan dijalankan seterusnya hanya berdasarkan jumlah 476 responden (kes) daripada 480 responden (kes).

Ujian andaian Multivariate. Aspek lain yang penting dilakukan adalah ujian andaian multivariat. Menurut Meyers, Gamst dan Guarino (2006) ujian andaian perlu dilakukan untuk memastikan ianya mempunyai kuasa penjelasan yang baik. Walaupun secara dasarnya PLS-SEM tidak memerlukan data bertabur secara normal (*multivariate normal distribution*) kerana ianya khusus untuk data yang tidak bertabur secara normal (Aibinu dan Al-Lawati,2014; Hair et al., 2014). Walau bagaimanapun, ujian normaliti perlu dijalankan untuk mengetahui sifat-sifat data yang dikaji. Antara ujian andaian multivariat adalah seperti berikut:

Ujian normaliti data. Ujian normaliti dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada terdapat pemboleh ubah penganggu atau *residual* mempunyai taburan normal. Ujian ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara iaitu secara visual atau statistik. Ujian secara visual boleh dilakukan dengan cara melihat kepada *boxplot* dan rajah histogram, manakala secara statistik adalah dengan cara melihat nilai *skewness* dan *kurtosis* ataupun ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk. Namun demikian, pengkaji menggunakan kaedah statistik *skewness* dan *kurtosis* serta ujian Kolmogorov Smirnov dan Shapiro-Wilk memandangkan ujian secara visual memerlukan penelitian secara terperinci , jika tidak ia akan membawa kepada salah tafsiran andaian. Ujian *skewness* dan *kurtosis* Kolmogorov Smirnov dan Shapiro Wilk seperti dalam gambarajah berikut:

Jadual 4.53

Keputusan ujian skewness dan kurtosis

Descriptive Statistics						
	N	Mean	Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
REL1	480	4.0317	-.066	.111	-.951	.222
REL2	480	3.9583	-.262	.111	-.534	.222
KR1	480	3.9738	-.466	.111	-.368	.222
KR2	480	3.9258	-.199	.111	-.409	.222
KR3	480	3.9663	-.259	.111	-.496	.222
SIKP	480	3.9927	-.093	.111	-.538	.222
NORM	480	2.8090	-.330	.111	-.755	.222
PBC	480	3.4330	.630	.111	-.955	.222
NIAT	480	2.0467	.173	.111	-.603	.222

Ujian kenormalan pertama dijalankan oleh pengkaji adalah ujian skewnes dan kurtosis.. Berdasarkan saranan Hair et al. (2014) nilai pemboleh ubah yang normal adalah apabila item-item kajian berada hampir kepada sisihan piawai kosong. Secara lebih spesifik sekiranya nilai kepencongan lebih daripada +1 atau lebih rendah dari -1, maka ia mempunyai masalah kepencongan. Bagi penilaian kurtosis, sekiranya nilai kurtosis lebih daripada +1 maka ia adalah terlalu memuncak (*too peak*), sebaliknya jika lebih rendah dari -1, maka ia terlalu mendatar (*too flat*). Walaupun terdapat beberapa item kajian yang tidak normal, tetapi ia masih sesuai untuk dianalisis kerana tidak termasuk dalam tahap ketidaknormalan melampau (*extremely non-normal*) (Hair et al., 2014) malah ia sangat sesuai dianalisis menggunakan pendekatan non-parametrik seperti PLS-SEM. Ujian seterusnya dijalankan oleh pengkaji adalah ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk.

Jadual 4.54

Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk

	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
REL1	.114	480	.000	.954	480	.000
REL2	.089	480	.000	.970	480	.000
KR1	.102	480	.000	.964	480	.000
KR2	.109	480	.000	.974	480	.000
KR3	.097	480	.000	.974	480	.000
SIKP	.124	480	.000	.957	480	.000
NORM	.081	480	.000	.950	480	.000
PBC	.169	480	.000	.870	480	.000

Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk dijalankan berdasarkan hipotesis berikut:

H^0 : Data residual bertaburan secara normal

H^A : Data residual bertaburan secara tidak normal

Jika nilai probabiliti > 0.05 maka H_0 akan ditolak, dan jika nilai probabiliti < 0.05 maka H_0 ditolak dan H^A di terima. Berdasarkan jadual 75, keputusan ujian menunjukkan bahawa kesemua nilai probabiliti adalah < 0.05 . Maka H^0 adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa data bertaburan secara tidak normal, maka analisis menggunakan PLS SEM adalah bersesuaian.

Ujian Multikolineariti. Ujian multikolineariti dijalankan untuk menentukan sama ada boleh ubah bebas kajian bertindan (redundant) antara satu sama lain. Ianya juga dilihat apabila berlaku korelasi antara sesama boleh ubah bebas secara lebih tinggi (Field, 2009). Terdapat beberapa ujian yang boleh dilakukan iaitu Variance Inflation Factor (VIF) dan Tolerance. Masalah multikolineariti wujud apabila nilai bacaan VIF melebihi nilai 10 (Field, 2009). Manakala nilai tolerance pula adalah 0 hingga 1. Kehadiran multikolineariti dapat dikesan jika bacaan *tolerance* bersamaan 1 atau kurang (Field, 2009; Meyers et al., 2006). Analisis multikolineariti seperti dalam jadual 4.55:

Jadual 4.55


Analisis multikolineariti

Model	Coefficients ^a	
	Tolerance	VIF
REL1	.932	1.073
REL2	.955	1.048
KR1	.996	1.004
KR2	.227	4.397
KR3	.251	3.983
SIKP	.354	2.827
NORM	.874	1.144
PBC	.517	1.935

a. Dependent Variable: NIAT

Berdasarkan jadual 4.55, kesemua nilai VIF berada kurang daripada nilai 10 dan nilai *tolerance* pula berada pada nilai kurang daripada 1. Maka ini menunjukkan data kajian bebas daripada masalah multikolineariti.

Ujian homoskedastisiti. Selain ujian diatas, ujian multivariat lain yang perlu di uji adalah ujian homoskedastisiti. Homoskedastisiti ialah ujian untuk mengenal pasti sama ada residual variance berada dalam keadaan stabil dalam membuat andaian (Field, 2009). Ujian ini dipenuhi jika graf plot menunjukkan titik berterabur secara rawak (random array dot) maka ianya memenuhi andaian homoskedastisiti, dan jika ianya berbentuk corong (funnel out) maka ianya dikenalpasti wujudnya masalah heteroskedastisiti. Rajah 4.3, menunjukkan andaian homoskedastisiti dengan titik berterabur secara rawak dan ianya memenuhi andaian homoskedastisiti.



Rajah 4.3 Rajah homoskedatisiti (standardised predicted value).

Common Method Bias (Harman Single Factor Test). Common method bias merujuk kepada bias yang berlaku dalam kaedah pengukuran (measurement method). Antara pendekatan statistik yang digunakan adalah Harman single-factor test untuk mengesan sama ada varians kajian tertumpu kepada faktor tertentu sahaja. Sekiranya terdapat satu faktor menjelaskan majoriti daripada varians data kajian (melalui teknik faktor analisis), maka data kajian tersebut dianggap mempunyai masalah common method bias (Lin, Fan dan Chau, 2014). MacKenzie dan Podsakoff (2012) pula menyarankan supaya para penyelidik menerangkan kepada responden tentang betapa pentingnya tinjauan tersebut dibuat dan tinjauan tersebut bakal memberikan impak positif kepada organisasi tempat responden bekerja sekiranya mereka menjawabnya dengan tepat. Kaedah Harman single-factor test dapat dilaksanakan melalui ujian faktor analisis tanpa putaran (factor analysis without rotation). Penyelidik mendapati bahawa faktor pertama (first factor) menjelaskan sebanyak 31.95% daripada jumlah

keseluruhan varians (total variance) iaitu sebanyak 77.80%. sekaligus membuktikan ia kurang daripada 50% (Chen dan Chengalur-Smith, 2015). Penyelidik merumuskan bahawa berdasarkan ujian Harman single-factor test masalah common method bias juga tidak wujud. Rujuk (Jadual 4.56)

Jadual 4.56

Harman Single factor Test

Component	Initial Eigenvalues			Extraction Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	15.413	32.110	32.110	15.413	32.110	32.110
2	4.223	8.798	40.908			
3	3.998	8.329	49.237			
4	2.494	5.195	54.433			
5	2.148	4.475	58.908			
6	1.773	3.694	62.602			
7	1.639	3.415	66.017			
8	1.375	2.864	68.882			
9	1.319	2.747	71.629			
10	1.140	2.376	74.005			
11	1.021	2.127	76.131			
12	.980	2.042	78.174			
13	.923	1.923	80.097			
14	.881	1.834	81.931			
15	.743	1.547	83.478			
16	.734	1.530	85.008			
17	.645	1.344	86.352			
18	.569	1.186	87.539			
19	.531	1.106	88.645			
20	.471	.981	89.625			
21	.447	.931	90.556			
22	.422	.880	91.436			

23	.381	.793	92.229			
24	.356	.743	92.972			
25	.326	.680	93.652			
26	.293	.609	94.261			
27	.277	.577	94.839			
28	.251	.523	95.361			
29	.239	.498	95.860			
30	.228	.475	96.335			
31	.213	.444	96.779			
32	.184	.383	97.162			
33	.169	.351	97.513			
34	.162	.337	97.850			
35	.142	.295	98.145			
36	.135	.281	98.426			
37	.127	.265	98.692			
38	.109	.228	98.920			
39	.098	.205	99.125			
40	.088	.184	99.309			
41	.071	.148	99.457			
42	.056	.116	99.573			
43	.050	.103	99.676			
44	.039	.080	99.757			
45	.037	.077	99.833			
46	.032	.067	99.901			
47	.028	.058	99.959			
48	.020	.041	100.000			

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Statistik Deskriptif

Analisis data deskriptif dalam kajian ini bertujuan untuk memperoleh maklumat dan gambaran terhadap maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian. Maklumat demografi dalam kajian ini meliputi jantina, CGPA dan tahun pengajian responden. Taburan jadual responden adalah seperti jadual 6.10.

Jadual 4.57

Maklumat demografi responden

Jantina	kekerapan	peratus
lelaki	158	32.9
perempuan	322	67.1
CGPA		
2.1-2.5	8	1.7
2.6-3.0	140	29.2
3.1-3.5	212	44.2
3.6-4.0	120	25.0
Tahun Pengajian		
tahun2	52	10.8
tahun3	281	58.5
tahun4	147	30.6
Total	480	100.0

Berdasarkan jadual 4.57, taburan data menunjukkan sebanyak 158 responden (32.9 %) adalah lelaki, manakala seramai 322 responden (67.1 %) responden adalah perempuan. Sementara itu, maklumat CGPA responden pula menunjukkan julat CGPA diantara 2.1 hingga 2.5 berjumlah 8 orang (1.7%), 2.6 hingga 3.0 berjumlah 140 orang (29.2%), 3.1 hingga 3.5 berjumlah 212 orang (44.2%) dan julat antara 3.6 hingga 4.0 seramai 120 orang (25%). Maklumat demografi berkaitan tahun pengajian pula adalah seramai 52 orang (11%) merupakan daripada tahun 2 pengajian, seramai 281 orang (59%) daripada tahun 3 pengajian dan seramai 147 responden daripada tahun 4 pengajian.

Seterusnya, analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) setiap konstruk berdasarkan nilai interpretasi min berikut:

Jadual 4.58

Jadual interpretasi min

Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber : (Nunnally, 1994)

Pengukuran pemboleh ubah bersandar dan bebas dibuat menggunakan skala likert 5 mata. Nilai skor purata bagi nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk adalah seperti dalam jadual 4.59 berikut:

Jadual 4.59

Analisis nilai purata min dan sisihan piawai setiap konstruk

Konstruk	Min	Sisihan piawai
Penghayatan Agama (kepercayaan)	3.23	.923
Penghayatan Agama (amalan)	3.47	.845
Kecerdasan Rohani (pembinaan spiritual)	3.93	.756
Kecerdasan Rohani (pengertian hidup)	2.97	1.186
Kecerdasan Rohani (nilai diri)	2.97	1.218
Sikap	3.14	.575
Norma Subjektif	3.30	1.338
Tahu Kawal Kelakuan	3.43	1.244
Niat	2.73	.444

Jadual 4.59 menunjukkan nilai purata setiap konstruk (rujuk lampiran H). Secara keseluruhannya, purata skor nilai min konstruk penghayatan agama (kepercayaan) berada pada tahap sederhana tinggi iaitu nilai min 3.23 dan sisihan piawai .923. Nilai min penghayatan agama (amalan) pula dengan nilai sederhana tinggi iaitu dengan skor min 3.47 dan sisihan piawai .845. Manakala konstruk kecerdasan rohani (pembinaan spiritual) mencatat skor min tertinggi iaitu (sederhana tinggi) dengan nilai skor min 3.93 dan sisihan piawai .756. Terdapat tiga konstruk berada pada tahap sederhana rendah iaitu konstruk kecerdasan rohani (pengertian hidup)

dengan nilai skor min 2,97 dan sisihan piaawai 1.186, diikuti oleh konstruk kecerdsan rohani (nilai diri) dengan nilai skor min 2.97 dan sisihan piaawai 1.218 dan konstruk terakhir berada pada tahap sederhana rendah adalah konstruk niat dengan nilai skor min 2.73 dan sisihan piaawai .444. Konstruk sikap berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.14 dan sisihan piaawai .575, diikuti dengan konstruk norma subjektif dengan nilai skor min 3.30 dan sisihan piaawai 1.338 dan berikutnya konstruk tahu kawal kelakuan iaitu dengan catatan nilai skor min sebanyak 3.43 dan sisihan piaawai sebanyak 1.244.

Statistik Inferensi

Bahagian ini akan membincangkan statistik inferensi untuk menjawab persoalan kajian fasa ketiga ini. Statistik inferensi digunakan untuk menjawab dan menghuraikan perhubungan antara konstruk kajian. Secara spesifiknya, kajian ini mempunyai lima objektif utama. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah Penghayatan agama (kepercayaan dan amalan) dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Objektif kedua adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah kecerdasan rohani (pembinaan spiritual, pengertian hidup, nilai diri) dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Objektif ketiga adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah sikap dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Objektif keempat adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah norma subjektif dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dan objektif kelima adalah untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah tahu kawal kelakuan dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Berasaskan kepada objektif kajian seperti yang digariskan penyelidik dalam bab satu dan hipotesis kajian yang dibentuk seperti yang diterangkan dalam bab dua kajian, pengkaji akan membentuk penganalisisan data yang betul dengan menggunakan pendekatan PLS SEM seperti yang disarankan Hair et al., (2014), Chin et al., (1988) Henseler et al., (2010) dan Henseler, Ringle dan Sarstedt (2015). Antara perkara yang perlu dilaporkan adalah melaporkan keputusan model pengukuran (*measurement model*) dan model struktural (*structural model*).

Model pengukuran. Seperti yang disarankan oleh Henseler et al., (2010), Chin et al., (1998) bahawa aspek yang perlu dilaporkan dalam pengujian PLS adalah model pengukuran dan model struktural. Sehubungan dengan itu, bahagian ini pengkaji akan menerangkan terlebih dahulu analisis model pengukuran (*measurement model*). Pengujian model pengukuran adalah langkah pertama dalam analisis yang menggunakan pendekatan PLS-Path Modeling. Model pengukuran dijalankan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana item-item kajian mengukur apa yang sepatutnya diukur, ketepatannya dalam mewakili sesuatu konstruk dan seterusnya memenuhi piawaian kesahan dan keboleh percayaan. Menurut (Straub, Bourdeau dan Gefen, 2004; Chin, 1998; Hair et al., 2014) pengujian model pengukuran adalah prosuder yang perlu dilalui dalam satu-satu kajian. Pengujian model pengukuran melibatkan kesahan dalaman (*internal consistency*), ketekalan indikator (*indicator reliability*) kesahan konstruk (*construct validity*) yang melibatkan kesahan menumpu (*convergent*) dan kesahan diskriminan (*discriminant validity*).

Kesahan dalaman. Kesahan dalaman sesuatu alat ukur amat penting dan perlu dilihat dengan teliti. Aspek kesahan dalaman dapat dilihat dengan cara cronbachs Alpha (Urbach, Smolnik dan Riempp, 2010). Melalui kaedah ini, pengkaji mampu untuk melihat nilai alpha yang tinggi menandakan bahawa item-item dalam konstruk

tertentu mempunyai maksud dan nilai yang sama dalam menerangkan sesuatu konstruk. Merujuk kepada jadual 6.4 di bawah, keseluruhan nilai cronbachs alpha adalah lebih dari 0.6 sebagaimana yang dicadangkan oleh Nunnally & Berstein (1994). Selain itu, aspek kesahan dalaman lain yang perlu dilihat juga adalah kesahan komposit (composite reliability) seperti yang dicadangkan (Chin, 1998; Hulland, 1999; Hair et al., 2014). Menurut Chin (1998), penggunaan Composite Reliability dilakukan sebagai langkah untuk mengatasi beberapa kekurangan dalam pengukuran yang menggunakan Cronbachs Alpha. Nilai kesahan komposit hendaklah melebihi 0.70 seperti yang disarankan (Nunnally, 1994; Chin, 1998). Berdasarkan jadual 6.13, semua nilai keboleh percayaan Cronbachs Alpha dan komposit melebihi nilai threshold yang ditetapkan.

Jadual 4.60

Keboleh percayaan Alpha Cronbachs dan Komposit.

Konstruk	Alpha Cronbachs	keboleh percayaan komposit (composite)
Penghayatan Agama (kepercayaan)	0.711	0.841
Penghayatan Agama (amalan)	0.897	0.928
Kecerdasan Rohani (pembinaan spiritual)	0.863	0.907
Kecerdasan Rohani (pengertian hidup)	0.765	0.841
Kecerdasan Rohani (nilai diri)	0.795	0.860
Sikap	0.862	0.905
Norma Subjektif	0.701	0.819
Tahu Kawal Kelakuan	0.837	0.881
Niat	0.799	0.871

Kesahan konstruk. Bahagian ini, pengkaji akan menerangkan kesahan konstruk (construct validity). Kesahan konstruk boleh diuji melalui dua kaedah iaitu

kesahan menumpu (*convergent validity*) dan kesahan diskiriminan (*discriminant validity*) seperti yang disarankan oleh (Chin, 1998; Hair et al., 2014).

Pengujian kesahan konstruk perlu dijalankan melalui penilaian aspek kesahan menumpu (*convergent*) dan kesahan diskriminan (*discriminant*). Sesuatu boleh ubah dianggap mempunyai kesahan menumpu sekiranya tiga kriteria dipenuhi, pertama semua individual item mesti melebihi 0.7. Kedua nilai keboleh percayaan komposit tidak kurang daripada 0.7 dan yang ketiga nilai AVE mestilah melebihi 0.5 (Fornell dan Larcker, 1981). Manakala kesahan diskriminan dipenuhi sekiranya nilai *square root AVE* adalah melebihi nilai korelasi boleh ubah laten, muat silang (*cross loading*) (Fornell dan Larcker, 1981) dan juga ujian *Heterotrait Monotrait* (HTMT) (Henseler et al., 2015).

Berdasarkan jadual 4.62, pengkaji menggunakan kaedah *repeated indicator* untuk melihat nilai konvergen konstruk. Kaedah ini akan menguji struktur *first order construct* yang mengandungi dua lapis konstruk. Ini bermakna, item di lapis pertama (*first order*) akan diulang pada lapisan kedua (*second order*). Perlu diingat bahawa *first order construct* yang mempunyai pengukuran reflektif, dianggap mempunyai fungsi dalam konstruk laten (Hair, Ringle dan Sartedt, 2011). Dapatan menunjukkan nilai komposit melebihi 0.7, nilai AVE melebihi 0.5 dan nilai *loading* melebihi 0.7.

Berdasarkan jadual 6.13, dapatan menunjukkan keboleh percayaan komposit telah melebihi 0.70 iaitu merupakan tahap paling minimum (Nunally dan Bernstein, 1994) sekaligus mengesahkan instrumen kajian memenuhi kriteria *internal consistency*. Nilai AVE juga melebihi 0.5 dan kesemua item individu *loading* melebihi nilai yang telah ditetapkan iaitu 0.7 (Fornell dan Larcker, 1981) Ini menunjukkan bahawa instrumen kajian telah memenuhi kriteria kesahan konvergen. Namun demikian terdapat 7 item dibuang kerana menunjukkan nilai individu (*loading*) yang

rendah dan menjelaskan aspek pengukuran yang lain. Kajian menunjukkan nilai *square root AVE* (Jadual 4.63) adalah lebih besar daripada nilai korelasi antara pemboleh ubah laten. Sekaligus mengesahkan bahawa intrumen kajian memenuhi kriteria kesahan diskriminan. begitu juga dengan nilai muat silang (*cross loading*) dalam jadual 4.64. Kaedah ini dijalankan dengan mengkolerasikan item konstruk dengan konstruk yang lain, (Chin, 1998). Nilai *loading* item perlu lebih tinggi untuk konstruk yang diwakilinya sahaja dan rendah untuk konstruk yang lain.

Jadual 4.61

Kesahan menumpu (convergent) penghayatan agama

Pemboleh ubah	item	Loading	AVE	Composite
Penghayatan agama	PAK1	0.962	0.631	0.744
	PAK2	0.984		
Kecerdasan Rohani	KRC1	0.843	0.751	0.900
	KRC2	0.866		
	KRC3	0.870		
Sikap	Sikp1	0.804	0.704	0.905
	Sikp2	0.886		
	Sikp3	0.903		
	Sikp4	0.756		
Norma subjektif	NORM1	0.546	0.538	0.819
	NORM4	0.707		
	NORM5	0.801		
	NORM6	0.843		
Tahu Kawal kelakuan	PBC1	0.689	0.538	0.819
	PBC2	0.707		
	PBC3	0.679		
	PBC4	0.790		
	PBC5	0.810		
	PBC6	0.774		
Niat	NIAT1	0.878	0.636	0.871
	NIAT2	0.869		
	NIAT3	0.855		
	NIAT5	0.535		

Jadual 4.62

Kesahan diskriminan (Fornel & Larker criterion)

	KR1	KR2	KR3	NIAT	NORM	PBC	REL1	REL2	SIKP
KR1	0.842								
KR2	0.629	0.718							
KR3	0.569	0.680	0.745						
NIAT	-0.389	-0.535	-0.565	0.797					
NORM	0.271	0.206	0.175	-0.199	0.733				
PBC	0.731	0.662	0.563	-0.607	0.307	0.743			
REL1	0.364	0.429	0.495	-0.751	0.165	0.509	0.809		
REL2	0.421	0.489	0.56	-0.767	0.167	0.549	0.858	0.874	
SIKP	0.293	0.391	0.393	-0.643	0.103	0.466	0.611	0.688	0.839

Jadual 4.63

Kesahan diskriminan muatan silang (cross loading)

	KR1	KR2	KR3	NIAT	NORM	PBC	REL1	REL2	SIKP
KR11	0.840	0.572	0.46	-0.379	0.287	0.762	0.371	0.397	0.287
KR12	0.877	0.475	0.473	-0.276	0.171	0.526	0.237	0.308	0.2
KR14	0.793	0.597	0.464	-0.311	0.291	0.64	0.295	0.334	0.244
KR15	0.857	0.471	0.519	-0.342	0.163	0.526	0.309	0.378	0.256
KR21	0.591	0.723	0.503	-0.467	0.243	0.71	0.399	0.414	0.329
KR22	0.361	0.734	0.477	-0.359	0.049	0.281	0.249	0.342	0.262
KR23	0.415	0.672	0.413	-0.371	0.184	0.509	0.365	0.345	0.269
KR24	0.514	0.737	0.499	-0.359	0.183	0.534	0.267	0.299	0.271
KR25	0.348	0.720	0.542	-0.356	0.065	0.304	0.256	0.352	0.266
KR31	0.521	0.562	0.780	-0.352	0.139	0.419	0.279	0.363	0.276
KR32	0.389	0.422	0.792	-0.361	0.104	0.296	0.331	0.38	0.269
KR33	0.375	0.553	0.826	-0.436	0.083	0.382	0.311	0.394	0.302
KR34	0.279	0.435	0.668	-0.575	0.127	0.292	0.681	0.654	0.334
KR36	0.519	0.535	0.638	-0.406	0.196	0.681	0.303	0.339	0.29
NIAT1	-0.258	-0.381	-0.491	0.878	-0.148	-0.424	-0.759	-0.721	-0.512
NIAT2	-0.286	-0.397	-0.470	0.869	-0.146	-0.478	-0.604	-0.668	-0.571
NIAT3	-0.476	-0.593	-0.553	0.855	-0.207	-0.629	-0.622	-0.678	-0.573
NIAT5	-0.178	-0.309	-0.210	0.535	-0.129	-0.399	-0.339	-0.276	-0.376
NORM1	0.153	0.142	0.131	-0.129	0.546	0.186	0	0.137	0.161
NORM4	0.208	0.161	0.133	-0.127	0.707	0.236	0.107	0.138	0.111
NORM5	0.185	0.139	0.091	-0.161	0.801	0.224	0.109	0.096	0.002
NORM6	0.245	0.164	0.161	-0.161	0.843	0.251	0.146	0.126	0.054

PBC1	0.364	0.473	0.556	-0.489	0.150	0.689	0.347	0.372	0.346
PBC2	0.333	0.392	0.405	-0.343	0.174	0.707	0.258	0.291	0.288
PBC3	0.448	0.597	0.318	-0.473	0.206	0.679	0.347	0.415	0.392
PBC4	0.723	0.489	0.424	-0.502	0.315	0.790	0.508	0.503	0.366
PBC5	0.789	0.535	0.418	-0.436	0.293	0.810	0.43	0.448	0.341
PBC6	0.549	0.429	0.371	-0.419	0.212	0.774	0.336	0.377	0.323
REL11	0.353	0.381	0.478	-0.689	0.175	0.446	0.937	0.831	0.485
REL12	0.185	0.307	0.219	-0.375	0.09	0.410	0.474	0.351	0.326
REL14	-0.036	-0.065	-0.064	-0.014	0.049	0.009	0.894	-0.012	0.017
REL15	0.313	0.372	0.451	-0.701	0.129	0.427	0.927	0.878	0.637
REL21	0.367	0.434	0.523	-0.756	0.156	0.484	0.921	0.901	0.631
REL22	0.325	0.36	0.428	-0.621	0.109	0.454	0.697	0.859	0.593
REL23	0.413	0.506	0.464	-0.62	0.13	0.543	0.644	0.818	0.64
REL26	0.374	0.418	0.535	-0.676	0.184	0.451	0.853	0.916	0.552
SIKP1	0.204	0.25	0.314	-0.402	0.06	0.294	0.566	0.645	0.804
SIKP2	0.198	0.311	0.348	-0.654	0.086	0.389	0.551	0.620	0.886
SIKP3	0.335	0.439	0.415	-0.634	0.104	0.474	0.542	0.626	0.903
SIKP4	0.245	0.279	0.198	-0.373	0.093	0.39	0.381	0.393	0.756


Model structural. Langkah seterusnya yang perlu dijalankan oleh pengkaji adalah menilai model struktural. Penilaian model struktural perlu dinilai sekaligus dengan pengujian hipotesis kajian. Model struktural mengandungi anak panah (directed point) yang memberi erti hubungan antara satu konstruk dengan konstruk yang lain (hipotesized relationship) dengan mengandungi nilai Beta (β) untuk pengujian hipotesis dan nilai R² (R square). Nilai kekuatan hubungan antara konstruk digambarkan melalui nilai Beta (β) manakala nilai sumbangannya kesemua boleh ubah dilihat melalui nilai R square (R²). Menurut Chin (1998), nilai R² = 0.67 adalah kuat, 0.03 sederhana, 0.19 adalah lemah.

Jadual 4.64

Predictive Power (Chin, 1988)

Nilai R ²	Peringkat
> 0.67	Tinggi
> 0.33	Sederhana
> 0.19	Lemah

Kajian ini secara spesifiknya menetapkan 500 jumlah *re-sampling* (*bootstrapping*). Model kajian ini mempunyai nilai *predictive power* yang kuat iaitu R² = 0.673 untuk boleh ubah niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Ini bermaksud nilai R² menyarankan 67.3 peratus *varians* dapat dijelaskan oleh konstruk-konstruk bebas terhadap konstruk bersandar kajian.



Rajah 4.4 Model Pengukuran (Outer Mode) 1

Ketepatan Peramalan (Q2). Selain merujuk nilai R², teknik penggunaan semula data (predictive sample Reuse) yang dibangunkan (Stone , 1974 ; Geisser, 1975) boleh digunakan untuk menilai ketepatan peramalan (Q2). Melalui perisian PLS 2.0, pengkaji menggunakan kaedah blindfolding untuk mendapatkan nilai ketepatan peramalan. Analisis blindfolding menunjukkan nilai Q₂ = 0.423 yang memenuhi kriteria Q₂ > 0 (Hair dan rakan rakan, 2010; Henseler et al., 2009). Nilai ini membuktikan model mempunyai keupayaan meramal.

Penentuan Kesan Saiz (Effect Size F²). Aspek lain yang perlu dilihat adalah kesan saiz f^2 . Impak sesebuah pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah yang lain dapat dilihat dengan kesan saiz (*effect size F²*). Kesan saiz dapat dilihat berdasarkan 3 nilai iaitu kecil, sederhana dan besar (Chin, 1998; Cohen, 1988). Kesan saiz boleh di kira berdasarkan formula berikut :

$$f^2 = \frac{R^2 \text{ Included} - R^2 \text{ excluded}}{1 - R^2 \text{ included}}$$

Jadual 4.65

Effect Size (f²) (Chin, 1988; Cohen, 1988)

Nilai f ²	Peringkat
0.020 – 0.150	Kecil
0.150 – 0.350	Sederhana
0.350 keatas	Besar

Hasil analisis menunjukkan pemboleh ubah penghayatan agama mempunyai kesan yang sederhana $f^2 = 0.3364$, Kecerdasan rohani mempunyai kesan yang *kecil f² = 0.0489*, Sikap mempunyai kesan kecil $f^2 = 0.0459$, Norma subjektif mempunyai

kesan yang kecil $f^2 = 0.0.0153$ dan tahu kawal kelakuan juga mempunyai kesan yang kecil iaitu $f^2 = 0.0153$

Pengujian Hipotesis. Seterusnya pengkaji akan menguji hipotesis yang telah dibentuk, seperti yang telah diterangkan dalam bab 2 kajian. Secara dasarnya, kajian ini mempunyai 5 hipotesis. Semua hipotesis ini dapat dilihat melalui rajah 4.3, 4.4 dan jadual 4.67.

Hipotesis 1 meramalkan hubungan antara pemboleh ubah penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Analisis mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik (N) ($\beta=-0.517$, $t=9.036$, $p=0.000$). Dapatkan ini menyokong hipotesis pertama. Hipotesis kedua pula iaitu hubungan antara Kecerdasan Rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara kecerdasan rohani dengan niat dengan nilai ($\beta=-0.078$, $t=1.768$, $p=0.078$). Hipotesis ketiga pula, adalah diantara hubungan diantara sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Analisis mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($\beta=-0.178$; $t=2.692$, $p=0.007$). Walau bagaimanapun hipotesis keempat iaitu hubungan antara norma subjektif dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik didapati tidak signifikan ($\beta=-0.019$, $t=0.707$, $p=0.480$). Oleh yang demikian, dapatkan ini tidak menyokong hipotesis keempat kajian. Hipotesis kelima pula adalah hubungan diantara pemboleh ubah tahu kawal kelakuan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Analisis mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara tahu kawal kelakuan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($\beta=-0.176$, $t=3.976$, $p=0.000$). Rumusannya, kesemua dapatkan menyokong hipotesis yang dibentuk kecuali hubungan diantara norma subjektif dengan niat

melakukan ketidak jujuran akademik. Analisis juga mendapati bahawa faktor penghayatan agama memainkan peranan yang paling kuat dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia.


Jadual 4.66

Jadual keputusan pengujian hipotesis

Hipotesis	Standardized Beta (β)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics	P Values	Keputusan
KR -> NIAT	-0.078	0.044	1.768	0.078*	Terima
NORM -> NIAT	-0.019	0.026	0.707	0.480 0.000*	Tidak
PBC -> NIAT	-0.176	0.044	3.976	** 0.000*	Terima
REL -> NIAT	-0.517	0.057	9.036	** 0.007*	Terima
SIKP -> NIAT	-0.178	0.066	2.692	**	Terima

Nilai P: *signifikan pada $p < 0.05$; **signifikan pada $p < 0.01$; ***signifikan pada $p < 0.001$

Petunjuk: KR = *Kecerdasan Rohani* NORM= *Norma subjektif* PBC= *Tahu kawal kelakuan* REL= *Penghayatan agama* SIKP= *sikap*



Rajah 4.5 Model struktural (*inner model*)

Rumusan Model Kajian.


Bahagian ini secara khususnya akan menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara pemboleh ubah penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, Norma subjektif dan tahu kawal kelakuan terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?

Berdasarkan rajah 4.5, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara pemboleh ubah penghayatan agama dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Faktor penghayatan agama (kepercayaan dan amalan) didapati signifikan pada nilai ($t = 9.036$, $\beta = -0.517$). Ini menunjukkan faktor keagamaan memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Manakala rajah 4.6 pula menunjukkan hubungan antara faktor kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Berdasarkan rajah 4.7, dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara pemboleh ubah kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($t = 1.768$, $\beta = -0.078$). Ini jelas menunjukkan kecerdasan rohani memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat untuk bertingkah laku dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Seterusnya, rajah 4.8 menunjukkan hubungan di antara faktor sikap individu dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatan menujukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini pada nilai ($t = 2.692$, $\beta = -0.178$). Ini menujukkan terdapat peranan yang penting dimainkan oleh pemboleh ubah


sikap terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa. Rajah 4.9 pula menunjukkan hubungan di antara faktor norma subjektif (pengaruh luaran) dengan niat dalam melakukan ketidakjujuran akademik. Dapatkan menunjukkan hubungan di antara norma subjektif dengan niat adalah tidak signifikan iaitu pada nilai ($t = 0.707$, $\beta = -0.019$). Manakala rajah 4.10 pula menunjukkan hasil dapatan hubungan di antara faktor tahu kawal kelakuan dengan niat dalam melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan menunjukkan terdapat hubungan signifikan negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini dengan nilai ($t = 3.976$, $\beta = -0.176$). Ini juga menunjukkan bahawa faktor tahu kawal kelakuan memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat untuk bertingkah laku dalam kalangan mahasiswa khususnya dalam konteks di Malaysia. Analisis juga mendapati bahawa faktor penghayatan agama individu memainkan peranan yang paling kuat dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Perincian mengenai hubungan antara pemboleh ubah ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab yang seterusnya iaitu bab kelima kajian.

Model 1 : Penghayatan agama




Rajah 4.6 Penghayatan agama dengan niat melakukan ketidakjujuran akademik

Model 2: Kecerdasan rohani




Rajah 4.7 Kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidakjujuran akademik

Model 3 : Sikap




Rajah 4.8 Sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik

Model 4: Norma subjektif




Rajah 4.9 Norma subjektif dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik

Model 5 : Tahu kawal kelakuan



Rajah 4.10 Tahu kawal kelakuan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik




Rajah 4.11 Ringkasan model struktural

Rumusan fasa

Secara keseluruhannya, bahagian ini menerangkan dapatan kajian dan menjawab persoalan serta hipotesis kajian. Data deskriptif kajian dijawab dengan menggunakan IBM SPSS ver 20, manakala analisis inferensial (model pengujian dan

model struktural) dijawab dengan menggunakan perisian Smart PLS ver 2.0 beta. Dengan menggunakan pakej statistik (IBM SPSS) 20 dan pendekatan *Smart PLS path analysis* data-data berkaitan dengan demografi responden termasuk data setiap pemboleh ubah kajian serta pengesahan terhadap analisis faktor (*confirmatory factor analysis*) telah dilakukan. Berdasarkan data pemerihalan tersebut keputusan terhadap kecenderungan aspek-aspek keagamaan dan kecerdasan rohani sebagai medium agama dalam menentukan niat bertingkah laku responden dapat diketahui. Selain pengesahan terhadap model pengukuran, bab ini juga telah mengemukakan model stuktural atau *inner model* yang secara umum pengujian terhadap hipotesis dapat diketahui. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa model yang dibangunkan dapat menjelaskan fenomena ketidak jujuran akademik dalam konteks mahasiswa dengan baik dengan mencatatkan nilai $R^2=0.673$ serta memenuhi kriteria keboleh ramalan dan kesahan. Perbincangan tentang dapatan keseluruhan setiap fasa, implikasi dan cadangan lanjutan akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.



Rajah 4.12 Model akhir model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani

Bab 5 Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan

Pendahuluan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian seperti yang telah dilaporkan dan di ulas secara spesifik dalam bab empat kajian ini. Perbincangan ini meliputi beberapa sub topik penting iaitu ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan. Bahagian ringkasan kajian akan membicarakan keseluruhan proses kajian yang telah dijalankan. Seterusnya bahagian perbincangan dapatan kajian pula akan membicarakan tentang dapatan kajian fasa analisis keperluan, fasa kedua fasa reka bentuk dan pembangunan model dan bab terakhir dapatan iaitu fasa penilaian model. Selanjutnya, perbincangan tentang implikasi kajian terhadap teori, terhadap polisi dan implikasi terhadap amalan akan juga dibincangkan dalam bab ini. Bahagian terakhir bab akan membicarakan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan dan diaplikasikan oleh penyelidik yang akan datang.

Ringkasan Kajian

Kajian ini secara spesifiknya berpaksi kepada permasalahan yang berkaitan dengan ketidak jujuran akademik (*academic dishonesty*) yang semakin banyak berlaku dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Kajian seperti ini telah banyak diteroka di negara barat dan sejumlah kecil di jalankan di Malaysia, namun ketiadaan model khusus yang boleh di rujuk dan di aplikasikan dalam konteks mahasiswa, menyebabkan idea pembinaan model berasaskan Islamik dan di gabungkan dengan teori barat dapatlah di realisasikan dalam kajian ini. Atas kekangan ketiadaan model yang khusus dalam konteks Islam yang menjuruskan kepada kajian seperti ini, maka penggabungan dengan model barat adalah dilihat relevan dan terpaksa digunakan.

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk membina satu model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani yang dikhususkan dalam konteks mahasiswa.

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa seperti yang diterangkan secara terperinci dalam bab yang sebelum ini. Fasa pertama kajian adalah fasa analisis keperluan. Fasa tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama melibatkan soal selidik terhadap 365 orang mahasiswa di tiga universiti awam di Malaysia. Bahagian kedua adalah melibatkan temu bual terhadap lima orang pakar pelbagai bidang. Temu bual dijalankan secara tidak berstruktur soalan respon terbuka dan respon tertutup (*open-ended question*). Dapatan bahagian pertama (soal selidik) menunjukkan tahap ketidak jujuran akademik mahasiswa berada pada tahap tinggi iaitu 62% mahasiswa mengaku melakukan ketidak jujuran akademik dalam pengajian mereka. Manakala analisis temu bual pakar dalam bahagian dua menunjukkan kesemua pakar bersetuju terhadap pembinaan model berasaskan Islamik terutamanya perkara-perkara yang melibatkan aspek penghayatan rohani mahasiswa.

Seterusnya, fasa kedua melibatkan fasa reka bentuk elemen/item model kajian. Fasa ini adalah untuk membina senarai elemen-elemen atau item-item model dengan menggunakan kaedah Delphi ubah suaian iaitu *Fuzzy Delphi* (FDM). Dalam fasa ini satu set soal selidik *Fuzzy Delphi* dibentuk untuk diagihkan kepada pakar. Seramai 12 orang pakar terlibat dalam fasa kedua kajian ini. Soal selidik bahagian ini dibahagikan kepada 6 konstruk utama dan mengandungi 55 item. Semua item di kenal pasti daripada sorotan literatur dan adaptasi daripada kajian lepas yang digunakan oleh penyelidik terdahulu. Enam konstruk tersebut adalah konstruk penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, norma subjektif, tahu kawal kelakuan dan konstruk niat melakukan kecurangan akademik. Sebelum soal selidik diagihkan kepada pakar, pengkaji mengagihkan soal selidik yang dibina kepada empat orang pakar untuk

menjalankan kesahan kandungan (*content validity*). Hasil daripada maklum balas tersebut item di tambah baik dan seterusnya di agihkan kepada pakar-pakar yang dilantik. Hasil analisis *Fuzzy Delphi* kesemua pakar bersetuju dengan elemen-elemen atau item model yang dibina. Nilai *threshold d* kurang daripada 0.2, peratusan keseluruhan pakar melebihi 75% dan *defuzzification (alpha-cut)* melebihi 0.5. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat konsensus pakar terhadap elemen model yang dibentuk dan tiada item yang digugurkan.

Fasa seterusnya adalah fasa ketiga kajian yang melibatkan fasa penilaian model. Fasa ini melibatkan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik yang dibentuk berdasarkan item yang dipersetujui pakar dalam fasa kedua kajian. Kajian fasa ini melibatkan 480 orang mahasiswa di dua buah universiti awam di Malaysia. Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif terhadap data demografi responden manakala statistik inferensi melibatkan pengukuran model (*measurement model*) dan model struktural (*structural model*) dan pengujian hipotesis untuk menjawab persoalan kajian. Analisis deskriptif dijalankan menggunakan IBM SPSS (versi 20), dan analisis inferensi dijalankan menggunakan perisian *Smart PLS* versi 2.0. *beta* (PLS SEM).

Sebelum kajian sebenar dijalankan kajian rintis dijalankan. Hasil analisis faktor kesahan (*Confirmatory factor analysis*) menunjukkan kesemua item melepas tahnah *threshold* yang ditetapkan iaitu *factor loading* mebihi 0.7, AVE melebihi 0.5, *Composite reliability* melebihi 0.7 dan *Cronbachs Alpha* melebihi 0.7. namun demikian terdapat 4 item yang digugurkan kerana nilai *loading* dicatatkan kurang daripada nilai *threshold* yang ditetapkan iaitu 0.7. Selanjutnya analisis model struktural dan model pengukuran menunjukkan kesemua item melepas nilai *threshold* yang ditetapkan kecuali 4 item yang kurang daripada 0.7 (*loading*) maka item tersebut digugurkan. Selanjutnya pengujian hipotesis dijalankan dan hasil analisis menunjukkan kesemua

pemboleh ubah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik kecuali pemboleh ubah norma subjektif. Sehubungan dengan itu, analisis yang telah dijalankan mengesahkan secara signifikan model ini dengan data kajian.

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan fasa analisis keperluan (need analysis). Model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani di bina dan dicadangkan sebagai satu bentuk model alternatif dalam menggambarkan fenomena ketidak jujuran akademik dalam konteks mahasiswa di Malaysia. Model ini juga secara dasarnya bertujuan untuk memberi gambaran aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dalam memahami dan menangani masalah integriti akademik berdasarkan isu ketidak jujuran akademik yang semakin berleluasa dalam kalangan mahasiswa khususnya. Sebelum fasa reka bentuk dan pembangunan model dijalankan, satu analisis tinjauan terhadap keperluan kepada pembinaan model dijalankan. Analisis keperluan dijalankan selaras dengan persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Sejauh manakah keperluan pembinaan model integriti akademik berasaskan penghayatan Rohani dalam kalangan mahasiswa berdasarkan kepada pandangan pakar?

Untuk menjawab persoalan di atas dua set soal selidik telah dibentuk. Satu set soal selidik dibentuk mengandungi 15 soalan dibentuk untuk menjawab soalan kajian pertama dan satu set soalan terbuka dan tertutup (*open-ended*) dibina untuk menjawab soalan kajian kedua.

Hasil analisis data kajian tinjauan yang telah diagihkan kepada 362 mahasiswa di tiga buah universiti awam di Malaysia mendapati bahawa tahap ketidak jujuran akademik berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 62% mahasiswa mengaku pernah melakukan ketidak jujuran akademik. Aspek utama yang menjadi dominasi ketidak jujuran akademik adalah perkara yang melibatkan sumber-sumber atas talian dan plagiat akademik. Dapatan ini konsisten dengan dapatan (Byrne dan Thrushell, 2012; Davisson dan Sillence, 2010) yang mendapati bahawa faktor internet, kemudahan capaian bahan atas talian dan kemudahan perkongsian bahan melalui e-mel dan sebagainya menyebabkan gejala ini berlaku dengan giat dan tinggi. Sebagaimana pendapat King, Guyette dan Pietrowski (2009) menjelaskan 74% mahasiswa membuat pengakuan bahawa penggunaan internet dan bahan atas talian menyokong dan memudahkan mereka untuk melakukan ketidak jujuran akademik.

Penemuan kajian ini juga konsisten dengan kajian Nursiha et al., (2012) yang mendapati bahawa analisis ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap yang tinggi iaitu 82%. Selain itu, dapatan kajian ini juga mengukuhkan lagi dapatan kajian Moten (2014) yang menyatakan bahawa tahap ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa adalah tinggi dan signifikan. Selain itu, kajian Ramlan, Zaharah dan Saedah (2015) yang dijalankan mendapati bahawa kadar ketidak jujuran akademik pada tahun 2014 dan 2015 adalah tinggi iaitu pada tahap 55% dan 63%.

Berdasarkan kepada analisis dapatan, fenomena yang ketidak jujuran akademik yang tinggi berlaku dalam kalangan mahasiswa. Pembinaan model yang khusus berdasarkan aspek-aspek keagamaan adalah perlu bagi mengambarkan fenomena ini dalam konteks mahasiswa.

Bagi dapatan fasa 1 juga, pengkaji menjalankan temu bual tidak berstruktur secara soalan terbuka dan tertutup (*open ended*) untuk meninjau pendapat pakar tentang aspek yang perlu dikaji dan keperluan kepada pembinaan model kajian dalam menggambarkan fenomena ini. Dapatan kajian mendapati bahawa kesemua pakar memberi respon yang positif dan perlu kepada pembinaan model yang berteraskan penghayatan rohani dalam konteks mahasiswa. Dapatan analisis keperluan ini konsisten dengan cadangan pengkaji sebelum ini seperti (Kulsoom et al., 2014; Izwan et al., 2013; Ballentine et al., 2014; Hadijah et al., 2013; Timothy et al., 2012 dan Tang et al., 2010) yang menyatakan bahawa aspek keagamaan seperti penghayatan agama dan aspek keagamaan lain perlu dikaji dalam kontek memahami fenomena ini.

Jadual 5.1

Ringkasan cadangan dan persetujuan pakar fasa analisis keperluan.

Pakar	Cadangan dan pendapat pakar	Aras persetujuan keperluan pembinaan model
P1	<ul style="list-style-type: none"> - Agama sebagai asas kepada integriti - Perlu kepada konteks keagamaan bukan sekadar keperluan ilmu sahaja - Keperluan penghayatan nilai-nilai dan amalan agama 	Setuju /perlu
P2	<ul style="list-style-type: none"> - Fenomena wujud daripada masalah penyucian jiwa, masalah dalaman dan perlu kepada didikan nilai agama. 	Setuju /perlu
P3	<ul style="list-style-type: none"> - Fenomena berlaku dengan sebab pendidikan Islam itu sendiri. 	Setuju /perlu
P4	<ul style="list-style-type: none"> - Aspek jati diri Islam dan ikhlas atas dasar agama 	Setuju /perlu
P5	<ul style="list-style-type: none"> - perlu kepada aspek kecerdasan pelbagai, seperti kecerdasan spiritual dan kerohanian. 	Setuju /perlu

Dapatan fasa ini konsisten dengan pendapat Islam itu sendiri yang mementingkan aspek penghayatan rohani dalam menentukan tingkah laku manusia. Islam memandang dan mengambil kira aspek penghayatan rohani yang memberi

pengaruh yang besar terhadap tingkah laku manusia (Mohd Nor, 2012; Jamiah et al., 2004). Individu Muslim yang mengamalkan Islam dan penghayatan rohani yang baik akan memandu kelakuan kepada kebaikan dan kemungkaran akan dapat dihindari (Haron din, 2007).

Dalil pokok dalam hal ini ialah firman Allah:

يٰٰيٰهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ أَدْخُلُوْا فِي الْسِّلْمَ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوْا حُطُوتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ دُّوْرٌ مُّبِينٌ
٢٠٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah agama Islam secara keseluruhan; dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan; sesungguhnya Syaitan memang musuh kamu yang nyata."

(Al Baqarah: 208)

Kebanyakan pakar berpendapat bahawa keperluan kepada pembinaan model yang berasaskan kerohanian. Ini sejajar dengan kehendak Islam itu sendiri yang mementingkan integriti dan amalan terbaik dalam perlakuan manusia. Perlakuan seperti ketidak jujuran akademik dan sebagainya jelas sekali menyalahi amalan dan kehendak Islam (Moten, 2014). Islam mengutuk dan mencela perbuatan menyalahi nilai dan etika Islam sama ada berbentuk meniru, mengambil hak orang lain tanpa hak (penulisan), memalsukan sumber dan mencuri.

Firman Allah:

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُجْبِونَ أَنْ يُحْمَدُوْا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوْا فَلَا تَحْسَبَنَّهُم بِمَفَازَةٍ مِّنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
١٨٨

Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

(Al Imran: 188)

Berdasarkan kepada dapatan fasa ini, terdapat keperluan kepada pembinaan model berdasarkan kepada penghayatan rohani yang boleh menjadi dasar dan rujukan khususnya dalam konteks mahasiswa. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan sorotan kajian, tinjauan dan pendapat pakar bahawa aspek penghayatan rohani (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) perlu dilihat dengan lebih besar peranannya dalam membentuk etika tingkah laku dan dalam konteks mengatasi masalah ketidak jujuran akademik itu sendiri.

Perbincangan dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan (design and development). Pada fasa ini, pendekatan Fuzzy Delphi digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap elemen atau item model. Satu soal selidik pakar telah dibentuk oleh pengkaji berdasarkan sorotan literatur dan saranan pakar. Setelah dibentuk, soal selidik diagihkan kepada dua belas orang pakar yang terpilih yang mempunyai kepakaran yang tertentu dalam bidang masing-masing. Fasa ini dijalankan bagi memenuhi persoalan kajian berikut:

- i. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pandangan kolektif pakar terhadap aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa?

Secara keseluruhannya, dapatan kajian fasa reka bentuk dan pembangunan model menunjukkan kesepakatan pakar yang tinggi. Keseluruhan pakar yang terlibat dalam fasa ini bersetuju dengan elemen-elemen model, konstruk dan sub konstruk yang dicadangkan oleh pengkaji dalam pembangunan model kajian ini.

Dalam kontek kajian ini, elemen-elemen model dibentuk berdasarkan sorotan literatur, cadangan pakar (berdasarkan gap kajian). Elemen-elemen yang dibentuk disusun dalam enam konstruk utama. Kajian ini, secara dasarnya bertujuan untuk membangunkan model integriti akademik berasaskan pemboleh ubah penghayatan rohani (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) dalam konteks mahasiswa di Malaysia. Kesemua elemen dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Hasil analisis kajian telah menyenaraikan 55 elemen model dalam enam konstruk (rujuk rajah 4.48, mukasurat 260).

Seperti yang diterangkan dalam bab-bab yang sebelum ini, penghayatan rohani mengandungi dua bahagian utama iaitu penghayatan agama dan kecerdasan rohani. Berdasarkan kepada pendapat pakar, mereka bersetuju dengan kedua-dua aspek ini mampu mempengaruhi nilai, perlakuan mahasiswa. Komponen utama penghayatan agama seperti amalan dan kepercayaan berupaya mempengaruhi niat dan perlakuan manusia serta berakhhlak mulia. Pendapat pakar fasa ini konsisten dengan pendapat (Al-Qardhawi, 1984; Haron Din, 1987 & Maududi, 1985) yang menyatakan aspek penghayatan agama memainkan peranan yang penting dalam membentuk akhlak dan tingkah laku manusia. Jika manusia mempunyai penghayatan agama yang baik, maka perkara yang tidak baik dan menyalahi etika dan nilai Islam dapat dibentung dengan baik (Mahmood Zuhdi, 2006).

Selain itu, aspek kecerdasan rohani (spiritual) juga memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan akhlak dan perlakuan manusia. Analisis dapatan kajian juga mendapati bahawa kesemua pakar bersetuju dan bersepakat dengan elemen kecerdasan rohani sebagai salah satu aspek penting dalam menentukan akhlak dan nilai perlakuan mahasiswa. Dapatan ini serta konsensus pakar ini didapati selari dan konsisten dengan pendapat Al-Ghazali (1988) yang menyatakan bahawa aspek

kecerdasan kerohanian akan mempengaruhi Qalbu manusia yang seterusnya akan mempunyai kebergantungan kepada hati jasmani dan kelakuan manusia. Jika hati, jiwa dan kebergantungan kepada Allah kuat dan dijiwai maka kebaikan dan kejujuran akan dizahirkan dengan kelakuan yang baik (Said Hawwa, 1983). Pembangunan kerohanian ini juga dipengaruhi oleh aspek kepintaran jiwa manusia, dan manusia memerlukannya dalam membentuk perwatakan dan keperibadian yang tinggi serta mempengaruhi tingkah laku sama ada baik atau buruk (Saedah Siraj, 2012). Dapatan analisis juga konsisten dengan pandangan (Bagheri, Hamid dan Esmaili, 2013; Animasahun, 2010) yang menyatakan bahawa kecerdasan rohani (spiritual) berupaya membentuk manusia ke arah bermatlamat baik, jujur, integriti dan bergantung dengan kebaikan perbuatan. Oleh yang demikian, pembangunan kerohanian amat penting dalam membentuk nilai dan tingkah laku yang baik dalam kalangan manusia. Jika aspek kerohanian dan penghayatan agama dapat di terapkan dengan baik dalam diri mahasiswa, perlakuan seperti ketidak jujuran akademik ini berupaya dibendung dengan baik.

Selain aspek penghayatan rohani, aspek sikap individu, norma subjektif (pengaruh luaran) dan faktor kawalann (tahu kawal kelakuan) juga antara aspek penting model kajian ini. Ketiga-tiga aspek ini di adaptasi daripada Teori Tingkah laku Terancang. Ketiga-tiga aspek ini telah diuji dengan konsisten oleh pengkaji terdahulu yang mendapati bahawa ia amat konsisten dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Berdasarkan analisis dapatan kajian fasa ini, kesemua pakar bersepakat dan sependapat bahawa elemen yang terkandung dalam ketiga-tiga konstruk ini sesuai untuk dimasukkan dalam model kajian.

Aspek sikap individu dilihat antara faktor yang penting dalam menentukan sama ada kelakuan mahasiswa akan baik atau buruk. Pendapat ini selari dengan pendapat Hsioa (2014) yang menyatakan bahawa sikap merupakan gambaran besar

kepada niat untuk melakukan sesuatu. Jika sikap individu itu negatif maka akan membentuk kelakuan negatif dan sebaliknya. Pendapat (Stone et al., 2009; Whitley, 1998; Harding, 2007) menyatakan bahawa sikap individu merupakan faktor yang penting dalam menggambarkan kelakuan individu. Ia selari dengan dapatan (Harding et al., 2007; Stone et al., 2009) yang mendapati bahawa sikap merupakan peramal penting dalam menentukan niat utk bertingkah laku. Bertepatan dengan pendapat Al Ghazali (1998) bahawa aspek sikap diterjemahkan daripada keelokkan dan kemurnian etika dan nilai yang dibentuk dalam diri manusia. Jika ia baik, maka akan baiklah kelakuan manusia.

Aspek pengaruh luaran dan aspek kawalan juga memainkan peranan penting. Hasil analisis kajian juga mendapati, kesemua pakar bersetuju dengan elemen pengaruh luaran (norma subjektif) dan kawalan kendiri (tahu kawal kelakuan) dimasukkan dalam model kajian. Persetujuan pakar ini selari dengan pendapat (Alleyne dan Philip, 2011; Harding et al., 2007; Stone et al., 2009; Beck dan Ajzen, 1991) yang menyatakan kedua-dua aspek ini amat mempengaruhi niat seseorang untuk bertingkah laku. Dapatan Whitley (1998) mendapati jika seseorang itu dipengaruhi oleh faktor luaran seperti rakan-rakan, persekitaran, keluar dan lain-lain, ia akan berupaya membentuk satu tingkah laku sama ada baik atau buruk. Sementara Bolin (2004) menyatakan kelakuan menyimpang seperti ketidak jujuran akademik berlaku hasil daripada lemahnya aspek kawalan diri individu dan spiritualiti yang tidak konsisten.

Aspek terakhir model ialah aspek niat. Niat tidak dapat dinafikan memainkan peranan yang penting dalam menentukan tingkah laku manusia. Islam dan barat dalam skop kajian ini bersepakat menyatakan ketidak jujuran akademik berlaku hasil daripada tindak balas faktor luaran yang memberi kesan kepada niat. Niat merupakan

proksi kepada tingkah laku sebenar manusia. Menurut (Hamka, 1997) kelakuan dan manusia amalan yang disyariatkan kepada hambanya yang mukallaf berdasarkan apa yang diniatkan oleh mereka, dan hasil di sebalik perlakuannya. Disebabkan kepentingannya itu, maka niat menjadi syarat bagi penerimaan sesuatu amalan atau ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang hamba (Kassan, 2002). Sebagaimana hadis Nabi S.A.W. :

Daripada Umar bin al-Khattab r.a katanya: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya amalan itu dengan niat, setiap orang akan memperolehi apa yang diniatkannya. Oleh itu sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya, sesiapa yang hijrahnya untuk dunia yang Akan diperolehinya atau perempuan yang akan dinikahinya, hijrahnya itu adalah kepada apa yang dia niatkan.

(Hadis riwayat al-Bukhari: 1 dan Muslim: 1907)

Menurut Ajzen (1991) niat mencorakkan kelakuan manusia sama ada mereka akan berkelakuan baik atau tidak baik. Alleyne & Philip (2011) menggambarkan niat sebagai proksi dan gambaran kepada kelakuan individu sama ada ingin melakukan sesuatu atau tidak. Begitu juga dengan pandangan Carpenter dan Reimers (2005) melihat potensi kelakuan manusia berdasarkan kepada niat mereka. Berdasarkan kepada analisis kajian, sememangnya konsisten dengan pendapat Islam dan barat terhadap peranan niat dalam menggambarkan tingkah laku manusia dan mahasiswa khususnya.

Justeru itu, bertepatan dengan dapatan kajian fasa ini, fenomena ketidak jujuran akademik dapat digambarkan dengan 6 konstruk utama dan dipersetujui oleh pakar berdasarkan elemen-elemen yang di gariskan pengkaji. Selain aspek penghayatan rohani, aspek sikap individu, norma subjektif, tahu kawal kelakuan dan niat disepakati

pakar dan diterima untuk dimasukkan dalam model kajian. Secara ringkasnya, model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dibentuk dan diseragamkan berdasarkan kesepakatan pakar dan perbincangan literatur. Apa yang lebih penting aspek utama penghayatan rohani dilihat signifikan berasaskan pendapat pakar, literatur dan temu bual yang dijalankan dan bersesuaian dalam konteks mahasiswa di Malaysia.

Perbincangan fasa penilaian model (Evaluation of the model). Penilaian model adalah fasa ketiga dan terakhir kajian. Satu set soal selidik (Rujuk lampiran SFT/1) diagihkan kepada 480 orang responden terdiri daripada mahasiswa merangkumi pelbagai bidang pengajian di universiti awam di Malaysia. Fasa ini, secara dasarnya adalah untuk menilai model berdasarkan kepada persoalan kajian dan hipotesis kajian berikut:

- i. Apakah terdapat hubungan yang positif di antara pemboleh ubah penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap, norma subjektif dan tahu kawal kelakuan terhadap niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?
- ii. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa?

Manakala hipotesis kajian di ringkaskan berdasarkan jadual 5.2 di bawah dan akan dijawab berdasarkan analisis PLS-SEM (*Partial Least Square*) seperti yang telah dianalisis dalam fasa dapatan kajian.

Jadual 5.2

Hipotesis kajian

No	Hipotesis kajian
H_{A1}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah penghayatan agama terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia
H_{A2}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kecerdasan rohani terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia
H_{A3}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah sikap terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia
H_{A4}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah norma subjektif terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia
H_{A5}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tahu kawal kelakuan terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia

Hubungan antara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Hipotesis kajian yang berkaitan bagi menganalisis hubungan di antara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik adalah seperti berikut:

H_{A1}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik

Keputusan analisis dalam model struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($t = 9.036$, $\beta = -0.517$, $P < 0.001$). Dapatkan menyokong hipotesis kajian yang pertama iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara penghayatan agama dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif diterima. Hasil kajian ini sekali gus tidak selari dengan

dapatkan kajian lepas seperti kajian (Rettinger dan Jordan, 2000) yang mendapati ia tidak signifikan di antara penghayatan agama dengan ketidak jujuran akademik. Rettinger et al., (2000) berpendapat bahawa walaupun individu yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi tidak akan menggunakan asas keagamaan tersebut dalam konteks akademik manakala gred adalah lebih penting. Selain itu, hasil kajian ini juga tidak selari dengan dapatan kajian (Tang dan Tang, 2010; Williamson dan Assadi, 2005; Huelsmen, Piroch dan Wasieleski, 2006; Koul, 2012; Jackman, 2014) yang mendapati aspek keagamaan tidak memainkan peranan yang signifikan dengan ketidak jujuran akademik. Hasil dapatan mereka, menyatakan aspek keagamaan bukan memberi kesan yang positif kepada mahasiswa dalam melakukan ketidak jujuran akademik. Walaupun aspek kegamaan adalah penting dalam diri manusia, namun dalam aspek akademik faktor keagamaan tidak mempengaruhi kecenderungan, hasrat dalam melakukan ketidak jujuran akademik.

Namun demikian, dapatan kajian ini tidak selaras dengan dapatan kajian terdahulu kerana faktor keagamaan (penghayatan agama) memainkan peranan yang signifikan dalam konteks mahasiswa. Ini bermaksud aspek keagamaan memainkan peranan dalam menentukan tingkah laku mahasiswa. Mungkin disebabkan oleh aras pengetahuan agama telah disematkan dengan rapi di peringkat sekolah, peningkatan program kesedaran akademik di peringkat pengajian tinggi bahkan aspek penghayatan nilai keagamaan itu sendiri. Dapatan kajian ini juga sedikit sebanyak menyokong dapatan kajian (Bloodgood, Turnley dan Mudrack, 2008; Woodbine dan Armarthalingam, 2013) yang mendapati aspek keagamaan memainkan peranan yang signifikan dalam melakukan ketidak jujuran akademik. Bloodgood et al (2008) berpendapat bahawa semakin tinggi nilai keagamaan dalam diri mahasiswa semakin kurang kecenderungan untuk melakukan ketidak jujuran akademik berbanding dengan

mereka yang kurang penghayatan agama. Perkara ini bersesuaian dengan pendapat (Mahmood Zuhdi, 2006) yang berpendapat jika manusia mempunyai penghayatan agama yang baik, maka perkara yang tidak baik dan menyalahi etika dan nilai Islam dapat dibentung dengan baik . Oleh yang demikian, daptan ini selari dengan kehendak Islam itu sendiri sebagaimana pendapat pendapat Al-Ghazali (1988) yang menyatakan bahawa aspek kecerdasan kerohanian akan mempengaruhi *Qalbu* manusia yang seterusnya akan mempunyai kebergantungan kepada hati jasmani dan kelakuan manusia. Jika hati, jiwa dan kebergantungan kepada Allah kuat dan dijawai maka kebaikan dan kejujuran akan dizahirkan dengan kelakuan yang baik (Said Hawwa, 1983).

Hubungan antara kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Hipotesis kajian berkaitan bagi menganalisis bentuk hubungan antara kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik adalah seperti berikut:

H_{A2}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Keputusan analisis dalam model struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($t = 1.768$, $\beta = -0.078$, $P < 0.05$). Dapatkan ini menyokong hipotesis kedua kajian iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan rohani dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Olosula, Ajayi & Samson (2015) yang mendapati bahawa aspek kecerdasan dalaman manusia meminkan peranan yang signifikan dalam menentukan bentuk tingkah laku mereka. Dapatkan kajian beliau menunjukkan terdapat

hubungan yang kuat di antara faktor kecerdasan dalaman dengan menentukan hasrat berkelakuan sama ada baik atau buruk. Dapatan kajian ini juga konsisten dengan dapatan Borba (2001) yang menyatakan bahawa aspek kecerdasan terutamanya nilai moral individu merupakan satu kekuatan dalaman individu dalam menentukan nilai moral dalam tindakan dan tingkah laku individu. Analisis juga konsisten dengan dapatan kajian (Okasuade dan Oluwatoyo, 2011; Hassan, 2008) yang mendapati bahawa aspek kecerdasan emosi dan dalaman individu memberi kesan kepada amalan ketidak jujuran akademik. Menurut Bloodgood et al.,(2008) sependapat menyatakan individu yang lebih baik kecerdasannya sama ada dalaman atau luaran lebih cenderung untuk bertingkah laku dengan baik berbanding individu yang tidak mempunyai kecerdasan yang baik.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa di Malaysia membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam bertingkah laku. Aspek kecerdasan rohani di ambil perhatian sewajarnya dalam menentukan kelakuan masing-masing dalam bertingkah laku. Dapatan ini juga konsisten dengan pandangan (Bagheri, Hamid dan Esmaili, 2013; Animasahun, 2010) yang menyatakan bahawa kecerdasan rohani (spiritual) berupaya membentuk manusia ke arah bermatlamat baik, jujur, integriti dan bergantung dengan kebaikan perbuatan. Oleh yang demikian, pembangunan kerohanian amat penting dalam membentuk nilai dan tingkah laku yang baik dalam kalangan manusia. Jika aspek kerohanian dan penghayatan agama dapat di terapkan dengan baik dalam diri mahasiswa, perlakuan seperti ketidak jujuran akademik ini berupaya dibendung dengan baik.

Hubungan antara sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Hipotesis kajian berkaitan bagi menganalisis bentuk hubungan antara sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik adalah seperti berikut:

H_{A3} : Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Keputusan analisis dalam model struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara faktor sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($\beta = -0.178$; $t = 2.692$, $p=0.007$). Dapatkan ini menyokong hipotesis ketiga kajian iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sikap dengan niat kelakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan kajian ini menyokong dapatkan kajian (Hsiao dan Tang, 2014) mendapati faktor sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($\beta = -0.19$, $p= 0.001$). Faktor ini signifikan memandangkan mahasiswa berhasrat untuk melakukan ketidak jujuran akademik kebanyakannya bergantung pada pertimbangan, sikap dan juga peluang yang mereka ada (Ajzen, 1991). Selain itu juga, dapatkan ini menyokong dapatkan kajian (Stone, Jawahar dan Kisamore, 2010; Stone et al., 2009; Passow et al., 2006; Meng, Othman, D Silva dan Omar, 2014; Imran dan Nordin, 2013; Alleyne dan Philip, 2011) yang mendapati sikap memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Dapatkan juga konsisten dengan dapatkan Whitley (1998) yang menyatakan faktor sikap memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan perbuatan individu. Individu yang mempunyai nilai sikap yang tinggi berupaya menahan diri daripada pengaruh luar maupun dalaman dengan baik (Kirkland, 2009; Harding et al., 2012). Alleyne dan Philip (2011) mendapati bahawa sikap adalah peramal paling berpengaruh dan signifikan dalam bertingkah laku. Berdasarkan kajian mereka, faktor sikap menyumbang kepada niat bertingkah laku dengan nilai *R square* (.30).

Berdasarkan dapatan ini, mahasiswa di Malaysia mempunyai tahap penghayatan sikap dalaman yang baik. Hasilnya, semakin tinggi penghayatan sikap semakin kurang niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dan sebaliknya. Dapatan ini juga, menggambarkan dan membuktikan bahawa sikap mahasiswa secara statistiknya signifikan. Selari dengan pendapat Al Ghazali (1998) bahawa aspek sikap diterjemahkan daripada keelokkan dan kemurnian etika dan nilai yang dibentuk dalam diri manusia. Jika ia baik, maka akan baiklah kelakuan manusia. Sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri (*akhlakul Karimah*) menjadi panduan dan tunjang dalam berkelakuan. Dapatan juga menunjukkan, pendidikan akhlak dan moral yang diterapkan dalam sistem pendidikan negara memberi kesan yang baik dalam membentuk tingkah laku mahasiswa khususnya.

Hubungan antara norma subjektif (pengaruh luaran) dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Hipotesis kajian berkaitan bagi menganalisis bentuk hubungan antara norma subjektif dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik adalah seperti berikut:

H_{A4}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor norma subjektif dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Keputusan analisis dalam model struktural menunjukkan hubungan di antara faktor norma subjektif (pengaruh luaran) di dapati tidak signifikan iaitu dengan nilai ($t = 0.707$, $\beta = -0.019$). Dapatan ini tidak menyokong hipotesis keempat kajian iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara norma subjektif dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Oleh yang demikian, hasil analisis kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian (Whitley, 1998; Nonis & Swift, 2001; Hsiao et al., 2011; Hsiao, 2014; Stone et al, 2010; Stone et al,

2009; Imran et al, 2013) yang mendapat terdapat hubungan yang signfikan antara norma subjektif dan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Namun demikian dapatan kajian ini di dapat menyamai dapatan (Sheppard, Hartwick dan Warshaw, 1988) yang mendapat bahawa norma subjektif merupakan pemboleh ubah yang lemah dan tidak signifikan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Dalam konteks kajian ini, pengaruh norma subjektif tidak mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh pengaruh luaran seperti faktor keluarga, rakan-rakan dan lain-lain tidak memberi kesan kepada keinginan individu dalam melakukan tingkah laku yang tidak baik. Dapatan juga membuktikan mahasiswa mempunyai aspek kawalan kendiri daripada pengaruh luaran yang baik walaupun pengaruh luaran yang kuat, namun ia tidak menjelaskan hasrat atau niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Hubungan antara tahu kawal kelakuan (kawalan kendiri) dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik. Hipotesis kajian berkaitan bagi menganalisis bentuk hubungan antara tahu kawal kelakuan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik adalah seperti berikut:

H_A5 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor tahu kawal kelakuan dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Keputusan analisis kajian dalam model struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan negatif di antara faktor sikap dengan niat melakukan ketidak jujuran akademik dengan nilai ($t = 3.976, \beta = -0.176$). Ini juga menunjukkan bahawa faktor tahu kawal kelakuan (kawalan kendiri) memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat untuk bertingkah laku dalam kalangan mahasiswa khususnya dalam konteks di Malaysia. Dapatan ini menyokong dapatan kajian lalu seperti kajian (Stone et al., 2010) yang mendapat bahawa aspek tahu kawal kelakuan amat signifikan dan

memberi sumbangan yang besar kepada keinginan bertingkah laku. Aspek tahu kawal kelakuan memainkan peranan berdasarkan kepada faktor yang mempengaruhinya seperti penghayatan moral, nilai agama dan etika individu (Whitley, 1998; Passow et al., 2008). Selain itu, jika sikap, dan penghayatan diri dan nilai moral wujud dalam diri individu, faktor kelakuan akan semakin kuat dalam mengekang tingkah laku yang tidak baik (Mc Cabe, 2002).

Selain itu, daptan ini juga menyokong daptan kajian (Meng et al., 2014; Imran et al., 2013; Hsiao et al., 2011; Alleyne et al, 2011) yang mendapati bahawa aspek tahu kawal kelakuan memainkan peranan yang signifikan dengan niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik. Dalam kontek kajian ini, Tahu kawal kalakuan (kawalan kendiri) memainkan peranan yang penting dalam menentukan arah perbuatan atau kelakuan mahasiswa dalam niat melakukan ketidak jujuran akademik. Mahasiswa yang mempunyai nilai etika yang tinggi dan penghayatan nilai-nilai moral mampu menjadi faktor pengawalan kendiri dalam bertingkah laku. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh aspek nilai moral dan etika bertingkah laku telah lama diterapkan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dalam bidang akademik, aspek yang mempengaruhi ketidak jujuran akademik berkait rapat dengan kemahiran dan pengetahuan individu (Hsiao et al, 2011). Jika mahasiswa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan ia akan menjadi pendinding dan benteng yang utuh dalam menghindari kelakuan yang tidak baik khususnya ketidak jujuran akademik ini. Daptan kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa di Malaysia mempunyai aspek kawalan kendiri yang baik, kemahiran dan pengetahuan yang optimis sehingga berjaya menjadi salah satu aspek pendinding dalam melakukan kelakuan yang tidak baik.

Jadual 5.3

Rumusan Dapatan Analisis Model Struktur fasa penilaian model

No Hipotesis	Hipotesis kajian	Dapatan Analisis
H_{A1}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah penghayatan agama terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia	($t = 9.036, \beta = -0.517$)
H_{A2}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kecerdasan rohani terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia	($t = 1.768, \beta = -0.078$)
H_{A3}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah sikap terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia	($t = 2.692, \beta = -0.178$)
H_{A4}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah norma subjektif terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia	($t = 0.707, \beta = -0.019$).
H_{A5}	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tahu kawal kelakuan terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik mahasiswa pendidikan di Malaysia	($t = 3.976, \beta = -0.176$).

Dapatan Utama Kajian

Kajian ini secara spesifiknya memberi sumbangan kepada pembinaan model integriti yang berhubungkait dengan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Model ini dengan jelasnya membuktikan bahawa aspek keagamaan (penghayatan agama dan kecerdasan spiritual) memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju perlakuan individu. Kajian ini juga berjaya mengenepikan persepsi masyarakat barat (Jackman, 2014; Piroch et al, 2006; Koul, 2012; Rettinger dan Jordan, 2000; Tang dan Tang 2010) yang menyatakan bahawa aspek keagamaan tidak memberi kesan dan pengaruh kepada niat untuk melakukan (ketidak jujuran akademik).

Dalam konteks mahasiswa di Malaysia, aspek penghayatan agama dan kecerdasan rohani memainkan peranan yang signifikan dan memberi pengaruh yang

baik kepada kelakuan mahasiswa. Ini bersesuaian dengan kehendak agama Islam itu sendiri yang mementingkan unsur keagamaan dalam membentuk perilaku yang baik dan mencorak nilai moral yang baik. Sebagaimana firman Allah Taala:

إِنَّ هُذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّلٰتِ حٰتَّى أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَثِيرًا ٩

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

(Al Isra': 9)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو أَنَّ اللَّهَ وَالنَّاسَ
الآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ٢١

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

(Al-Ahzab:21)

Ayat ini secara jelas menerangkan bahawa aspek keagamaan dan spiritual berupaya mendorong manusia untuk berkelakuan baik. Asas kepada akhlak dan nilai bertitik tolak daripada kewujudan asas keagamaan dan penghayatan agama yang sesuai dalam diri individu. Asas keagamaan dan spiritual disemai dengan baik maka perlakuan yang baik dapat dibentuk dengan sempurna.

Aspek kerohanian merupakan dimensi *batiniyyah* yang merupakan sebahagian daripada agama. Perkaitan antara unsur *batiniyyah* (dalaman) dengan unsur agama merupakan sesuatu yang perlu dalam membentuk tingkahlaku. Selari dengan pendapat Mahmood Zuhdi (2006) yang menyatakan *al-din* (agama) merupakan satu desakan

dalaman yang dirasai manusia melalui seruan *batiniyyah* (dalaman) yang akan diterjemahkan ke dalam bentuk perbuatan. Jika manusia memenuhi seruan dalamannya (*batiniyyah*) untuk hidup dalam suasana beragama, maka jiwa dan batinnya akan diterjemahkan dalam ketenangan jiwa dan keelokkan bertingkah laku.

Firman Allah Taala:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًاٰ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا
تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الْدِينُ الْقِيمُ وَلِكُنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ

(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah ugama Yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, Iaitu ugama Yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama Yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(Ar-Rum:30)

Aspek penghayatan agama juga penting dalam pembentukan sahsiah dan dalaman individu selain membentuk jiwa (*ruhiyyah*) yang mampu dimanifestasikan akhlak yang baik dalam bertingkah laku. Akhlak dan tingkah laku yang baik merupakan manifestasi dari jiwa (*ruhiyyah*) dan rohani yang sihat dan sempurna (Mohammad Kamal Hassan, 1985). Salah laku akhlak merupakan kesan daripada penyakit dalaman (*ruhiyyah*) serta penghayatan agama yang lemah. Oleh yang demikian, Al-Ghazali menggesa manusia memperbaiki penyakit hati dengan cara

kembali kepada pembentukan kerohanian dan amalan agama. Keperluan untuk merawat dan memperbaiki dalaman (hati dan jiwa) terangkum sebagaimana firman Allah Taala:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

9. Sesungguhnya berjayaalah orang Yang menjadikan dirinya - Yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan),

10. Dan Sesungguhnya hampalah orang Yang menjadikan dirinya - Yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

(As-Syam: 9-10)

Oleh yang demikian, bersesuaianlah dengan ayat Quran yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa manusia perlu kepada pembersihan jiwa dan rohani dalam membentuk tingkahlaku yang baik. Konsisten dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa penghayatan rohani mempunyai kesan yang signifikan ke atas tingkahlaku manusia. Jika jiwa dan rohani manusia baik maka mereka nerupaya memanifestasikan nilai dalaman mereka daalam keelokkan peribadi dan tingkahlaku. Aspek ketidakjujuran akademik yang berlaku sedikit sebanyak berpunca daripada kekurangan nilai dalaman yang utuh sehingga membentuk sikap dan tindakan yang tidak baik dan dijelmakan dalam bentuk ketidak jujuran bertingkah laku.

Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah bebas (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) berpotensi dan signifikan mempengaruhi niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik dalam kalangan mahasiswa Muslim. Selain itu pemboleh ubah sikap, tahu kawal kelakuan juga menunjukkan tahap yang signifikan dalam mencorakkan tingkah laku individu. Pemboleh ubah paling kuat dalam konteks kajian

ini adalah pemboleh ubah penghayatan agama dengan nilai ($\beta=-0.517$, $t=9.036$, $p=0.000$).

Kajian ini juga menjelaskan bahawa Teori tingkah laku Terancang memberi gambaran dan peramalan yang baik dalam menggambarkan fenomena ketidakjujuran akademik khususnya dalam konteks integriti akademik. Kebanyakan hasil kajian menerima hipotesis kajian dengan signifikan. Dapatan ini menyokong saranan dan pendapat pengkaji terdahulu seperti (Stone et al., 2009; Stone et al., 2010; Staats, 2013; Alleynee et al., 2011) yang menyatakan bahawa teori TPB adalah teori paling tepat dalam meramal fenomena ketidak jujuran akademik.



Rajah 5.1 Model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani

Berdasarkan rajah 5.1 model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani berdiri di atas 2 teras utama iaitu aspek penghayatan rohani (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) dan aspek pengaruh luaran dan dalaman yang terdapat dalam diri individu. Jelas sekali, berdasarkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis yang diterangkan sebelum ini menunjukkan bahawa aspek keagamaan seperti penghayatan agama (kepercayaan dan amalan) mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku manusia. Begitu juga aspek kecerdasan rohani (pembinaan spiritual, pengertian hidup dan nilai diri individu) mempunyai pengaruh yang signifikan dengan niat untuk bertingkah laku dalam diri individu. Aspek keagamaan ini akan menjadi penentu dan momentum manusia dalam menterjemahkan niat atau hasrat mereka untuk melakukan sesuatu amalan sama ada baik atau buruk. Menurut imam Al Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* menjelaskan bahawa aspek kerohanian menjadi kayu pengukur sifat dan jiwa manusia dalam menterjemahkan kelakuan mereka. Di samping manusia mempunyai kebebasan untuk memilih kelakuan mereka, namun aspek kerohanian dan keagamaan seharusnya menjadi sandaran dalam menentukan halatuju perbuatan (Al-Ghazali, 1994). Asas kepada tingkah laku manusia adalah harus berpaksi kepada unsur kerohanian dan keagamaan. Jika aspek ini berjaya di sebatikan dalam perbuatan manusia maka, perlakuan yang baik akan berlaku dan sebaliknya.

Selain itu, aspek pengaruh dalaman dan luaran juga menjadi faktor yang akan mempengaruhi tingkah laku manusia. Pengaruh dalaman seperti sikap dan tahu kawal kelakuan (kawalan kendiri) akan membentuk satu momentum dan penggerak dalam mempengaruhi niat individu dalam melakukan sesuatu perbuatan. Jika aspek dalaman ini mantap dan baik maka ia akan membentuk kecenderungan dan niat bertingkah laku yang baik. Aspek norma subjektif (pengaruh luaran) juga menjadi faktor yang membentuk niat atau hasrat untuk bertingkah laku. Kadangkala, natijah perlakuan

manusia terhasil hasil daripada pengaruh sekeliling sama ada kekeluargaan, kawan-kawan dan persekitaran. Oleh yang demikian aspek pengaruh luaran juga memainkan peranan dalam menentukan niat atau hasrat manusia untuk bertingkah laku. Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang implikasi terhadap kajian ini.

Implikasi Kajian


Secara dasarnya, hasil dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi manfaat yang signifikan kepada IPTA dan institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam mengenal pasti beberapa faktor yang memberi sumbangan kepada isu ketidak jujuran akademik di Malaysia khususnya dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian berjaya membuktikan beberapa faktor (model) dan Teori Tingkah laku Terancang (**TPB**) yang dibentangkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidak jujuran akademik di Malaysia. Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperoleh, beberapa perkara penting perlu diberi perhatian yang khusus bagi memantapkan lagi integriti akademik di Malaysia. Kajian ini juga memberi implikasi yang signifikan dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam melakukan ketidak jujuran akademik. Oleh yang demikian, bahagian ini akan membahaskan dan memberi penerangan dengan lebih terperinci tentang implikasi terhadap kajian ini.

Implikasi teoretikal. Kajian ini memberi sumbangan terhadap perluasan ilmu dan teori sedia ada. Pembentukan model kajian menggunakan kaedah perluasan teori (expanding theory) dengan masukkan pemboleh ubah baru ke dalam teori sedia ada. Perluasan teori sedia ada dengan memasukkan dua pemboleh ubah keagamaan berdasarkan kepada cadangan pakar dan sorotan literatur secara komprehensif di samping cadangan pakar melalui kaedah temu bual pakar.

Rasional pemilihan teori dalam kajian ini di bahaskan secara terperinci dan berdasarkan saranan dan justifikasi penyelidik terdahulu (sebagaimana dijelaskan dalam bab 2.10 kajian). Namun demikian, selain saranan penyelidik terdahulu dan justifikasi melalui sorotan literatur, pengkaji juga mendapati bahawa tiada kajian yang seumpamanya (dalam konteks ketidak jujuran akademik) yang menggabungkan unsur-unsur keagamaan khususnya dalam konteks Islam yang telah dijalankan. Sebagai contoh kajian yang di jalankan oleh Stone et al., (2010) memperluaskan teori TPB dengan pemboleh ubah personaliti, Hsiao dan Tang (2014) memasukkan pemboleh ubah baru (etika profesional) kedalam TPB dan Meng et al., (2014) memasukkan nilai moral ke dalam TPB sebagai pemboleh ubah baru dalam pembentukan model kajian. Selain itu kajian lain yang menggunakan kaedah yang sama dalam pembentukan model adalah seperti kajian Imran & Nordin (2013) dengan memasukkan unsur kepercayaan etika moral sebagai pemboleh ubah ke dalam TPB, Alleyne & Philip (2011) memasukkan kewajipan moral, Harding et al.,(2007) memasukkan aspek moral sebagai pemboleh ubah baru dan Hsiao & Yang (2011) mengkaji aspek etika profesional sebagai pemboleh ubah dalam meramal niat melakukan ketidak jujuran akademik.

Kesimpulannya, kajian ini mengukuhkan teori sedia ada dengan pemboleh ubah Islamik yang belum dikaji oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu, dengan memperluaskan teori sedia ada, kefahaman terhadap niat untuk melakukan ketidak jujuran akademik akan dapat di terangkan dengan lebih mendalam khususnya dalam konteks mahasiswa Islam.

KAJIAN REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN



Rajah 5.2 Pembangunan Model Integriti Akademik berdasarkan penghayatan rohani

Implikasi kepada perkembangan ilmu. Kajian ini juga sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada perkembangan (*contribution to the body of knowledge*) dalam bidang pendidikan Islam itu sendiri. Kajian telah berjaya menggabung jalin prinsip-prinsip pendidikan Islam dan prinsip-prinsip pendidikan konvensional melalui pengembangan teori sedia ada dengan prinsip asas Islam iaitu penghayatan agama dan kecerdasan rohani.

Selain itu, penggunaan metodologi kajian yang memecah tradisi pendidikan Islam yang lebih berfokus kepada kajian teks dan kualitatif, maka kajian ini mengisi lompong itu dengan menggunakan metodologi reka bentuk dan pembangunan (*Design and Development Research*). Kajian ini mencakupi tiga fasa utama yang melibatkan beberapa pendekatan yang berbeza pada setiap fasa. Pengumpulan dan analisis data melibatkan kaedah yang lebih efektif seperti penggunaan pendekatan *Fuzzy Delphi* pada fasa kedua kajian dan pendekatan SEM (*Partial Least Square- Structural Equation Modelling*) pada fasa penilaian model. Penggunaan pendekatan *Fuzzy Delphi* amatlah efektif dalam fasa pembinaan model memandangkan ia berkaitan dengan pendapat dan kesepakatan pakar dalam pembinaan. Manakala fasa penilaian model pula melibatkan kaedah SEM-PLS yang sangat efektif dalam kajian sains sosial. Kelebihan SEM-PLS dalam membuat analisis data yang tidak normal dan statistik inferensi, model struktural dan model pengukuran yang baik juga menjadi kelebihan dalam menganalisis data kajian.

Rumusannya, kajian ini juga memberi implikasi yang besar dengan penggunaan kaedah baru iaitu reka bentuk dan pembangunan (*design and development research*). Selain itu ia memberi sumbangan dalam konteks kajian dalam pendidikan Islam itu sendiri dengan penggunaan kajian berasaskan kuantitatif yang menggabungkan pelbagai kaedah dalam satu kajian.

Implikasi kepada Amalan. Kajian ini telah membuktikan bahawa pemboleh ubah keagamaan seperti penghayatan agama dan kecerdasan rohani memainkan peranan yang besar dalam menentukan tingkah laku manusia terutama dalam konteks mahasiswa. Hasil dapatan kajian menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah ini memainkan peranan yang signifikan dengan nilai ($t = 9.036$, $\beta = -0.517$) bagi pemboleh ubah penghayatan agama dan pemboleh ubah kecerdasan rohani signifikan pada aras nilai ($t = 1.768$, $\beta = -0.078$). Dapatan ini menjelaskan bahawa faktor keagamaan (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat dalam bertingkah laku.

Berdasarkan kepada dapatan ini, pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya bahagian pengajian tinggi mempertingkatkan usaha dalam menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam konteks pendidikan. Selari dengan pandangan Islam yang menetapkan dan keperluan kepada pengukuhan nilai dalam iaitu keagamaan dalam menjadi benteng dalam membentuk nilai akhlak dan perlakuan yang baik. Analisis dapatan sebelum ini, mendapati tahap ketidak jujuran akademik yang tinggi dalam kalangan mahasiswa. Oleh yang demikian, adalah wajar jika pihak berwajib mempertingkatkan usaha dalam memperluaskan skop kurikulum yang menekankan penghayatan agama dalam kurikulum pengajaran di institusi pengajian tinggi. Walaupun pelbagai undang-undang telah di gubal diperingkat pengajian tinggi, namun dilihat tidak memadai dan perlu kepada pembentukan nilai rohani dan keagaamaan dan seterusnya jika di hayati boleh membendung gejala ketidak jujuran akademik ini. Sebagaimana firman Allah :

يُؤْتَى الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَكَّرُ
إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٦٩

Allah menganugerahkan al hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al Qur'an dan As Sunah) kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan barang siapa yang dianugerahi al hikmah itu, ia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah).

(Al Baqarah, 269)

Allah juga berfirman dalam surah An-Nahl ayat 90 :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(Al-Nahl:92)

Berdasarkan kepada ayat di atas, adalah jelas Allah menerangkan bahawa hubungan manusia dan kehidupan dan perlakuan sosial manusia perlu berlandaskan kepada keadilan, kebaikan dan menjauhkan daripada perlakuan merosakkan dan kepincangan. Ayat juga menjelaskan bahawa akhlak yang baik dan terpuji akan mendorong manusia berkelakuan baik dalam semua perkara. Semua perkara yang dilakukan manusia perlulah dijalankan atas dasar ikhlas kepada Allah dan ihsan. Dari

perspektif lain, Allah melarang manusia daripada melakukan perbuatan yang tercela dan buruk (Ibn Kathir,2007). Adalah jelas bahawa Setiap perlakuan yang menyimpang memberi kesan kepada kelakuan manusia di sisi Allah. Perlakuan seperti menipu, meniru dan sebagainya jelas menyimpang daripada Maqasid Islam dan terkeluar daripada norma-norma perlakuan manusia. Oleh yang demikian, perbuatan yang berpaksi kepada kerohanian sama ada aspek penghayatan agama dan kecerdasan rohani memberi gambaran kepada perlakuan sebenar manusia. Jika keduanya jelas dan mantap nescaya perlakuan manusia akan didorong atas kehendak Islam dan kebaikan seperti yang di jelaskan dalam Al-Quran.

Menurut Al Ghazali (1998) menyatakan bahawa individu perlu kepada mujahadah dan usaha untuk bertingkah laku dengan baik. Mujahadah dan usaha ini perlu disertakan dengan hati yang bersih yang terhasil daripada penghayatan agama yang baik dan mantap. Oleh yang demikian, pembangunan rohani dan keagamaan perlu di perluaskan dan di galakkan agar kelakuan dan akhlak mahasiswa dapat dipupuk ke arah yang lebih berintegriti dan beretika.

Cadangan Kajian Lanjutan

Memandangkan kajian ini mempunyai beberapa batasan kajian, maka beberapa cadangan kajian lanjutan di gariskan untuk di selidik dan inovasikan oleh pengkaji akan datang. Cadangan kajian lanjutan adalah seperti berikut:

Proses pembinaan model ini menggunakan Teori Tingkah laku Terancang sebagai teori dasar kajian. Pengkaji akan datang bolehlah menggunakan teori-teori lain yang boleh dikaitkan dan diuji dalam konteks kajian akan datang. Pengkaji akan datang juga boleh menggabungkan teori-teori lain dengan teori ini dan membentuk

satu kerangka model yang lebih kompleks dalam menghuraikan dan menggambarkan fenomena ketidak jujuran akademik ini dalam skop mahasiswa di Malaysia.

Kajian ini hanya menggunakan dua pemboleh ubah Islamik iaitu penghayatan agama dan kecerdasan rohani yang di uji dalam konteks mahasiswa di Malaysia. Jesteru itu, dicadangkan kajian-kajian akan datang menggunakan pemboleh ubah Islamik yang lain yang boleh di uji dan boleh digeneralisasikan dalam konteks mahasiswa.

Kajian secara spesifiknya menggunakan sampel daripada institusi pengajian awam di Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, dicadangkan untuk kajian akan datang diperluaskan kepada skop institusi pengajian swasta di Malaysia atau kajian perbandingan dengan negara lain di dunia. Sampel kajian ini juga hanya melibatkan mahasiswa peringkat ijazah sarjana muda sahaja, oleh itu perluasan skop kajian kepada mahasiswa peringkat diploma, sarjana dan doktor falsafah adalah digalakkan agar ia dapat di lihat dengan lebih menyeluruh.

Proses penilaian model yang dibina hanya melibatkan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik dan di analisis menggunakan PLS-SEM. Jesteru kajian lanjutan agar mempelbagaikan jenis kajian mereka seperti eksperimen, kualitatif agar dapatan lebih mendalam dan berupaya memahami isu ini dengan lebih baik.

Proses untuk mengenal pasti ketidak jujuran akademik amat rumit dan memerlukan pangkalan data yang baik. Pangkalan data seperti “*turnitin*” secara dasarnya amat berguna dan signifikan dalam mengenalpasti gejala ini. Oleh itu, satu pangkalan data yang sistematik yang mengandungi data-data terkini yang melibatkan data-data Islamik dan menjuruskan kepada konteks Malaysia perlu diwujudkan. Pengkaji akan datang boleh membina satu *software* yang seakan *turnitin* namun lebih bertumpu kepada skop Islamik dan konteks bahan akademik di Malaysia

memandangkan *turnitin* lebih terbatas kepada data-data kajian negara barat dan bahan bahasa Melayu amat berkurangan.

Kesimpulan

Secara keseluruhanya, kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji berasaskan objektif untuk membina model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani dalam konteks mahasiswa di Malaysia. Berasaskan kepada kajian reka bentuk dan pembangunan melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan model dan fasa penilaian model.

Fasa pertama kajian iaitu fasa analisis keperluan merangkumi dua bahagian. Bahagian pertama kajian tinjauan melibatkan 380 orang responden. Responden terdiri daripada mahasiswa di beberapa universiti awam di Malaysia. Bahagian kedua kajian melibatkan temu bual pakar secara (*open ended Question*) bagi mendapatkan maklum balas tentang keperluan kepada pembinaan model kajian.

Fasa kedua kajian iaitu reka bentuk dan pembangunan model yang merupakan bahagian utama kajian ini. Data dikumpulkan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* yang melibatkan seramai 12 orang pakar yang dipilih berdasarkan kepada kepakaran masing-masing yang sesuai dengan kajian ini. Hasilnya elemen model dan prototaip model dibina berdasarkan kesepakatan dan pendapat pakar tersebut. Dapatan fasa menunjukkan kesemua dua belas orang pakar telah mencapai kesepakatan terhadap model yang dihasilkan dan sesuai untuk di nilai dalam fasa berikutnya.

Fasa ketiga kajian melibatkan fasa penilaian model. Fasa melibatkan penilaian model berasaskan respon daripada mahasiswa di dua buah universiti awam di Malaysia. PLS-SEM (*Partial Least Square*) digunakan dalam fasa penilaian ini. Dapatan menunjukkan semua konstruk model mempunyai hubungan signifikan

dengan niat melakukan keitidakjujuran akademik kecuali pemboleh ubah norma subjektif (pengaruh luaran). Ini menggambarkan bahawa model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani amat sesuai di laksanakan dan dilihat sebagai panduan untuk mengenal pasti gejala ketidak jujuran akademik secara khususnya. Walau bagaimana pun penemuan yang lebih penting kajian adalah aspek penghayatan rohani (penghayatan agama dan kecerdasan rohani) memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat melakukan ketidak jujuran akademik, di samping pembentukan model integriti akademik berteraskan pemboleh ubah Islamik yang belum pernah dilakukan sebelum ini.

Rujukan

- Abdul Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2002). Pendidikan Etika Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Etika. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 120-134.
- Abdul Latif Abdul Razak. (2012). *The Islamic worldview on the preservations and restoration on mental health*. Kuala Lumpur, IIUM Press.
- Abi Ishaq Ibn Ibrahim Ibn Ali Ibn Yusuf al-Fairuz Abadi al-Syirazi, (1994). *Al-Muhadzab fi Fiqh Madzhab al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Ishak Al Syatibi (2006). *Al Muwafakat Fi Usul Asy Syariah*. Kaherah: Darul Al Hadith.
- Adesile, M.I & Mohamad, S.N. (2013). Predicting Factors of Academic Dishonesty among Undergraduates in Public Universities: A Path Analysis Approach. *J Acad Ethics*, 11(103) 104-117. Doi: 10.1007/s10805-013-9183-x.
- Adnan Abd. Rashid, (2005). Man's nature and his potentialities towards a good moral quality. *Jurnal IKIM*.13 (1), 41-54.
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the Oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health*: Jessica Kingsley Publisher.
- Ajzen, I. (1991). Theory of Planned behaviour. *Organizational Behaviour and Human decision Process*, 50, 179-211.
- Arief Salleh Rosman, Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, M. Nasir Ripin & Nurazmallail Marni. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap Plagiarisme, *Jurnal Teknologi UTM*, 48 (E), pp 1-14.
- Arifin, H.M. (1977). *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*. Jakarta: Bulan Bintang
- Aibinu, A. A., & Al-Lawati, A. M. (2010). *Using PLS-SEM technique to model construction organizations' willingness to participate in e-bidding*. Automation in Construction, 19(6), 714-724.
- Ahmad Amin. (1974). *Kitab Al-Akhlaq*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabiyy
- Ahmad, Zaid.(2004). *The Epistemology of Ibn Khaldun*. London and New York: Routledge.
- Ahmad M. Raba, (2001). *Major Personalities in the Quran*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen
- Agnew, R. & Peters, A.A.R. (1996). The techniques of neutralization: An analysis of predisposing and situational factors. *Criminal Justice and Behaviour*, 13, 81-97.

- Ahmed, M. & Khalek, A., (2007). Religiosity, happiness, health, and psychopathology in a probability sample of Muslim adolescents. *Mental Health, Religion & Culture*, November 2007; 10(6): 571–583
- Akbari, R, & Yazdanmehr, E. (2014). A Critical Analysis of the Selection Criteria of Expert Teachers in ELT. Theory and Practice in Language Studies, Vol. 4, No. 8, pp. 1653-1658
- Alnihlawi, Abd Rahman, (2002), *Al Tarbiah Bil Ibroh*. Darul Fikr (Beirut).
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj.Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2001). *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Suyutī, Jalal al-Din. (1998). *Al-Farq bayna al-Muṣannif wa-al-Sāriq*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Al Ghazali, A.H (1991). *Ayyuhal Walad. Khazanah Al Bayyinah*. Versi terjemahan.
- Al-Ghazali, A. H. (1994). *Ihya’ ‘Ulumu alDin*, 6 jilid. Damsyik: Dar al-Khayr.
- Al Ghazali, Abu Mahmud Muhammad.(1998). *Nizam Al-Islam Fil Al-Aqidah Wa Al-Akhlag Wa Al-Tasri’*. Damsyik: Dar Al Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. T. th.(1988). *Raudah al-Talibin wa c Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah.
- AlMarri, T.S., Oei.T.P.S. & Al-Adawi.S. (2009). The Development of The Muslim Practice and Belief Scale. *Mental Health, Religion & Culture*, 12(5), 415-426
- Al Faruqi, I.R.(1992). *Al Tawhid: its implications for thought and life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought and civilization.
- Allport, G. W., & Ross, J. M. (1967). Personal religious orientation and prejudice. *Journal of Personality and Social Psychology*, 5, 432–443. doi:10.1037/h0021212
- Alleynee, P. & Philip, K. (2011). Exploring Academic Dishonesty among University Students in Barbados: An Extension of the Theory of Planned Behaviour. *Journal of Academic Ethics*, 9, 323-338. DOI 10.1007/s10805-011-9144-1.
- Allmon, D.E, Page, D., Roberts, R. (2000). Determinants of Perception of Cheating: ethical Orientaation, Personality and Demographic. *Journal of Business Ethics*, 23, 411-422.
- Amram, Y. (2007). The Seven Dimensions of Spiritual Intelligence: An Ecumenical, Grounded Theory. *115th Annual conference of the American Psychological Association*. 17-20.
- Anderman, E.M. & Koenka, A.C. (2017).The Relation Between Academic Motivation and Cheating. *Theory Into Practice*, 56:95–102.

- Angelidis, J., Ibrahim, N.(2004). An explanatory study of the impact of degree of religiousness upon an individual corporate social responsiveness orientation. *Journal of Business Ethics*, 51.119-128.
- Anchoi, M.(2009). Human Nature From a Comparative Psychological Perspective. *Psychology of Personality: Islamic perspectives*. 61-89.
- Anita Abd Rani., Imaduddin Abidin, & Mohd Rashid Abd Hamid. (2013). The Impact of spiritual Intelligence on Work Perfomance: Case studies in Government Hospitals of East Coast of Malaysia. *The Micro theme Review*, 2(3), 46-59
- Animasahun, A. (2010). “Intelligent Quotion, Emotional Intelligent and Spiritual Intelligent as correlates of prison adjustment among inmates in Nigerian Prisons. *Journal Social Sciences*, 22(2), 121-128.
- Atiah Saqar, (2003). *Ahsanul Kalam Fil Fatawa wal Ahkam*, Dar Ghad al-‘Arab, vol 7,199-200
- Altschuld, J. W. and Witkin, B. R. (2000). *From Needs Assessment to Action: Transforming Needs into Solution Strategies*. Sage Publications: Thousand Oaks, CA.
- Auer, N. & Krupar, E.M. (2001). Mouse clicks plagiarism: The role of technology in plagiarism and the librarian’s role in combating it. *Library Trends*, 49(3)
- Ary, D., Jacob, L.C. Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in educations*, (edisi keenam). Wadsworth Thompson Learning. USA.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Ballentine, J.A, Larres,P.M, Mulgrew,M. (2014). Determinants of Academic Cheating behaviour : The future for Accountancy in Ireland. *Accounting Forum*, 38 (2014) 55-66.
- Bagheri, G., Hamid.Z. & Esmaili, M.(2013). The spiritual intelligence (SI) component from the perspective of islam and west. *International Journal of Applied and Basic Sciences*, Vol 4(11), 3544-3550.
- Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of moral thought and action. In *Handbook of moral behavior and development* (Vol. 1, pp. 1–46).
- Bannan-Ritland, B. (2003). The role of design in research: The integrative learning design framework. *Educational Researcher*, Vol. 32, No. 1, pp. 21-24
- Barry, C.M., Nelson, L., Davarya, S, Urry, S. (2010). Religiosity and spirituality during the transition to adulthood. *International Journal of Behavioral Development*. 34(4), 311-324.
- Beauchmp, L.T., Norman, A.B.(2003). *Ethical Theory and Business*. 7th Edition. New Jersey, Prentice Hall.

- Beck, L., & Ajzen, I. (1991). Predicting Dishonest Actions using the Theory of Planned Behaviour. *Journal of Research in Personality*, 25, 285-301.
- Beck, V. (2014). Testing a Model to predict online cheating-Much ado about nothing. *Active Learning in Higher education*, 15(1), 65-75.
- Bensaid, B., Machouche, S., & Grine, F. (2014). A Quranic Framework for Spiritual Intelligence. *Religious*, 5, 179-198.
- Bentler, P.M. & Huang, W. (2014). On component Latent Variables, PLS and Simple Methods: Reactions to Rigdon's Rethinking of PLS. *Long Range Planning*, 47(3), 138-145
- Benitez, J.M., Martin, J.C., & Roman, C.(2007). Using Fuzzy number for measuring quality of service in the hotel industry. *Tourism management*, 28(2), 544-555.
- Beycioglu, K. (2009). A cyber philosophical issue in education: Unethical computer using behaviour – The case of prospective teachers. *Computers & Education*, 53(2), 201-208.
- Bennet, S., Maton, K.,(2011). Intellectual field or Faith –based religion; moving on from the idea of “digital natives”. *Deconstructing digital natives*. London: Routledge
- Bolin, A. U.(2004). Self- control, perceived opportunity, and Attitudes as Predictors of Academic Dishonesty. *The Journal of Psychology*, 138(2), 101-114.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879–891. doi:10.1016/j.fss.2005.10.015
- Boßow-Thies, S., Albers, S., 2010. *Application of PLS in marketing: content strategies on the internet*. In: Vinci, V.E., Chin, W.W., Henseler, J., Wang, H. (Eds.), *Handbook of Partial Least Squares: Concepts, Methods and Applications* (pp. 589–604). Berlin: Springer-Verlag.
- Borba,M. (2001). Building Moral Intelligence: The seven essential virtues that teach kids to do the right thing. California, Jessey-Bass.
- Burke, T.M., Chauvin, J.C. & Judith G.M. (2005). *Religious and spiritual issues in counseling*. New York: Brunner-Routledge.
- Burton, J.H., Talpade, S., Haynes, J. (2011) Religiosity and test-taking ethics among business student. *Journal of the academic and business ethics*. 4. 1-8.
- Bloodgood, J. M., Turnley, W. H., & Mudrack, P. (2008). The influence of ethics of instruction, religiosity, and intelligence on cheating behavior. *Journal of Business Ethics*, 82, 557-571.
- Briggs, K., Workman, J.P., York, A.S., (2013). Collaborating to cheat: A Game Theoretic exploration of Academic Dishonesty in Teams. *Academy of Management Learning & educations*, Vol 12(1), 4-17.

- Bretag, T., Mahmud, S., Wallace, M., Walker, R., James, C., Green, M., Partridge, L. (2011). Core elements of exemplary academic integrity policy Australian higher education. *International Journal for Educational Integrity*, 7(2), 312.
- Byrne, K., & Trushell, J. (2013). Education undergraduates and ICT-enhanced academic dishonesty: A moral panic? *British Journal of Educational Technology*, 44(1), 6–19. doi:10.1111/j.1467-8535.2012.01381.x
- Caldwell, C. (2010). A ten-step model for academic integrity: A positive approach for business schools. *Journal of Business Ethics*, 92(1), 1–13. doi:10.1007/s10551-009-0144-7
- Carpenter, T.D. & Reimer, J.L. (2005). Unethical and Fraudulent Financial Reporting: Applying the Theory of Planned Behaviors. *Journal of Business Ethics*, 60, 115–129.
- Carmines, E. G., and R. A. Zeller. (1979). Reliability and validity assessment. In *Quantitative applications in the social science series* Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Cavalli-Sforza, V., Ortolano, L., Cavalli-Sforza, V., & Ortolano, L. (1984). Delphi Forecasts of Land Use: Transportation Interactions. *Journal of Transportation Engineering*, 110(3), 324–339. doi:10.1061/(ASCE)0733-947X(1984)110:3(324)
- Center for Academic Integrity. (1999). *The fundamental values of academic integrity* [Electronic Version]. Retrieved from <http://www.academicintegrity.org/icai/assetshttp://www.academicintegrity.org/icai/assets/FVProject.pdf>
- Chan,.L.M, Jamilah Othman, Jeffrey Lawrence D,Silva & Zahorah Omar, (2014). Ethical Decision Making in Academic Dishonesty with Application of Modified Theory of Planned Behaviour: A Review. *International Education Studies*; vol 7(3), 126-139.
- Chang, M.K. (1998). Predicting unethical behavior: a comparison of the theory of reasoned action and theory of planned behavior. *Journal of business ethics*, 17(16), 1825-1834
- Chang, P. L., Hsu, C. W., & Chang, P. C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36, 14172–14179. doi:10.1016/j.ijhydene.2011.05.045
- Chang, S.-J., van Witteloostuijn, A., & Eden, L. (2010). *From the editors: common method variance in international business research*. *Journal of International Business Studies*, 41(2), 178-184.
- Chapman, K. J. (2004). Academic Integrity in the Business School Environment: I'll get by with a Little Help from My Friends. *Journal of Marketing Education*. 26(3), 236-249.

- Cheng, C.H., & Lin, Y.(2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy Decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of operational research*, 142(1), 174-186.
- Chin, W. W. (2010). *How to write up and report PLS analysis*. In Vinzi, V.E., Chin, W. W., Henseler, J. & Wang, H (Eds.), *Handbook of Partial Least Squares: Concepts, Methods and Applications*. (pp. 655-690). Berlin: Springer-Verlag
- Chin, W. W. (1998). *The Partial Least Squares Approach to Structural Equation Modeling*. In G. A. Marcoulides, (Ed.), *Modern methods for business research*. (pp. 295–358). Mahwah: Lawrence Erlbaum Associates
- Churchill, G. A. Jr. (1979). A paradigm for developing better measures of marketing constructs. *Journal of Marketing Research*, (16) (February).
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas Statistik penyelidikan* buku 2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Clayton, M.J. (1997). Delphi: A technique to harness expert opinion for critical decision-making task in education. *Educational psychology*, 17(4), 373-384
- Creswell, J.W. & Clark, V.L.P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Cresswell, J.W. (2003). Research Design: *Qualitative and QuantitativeApproach* (2nd edi.) Thousand Oak: Sage Publications.
- Crown, D.F., & Spiller, S.M. (1998). Learning from the Literature on Collegiate Cheating: A review of empirical research. *Journal of Business Ethics*, 17,683-700.
- Cooper, R. B., & Zmud, R. W. (1990). Information technology implementation research: a technological diffusion approach. *Management Science*, 36(2), 123-139.
- Cohen, J. (1988). Statistical power analysis for the behavioral sciences. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. 2nd edition. Hillsdale NJ: Lawrence Earlbauumm Associates.doi.org/10.1234/12345678
- Day, N.E., Hudson, D., Dobies, P.R., & Waris, R. (2001). Student or Situations?Personality and Classsroom context as predictors of attitudes about business school Cheating. *Social psychology of Educations*, 14, 287-314.
- Davinson, N., & Sillence, E. (2010). It won't happen to me: Promoting secure behaviour among internet users. *Computers in Human Behavior*, 26(6), 1739–1747. doi:10.1016/j.chb.2010.06.023
- Diekhoff, G.M., LaBeff, E.E., Shinohara, K. & Yusukawa, K.(2009). Collegge Cheating in Japan and the United States.*Research in Higher Educations*. 40(3), 343-353.

- Dika, A., & Hamiti, M. (2011). Challenges of implementing the ethics through the use of information technologies in the university. WCES-2011. *Procedia social and behavioral sciences*, 15, 1110-1114. dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.03.247
- Domeova, L, Jindrova, A,. (2013). Unethical behaviors of the Student of The Czech University of Life Sciences. *International Educations Studies*; vol 6 (11), 77-85. Doi: 10.5539/ies.v6n11p77.
- Doi, A.I, (2008). *Sunnism: Islamic Spirituality: Foundations*. London: Routledge & Kegal Paul.
- Edward, L.Vockell. (1983). *Educational Research*. USA: McMillan.
- Ellahi, A., Mushtaq, R. & Khan, M.B. (2013). Multi campus investigation of academic dishonesty in higher education of Pakistan. *International Journal of Educational Management*. Vol. 27 No. 6, 2013 pp. 647-666
- Eun-Seok Cha, K. H. (2007). Translation of scales in cross-cultural research: issues and techniques. *JAN RESEARCH METHODOLOGY*, 386-395.
- Farahani, H.A., Rahiminezhad. A. Same, L., & Immanezhad, K. (2010). A comparison of Partial Least Square (PLS) and Ordinary Least Square (OLS) regression in predicting of couples mental health based on their communications patterns. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 5, 1459-1463.
- Faizatul Najihah binti Mohd Azaman & Faudzinain bin Badaruddin.(2016) *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol.3, no. 1 (2016) 11–2
- Finchilescu, G., & Cooper, A. (2017). Perceptions of Academic Dishonesty in a South African University: A Q-Methodology Approach. *Ethics and Behavior*, 1–18.
- Fatimah Abdullah (2012). Teaching Islamic Ethic and ethical Training: Benefiting from Emotional and Spiritual Intelligence. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(3), 224-232.
- Flink, C.A, & Searns, R.M. (1993). *Greenway: A guide to planning, design, and Development*.
- Forsyth, D.R. (1980). Taxonomy of Ethical ideologies. *Journal of Personality and Social Psychology*. 39, 175-184.
- Fortemps, P., & Reubens, M. (1996). Ranking and defuzzifications methods based area compensation. *Fuzzy sets and system*, 82(3), 319-330.

- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). *Structural equation models with unobservable variables and measurement error*. Journal of Marketing Research, 18(1), 39–50
- Fontaine, J. (2012) Online classes see cheating go high-tech. *Chronicle of Higher Education* 58(38): A1–2.
- French, D.P, Sutton, S., Henning, S.J., Mitchell, J., Wareham, N.J., Kinmonth, A.L. (2005). The Importance of Effective Beliefs and Attitudes in the Theory of Planned Behaviour: Predicting intention to increase physical activity. *Journal of Applied Social Psychology*, 35, 1824-1848.
- Freiburger,T.L., Romain,D.M., Randol, B.M., & Marcum, C.D. (2017). Cheating Behaviors among Undergraduate College Students: Results from a Factorial Survey. *Journal of Criminal Justice Education*, DOI: 10.1080/10511253.2016.1203010.
- Fukuyama, Y. (1960). The Major dimensions of Church membership. *Review of Religious Research*, 2, 154-161
- Galloway, M.K. (2012). Cheating in Advantaged High Schools: Prevalence, Justifications and Possibilities for Change. *Ethics and Behaviour*, 22(5), 378-399. Doi:10.1080/10508422.2012.679143.
- Gehring,.D.,& Pavela,G. (1994). *Issues and perspectives on academic integrity*. Wahington, D.C.: National Association of Student Personnel dministrators.
- Gefen, D., & Straub, D. W. (2005). A practical guide to factorial validity using PLS-Graph: Tutorial and annotated example. *Communications of the Association for Information Systems*, 16, 20. doi:Article
- Gorsuch, R.L. (1983). *Factor Analysis*, 2nd Edition: Hillsdale, N J Erlbaum.
- Ghazali Darusalam & Sufian Hussin . (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghazali, B. (2007). *Penghayatan Nilai Moral Dan Akhlak Dalam Konteks Pendidikan Umat Berbilang Agama Di Malaysia*. Dlm. Ahmad, M. S. & Mohd Nasir, M. T. (ed). *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah, 131-146.
- Gilster, P. (1997), *Digital literacy*. New York: Wiley Computer Publications.
- Glock, C.Y. & Stark, R. (1965). *Religion and Society in tension*. San Francisco: Rand Mc Nally.

- Grimes, P.W., & Rezek, J.P.(2005). The determinants of cheating by High School economic student: A comparative study of academic dishonesty in the transitional economies. *International Review of Economics Education*, 4(2), 23-45
- Hadijah Iberahim., Norashikin Hussein., Nusrah Samat & Fauziah Noordin (2013). Academic dishonesty: Why business student participate in these practice?. *Social and behavioral Sciences*.90 (2013). 152-156.
- Hairulliza Mohamad Judi., Syahanim Mohd Salleh., Norijah Hussin, & Sufian Idris. (2012). Pengawasan aktiviti untuk mencegah plagiat pengaturcaraan. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1 (1). pp. 48-57.
- Hamka (1997). *Tasauf Moden* (Edisi Baru). Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Hasnan Kasan (2002). *Kesihatan Jasmani dan Rohani Sebagai Asas Kejayaan Menurut Islam*, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hassan Al-Banna. (2003). *Himpunan Risalah Al-Banna*. Edisi terjemahan Ustaz Salehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Hassan Langgulung (1991). *Kreativiti dan Pendidikan: satu kajian psikologi dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, T. (2008). Locus of Control, mental ability and achievement motivation as determinants of potential for academic cheating. *Proceeding for International Conference of Education, Research & innovation (ICERI 2008)*, Madrid, Spain
- Hasson, F., Keeney, S.K. & McKenna, H. (2000). Research Guidelines for the Delphi survey technique. *Journal of advanced Nursing*, 32(4), 1008-1015.
- Haron Din. (2007). *Islam ibadah pembina tamadun manusia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn Bhd
- Haron Din. (1985). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.
- Harding, T.S., Carpenter, D.D., Finelli, C.J. (2004). Does Academic Dishonesty relate to unethical behavior in professional practice? An exploratory study. *Science and Engineering Ethics*, 10, 311-324.
- Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of Business Research Method*. USA: John Wiley & Sons.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., (2010). *Multivariate Data Analysis*, seventh ed. Prentice Hall, Englewood Cliffs
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). *PLS-SEM: Indeed a silver bullet*. The Journal of Marketing Theory and Practice, 19(2), 139-152.

- Hair, J. F. J., Hult, G. T. M., Ringle, C., & Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Long Range Planning (Vol. 46). doi:10.1016/j.lrp.2013.01.002
- Hassan, T. & Ogunmakin, A.O. (2010). Emotional intelligence, academic self-efficacy, academic stress as predictors of potential for academic cheating among some Nigerian undergraduate students. *Proceedings of International Conference of Education, Research & Innovation* (ICERI 2010), Madrid, Spain, 13th-17th Nov., 2010.
- Henning, M., Malpas, P., Ram, S., Doherty, I., Kelly, F., & Hawken, S.J. (2011). Can engagement in Academic dishonesty be described as planned behavior or lack of self-control?. *Pharmacy Educations*, 11(1), 158-165
- Henseler, J., Dijkstra, T. K., Sarstedt, M., Ringle, C. M., Diamantopoulos, A., Straub, and D. W. ... Calantone, R. J. (2014). Common Beliefs and Reality About PLS: Comments on Ronkko and Evermann (2013). *Organizational Research Methods*, 17(2), 182–209. doi:10.1177/1094428114526928
- Henseler, J., & Chin, W.W. (2010). A Comparison of approaches for the analysis of interaction effects between latent variables using partial least squares path modeling. *Structural Equation Modeling*, 17(1), 82–109.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43, 115–135. doi:10.1007/s11747-014-0403-8
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sinkovics, R. R. (2009). The Use of Partial Least Squares Path Modeling in International Marketing. *Advances in International Marketing*, 20, 277–319. [http://doi.org/10.1108/S1474-7979\(2009\)0000020014](http://doi.org/10.1108/S1474-7979(2009)0000020014)
- Hood, R.W., Spika, B., Hunsberger, B.,& Gursuch, R. (1996). *The Psychology of Religion: An Empirical Approach*. New York. Guilford Press.
- Holdcroft, B.(2006). What is Religiosity?, Catholic Education: A Journal for Scientific Study of Religion, Vol. 8: 321-323.
- Holp, T.J.S., James, V.M. (2013). Academic Misconduct: Students Beliefs and Behaviors at a HBCU. *The Online Journal of New Horizon in Education*, 3(4), 1-11.
- Husu, J., & Tirri, K. (2003). A case study approach to study one teacher's moral reflection. *Teaching and Teacher Education*, 19, 345–357. doi:10.1016/s0742-051x(03)00019-2
- Hunt, S.D., Sparkman, R. D., & Wilcox, J. B. (1982). The pretest in survey research: Issues and preliminary findings. *Journal of Marketing Research* 19, 269-273.
- Huber, S.,& Huber, O. (2012). The Centrality of Religiosity Scale (CRS). *Religions*, 3, 710-724.

- Hulland, J. (1999). Use of Partial Least Squares (PLS) in Strategic Management Research: A Review of Four Recent Studies. *Strategic Management Journal*, 20, 195–204. doi:10.1002/(SICI)1097-0266(199902)20:2<195::AID-SMJ13>3.0.CO;2-7
- Huelsman,M.A, Piroch,.J. (2006). Relation of religiosity with Academic dishonesty In a Sample of College Student, *Psychologicol Report*, 99, 739-742.
- Hsiao, C.H. & Yang, C.(2011). The Impact of Professional Unethical Beliefs on Cheating Intention. *Ethic and Behaviour*, 21(4), 301-316. Doi: 10.1080/10508422.2011.585597.
- Hsiao, C. H., & Tang,K.T. (2014). Explaining undergraduates' behavior intention of e-textbook adoption. *Library Hi Tech*, 32(1), 139–163.
- Hsieh, T.Y., Lu, S.T., Tzeng, G.H. (2004). Fuzzy MCDM approach for planning and design tenders selection in public office building. *International journal of project management*, 22(7), 573-584.
- Ibn Kathir, (2007). Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir, Terjemahan : Salim H & Said H. Kuala Lumpur. Pustaka Jiwa. Jilid 4.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani, (1993), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (editor) Abd al-Aziz bin Abd Allah bin Baz, jilid 15, Beirut: Dar-Fikr.
- Idzwan, M.H. Alias, N.R., Hamid, H.A. & Yusof,Z.(2013). Academic Dishonesty Among Undergraduates In The Higher Education. *International Journal of Academic Research*. Vol 5(2). Doi: 10.7813/2075-4124.2013/5-2/b.34.
- Imran, A.M. & Nordin, M.S. (2013). Predicting The Underlying Factors of Academic Dishonesty Among Undergraduates in Publics Universities: A Path Analysis Approach. *Journal of Academic Ethics*, 11, 103-120.
- Ismail, A.M, & Yusuf, N. (2012). Sumbangan Pendidikan dalam Memperkasakan Tamadun Bangsa: Perspektif Islam. *SOSIOHUMANIKA*, 5(1), 107-122.
- Iskandar. (2012). Lokus Kecerdasan Spiritual dalam Perspektif Al-Quran. *Suhuf*, 5, 37-50.
- Imran, A.M., Ayobami, O.R. (2011). Academic Dishonesty among tertiary Institutions Students: An Exploration of Societal Influences Using SEM Analysis. *International Journal of Educations*, 3 (2), 1-15.
- Iyer, H. & Eastman, J. (2006). Academic Dishonesty: Are busines students different from other collegge student? *Journal of Educations for Business*. 82(2); 101-110.
- Jacobs, J.M. (1996). *Essential assessment criteria for physical education teacher education programme: A Delphi study* (tesis yang tidak diterbitkan). West Virginia University, Morgantown.

- Jackman, M. (2014). Understanding the Cheating Heart: What Determines Infidelity Intentions? *Sexuality and Culture*, 19(1), 72–84. doi:10.1007/s12119-014-9248
- Jalaluddin & Usman Said. (1994). *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan Perkembangan Pemikirannya*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah & Hasnan Kasan. (2004). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti religiositi daripada perspektif Islam. Kertas Kerja *International Seminar on Islamic Thought* 2004 di Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004.
- Joe,F. Hair, C.M. (2011). PLS -SEM:Indeed A Silver Bullet. *The Journal of Marketing Theory and Practice*, 19(2), 139-151.
- Jones, D.R.L.(2011). Academic dishonesty: Are more student cheating? *Business communications Quarterly*. 74. 141-150.
- Jones, H., & Twiss, B.L.(1978). *Fofecasting technology of planning decisions*. New York: McMillan
- Jones, C., (2011). Students the net generation, and digital natives. *Deconstructing digital natives*. London: Routledge.
- Josien,L., Broderick,B. (2013). Cheating in Higher Education: The Case of Multi-Method Cheaters. *Academy of Educational Leadership journal*, Vol 17(3), 93-105.
- Joseph, F. H., G Tomas, M. H., Christian, M. R., & Marko, S. (2014). *A Primer on Partial Least Square Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*. SAGE Publications.
- Jumahat, T & Abdullah, N.F (2014). Perbandingan konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perpektif Islam dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of The International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*. 589-599.
- Jumahat, T, Bensaid.B. & Nordin, M.S. (2014). Pembinaan Kerangka Konsep dan eksplorasi Awal Model Pengukuran Kecerdasan Spiritual Dari Persektif Islam. *The 9th International Malaysian Studies Conference*.1-13.
- Jusoh, A.B. (2008). *Hubungan amalan pengurusan Kualiti Menyeluruh dengan Tahap Pemindahan teknologi: Suatu Kajian Emperikal Mengikut Perspektif Penyelidik Universiti* . Sintok: Unpublished PhD Thesis.
- Jurdi. H, Hage, H.S, &.Chow, P.H.(2011). Academic Dishonesty in the Canadian Classroom: Behaviour of a sample of University Student. *Canadian Jurnl of Higher Education*. Vol 41, (3),1-35.
- Kamaruddin, A. Rozmi, I. Riza Atiq & M. Nazri, B. (2011). Effect of transport policies in shifting private car users to park-and-ride in. *Jornal of Science and technology (engineering & Sciences)*. 5(3). 303-308.

- Karassavidou, E. & Glavelli, N. (2006). Toward the ethical or the unethical side? An explorative research of Greek business students attitude. *International journal of educations management*, 20, 348-364. Doi.org/10/1108/09513540610676421
- Kaufmann, A., & Gupta, M. M. (1988). Fuzzy Mathematical Models in Engineering and Management Science. Elsevier Science Publishers, North-Holland, Amsterdam, N.Y.
- Kaplan, L.M. (1971). *The use of Delphi method in organizational communication: A case study*. Columbus: Ohio State University.
- Kalhori, Z., (2014). The Relationship between Teacher–Student Rapport and students Willingnes to Cheat. *Social and Behavioral Sciences*, 136 (2014). pp 153-158.
- Kennedy K, Nowak S, Raghuraman R, (2000) Academic dishonesty and distance learning: Student and faculty views. *College Student Journal* 34(2): 309–15.
- Kelley, R.M., Young, M., Denny, G., Lewis, C. (2005). Liars, cheaters and Thieves: correlates of Undesirable character behaviours in adolescents. *American Journal of Health Education*, 36(4), 194-201.
- Kevin J.Shanahan, Christopher D. Hopkins, Les Carlson & Mary Anne Raymond. (2013) Student Identification of Academic Cheating Typology and the Link Shoplifting Motivation. *Marketing Educations Review*, 23(2), 163-178.
- Khaled, A. (2008, july 20). EGYPT: research plagued by plagiarism. *University World News: The Global Window on Higher Education*, 9. Retrieved July 10, 2015 from <http://www.universityworldnews.com/article.php?story=-\>
- Khalim Zainal dan Wan Zulkefli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(12), 1-14.
- Kline, R. B. (2011). *Principles and practice of structural equation modeling* (3rd Ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Krauss, S.E., & Hamzah, A. (2007). Adaption of Muslim Religiosity Scale for use with four four different faith in Malaysia. *Review of Religious Research*. 49(2), 147-164.
- Krohn, N. (2008). The Hebrew Language needs of Rabbanical students in the conservative movement: TEACHERS COLLEGE, COLUMBIA UNIVERSITY.
- Kripner & Welch. (1992). *Spiritual dimensions of healing*, Irvington Publisher.
- Khraim, H., (2010). Measuring religiosity in consumer research from Islamic perspective. *International Journal of Marketing Studies*, 2(2), 166-179

- Krejcie, Robert V. dan Daryle W. Morgan. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30: 607-610.
- Konting, M.M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Koul, R. (2012). Multiple motivational goals, values, and willingness to cheat. *International Journal of Education Research*, 56(2012), 1-9. Doi: org/10.106/j.ijer.2012.10.002.
- King, C. G., Guyette, R. W., & Piotrowski, C. (2009). Online Exams and Cheating : An Empirical Analysis of Business Students ' Views. *The Journal of Educators Online*, 6(1), 1–11.
- Latisha Asmaak Shafiee & Surina Nayan. (2012). The Net Generation and Academic Dishonesty in Malaysia. *Technology Innovations in Education*. pp 181-186.
- Lankshear, C.,& Knobel, M., (2006). Digital Literacy and digital literacies:Policy, pedagogy and research considerations for educations. *Digital Competense*, vol 1, 12-24.
- Lang, T. (2000). An overview of four future methodologies. Dimuat turun daripada: <http://www.Soc.hawaii.edu/future/j7/LANG.html> (24 Oktober 2011).
- Laurin, K., Kay, A. C., & Fitzsimons, G. M. (2012). Divergent effects of activating thoughts of God on self-regulation. *Journal of Personality and Social Psychology*,102(1), 4-21
- Lau, L.K., Caracciolo, B., Roddensberry., & Scroggins, A. (2012). Collegge Students perceptions of Ethics. *Journal of Academic and Business Ethics*, 5, 1-3.
- Lau, W.F.& Yuen, A.H.K. (2013). Adolescent risky online behaviour: The influence of gender, religion, and parenting style. *Computer in Human Behaviour*, 29, 2690-2696. doi: org/10.1016/j.chb.2013.07.005.
- Leidner, D. E., Lo, J., & Preston, D. (2011). *An empirical investigation of the relationship of IS strategy with firm performance*. The Journal of Strategic Information Systems, 20(4), 419-437.
- Lennick D, Kiel F. (2008). *Moral Intelligence: Enhancing Business Performance & Leadership Success*. Upper Saddle River, NJ: Wharton School Publishing, Pearson Education.
- Lin, C.H.S., & Wen,L.Y.M. (2007). Academic dishonesty in higher education: A Nationwide Study in Taiwan. *Higher Education*, 54. 85-97.
- Lonsdale, D. J. (2017). Intentions to Cheat: Ajzen's Planned Behavior and Goal-Related Personality Facets. *Journal of Psychology: Interdisciplinary and Applied*, 151(2), 113–129.

- Lyn.M.R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6).
- Mahmoud Poorian, Mohammad Javad Nekooei & Yusof bin Boon. (2013). Academic Cheating In Higher Education The Effect of a Student Development Approach A study At Universiti Teknologi Malaysia. *IOSR Journal of Research & Method in Higher Education*. Volume 1, Issue 6. pp 40-43.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2006). *Penghayatan Agama Sebagai Paksi Melayu Glokal. Konvensyen Melayu Glokal*. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, hlm. 1-5.
- Malhotra, N.K., (2010). *Marketing Research: An Applied Orientation*. 6th edition, Pearson Education India, Upper Saddle River, NJ.
- McCabe, D.L., Trevino, L.K. (1996). What We Know about cheating in Collegge, *Change*. 28 (1); 28-33.
- Mohd Yusof Abas. (1981). *40 Hadith pilihan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Analisis data penyelidikan untuk pendidikan dan Sains sosial*. Bandar Ilmu: Kuantan
- Ma, Y., McCabe, D.L & Liu, R. (2013). Students' Academic Cheating in Chinese Universities: Prevalence, Influencing Factors, and Proposed Action. *J Acad Ethics*, 11:169–184.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2006). Religiositi Sebagai Paksi Melayu Glokal. *Konvensyen Melayu Glokal*. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, hlm. 1-5
- Mac Callum, R.C, Widaman, K.F., Zhang, S. & Hong, S. (1999). Sample Size in Factor Analysis, *Psychology Methods*, 4(1), 84-99.
- Ma, H., G. Wan, and E. Lu. (2008). Digital cheating and plagiarism in schools. *Theory into Practice* 47: 197-203.
- Madden, T.J.,Ellen, P.S.& Allen, P.I.(1992). A Comparison of the theory of planned behaviour and the theory of reasoned action. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 18, 3-9.
- Makki, M.H., Abd-El-Khalick, F. & Boujaoude, S. (2003). Lebanese Secondary school student environmental knowledge and attitude. *Environmental Education Research*, 9(1), 21-33.
- Manap. J. (2005). *Kesahan dan keboleh percayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim*.
- Tesis master tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
- Marsha, W.F. (2003). *Integrating religion and spirituality*. USA: Thomson Learning.

- Maududi,A.A. (1985). *Asas-asas Islam*. Terjemahan.H.O.K. Rahmat. Kuala Lumpur: Dewan Pustakan Fajar.
- McCabe, D.L., (1997). Individual and contextual influences on academic dishonesty, *Research in Higher Educations*, 38(3), 379-396
- McCabe, D.L., (2005).Cheating among College and University Student: A North American perspective, *International Journal for Educational Integrity*, 1 (1).
- Mc Cabe, D.L., Trevino, L.K., & Butterfield, K.D.(2002). Honor Codes and other contextual influence on academic integrity: A replication and extension to modified honor settings. *Research in Higher Educations*, 43, 357-378.
- McConatha, J.T.(2000). "Religiosity and Life Satisfaction". *Activities, Adaption and Aging*, 24 (3): 23-34.
- McKillip, J. (1987). Need Analysis: Tools for the Human Service and Education. *Applied Social Research Methods Series*, Volume 10. Sage Publications: Thousand Oaks, CA
- Mei Wah.M. Williams & Matthew Neils Willliams.(2012). Academic dishonesty, self Control and General Criminality: Prospective and Retrospective Study Of Academic Dishonesty in a New Zealand university. *Ethic and Behaviour*, 22(2), 89-112.
- Mejar Yoes Amiruddin, (2007). *Persepsi Gaya Kepimpinan Dan Komitmen Kerja di Pasukan 93 Batalion Kor perkhidmatan Diraja*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengurusan, Universiti Utara Malaysa.
- Meyers, L., Gamst, G., & Guarino, A. (2006). *Applied multivariate design and interpretation*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Metwally. D. (2013).Academic Cheating in Egyptian universities: Is It All about Corporate Code of ethics?. *Journal of educational and Social Research*. Vol 3(7). 588-601.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. *The JosseyBass higher and adult education series* (Vol. 2nd). doi:10.1097/NCI.0b013e3181edd9b1
- Maisarah.M.S., Hamidah,.A.R. & Azizah.R. (2012). The Impact of Industrial training on Ethical Awareness and Ethical Judgement. *Social and Behavioral Sciences* , 69 (2012).
Doi: 10.1016/j.sbspro.2012.12.114.
- Mohammad Idzwan, S., Noor Rahmawati, A., Haslinda,A.H & Zulkarnain, Y. (2013). Academic Dishonesty among Undergraduates in the Higher Education, *International Journal of Academic research* , 5(2), 222-227. Doi: 10.7813/2075-4124.2013/5-2/b.34

Mohammad Najib Abdul Ghaffar, (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: universiti Teknologi Malaysia.

Moten, A.R. (2014). Academic dishonesty and Misconduct: Curbing plagiarism in the Muslim world. *Intellectual Discourse*, 22(2), 168-189

Mohammad Harris Md. Salleh, (2011). Academic dishonesty: Factors that contributes plagiarisme In A Technical Collegge in Malaysia, *Kolokium Pembentangan Penyelidikan POLIMAS 2011*, 1-10.

Mohd. Kamal Hassan. (1985). Penghayatan Islam dalam Mempelajari dan Mengembangkan Ilmu. *Jurnal Pendidikan Islam ABIM* (3): 12-39.

Mockabee, S.T., Monson, J.Q. & Grant, J.T. (2001). Measuring religious commitment among Catholic and Protestent. *Journal For Scientific Study of Religion*, 40(4), 675-690

Mohd Yusof Abas. (1981). *40 Hadith pilihan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Molnar, K.K.(2015). Students' Perceptions of Academic Dishonesty:A Nine-Year Study from 2005 to 2013. *J Acad Ethics* (2015) 13:135–150

Muhammad Shadid. (1992). Metodologi al-Quran dalam Pendidikan. Osman Khalid (ptjh.). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Zain Mubarak, M., Hj, A., Rahman, A., Mohd, D., & Yaacob, R. (2015). Elemen Kerohanian dalam kesuahawanan Islam: Kajian terhadap Usahawan Berjaya di Negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 43–53.

Mullen, P. M. (2003). Delphi: myths and reality. *Journal of Health Organization and Management*, 17(1), 37–52. doi:10.1108/14777260310469319

Muhammad Uthman. (2007). “*Al-Ghazali dan Pentajdidan Pemikiran dan Amalan Tasawuf.*” Seminar AlGhazali: Tokoh Mujadid Agung. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mustaffa,C.S., Omar, N.& Nordin, M.Z.F. (2011) Antesedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasa Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Techno Social*.82-98.

Murray, T. J., Pipino, L. L., & Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set of modification of Delphi. *Human System Management*, 6-80.

Nan, Z., Xun Hua.G. & Guo-Qing,C. (2007). Extended Information Technology initil accaptance and Empirical Test. *System Emgineering-Theory & Practice*. 27(9), 123-130

- Ma, H.J., Wan, G., & Lu, E.Y. (2008). Digital Cheating and plagiarism in School. *Theory into Practice*, 48 197-203.
- Mohd Sulaiman Hj Yasin, (1992). Etika dan tasauf. Selangor: Yayasan Salman Bangi.
- Muir, S. (2006). Ethics and Internet. *MLA forum*, 7(1), 1-7.
- Nan, Z., Xun Hua.G. & Guo-Qing,C. (2007). Extended Information Technology initil accaptance and Empirical Test. *System Emgineering-Theory & Practice*. 27(9), 123-130
- Nasr, S.H.,(2008) *Islamic Spirituality*: Foundations. London: Routledge & Kegan Paul.
- Nasr, S.H., (2012). *Theology, Philosophy and Spirituality*. New York: The Crossroad Publishing Company.
- Nor Salimah Abu Mansor. (2007). *Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Wahana Dakwah: Kepentingannya Dalam Religiositi Warga Pekak*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraww Hill Malaysia
- Nor Salimah Abu Mansor & Zainab Ismail. (2006). Konsep religiositi menurut tokoh-tokoh Islam Malaysia dan Mesir daripada perspektif dakwah. Dlm Ahmad Sunawari Long dan Zul Azmi Yaakob (pnyt). *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuludin dan Falsafah FPI UKM.
- Norshahriza, A.K. (2010). Internet-Triggered Disonesty In Academic Environment And The Influence Of Personality. In Z. Abas, I. Jung & J. Luca (Eds.), Proceedings of Global Learn 2010 (pp. 3694-3706).
- Noor Shakirah. (2008). *Al-Ghazali and His Theory of The Soul: A Comparative Study*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nonis, S., & Swift, C. (2001), An examination of the relationship between academic dishonesty and workplace dishonesty. A multicampus investigation. *Journal of Education for Business*, 77, 879-903.
- Nur Barizah Abu Bakar, Suhaiza Ismail & Suaniza Mamat. (2010). Will Graduating Year Accountancy Student Cheat in Examination?: A Malaysia Case, *International Educations Studies*, Vol 3,No3, pp 145-152.
- Nunnally, J.C. (1978), *Psychochometric theory* (2nd Ed.), McGraw-Hill, New York.
- Nunnally, J. C., and I. H. Bernstein. (1994). *Psychometric theory*. 3rd ed. New York: McGraw-Hill.

- Nursiha Saidin, Nurliyana Isa.(2012). Investigating Academic Dishonesty among Language Teacher Trainee: The Why and How of Cheating. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 90, 522-529
- Nor Shahriza Abdul Karim. (2010). Internet Triggered Dishonesty in Academic environment And The Influence of Personality. *Proceeding of Global Learn (Global Learn Asia Pacific) AACE*, 3694-3709.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif-Pengenalan kepada teori dan metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Oniah, K.K. (2009). *Understanding Islam: Contemporary Discourse*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Olusula, O.I., Ajayi, & Samson, O.(2015). Moral Intelligence: an Antidote to Examination Malpractices in Nigerian Schools. *Universal Journal of educational Research*, 3(1): 32-38.
- Oluwatayo, O.J. (2011). Emotional Intelligence as Determinant Of Potential for Academic Cheating Among Senior Secondary School Student in Ondo State. *Developing Country Studies*. 1(1), 1-7.
- Okoli, C., & Pawlowski, S. D. (2004). The Delphi method as a research tool: an example, design considerations and applications. *Information & Management*, 42(1), 15–29. doi:10.1016/j.im.2003.11.002
- Passow, Honor J., Mayhew J., Finelli, Cynthia J., Trevor S., Carpenter, Donald D. (2006). Factor influencing engineering student's decisions to cheat by type of assessment, *research in higher education*, 47(6), pp 643-684.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual: A step to data analysis using SPSS*. Australia: Allen & Unwin.
- Parboteach, K.P., Hoegl, M. & Cullen, J.(2008). Ethic and Religion: An empirical test of a multidimensional model. *Journal of Business ethics*. 80(2).387-398.
- Peled, Y., Eshet, Y. & Grinautski, K.(2013). Perceptions Regarding the Serious of Academic Dishonestys amongst Student- A comparison between Face-to Face and Online Courses. *Proceeding of the Chais Conference on Instructional Technologies research*, 69-74.
- Pill, J. (1971). The Delphi method: substance, context, a critique and annotated bibliography. *Socio-economic Planning Science*, 57-71.
- Philip, R.(2000). *New Application for Delphi Technique*, Annual “San Diego” Pfeifer & Company, Vol 2, 191-196
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 29(5), 489–497. <http://doi.org/10.1002/nur.20147>

- Qutb, S. (1991). *The Islamic Concept and its Characteristics*. Indiana; American Trust Publications.
- Ramli Awang. (1997). *Tasawwur Rabbani menurut Al-Quran dan Al Sunnah*. Kuala Lumpur: Penerbit Hizbi Sdn. Bhd.
- Ramlan Mustapha, Che Lah Che Mamat & Fauzi Hassan (2015). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan KIK dan Inovasi Pensyarah IPGK Zon Timur, 4-6 MEI 2015*.
- Ramlan Mustapha, Hussin, Z., & Siraj, S. (2017). Analisis Faktor Penyebab Ketidakjujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa: Aplikasi Teknik *Fuzzy Delphi*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 1–18.
- Rettinger, D. A., & Jordan, A. E. (2005). The Relations Among Religion, Motivation, and College Cheating: A Natural Experiment. *Ethics & Behavior*, 15(2), 107–129. doi:10.1207/s15327019eb1502_2
- Richie, R.C., & Klein, J.D. (2007). Design and Development Research. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, inc.
- Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabiah & Ahmad Arifin Sapar. (2014). *Pengenalan asas kaedah Fuzzy Delphi dalam penyelidikan reka bentuk dan pemabangunan*. Bangi: Minda Intelek.
- Muhamad Ridhuan Tony Lim Abdullah (2013). *Development of activity-based m learning implementation model for undergraduate English Language Learning*. Unpublished thesis. Universiti Malaya.
- Roslan Mahmood & Nik Rosnah Wan Abdullah (2006). Pendidikan Etika, Moral dan Integriti Dalam organisasi Sektor Awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan awam*, 123-139.
- Salleh, M.S. (2012). Religiosity in development: A Theoretical Construct of an Islamic-Based Development, *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(14), 266-274.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin. (2013). *Design and Development Research: Emergent Trend in Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Saedah Siraj.(2012). Model q-Rohani. *Kertas Ucaptama Interantional Conference On Education (IcED2012)*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Batu Caves: Penerbit Edusystem Sdn. Bhd
- Sahrir, M. S., Alias, N. A., Ismail, Z., & Osman, N. (2012). Employing design and development research (DDR) approaches in the design and development of online Arabic vocabulary learning games prototype. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(2), 108–119.

- Samani, M.C, Maliki, J, & Rashid, N, (2011). Literasi media: Kearah melahirkan pengguna media berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 41-64.
- Sanchez-Franco, M. J., & Roldán, J. L. (2010). Expressive aesthetics to ease perceived community support: Exploring personal innovativeness and routinised behaviour as moderators in Tuenti. *Computers in Human Behavior*, 26(6), 1445-1457.
- Sara Asmawati & Holmes, R.J. (2009).Cheating in examination: A Study of Academic Dishonesty in Malaysia College. *Asian Journal of University Education*. Vol 5(2).pp 99-124
- Sarimah Mokhtar, M.Kashfi, Abd Halim Tamuri, Kamarulzaman bd Ghani. (2011). Kajian persepsi penghayatan etika Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *GJAT*, 1(1).
- Saveri Karim & Ebrahimi Ghavam. (2011). The Relationship between Self Control, self effectiveness, Academic Perfomance and Tendency toward Academic Cheating: A Case Report of University Survey in Iran. *Malaysina Journal of Distance Education*, 13(2), pp 1-8.
- Said Hawwa.(1983). *Al-Mustaql li Hazha al-Din*. Kaherah: Dar Al Salam.
- Seaman, A. (2010). Judges take back Zayed literary prize. *The National*. Retrieved July 9, 2014 from <http://www.thenational.ae/news/uae-News/educations/judges-take-back-dh750-000-zayed-literary-prize>.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons Ltd
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A skill building approach*. 2nd ed. Toronto: John Wiley and Sons.
- Selwyn, N., (2009). The digital Native-Myth and reality. Aslib proceeding: *New information perspectives*, 61, 364-379
- Shariff, A. F., & Norenzayan, A. (2011). Mean Gods Make Good People: Different Views of God Predict Cheating Behavior. *International Journal for the Psychology of Religion*. 21, 85-96.
- Skulmoski, G. J., & Hartman, F. T. (2007). The Delphi Method for Graduate Research. *Journal of Information Technology Education*, 6(1), 1–21. doi:10.1.1.151.8144
- Siri Laporan dan koleksi Pertanyaan dan Jawapan Parlimen dan Dewan Negara Kementerian Pengajian Tinggi tahun 2012. *Bahagian Perancangan dan Penerbitan KPT (Kementerian Pengajian Tinggi)*.
- Sierra, J. J., & Hyman, M. R. (2006). A Dual-Process Model of Cheating Intentions. *Journal of Marketing Education*, 28(3), 193–204. doi:10.1177/0273475306291464

- Singh, P. & Thambusamy, R.(2016). "To Cheat or Not To Cheat, That is the Question": Undergraduates' Moral Reasoning and Academic Dishonesty. , 7th International Conference on University *Learning and Teaching (InCULT 2014) Proceedings*, 741-751.
- Staats, S., Hupp, J.M., & Wallace, H., Gresley, J. (2009). Heroes dont cheat: An examination of academic dishonesty and student views on why professor dont report cheating. *Ethics & Behaviour*, 19, 171-183.
- Stoner, J.A., Yetton.P.W., Craig,J.F., Johnson, K.D. (1994). *Management*. 2nd Edition .Prentice Hall.Australia, Sydney.
- Storch, E. A., & Storch, J. B. (2003). Academic dishonesty and attitudes towards academic dishonest acts: support for cognitive dissonance theory. *Psychological Reports*, 92, 174–176. doi:10.2466/pr0.2003.92.1.174
- Stone,T.H., Jawahar, I.M.& Kisamore,J.L.(2010). Predicting Academic Misconduct intention and Behavior using the Trheory Of Planned Behavior and personality. *Basic and Applied Social Psychology*, 32, 35-45.
- Straub, D., Boudreau, M.-C., & Gefen, D. (2004). Validation Guidelines for Is Positivist Research. *Communications of the Association for Information Systems*, 13, 380–427. doi:Article
- Shen, L. (1995). Assesing student's academic dishonesty in junior collegge in south Taiwan. *Chia Nan Annual Bulletin*.21, 141-150
- Shu Ching Yang (2012). Attitudes and Behaviours related to Academic Dishonesty: A Survey of Taiwanese Graduate Students. *Ethic and Behaviour*, 22(3), 218-237. Doi: 10.1080/10508422.2012.672904.
- Shukor, S.A., Jamal, A. (2013). Developing Scale for Measuring Religiosity in the context of Consumer Research, *Middle East Journal of Scientific Research*, 69-74.
- Sukarmin (2010) *Hubungan Tingkah Laku Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dengan Keafiatan Sekolah, Komitmen Organisasi, Efikasi dan Kepuasan Guru Sekolah*. PhD thesis, Universiti Utara Malaysia
- Staats, H. Hupp, J.M. (2012). An examinations of academic misconduct intentions and the Ineffectiveness of Syllabus Statement. *Ethics and Behaviour*, 22 94), 239-247. Doi:10.1080/10508422.2012.661313
- Staats, S. Hupp, J.M., Wallace, H., & Gresley, J. (2009). Heroes Don't Cheat: examinations of academic dishonesty and students views on why professor don't report cheating. *Ethics and behaviour*. 19 (3).171-183. *Career Development International*, 14(3), 221-241. dx.doi.org/10.1108/13620430910966415.
- Stone,T. Jawahar, I.H, Kisamore, J.L. (2009). Using the theory of Planned Behaviour and cheating justifications to predict academic misconduct. *Career development International*, 14(3), 221-241.

- Stone,T., Jawahar, I.H, Kisamore, J.L. (2010). Predicting Academic Misconduct Intentions and Behavior Using the Theory of Planned Behavior and Personality. *BASIC AND APPLIED SOCIAL PSYCHOLOGY*, 32:35–45, 2010
- Stowers, R.H. & Hammel. (2011). "The Use of Technology to Combat Plagiarism in Business Communication Classes". *Business Communication Quarterly Journal*, Vol.74, 2,
- Synodinos, N.E. (2003). The “art” of questionnaire construction: some important considerations for manufacturing studies. *Integrated Manufacturing Studies*, 14(3), 221-237.
- Symaco, L.P., Marcelo,.E.(2003). Faculty Perception on student academic honesty. *Collegge Student Journal*, 37(3), 327-333.
- Snyder, R. H. (2000). *Comparison of mailed vs internet applications of the Delphi technique in clinical informatics research*, Utah: University of Utah.
- Sohrabi, B., Gholipour, A. & Mohammedesmaili, N.(2011). Effect of Personality and Informantion Technology on Plagiarism: An Iranian Perspective. *Ethic and Behavior*, 21(5), 367-379.
- Stewart.. J. & Haswell.K. (2013). Assessing readiness to work in primary health care: the content validity of a self-check tool for physiotherapists and other health professionals. *Journal of Primary Health Care* 5(1) 70 - 73
- Stuber-McEwen, D. Wisely. P. & Hoggat.S.(2009). Point, Click and cheat: Frequency and type of academic dishonesty in the virtual classroom.*Online Journal of Distance Learning Administration*. 12(3) .pp 1-10.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1998). *Basic of Qualitative research: technique and Procedures for developing grounded theory*. (2nd ed). Thousand Oak: sage Publications.
- Spinellis, D.P, Zaharias, A. Vrechopoulus, (2007). Coping with plagiarism and grading load: randomised programming assignment and reflectives grading. *Computer Applications in Engineering Educations*, 15: pp 115-123.
- Sutton, M., & Huba, M. (1995). Undergraduates Students Perceptions of academic Dishonesty as a Functions of Ethicity and Religious Participation, *NASPA Journal*, 33, 19-34.
- Swaidan, Z., & Mujtaba, B.G. (2013). Academic Dishonesty of Future Business Leaders. *SAM Advanced Management Journal*, 46-59;
- Tamera B. Murdock & Eric M.Anderman. (2006). Motivational Perspective on Student Cheating: toward an Integrated model of Academic Dishonety. *Educational Psychologist*. 41(3), 129-145.

- Tang, T.L.P, Tang, T.L.N. (2010). Finding the Lost Sheep: A Study of Business Students Intrinsic Religiosity, Machiavellianism, and Unethical Behaviour Intentions. *Ethic and Behaviour*, 20 (5), 352-379. doi: 10.1080/105084222010491763.
- Tang, C. W. & Wu, C. T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: A voice from inside the university. *Higher Education*, 60, 269–286.
- Thomas H. Stone, Jennifer L.Kisamore, I.M. Jawahar. (2007). Predicting Academic Dishonesty. ASAC, Ottawa, Ontario, pp 40-56.
- Thomas H.S., Jennifer L.K., Jawahar, I.M.(2010). Predicting Academic misconduct Intentions and Behaviour, using the Theory of Planned Behaviour and personality. *Basic and Applied Social Psychology*, (32), 32-45.
- Thomaidis, N.S., Nikitakos, N., & Dounias, G.D. (2006). The evaluation of informations technology projects: A Fuzzy multicriteria decision-making approach. *International journal of information & Decision Making*, 5(01), 89-122.
- Timothy,.H.R. (2012). Can A Business Ethics Course Affect Academic Dishonesty?. *Academy of Educational Leadership Journal*. 2 (16), 115-129.
- Turner, D. W. (2010). Qualitative interview design: A practical guide for novice investigators. *The Qualitative Report*, 15(3), 754–760.
- Urbach, N., Smolnik, S., & Riempp, G. (2010). An empirical investigation of employee portal success. *The Journal of Strategic Information Systems*, 19(3), 184-206.
- Ulrich, K.T., Eppinger, S.D., & Goyal, A. (2011). *Product design and development*. Vol 2: Mc Graww Hill.
- Ohana, M., & Meyer, M. (2010). *Should I stay or should I go now? Investigating the intention to quit of the permanent staff in social enterprises*. European Management Journal, 28(6), 441-454
- Quah, C.H., Stewart, N., & Lee, J.W.C.(2012). Attitudes of Business Student's Toward Plagiarism, *J Acad Ethics*, 10: 185-199.
- Qutb, Sayyid. (1983). *Al-Mustaql li hadha al-Din*. Kaherah: Dar al-Syuruq
- Rajesh Iyer & Jacqueline K.Eastman.(2008). The Impact of Unethical On Academic Dishonesty: Exploring the Moderating Effect of Social Desirability. *Marketing Education Review*. Vol 18(2). pp 24-33
- Randolph-Seng, B., & Nielsen, M. E. (2007). Honesty: One effect of primed religious representations. *International Journal for the Psychology of Religion*, 17(4), 303-315.
- Razuhanafi, M. Ismail, R. Atiq, R. Rahmat, O.K. (2013). Pemodelan Penggunaan Kenderaan Tidak Bermotor Berdasarkan Teori Tingkah laku Terancang. *Jurnal Teknologi*. 62(1), 69-76.

- Rattinger, D.A., Jordan, A.E. (2005). The Relations among Religion, Motivations, and College Cheating: A Natural Experiment. *Ethics & Behaviour*, 15(2), 107-129.
- Resurecccion, P.F. (2012). The Impact of Faculty and Integrity Culture in the Academe on Academic Misconduct among Filipino Students: An Empirical Study Based on Social Cognitive Theory. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(12), 33-50.
- Reviere, R., Berkowitz, S., Carter, C.C., Gergusan, C.G. (Eds) (1996). *Needs Assessment: A Creative and Practical Guide for Social Scientists*. Taylor and Francis: Washington, DC.
- Ringle, C.M., Wende, Will, & Alexender. (2005). SmartPLS 2.0 (Beta).Hamburg, Germany.
- Richey, R.C., Klein, J.D. & Nelson, W. A. (2004). *Developmental research: Studies of instructional design and development*. Retrieved on 31st March, 2015 from <http://www.aect.org/edtech/41.pdf>
- Richey, R., & Klein, J.D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and Issues*: Routledge.
- Rotter, J.B.(1966). Generalised expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monographs*, 80(1), 609-702.
- Urbach, N., Smolnik, S. & Riempp, G. (2010). An Empirical investigation of Employee portal succes. *Journal of Strategic Information System*, 19, 184-206.
- Van den Ekker, J.(1999). Principles and methods of development research design approaches and tools in educations and training (pp, 1-14): springer.
- Van der Akker, J. (2007). Curriculum design research. - An introduction to educational design research. *In the proceedings of the seminar conducted at the East China Normal University, Shanghai (PR China)*, November 23-26, 2007, pp. 37-52
- Venkatesh, V., Morris, M.G., Davis, G.B., Davis, F.D., (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward A Unified View. *MIS Quarterly*, Vol. 27(3), PP 425-478.
- Vlaardingerbroek, B., Shehab, S.S., & Alameh, S.K. (2011). The Problem of open cheating and invigilator compliance in the Lebanese Brevet and Baccalaureat examinations. *International Journal of Educational Development*, 31, 297-302.
- Wan Zah., Habsah Islamil & Cheat., T.T.(2012). Plagiarism: to what extent it is understood? *Procedia - Social and Behavioral Sciences* .59, 604 – 611
- Weber, M. (1958). *The Protestant Ethics and The Spirit of Capitalism*, New York: Scribner.
- Whitley, B.E., Jr. (1998). Factors associated with cheating among college students: A review. *Research in Higher Education*, 39(3), 235-274.

- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education. An Introduction*. 7th Editions. Boston: Allyn and Bacon.
- Williamson, W. P., & Assadi, A. (2005). Religious Orientation, Incentive, Self-Esteem, and Gender as Predictors of Academic Dishonesty: An Experimental Approach. *Archive for the Psychology of Religion*, 27(1), 137–158. doi:10.1163/008467206774355411
- Woodbine, G.F., & Amirthalingam, V. (2013). Dishonesty in the Classroom: The Effect of Cognitive Dissonance and the Mitigating Influence of religious Commitment. *JACAD Ethics*, 11, 139-155.
- Yukhymanko, M.A., & Lescroart (2012). Ethical Beliefs Toward Academic Dishonesty: A Cross-Cultural Comparison of Undergraduate Students in Ukraine and the United States. *J Acad Ethics* (2014) 12:29–41.
- Yong-Mi Kim (2002). Validation of psychometric research instrumen: The Case of information science. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 60(6), 1178-1191.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof dan Abdul Fatah (2012). Pendidikan menurut Al Quran dan Assunnah dan perananya dalam memperkasakan tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari*, 7-22.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Zohar, D., & Marshall, I. (2000). *SQ-Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. New York: Bloomsbury
- Zohar, D. & Marshall, I.N. (2004). *Spiritual capital: Wealth we can live by*. San Francisco: Berret-Koehler Publisher